DEWAN BANDARAYA
KUALA LUMPUR

LAPORAN TAHUNAN
2023

www.dbkl.gov.my

Dewan Bandaraya
Kuala Lumpur

LAPORAN TAHUNAN
2023

www.dbkl.gov.my

© Hakcipta Terpelihara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa bentuk dan dengan apa juga cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Diterbitkan oleh:

Jabatan Pentadbiran
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur
Wiayah Persekutuan

Telefon : 03-26179851
Faks : 03-26949151
Emel : jptd@dbkl.gov.my

Imbas kod QR untuk memuat turun Laporan Tahunan DBKL atau boleh melayari Portal Rasmi DBKL :

www.dbkl.gov.my/

Isi Kandungan

01

LATAR BELAKANG ORGANISASI

Isi Kandungan iii
Perutusan Datuk Bandar Kuala Lumpur iv
Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur vi
Pengurusan Tertinggi viii
Ketua Jabatan x
Carta Organisasi DBKL xii
Info DBKL xiv
- Visi, Misi, Objektif
- Slogan
- Fungsi
- Piagam Pelanggan

02

SEKTOR DATUK BANDAR 1

Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan 2
Jabatan Perancangan Korporat 9
Jabatan Audit Dalam 36
Jabatan Integriti 50

03

SEKTOR PERANCANGAN 57

Jabatan Perancangan Infrastruktur 58

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan 65

Jabatan Kawalan Bangunan 76

Jabatan Perancangan Bandaraya 92

04

SEKTOR PENGURUSAN 131

Jabatan Pengurusan Maklumat 132

Jabatan Pengurusan Sumber Manusia 140

Jabatan Pentadbiran 160

Jabatan Kewangan 178

Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur 189

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta 198

05

SEKTOR PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI 221

Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar 222

Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan 244

Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan 252

Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar 261

Jabatan Penguatkuasaan 273

06

SEKTOR PENGURUSAN PROJEK 295

Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran 296

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal 325

Jabatan Pengangkutan Bandar 346

Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi 363

Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan 368

Jabatan Ukur Bahan 378

07

LAPORAN PENYATA KEWANGAN 385

Perutusan
Datuk Bandar



Kejayaan yang dikecapi bukan sahaja mampu mengharumkan nama organisasi malah juga dapat menjadikan DBKL sebagai sumber rujukan agensi lain terutamanya dalam kalangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Malaysia.

DATUK SERI PMgr Sr HAJI KAMARUZAMAN BIN MAT SALLEH
Datuk Bandar Kuala Lumpur

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Alhamdulillah, dengan segala pujian dan syukur kepada Allah SWT atas limpah kurnia dan izin-Nya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah berjaya melaksanakan tugas yang diberikan dengan penuh dedikasi, efisien dan cemerlang sepanjang tahun 2023 yang diterjemahkan dalam buku Laporan Tahunan ini.

Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang bertanggungjawab merancang dan mentadbir urus ibu negara Kuala Lumpur, DBKL terus menyampaikan perkhidmatan berkualiti dengan ikhlas dan berpaksikan integriti yang tinggi bagi merealisasikan visi Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya yang mampan, berdaya huni, berdaya tahan, selamat, sejahtera dan inklusif untuk semua.

Kejayaan yang dikecapi bukan sahaja mampu mengharumkan nama organisasi malah juga dapat menjadikan DBKL sebagai sumber rujukan agensi lain terutamanya dalam kalangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Malaysia.

Laporan Tahunan DBKL 2023 ini memberikan gambaran menyeluruh mengenai tatakelola, usaha dan inisiatif yang dilaksanakan oleh DBKL sepanjang tahun 2023 dalam merealisasikan visi DBKL demi manfaat dan kesejahteraan warga Kuala Lumpur. Laporan Tahunan ini juga menyediakan analisis ringkas mengenai pencapaian dan prestasi setiap jabatan yang pasti akan mendorong warga kerja DBKL untuk mengambil tindakan penambahbaikan pada masa akan datang.

Kejayaan yang dikecapi hari ini merupakan hasil daripada usaha gigih dan komitmen tinggi daripada semua kakitangan dan pegawai DBKL. Saya berharap agar semua warga kerja DBKL dapat terus memperkasakan diri serta komited dalam memastikan sistem penyampaian perkhidmatan DBKL lebih berkualiti, efektif, berintegriti dan efisyen di samping memastikan amanah serta tanggungjawab yang digalas dapat dilaksanakan sebaiknya.

Di kesempatan ini juga, saya mewakili Pengurusan Tertinggi DBKL ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua warga kerja DBKL, Jabatan Wilayah Persekutuan serta agensi sahabat atas sokongan dan kerjasama yang diberikan. Saya berharap komitmen dan jalinan kerjasama yang diberikan ini dapat dikekalkan dan dipertingkatkan lagi demi kesejahteraan warga kota.

Semoga penerbitan Laporan Tahunan DBKL 2023 ini akan menjadi panduan dan rujukan untuk semua dalam meningkatkan mutu perkhidmatan di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.



DATUK SERI PMgr Sr HAJI KAMARUZAMAN BIN MAT SALLEH
Datuk Bandar Kuala Lumpur

Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur 2023



DATO' SETIA DIRAJA DATO'ABDUL GHANI BIN HAJI PATEH AKHIR



DATUK SERI HAJAH ROSIDA BINTI JAAFAR




DATIN RASHIDAH BINTI MOHD SIES



HIDAH BINTI MISRAN



DATUK SERI DR HAJI MOHD SHAFIE BIN ABDULLAH



DATO' SRI IZUDIN BIN ISHAK



DATUK TONG NGUEN KHOONG



DATO' LAR ISMAIL BIN NGAH



DATO' HAJI AFDLIN SHAUKI BIN AKSAN



DR ABDUL BASIR BIN V. KUNHIMOHAMED



Ir HAYATUL KAMIL BIN TERMUDI



JAYAKUMAR A/L R MUNIANDY



LEONG OOI KUAN



LAI CHEN HENG

Pengurusan Tertinggi
DBKL 2023

PENGARAH EKSEKUTIF (PERANCANGAN)



DATUK TPR SULAIMAN BIN MOHAMED
GRED UTAMA A (VU5)
1.1.2023 – 16.7.2023



DATUK ZULKURNAIN BIN HASSAN
GRED UTAMA B (VU6)
1.11.2023 – 31.12.2023

PENGARAH EKSEKUTIF (PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI)



DATUK HAJI AZMI BIN ABD HAMID
GRED UTAMA A (VU5)
1.1.2023 – 16.9.2023



ISMADI BIN SAKIRIN
GRED UTAMA A (VU5)
20.9.2023 – 31.12.2023

PENGARAH EKSEKUTIF (PENGURUSAN)



KHAIRUL ANUAR BIN MHD.JURI
GRED UTAMA B (VU6)
1.1.2023 – 22.6.2023



MOHAMAD BIN HAMIM
GRED UTAMA B (VU6)
3.7.2023 – 31.12.2023

PENGARAH EKSEKUTIF (PENGURUSAN PROJEK)



DATUK SERI PMgr Sr HAJI KAMARUZAMAN
BIN MAT SALLEH
GRED UTAMA B (VU6)
1.1.2023 – 16.4.2023



MOHAMAD BIN HAMIM
GRED UTAMA B (VU6)
3.7.2023 – 31.12.2023

Ketua Jabatan DBKL 2023

1. **JABATAN PERANCANGAN KORPORAT**
   Zurida binti Hashim

2. **JABATAN UNDANG-UNDANG & PENDAKWAAN**
   Nasrul Zaki bin Mohd Yunus

3. **JABATAN AUDIT DALAM**
   Noorazita binti Ilham

4. **JABATAN INTEGRITI**
   Kamarulzaman bin Ahmad

5. **JABATAN PERANCANGAN BANDARAYA**
   i. Datuk Zulkurnain bin Hassan
   (1.1.2023 – 12.4.2023)
   ii. Nor Fajariah binti Sulaiman
   (1.12.2023 – 31.12.2023)

6. **JABATAN PERANCANGAN INFRASTUKTUR**
   i. Nor Fajariah binti Sulaiman
   (1.1.2023 – 30.11.2023)
   ii. Siti Hanim binti Abd Rahman
   (1.12.2023 – 31.12.2023)

7. **JABATAN PERANCANGAN EKONOMI & PEMBANGUNAN**
   i. Mohd Muzammer bin Jamaluddin
   (1.1.2023 – 30.11.2023)
   ii. Saharuddin bin Hamid
   (1.12.2023 – 31.12.2023)

8. **JABATAN KAWALAN BANGUNAN**
   i. Norizan binti Sulaiman
   (1.1.2023 – 11.9.2023)
   ii. Dalilah Bee binti Abdullah @ Ch'ng Gaik Bee

9. **JABATAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**
   i. Haji Badrul Hisham bin Haji Baharuddin
   (1.1.2023 – 2.7.2023)
   ii. Saifol Mazli bin Ahmad
   (3.7.2023 – 31.12.2023)

10. **JABATAN KEWANGAN**
    i. Haji Mohamad bin Hamim
    (1.1.2023 – 2.7.2023)
    ii. Nor Azlina binti Mohd Saad
    (3.7.2023 – 31.12.2023)

11. **JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA**
    Mohd Helmi bin Mohd Sany

12. **JABATAN PENGURUSAN MAKLUMAT**
    Muhamad Azwal bin Ab Azis

13. **JABATAN PENTADBIRAN**
    i. Saifol Mazli bin Ahmad
    (1.1.2023 – 2.7.2023)
    ii. Norhaslinda binti Nordin
    (3.7.2023 – 31.12.2023)

14. **INSTITUT LATIHAN DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**
    i. Norhaslinda binti Nordin
    (1.1.2023 – 2.7.2023)
    ii. Khairul Azmir bin Ahmad
    (3.7.2023 – 31.12.2023)

15. **JABATAN PEMBANGUNAN KOMUNITI & KESEJAHTERAAN BANDAR**
    i. Ismadi bin Sakirin
    (1.1.2023 – 19.9.2023)
    ii. Zulkifli bin Muhammad
    (1.12.2023 – 31.12.2023)

16. **JABATAN PELESENAN & PEMBANGUNAN PERNIAGAAN**
    i. Zulkifli bin Muhammad
    (1.1.2023 – 30.11.2023)
    ii. Haji Badrul Hisham bin Baharuddin
    (1.12.2023 – 31.12.2023)

17. **JABATAN KESIHATAN & ALAM SEKITAR**
    Dr. Umi binti Haji Ahmad

18. **JABATAN PENGUATKUASAAN**
    i. Osman bin Ismail
    (1.1.2023 – 1.12.2023)
    ii. Noor Azman bin Mahlin
    (1.12.2023 – 31.12.2023)

19. **JABATAN KEBUDAYAAN, KESENIAN, PELANCONGAN DAN SUKAN**
    i. Khairul Azmir bin Ahmad
    (1.1.2023 – 2.7.2023)
    ii. Haji Badrul Hisham bin Baharuddin
    (3.7.2023 – 30.11.2023)
    iii. Mohd Muzammer bin Jamaluddin
    (1.12.2023 – 31.12.2023)

20. **JABATAN PELAKSANAAN PROJEK & PENYELENGGARAAN BANGUNAN**
    i. Norzaini binti Nordin
    (1.1.2023 – 2.7.2023)
    ii. Hanum Ain binti Zainal

21. **JABATAN KEJURUTERAAN AWAM & SALIRAN**
    i. Mohd Yasin bin Jamaludin
    (1.1.2023 – 20.1.2023)
    ii. Abd Rahman bin Mohamed
    (3.4.2023 – 31.12.2023)

22. **JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL**
    i. Nasri bin Ahmad
    (1.1.2023 – 2.7.2023)
    ii. Mohamad Riduan bin Abdullah
    (20.7.2023 – 31.12.2023)

23. **JABATAN PEMBANGUNAN LANDSKAP & REKREASI**
    Zulkifli bin Endut

24. **JABATAN PENGANGKUTAN BANDAR**
    Sugumaran A/L S.Shanmugam

25. **JABATAN UKUR BAHAN**
    Zulyazri bin Ismail

Ketua Jabatan DBKL 2023



ZURIDA BINTI HASHIM



NASRUL ZAKI BIN MOHD YUNUS



NOORAZITA BINTI ILHAM



KAMARULZAMAN BIN AHMAD



DATUK ZULKURNAIN BIN HASSAN
(1.1.2023 – 12.4.2023)



NOR FAJARIAH BINTI SULAIMAN
(1.12.2023 – 31.12.2023) (1.1.2023 – 30.11.2023)



SITI HANIM BINTI ABD RAHMAN
(1.12.2023 – 31.12.2023)



SAHARUDDIN BIN HAMID
(1.12.2023 – 31.12.2023)



NORIZAN BINTI SULAIMAN
(1.1.2023 – 11.9.2023)



DALILAH BEE BINTI ABDULLAH @ CH'NG GAIK BEE



SAIFOL MAZLI BIN AHMAD
(3.7.2023 – 31.12.2023) (1.1.2023 – 2.7.2023)



MOHAMAD BIN HAMIM
(1.1.2023 – 2.7.2023)



NOR AZLINA BINTI MOHD SAAD
(3.7.2023 – 31.12.2023)



Sr. MOHD HELMI BIN MOHD SANY



MUHAMAD AZWAL BIN AB. AZIS



NORHASLINDA BINTI NORDIN
(3.7.2023 – 31.12.2023) (1.1.2023 – 2.7.2023)



KHAIRUL AZMIR BIN AHMAD
(3.7.2023 – 31.12.2023) (1.1.2023 – 2.7.2023)



ZULKIFLI BIN MUHAMMAD
(1.12.2023 – 31.12.2023) (1.1.2023 – 30.11.2023)



BADRUL HISHAM BIN BAHARUDDIN
(1.12.2023 – 31.12.2023) (1.1.2023 – 2.7.2023)
(3.7.2023 – 30.11.2023)



UMI BINTI AHMAD



NOOR AZMAN BIN MAHLIN
(1.12.2023 – 31.12.2023)



MOHD MUZAMMER BIN JAMALUDDIN
(1.12.2023 – 31.12.2023) (1.1.2023 – 30.11.2023)



NORZAINI BINTI NORDIN
(1.1.2023 – 2.7.2023)



MOHD YASIN BIN JAMALUDIN
(3.4.2023 – 31.12.2023)



ABD RAHMAN BIN MOHAMED
(3.4.2023 – 31.12.2023)



NASRI BIN AHMAD
(1.1.2023 – 2.7.2023)



MOHAMAD RIDUAN BIN ABDULLAH
(20.7.2023 – 31.12.2023)



ZULKIFLI BIN ENDUT




SUGUMARAN AL S.SHANMUGAM
(1.12.2023 – 31.12.2023)



ZULYAZRI BIN ISMAIL

Carta Organisasi DBKL 2023



JABATAN UNDANG-UNDANG DAN PENDAKWAAN

NASRUL ZAKI BIN MOHD YUNUS

JABATAN INTEGRITI

KAMARULZAMAN BIN AHMAD

PENGARAH EKSEKUTIF (PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI)

DATUK HAJI AZMI BIN ABD. HAMID
(1.1.2023- 16.9.2023)
ISMADI BIN SAKIRIN
(20.9.2023- 31.12.2023)

PENGARAH JABATAN PEMBANGUNAN KOMUNITI & KESEJAHTERAAN BANDAR

ISMADI BIN SAKIRIN
(1.1.2023 - 19.9.2023)
ZULKIFLI BIN MUHAMMAD
(1.12.2023- 31.12.2023)

JABATAN PELESENAN DAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN

ZULKIFLI BIN MUHAMMAD
(1.1.2023- 30.11.2023)
HJ. BADRUL HISHAM BIN BAHARUDDIN
(1.12.2023- 31.12.2023)

JABATAN KESIHATAN & ALAM SEKITAR

DR. UMI BINTI HAJI AHMAD

PENGARAH JABATAN PENGUATKUASA

OSMAN BIN ISMAIL
(1.1.2023- 1.12.2023)
NOOR AZMAN BIN MAHLIN
(1.12.2023- 31.12.2023)

JABATAN PELESENAN DAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN

KHAIRUL AZMIR BIN AHMAD
(1.1.2023 - 2.7.2023)
HJ. BADRUL HISHAM BIN BAHARUDDIN
(3.7.2023- 30.11.2023)
MOHD MUZAMMER BIN JAMALUDDIN
(1.12.2023- 31.12.2023)

PENGARAH EKSEKUTIF (PENGURUSAN PROJEK)

DATUK SERI PMgr Sr HAJI KAMARUZAMAN BIN MAT SALLEH
(1.1.2023- 16.4.2023)
HJ. MOHAMAD BIN HAMIM
(3.7.2023- 31.12.2023)

PENGARAH JABATAN PELAKSANAAN PROJEK DAN PENYELENGGARAAN BANGUNAN

NORZAINI BINTI NORDIN
(1.1.2023 -2.7.2023)

PENGARAH JABATAN KEJURUTERAAN AWAM DAN SALIRAN

MOHD YASIN BIN JAMALUDIN
(1.1.2023 - 20.1.2023)
ABD RAHMAN BIN MOHAMED
(3.4.2023- 31.12.2023)

PENGARAH JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL

NASRI BIN AHMAD
(1.1.2023- 2.7.2023)
MOHAMAD RIDUAN BIN ABDULLAH
(20.7.2023- 31.12.2023)

PENGARAH JABATAN PEMBANGUNAN LANDSKAP DAN REKREASI

ZULKIFLI BIN ENDUT

PENGARAH JABATAN PENGANGKUTAN BANDAR

SUGUMARAN A/L S.SHANMUGAM

PENGARAH JABATAN UKUR BAHAN

ZULYAZRI BIN ISMAIL

Pejabat Cawangan Bukit Bintang	Pejabat Cawangan Batu	Pejabat Cawangan Wangsa Maju	Pejabat Cawangan Setiawangsa	Pejabat Cawangan Kepong	Pejabat Cawangan Titiwangsa
AHMAD IBNU SINA BIN TERMIZI (1.1.2023- 31.11.2023) MEOR RUSYDI BIN MOHD RAZALI (1.12.2023- 31.12.2023)	NORHIDA BINTI AHMAD SANUSI (1.1.2023- 2.7.2023) SURIYANI BINTI ZAKARIA (3.7.2023- 31.12.2023)	YUSMAN BIN HAITI (1.1.2023- 2.7.2023) MOHD FAIRUZ IZWAN BIN ABDULLAH (3.7.2023- 31.12.2023)	MD. AZNAN BIN MD. ZAIN (1.1.2023- 2.7.2023) NOR IZ HAYZA BINTI MOHD ZAM (3.7.2023- 31.12.2023)	NORHIZAMUDIN BIN MOKTARRUDIN	KHAIRULRIZAL BIN CHE JUHARI

INFO DBKL 2023





VISI

Bandar Raya Sejahtera Untuk Semua Menjelang Tahun 2030

MISI

Untuk mencapai kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan ibu kota Kuala Lumpur menerusi program pembangunan fizikal, sosio-ekonomi, kawalan perancangan dan perkhidmatan perbandaran secara terancang dan selaras berteraskan tadbir urus yang cemerlang



OBJEKTIF

Memastikan dan mempercepatkan pelaksanaan pencapaian status bandar raya bertaraf dunia yang unggul dan cemerlang

SLOGAN


Bersedia Menyumbang, Bandar Raya Cemerlang

FUNGSI



1. Memberi perkhidmatan pembersihan dan pelupusan sampah.
2. Memberi perkhidmatan kesihatan awam dan mengawal pencemaran.
3. Mengurus pengindahan bandar.
4. Membina dan menyelenggara jalan, mengadakan prasarana pengangkutan serta mengurus sistem lalulintas.
5. Membina dan menyelenggara sistem perparitan dan sungai.
6. Merancang dan mengawal pembangunan bandar.
7. Membina dan mengurus perumahan awam.
8. Mengurus, mengawal dan menempatkan semula setinggan.
9. Mengurus dan mengawal hal ehwal penjaja dan peniaga kecil.
10. Mengeluar dan mengawal lesen perniagaan.
11. Merancang dan melaksana aktiviti sukan, kebudayaan dan pelancongan.





LATAR BELAKANG

Bermula daripada sebuah pekan kecil, Kuala Lumpur telah mengalami pelbagai evolusi sehingga menjadi ibu kota Malaysia. Pada 1 April 1961, hal ehwal perbandaran Kuala Lumpur ditadbir oleh perbadanan tunggal (Sole Corporation) yang diketuai oleh Pesuruhjaya Ibu Kota. Pada 1 Februari 1972, Kuala Lumpur dianugerahkan taraf bandar raya dan seterusnya diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 1 Februari 1974.

Piagam Pelanggan
DBKL 2023



PEMBANGUNAN

Mengeluarkan keputusan kepada pemohon bagi cadangan pembangunan yang diterima di Urusetia Pusat Setempat (OSC) tidak melebihi dari tempoh yang ditetapkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengikut jenis permohonan seperti berikut:

- Permohonan 4 serentak
- Permohonan 3 serentak (melibatkan perihal tanah)
- Permohonan 3 serentak (tidak melibatkan perihal tanah)
- Permohonan 2 serentak (melibatkan perihal tanah)
- Permohonan 2 serentak (tidak melibatkan perihal tanah)
- Kelulusan Kebenaran Rancangan)



PRASARANA

Menyediakan dan menyelenggara kemudahan prasara awam yang berkualiti, mencukupi, efisien, mesra pengguna dan mudah sampai bagi memenuhi keperluan warga kota melalui aktiviti berikut :

- Mengendalikan sistem operasi kawalan lampu isyarat berkomputer selama 24 jam sehari.
- Membaiki jalan berlubang di dalam kawasan Pusat Bandar dalam tempoh 24 jam dari masa penemuan kerosakan.
- Memastikan semua aduan kerosakan kecemasan yang melibatkan nyawa dan harta benda diambil tindakan dalam tempoh 24 jam selepas aduan diterima.
- Memastikan semua kerosakan selain kes kecemasan diambil tindakan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh aduan diterima.



PERNIAGAAN

Memudah dan menggalakkan urusan perniagaan serta menjamin keselamatan pengguna melalui pengamalan aktiviti perniagaan berkualiti bagi menjana pertumbuhan ekonomi berprestasi tinggi di ibu kota.

- Memastikan permohonan lesen baru yang lengkap dan mematuhi syarat-syarat pelesenan diproses mengikut tempoh yang ditetapkan dalam tempoh 14-30 hari.
- Memastikan permohonan lesen pembaharuan yang lengkap dan mematuhi syarat-syarat pelesenan diproses mengikut tempoh yang ditetapkan dalam tempoh 1-30 hari.
- Memastikan permohonan pembatalan lesen yang lengkap dan mematuhi syarat-syarat pelesenan diproses mengikut tempoh yang ditetapkan dalam tempoh 1 hari.



PERUMAHAN RAKYAT

Memastikan pengisian unit kosong di Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) bagi kategori awam dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh surat tawaran penyewaan.



ADUAN

Memastikan maklum balas penerimaan aduan diberikan dalam tempoh 24 jam kepada pengadu.



AKTIVITI HIBURAN DAN SUKAN

Permohonan aktiviti kebudayaan dan kesenian, muzik dan sukan diberi maklumbalas dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima

PERKHIDMATAN ONLINE

Memastikan perkhidmatan semua operasi server dan rangkaian dapat dicapai secara berterusan (24jam x 7hari).(Tidak termasuk penyelenggaraan berkala)





TUNTUTAN

Menyediakan bayaran dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan dokumen tuntutan yang lengkap.



BANTAHAN CUKAI TAKSIRAN

Mengeluarkan keputusan Pendengaran Bantahan Cukai Taksiran dalam tempoh 21 hari bekerja dari tarikh pendengaran bantahan.



PEMERIKSAAN BANGUNAN

Menyediakan bayaran dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan dokumen tuntutan yang lengkap.



PEROLEHAN

Memaparkan Senarai Petender yang berjaya di laman WEB DBKL dalam tempoh empat (14) hari bekerja selepas Mesyuarat Sebut Harga / Lembaga Perolehan bersidang.

Sektor Datuk Bandar

Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan

Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan ditubuhkan sekitar tahun 1960-an dikenali dengan nama Bahagian Pendakwaan dan diletakkan di bawah Urusetia Bandaraya. Pada tahun 1970-an, ia dikenali pula dengan nama Bahagian Undang-Undang dan masih berada di bawah Urusetia Bandaraya. Pada tahun 1973, ia dijadikan sebuah jabatan yang tersendiri dengan nama Jabatan Undang-Undang dan ditukar pula kepada Jabatan Hal Ehwal Undang-Undang pada tahun 1976. Mulai 1 Julai 2011, jabatan ini dikenali sebagai Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan.

1.2 Unit-Unit di Jabatan

Mengikut Carta Organisasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedia ada, Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan diletakkan di bawah seliaan Datuk Bandar Kuala Lumpur. Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan terbahagi kepada tujuh (7) Unit utama seperti berikut:

1. Unit Kontrak
2. Unit Penswastaan
3. Unit Guaman Sivil
4. Unit Gubalan dan Kajian Undang-Undang
5. Unit Pendakwaan
6. Mahkamah
7. Unit Pentadbiran

1.3 Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan

Jumlah keseluruhan pegawai dan kakitangan Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan pada tahun 2023 adalah seramai tujuh puluh (70) orang (diisi) manakala dua (2) orang (kekosongan). Pecahan kumpulan dan gred adalah seperti berikut:

KATEGORI	TETAP	KONTRAK	KEKOSONGAN	JUMLAH
JUSA C (VU7)	1	-	-	1
Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41-54)	9	-	1	10
Kumpulan Sokongan (Gred 29-38)	14	-	1	15
Kumpulan Sokongan (Gred 19-26)	33	2	-	35
Kumpulan Sokongan (Gred 1-16)	10	1	-	11
JUMLAH	67	3	2	72

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi

Menyediakan perundangan yang progresif dan efisien bagi membantu Datuk Bandar Kuala Lumpur ke arah menjadikan Bandaraya Kuala Lumpur bandaraya bertaraf dunia.

2.2 Misi

Menjaga kepentingan Datuk Bandar Kuala Lumpur dari segi undang-undang.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Penggubalan

1) Dokumen Perundangan

Menyediakan draf pertama perundangan dalam tempoh enam puluh (60) hari bekerja dari tarikh arahan diterima, sekiranya maklumat yang diterima adalah lengkap.

2) Dokumen Kontrak

Menyediakan draf pertama dokumen perjanjian dalam tempoh tempoh tiga puluh (30) hari bekerja dari tarikh permohonan jika maklumat / terma rujukan yang diterima adalah lengkap.

3.2 Pendakwaan

i. Menyemak dan menyokong aduan mahkamah dari Jabatan Pelaksana dalam tiga puluh (30) hari bekerja dari tarikh aduan lengkap diterima.

ii. Memaklumkan keputusan kes kepada Jabatan Pelaksana dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja dari tarikh keputusan diterima dari Mahkamah.

3.3 Sivil

i. Melantik panel peguam untuk mewakili Datuk Bandar dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh terima saman atau notis permohonan perintah mahkamah kes ligitasi sivil terhadap Datuk Bandar Kuala Lumpur.

ii. Memaklumkan keputusan kes-kes mahkamah kepada jabatan-jabatan yang berkenaan dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh keputusan diterima.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
MENINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN (CUSTOMER FOCUS)	1.	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja jabatan	Semua pegawai dan kakitangan Jabatan menghadiri kursus 4 hari setahun IDB: 2 Hari Jabatan: 2 Hari	100 %
	2.	Mensasarkan sekurang-kurangnya 80% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari untuk aduan biasa	Menyelesaikan 80% aduan biasa yang diterima pada setiap bulan (Berpandukan sasaran KWP)	100 %

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
MEMPERKUKUHKAN TAHAP INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN TELUS (TRANSPARENCY)	3.	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	Mencapai sekurang-kurangnya 95% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2023	100 %
	4.	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2024	Keseluruhan Jabatan hendaklah mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2024 sebelum 31 Disember 2023	100 %
	5.	Menyelesaikan isu yang melibatkan AP58	Memastikan pembayaran melibatkan AP58 dijelaskan pada Mei 2023	100%
PENGGUBALAN DAN PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG	6.	Meminda / membuat pindaan Peraturan-Peraturan Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur 1989 (''perundangan tersebut)	Melaksanakan dan mengemukakan cadangan pindaan kepada Peraturan-Peraturan Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur 1989 selewat-lewatnya dalam bulan Oktober 2023	100%
SEMAKAN INSTRUMEN / DOKUMEN PERUNDANGAN	7.	Penyediaan template perjanjian Facilities Management.	Menyediakan template Perjanjian Facilities Management Template Perjanjian yang disediakan akan memfokuskan kepada terma-terma berkaitan dengan penyelenggaraan infrastruktur termasuklah tetapi tidak terhad kepada sistem saliran, sistem kolam takungan banjir dan sebagainya.	100 %
	8.	Penambahbaikan kepada dokumen Perjanjian Tahap Perkhidmatan (Service Level Agreement 'SLA')	Pelaksanaan Bengkel Pemantapan penyediaan dokumen Service Level Agreement di peringkat DBKL.	100%
KHIDMAT PERUNDANGAN MELALUI PENGAUDITAN	9.	Penyediaan manual SOP sistem E-rayuan Kompaun melalui modul Sistem Penguatkuasaan Jabatan (SPJ)	Menyediakan manual tatacara penggunaan modul E-Rayuan kompaun melalui Sistem Penguatkuasaan Jabatan (SPJ)	100 %
	10.	Kertas Kajian Mengenai Peruntukan Liquidated Ascertained Damages (LAD) dalam Perjanjian yang ditandatangani oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur (DBKL) serta Pengecualiannya bagi Projek-Projek Penswastaan, Land Swap dan Penjualan Tanah Milik DBKL.	• Menyemak dan meneliti peruntukan LAD di bawah Perjanjian Penswastaan, Jual Beli dan Land Swap. • Menyemak dan meneliti projek-projek penswastaan, land swap serta penjualan tanah milik DBKL yang membabitkan pengecualian LAD.	100 %
	11.	Prosedur Tuntutan Tunggakan Cukai Taksiran di bawah Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171)	Sasaran: 1) Jabatan Kewangan Pengukuran: 1) Data jumlah tunggakan cukai taksiran 2) Hasil kutipan tunggakan cukai taksiran	100 %

5.0 FUNGSI

5.1 Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan

Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan fungsi-fungsi perundangan untuk pengurusan pentadbiran Bandar Raya Kuala Lumpur yang lebih mantap dan berkesan seperti berikut:

i) Memberi nasihat undang-undang kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur dan jabatan-jabatan di dalam

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

ii) Penggubalan dan penyemakan semua perundangan yang dikuatkuasakan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur.

iii) Menyediakan dokumen-dokumen kontrak dan instrumen-instrumen perundangan.

iv) Menjalankan pendakwaan berkaitan dengan kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur.

v) Menyelaraskan dan meneliti kes-kes berkaitan tuntutan sivil.

5.2 Fungsi-Fungsi Unit

5.2.1 Unit Kontrak

i) Memberi nasihat undang-undang berhubung perkara-perkara yang berbangkit daripada kontrak yang dimasuki oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur dan daripada instrumen perundangan yang telah disediakan / digunapakai.

ii) Mendraf dan menyemak instrumen perundangan seperti kontrak-kontrak, memorandum persefahaman, akujanji, notis-notis dan lain-lain.

iii) Menyertai rundingan mengenai terma-terma dan syarat-syarat perjanjian.

iv) Menyimpan dan menyenggara data-data dokumen kontrak yang telah ditandatangani di dalam *Agreement Management Systems* (AMANS).

v) Menghadiri mesyuarat-mesyuarat yang berkaitan di jabatan-jabatan dalaman Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Kementerian-Kementerian.

vi) Mengkompaunkan kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh DBKL.

5.2.2 Unit Penswastaan

i) Memberi nasihat undang-undang berhubung perkara-perkara yang berbangkit daripada perjanjian usahasama yang dimasuki oleh Datuk Bandar dan instrumen perundangan yang telah disediakan / digunapakai.

ii) Mendraf dan menyemak instrumen perundangan seperti perjanjian usahasama, perjanjian pajakan, perjanjian pertukaran tanah, perjanjian jual beli, notis-notis dan lain-lain.

iii) Menyertai rundingan mengenai terma-terma dan syarat-syarat perjanjian.

iv) Menyimpan dan menyenggara data-data dokumen perjanjian yang telah ditandatangani.

v) Menghadiri mesyuarat-mesyuarat yang berkaitan di jabatan-jabatan dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan kementerian-kementerian.

vi) Menganggotai dan menghadiri mesyuarat-mesyuarat, Jawatankuasa Pengurusan Pelupusan Tanah DBKL, Jawatankuasa Teknikal Projek-Projek Penswastaan DBKL, Jawatankuasa Projek-Projek Penswastaan dan Jawatankuasa Pandu Projek-Projek Penswastaan DBKL.

vii) Menghadiri dan memberi nasihat kepada Lembaga Tatatertib DBKL dalam menjalankan prosiding tatatertib.

viii) Mengkompaunkan kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh DBKL.

5.2.3 Unit Guaman Sivil

i) Memberi nasihat perundangan mengenai isu-isu berbangkit berkaitan tuntutan-tuntutan yang diterima atau dibuat oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur.

ii) Mengurus dan menyelaras kes-kes tindakan sivil yang dibawa oleh mana-mana pihak terhadap Datuk Bandar Kuala Lumpur atau oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur terhadap mana-mana pihak.

iii) Menghadiri prosiding pengurusan kes, sebutan, sesi mediasi dan perbicaraan kes-kes sivil bersama panel peguam DBKL di Mahkamah.

iv) Menganalisa dan mengkaji impak keputusan kes-kes dan mengesyorkan pindaan proses / prosedur kerja jabatan-jabatan serta penyelesaian di luar.

v) Menguruskan pelantikan panel peguam DBKL dan menganalisa prestasi panel peguam DBKL

secara tahunan.

vi) Menghadiri dan memberi nasihat kepada Lembaga Tatatertib DBKL dalam menjalankan prosiding tatatertib.

vii) Mengkompaunkan kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh DBKL.

5.2.4 Unit Gubalan dan Kajian Undang-Undang

i) Memberi nasihat perundangan mengenai isu-isu berbangkit berhubung tadbir urus DBKL.

ii) Menggubal dan menyemak perundangan.

iii) Memberi pendapat tentang penggubalan perundangan.

iv) Menyediakan draf perundangan dalam Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris.

v) Menjalankan kajian dan penyelidikan undang-undang untuk tujuan merancang, menyemak semula dan menggubal perundangan yang efektif, mencukupi dan sesuai dengan kehendak semasa.

vi) Mengkaji semula perundangan yang lapuk dan usang.

vii) Menghadiri mesyuarat-mesyuarat yang berkaitan.

viii) Menghadiri dan memberi nasihat kepada Lembaga Tatatertib DBKL dalam menjalankan prosiding tatatertib.

ix) Mengkompaunkan kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh DBKL.

5.2.5 Unit Pendakwaan

i) Mengendali pendakwaan di Mahkamah Majistret Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

ii) Memberi nasihat perundangan dan arahan kepada jabatan-jabatan DBKL yang melaksanakan fungsi-fungsi penguatkuasaan berhubung dengan penyiasatan dan pendakwaan.

iii) Menghadiri dan memberi nasihat kepada Lembaga Tatatertib DBKL dalam menjalankan prosiding tatatertib.

iv) Memberi latihan perundangan kepada jabatan-jabatan penguatkuasaan DBKL.

v) Memastikan aduan dan kertas siasatan yang disediakan oleh jabatan-jabatan penguatkuasaan DBKL adalah teratur dan mengikut peruntukan undang-undang.

vi) Menghadiri mesyuarat-mesyuarat yang berkaitan.

vii) Mengkompaunkan kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh DBKL.

5.2.6 Mahkamah

i) Mengurus pemfailan aduan kes-kes tindakan penguatkuasaan dan tuntutan sivil untuk perbicaraan di Mahkamah Majistret Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

ii) Menyedia laporan harian kes-kes yang dikendali di Mahkamah Majistret Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan mengemukakan laporan tersebut kepada Ketua Hakim Mahkamah Sesyen.

iii) Menghantar kutipan denda harian ke Perbendaharaan Malaysia.

iv) Menghadiri mesyuarat-mesyuarat bersama pihak kehakiman (*judiciary*).

5.2.7 Unit Pentadbiran

i) Mengurus hal ehwal pentadbiran Jabatan.

ii) Mengurus kewangan dan belanjawan Jabatan.

iii) Melaksana fungsi pengurusan personel di peringkat Jabatan.

iv) Mengurus perkara-perkara berkaitan pengurusan kualiti dan isu-isu integriti Jabatan.

v) Menerima, merekod dan mengurus surat-surat Jabatan dan surat-surat yang diterima oleh Jabatan.

vi) Mengurus perolehan, merekod inventori dan pelupusan aset jabatan.

vii) Mengurus aduan awam dan pelaporan kepada jabatan berkaitan.

viii) Mengurus latihan, kursus, lawatan dan peperiksaan kakitangan Jabatan.

ix) Mengurus hal-hal berkaitan peralatan ICT Jabatan.

6.0 BAJET

6.1 Perbelanjaan Mengurus

PERKARA	TAHUN 2022	PERATUS (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM5,867,800.00	96.69%
Perbelanjaan	RM5,673,414.00	

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2023

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
27 hingga 29 Januari 2023	Pegawai dan kakitangan jabatan	Bengkel Semakan Piagam Pelanggan, Prosedur Kualiti dan *My Portfolio* JUP	Semakan semula proses kerja jabatan
24 Februari 2023	Pegawai dan kakitangan jabatan	Gotong-Royong "Hijau JUP"	Meningkatkan kerjasama di kalangan kakitangan jabatan
31 Mac 2023	Pegawai dan kakitangan jabatan	Bicara Ramadhan "Kembali Kepada Fitrah"	Meningkatkan kerjasama di kalangan kakitangan jabatan
14 April 2023	Pegawai dan kakitangan jabatan	Taklimat Penyelarasan Aplikasi *Digital Document Management Systems* (DDMS)	"*Awareness*" berkaitan penggunaan Sistem DDMS
26 Mei 2023	Pegawai dan kakitangan jabatan	*Briskwalk* & JUP *Group Photo*	Meningkatkan kerjasama di kalangan kakitangan jabatan
23 Jun 2023	Pegawai dan kakitangan jabatan	JUP *Fun Walk*	Meningkatkan kerjasama di kalangan kakitangan jabatan
28 Julai 2023	Pegawai dan kakitangan jabatan	*Trip to Beryl's*	Meningkatkan kerjasama di kalangan kakitangan jabatan
31 Julai 2023	Pegawai dan kakitangan jabatan	Taklimat Pemakaian Sistem Pengurusan *Anti Bribery Magement Systems* (ABMS) MS ISO 37001: 2016	"*Awareness*" berkaitan polisi anti rasuah di kalangan kakitangan jabatan
24 Ogos 2023	PBT seluruh Malaysia	Konvensyen Perundangan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia	Mewujudkan jalinan kerjasama di antara Pegawai Undang-undang di Malaysia
25 Ogos 2023	PBT seluruh Malaysia	JUP KL *Explorace*	Meningkatkan kerjasama di kalangan kakitangan jabatan
22 September 2023	Pegawai dan kakitangan jabatan	Kembara JUP ke Taman Tugu	Meningkatkan kerjasama di kalangan kakitangan jabatan
27 Oktober 2023	Pegawai dan kakitangan jabatan	*Clean Up Day*!	Meningkatkan kerjasama di kalangan kakitangan jabatan
24 November 2023	Pegawai dan kakitangan jabatan	Teroka Dunia Matawang	Meningkatkan kerjasama di kalangan kakitangan jabatan
21 Disember 2023	Pegawai dan kakitangan jabatan	*Luncheon* @ IBIS	Meningkatkan kerjasama di kalangan kakitangan jabatan

8.0 PENCAPAIAN JABATAN

TARIKH	ACARA	KEPUTUSAN
-	-	-

GAMBAR AKTIVITI BAGI TAHUN 2023



Konvensyen Perundangan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia pada 25 Ogos 2023 di Hotel Pullman, Kuala Lumpur

Jabatan Perancangan Korporat

1.0 LATARBELAKANG

1.1 Jabatan Perancangan Korporat (JPRK) berperanan merancang, mengurus serta melaksanakan usaha-usaha mempertingkatkan imej korporat dan profesionalisme DBKL bagi memastikan imej korporat dan profesionalisme DBKL berada pada tahap yang unggul dan cemerlang.

1.2 Empat bahagian di jabatan ini adalah seperti berikut:

i. Bahagian Promosi dan Media
- Unit Media
- Unit Promosi dan Fotografi

ii. Bahagian Majlis Rasmi dan Antarabangsa
- Unit Majlis Rasmi dan Protokol
- Unit Perhubungan Antarabangsa
- Unit Pentadbiran dan Kewangan

iii. Bahagian Khidmat Pelanggan dan Aduan Awam
- Unit Khidmat Pelanggan
- Unit Aduan Awam dan Pusat Panggilan Setempat

1.3 Bilangan pegawai dan kakitangan jabatan:

BIL	KATEGORI	JUMLAH ORANG
1.	Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 dan ke atas)	10
2.	Kumpulan Sokongan I (Gred 17-40)	58
3.	Kumpulan Sokongan II (Gred 1-16)	6
	JUMLAH	**74 ORANG**

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi:
Ke arah mempertingkatkan imej DBKL yang positif melalui komunikasi yang cekap dan berkesan dengan *stakeholders*.

2.2 Misi:
Merancang, mengurus dan melaksanakan usaha-usaha mempertingkatkan imej DBKL yang positif.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Memastikan jemputan media dibuat selewat-lewatnya 24 jam sebelum majlis / program / aktiviti berlangsung.

3.2 Memastikan kenyataan media disediakan selewat-lewatnya tiga (3) hari sebelum aktiviti.

3.3 Memastikan maklum balas terhadap permohonan lawatan dari dalam dan luar negara diberikan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja.

3.4 Memastikan maklum balas penerimaan aduan diberikan dalam tempoh 24 jam kepada pengadu.

3.5 Memastikan urusan pelanggan di Kaunter Perkhidmatan Pelanggan DBKL diselesaikan dalam tempoh 15 minit.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

KRA	BIL.	KPI TAHUN 2023	SASAR	PENCAPAIAN
MENINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN *(CUSTOMER FOCUS)*	1.	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan (IDB: 2 Hari, Jabatan: 2 Hari)	100%	100%
	2.	Mensasarkan 100% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2023	100%	100%
MEMPERKUKUHKAN TAHAP INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN TELUS *(TRANSPARENCY)*	3.	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	95%	89%
	4.	Mengemukakan Perancangan Perolehan 2024	100%	100%
	5.	Menyelesaikan isu yang melibatkan AW58 pada bulan Mei 2023	100%	100%
PENINGKATAN IMEJ KORPORAT	6.	Menyebar luas perkhidmatan, inisiatif dan sumbangan DBKL kepada pihak berkepentingan	100%	100%
	7.	Melestarikan hubungan baik antara DBKL dengan pihak media	100%	100%
	8.	Mengadakan penglibatan umum (*public engagement*) dalam hubungan antara DBKL dan warga kota	100%	100%
	9.	Memantapkan kolaborasi DBKL dengan peringkat antarabangsa	100%	100%
	10.	Menyediakan Pelan Strategik Komunikasi	100%	100%

5.0 FUNGSI

5.1.1 Menjalinkan hubungan dan kerjasama DBKL dengan warga kota, agensi kerajaan, agensi swasta dan kedutaan asing bagi mempertingkatkan persefahaman dan perkhidmatan yang diberi.

5.1.2 Menyediakan dan menyebarkan maklumat yang positif dan tepat mengenai DBKL serta memberi maklum balas ke atas isu berbangkit kepada media massa.

5.1.3 Menyelaras lawatan luar dan dalam negeri dengan teratur dan berkesan.

5.1.4 Membantu dan memudahcara pelanggan dalam mendapatkan perkhidmatan, maklumat dan khidmat nasihat.

5.1.5 Mengurus aduan awam DBKL dengan cepat dan tepat.

5.1.6 Menyelaras majlis rasmi DBKL dengan teratur dan cekap.

5.2 Fungsi bahagian:

5.2.1 Bahagian Pengurusan Media Dan Promosi

Unit Promosi dan Fotografi

i. Menguruskan penerbitan bahan bercetak dan bahan audiovisual bagi tujuan promosi dan publisiti.
ii. Menyelaras, memantau dan mengemaskini portal dan media sosial DBKL.
iii. Merancang dan melaksana pelan promosi bagi program dan kempen DBKL.
iv. Menyediakan bahan promosi (story board / story telling) dan merancang pemasaran serta penyebaran bahan promosi.
v. Menguruskan proses rakaman gambar dan video bagi program dan aktiviti DBKL.

Unit Media

i. Menyediakan strategi komunikasi untuk isu utama DBKL.
ii. Menyelaras sidang media, kenyataan media, maklumbalas media dan permohonan temubual media dengan DBKL.
iii. Mengurus krisis komunikasi yang bertujuan menangkis tanggapan negatif terhadap DBKL dan menyebarkan maklumat positif kepada warga kota.
iv. Mengadakan hubungan baik dengan media.

5.2.2 Bahagian Majlis Rasmi dan Perhubungan Antarabangsa

Unit Perhubungan Antarabangsa

i. Menyelaras kunjung hormat delegasi luar negara ke atas Datuk Bandar Kuala Lumpur.
ii. Menjadi perantara dan membantu komunikasi DBKL dengan agensi luar di platform antarabangsa.
iii. Menyelaras hubungan pelbagai hala melibatkan persatuan antarabangsa yang disertai DBKL.
iv. Menyelaras hubungan dua hala dalam program / aktiviti yang melibatkan Bandaraya Berkembar dan *City to City* (C2C).
v. Membantu menyelaras program utama antarabangsa yang melibatkan DBKL.

Unit Majlis Rasmi Dan Protokol

i. Menyelaras pengurusan majlis rasmi dan protokol dengan bertindak sebagai penasihat kepada penganjuran majlis melalui mesyuarat penyelarasan / persiapan majlis rasmi / raptai.
ii. Mengurus dan menyelaras pemasangan gegantung bendera bagi perayaan awam serta lawatan pembesar Negara luar dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri dan lain-lain agensi.

Unit Pentadbiran Dan Kewangan

i. Mengurus dan mengawal selia aktiviti pentadbiran dan pengurusan kewangan Jabatan.
ii. Mengurus dan mengawal selia hal ehwal pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia jabatan.
iii. Menyelaras aktiviti inovasi kualiti dan pembangunan Jabatan.

5.2.3 Bahagian Khidmat Pelanggan dan Aduan Awam

Unit Khidmat Pelanggan

i. Melayani pelanggan yang berurusan meliputi pertanyaan, aduan, cadangan dan maklumbalas berhubung perkhidmatan DBKL kepada pelanggan yang hadir secara bersemuka di Kaunter Khidmat Pelanggan.
ii. Meneliti, memproses dan mengkaji aduan yang diterima daripada pelbagai sumber seperti emel dbkl.dbkl.gov.my, dan menjawab aduan melalui panggilan telefon jika ada.
iii. Menyediakan analisa tahap kepuasan pelanggan serta mengemukakan cadangan penambahbaikan untuk seluruh Jabatan DBKL.
iv. Menyelaras sesi bersama pelanggan melalui Hari Bertemu Pelanggan dengan kerjasama jabatan-jabatan yang berkaitan.
v. Menyelaras dan melaksanakan naziran ke atas mutu perkhidmatan dan penyampaian pelanggan DBKL.

vi. Menguruskan penyediaan baju korporat kakitangan kaunter di semua Jabatan DBKL.

vii. Menyelaras kursus untuk petugas kaunter bersama Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (IDB).

viii. Bertanggungjawab untuk menyelaraskan program '*Mystery Shopping*' bagi menilai tahap kualiti penyampaian perkhidmatan kakitangan petugas kaunter jabatan-jabatan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

ix. Membantu menyelaras lawatan daripada delegasi dalam dan luar negara ke Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Unit Aduan Awam dan Pusat Panggilan Setempat

i. Menyelaras penerimaan aduan awam melalui pelbagai saluran seperti Talian Bebas Tol (1-800-88-3255), *Chatbot*, *KLCares*, emel, surat, sistem i-Tegur KPKT, Biro Pengaduan Awam (BPA) dan lain-lain yang dimasukkan ke dalam Sistem pengaduan Awam Kuala Lumpur (ADU@KL).

ii. Memantau dan mendapatkan maklum balas terhadap aduan yang dikemukakan daripada Jabatan-jabatan Pelaksana secepat mungkin atau selewat-lewatnya dalam tempoh 3 hari dari tarikh penerimaan aduan.

iii. Memantau urusan penyelarasan aduan di peringkat jabatan dikendalikan dengan efisyen dan berterusan.

iv. Meneliti dan menyelaras maklumat terkini prestasi pengurusan aduan awam di DBKL dan mengemukakan laporan kepada pihak pengurusan tertinggi.

v. Mengkaji dan mengenalpasti penambahbaikan kepada sistem aduan DBKL.

vi. Menyelaras lawatan tapak untuk mengenalpasti dan menyelesaikan aduan daripada wargakota.

6.0 BAJET

6.1 Perbelanjaan Mengurus

PERKARA	TAHUN 2021	PERATUS (%)
Peruntukan yang diluluskan	RM4,013,500.00	96%
Perbelanjaan	RM3,741,373.00	
Pindaan 2023	RM3,901,800.00	

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2023

7.1 Unit Media

Unit Media di Jabatan Perancangan Korporat berperanan sebagai penghubung di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan pihak media. Selaras dengan itu, Unit Media bertanggungjawab sebagai medium untuk menyalurkan maklumat-maklumat berkaitan DBKL kepada media bagi memastikan liputan yang diberi adalah tepat dan benar. Unit ini juga bertindak menyelaras dan menyediakan maklumat untuk Sidang Media mengenai aktiviti-aktiviti yang melibatkan DBKL.

Selain itu, Unit Media juga bertanggungjawab dalam menyelaraskan media sosial rasmi DBKL. Berikut merupakan perkara-perkara yang telah diselaraskan oleh Unit Media sepanjang tahun 2023:

BIL	PERKARA	JUMLAH
1.	Menyelaras Temubual Bersama Pengurusan Tertinggi DBKL dan Ketua Jabatan	26
2.	Menyelaras Liputan Media (*Note to Editor*)	37
3.	Menyelaras Kenyataan Media (*Press Release*)	52
4.	Menyelaras Maklumbalas Media (*Press Rebuttal*)	75
5.	Menyelaras Aktiviti Bersama Pihak Media	3

Sepanjang tahun 2023, sebanyak **1132 hantaran telah dibuat di laman Facebook** rasmi DBKL, **291 hantaran telah dibuat di laman Instagram** rasmi DBKL dan **103 hantaran telah dibuat di laman Tiktok** rasmi DBKL

7.1.1 AKTIVITI BERSAMA MEDIA SEPANJANG TAHUN 2023

Beberapa program telah diadakan yang melibatkan pihak media. Program-program yang diadakan ini bertujuan untuk mengekalkan hubungan baik di antara DBKL dengan pihak media sebagai tanda penghargaan atas sumbangan mereka.

Program-program yang diadakan sepanjang tahun 2023 ialah Sesi Santai Datuk Bandar Kuala Lumpur bersama KLFM di program Kuala Lumpur *Car Free Morning*, DBKL Bersama Media – *Walk Hunt*, dan Sepetang Bersama Blogger.

7.1.2 SESI SANTAI DATUK BANDAR KUALA LUMPUR BERSAMA KLFM DI PROGRAM KUALA LUMPUR *CAR FREE MORNING*

Program ini dianjurkan bagi menghargai penglibatan dan peranan yang dimainkan oleh radio KLFM dalam usaha mereka memberikan mesej positif terhadap perkhidmatan DBKL kepada warga kota. Seramai 20 orang kakitangan yang terdiri penerbit kandungan dan juruhebah radio KLFM telah menyertai sesi tersebut yang telah diadakan pada 19 Mac 2023.

7.1.3 DBKL BERSAMA MEDIA – *WALK HUNT* 2023

Program ini merupakan aktiviti tahunan Unit Media yang bertujuan untuk menghargai sumbangan mereka menerusi pelaporan berita positif mengenai DBKL dan untuk tahun 2023 ianya merupakan penganjuran kali ke- 9 sejak tahun 2014.

Program tersebut telah diadakan pada 19 November 2023. Seramai 110 para pengamal media yang terdiri daripada 23 agensi media telah menyertai program tersebut. Kesemua peserta yang telah menyertai program tersebut dikehendaki menjawab 25 soalan yang telah tersedia di lokasi yang ditentukan melibatkan laluan sepanjang 3 km.

Para pengamal media seterusnya disajikan dengan jamuan makan tengah hari yang dihoskan oleh YBhg. Datuk Seri PMgr Sr Hj. Kamarulzaman bin Mat Salleh, Datuk Bandar Kuala Lumpur bertempat di Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut.

7.1.4 SEPETANG BERSAMA BLOGGER

Unit Media telah mengadakan sesi Sepetang Bersama Blogger yang telah diadakan pada 15 Disember 2023 bertempat di Hilton Hotel Kuala Lumpur. Sesi ini telah dihoskan oleh YBhg. Datuk Seri PMgr Sr Hj. Kamarulzaman bin Mat Salleh, Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Seramai 8 orang blogger telah menyertai sesi tersebut. Dalam sesi tersebut, para blogger telah bertukar pendapat dan pandangan mengenai amalan yang terbaik yang boleh dilakukan oleh DBKL dalam menyampaikan informasi mengenai inisiatif yang dilakukan oleh DBKL.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

JEMPUTAN MEDIA

NOTA KEPADA PENGARANG / PENERBIT - (Metro Desk / General Desk)

MAJLIS PENYERAHAN JALUR GEMILANG PERINGKAT WPKL 2023

Majlis seperti yang tersebut di atas akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut

Tarikh	:	**7 Ogos 2023 (Isnin)**
Masa	:	**11.30 pagi**
Tempat	:	**Lobi Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur**

2. Majlis penyerahan ini akan disempurnakan oleh **YBhg. Datuk Sr Hj. Kamarulzaman bin Mat Salleh, Datuk Bandar Kuala Lumpur.**

3. Sehubungan itu, **WARTAWAN** dan **JURUGAMBAR MEDIA** dijemput hadir untuk membuat **liputan.**

Sekian.

UNIT MEDIA
Jabatan Perancangan Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
6 Ogos 2023
19 Muharam 1445H

dbkl2u | dewanbandarayakualalumpur | dbkl2u | dbkltv | dbkl.tt

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

MAKLUMBALAS MEDIA

Pengarang
China Press

TAN KOK WAI: THE BUILDING COSTING RM40 MILLION HAS NOT BEEN USED FOR MORE THAN 2 YEARS, AND IT HAS BECOME A WHITE ELEPHANT PROJECT

Kami merujuk kepada artikel tersebut yang bertarikh pada 9 Ogos 2023 dan ingin memaklumkan mengenainya.

Untuk makluman, bangunan tersebut telah siap sepenuhnya pada tahun 2021 namun ianya tidak dapat beroperasi ekoran daripada pandemik Covid-19 pada waktu tersebut dan telah menyebabkan berlakunya beberapa kerosakan di bahagian bumbung dan lantai.

Walau bagaimanapun, pihak DBKL telah menjalankan kerja-kerja pembaikan di bangunan tersebut dan dijangka siap pada penghujung bulan Ogos.

Bangunan tersebut akan mula beroperasi mulai bulan September di mana ruang tempat letak kereta dan dewan yang mengandungi 3 buah gelanggang badminton boleh digunakan oleh orang ramai.

Walau bagaimanapun, bagi perpustakaan, gimnasium, tadika dan ruang kedai perlu menunggu pengisian kerana ianya melibatkan bajet bagi memulakan operasi di kawasan tersbeut.

Unit Media
Jabatan Perancangan Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
1 Ogos 2023
14 Muharam 1444H

dbkl2u
dewanbandarayakualalumpur
dbkl2u
dbkltv
dbkl.tt

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

KENYATAAN MEDIA

ISU TAMAN REKREASI TAMAN AIR PANAS

Dimaklumkan bahawa Taman Rekreasi Ayer Panas yang termasuk di dalam lot 29780 asalnya merupakan tanah milik Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PTGWPKL). DBKL telah diminta untuk mengawal selia tanah tersebut sebagai kawasan lapang dan kemudahan awam. Kini, sebahagian daripada lot 29780 telah diberi pemilikan kepada syarikat Daulat Abadi Sdn. Bhd. oleh PTGWPKL.

Memandangkan tanah tersebut bukan lagi di bawah seliaan DBKL, pihak DBKL telah diarahkan untuk mengeluarkan segala aset dan menamatkan kontrak penyelenggaraan taman sedia ada termasuk kontrak keselamatan dan pembersihan tandas bermula Januari 2023.

Segala urusan pemberimilikan tanah ini kepada syarikat tersebut tidak melibatkan DBKL. Pemberimilikan tanah tersebut adalah di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Dikeluarkan oleh :

Unit Media
Jabatan Perancangan Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
7 Ogos 2023
20 Muharam 1445H

dbkl2u
dewanbandarayakualalumpur
dbkl2u
dbkltv
dbkl.tt





Sesi Santai Datuk Bandar Kuala Lumpur Bersama KLFM Di Program Kuala Lumpur *Car Free Morning* pada 19 Mac 2023





Program DBKL Bersama Media – *Walk Hunt* 2023 pada 19 November 2023





Program Sepetang Bersama Blogger pada 15 Disember 2023

7.2 Unit Majlis Rasmi Dan Protokol

Unit Majlis Rasmi dan Protokol (UMRP), Jabatan Perancangan Korporat telah terlibat dengan pelbagai acara rasmi yang dianjurkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Kementerian Wilayah Persekutuan mahupun anjuran bersama di antara DBKL dan agensi-agensi kerajaan serta bukan kerajaan.

Sepanjang tahun **2023**, unit ini telah terlibat secara langsung dalam menyelaraskan **140** majlis rasmi di mana **134** majlis yang dianjurkan oleh jabatan dalaman DBKL, **3** majlis rasmi anjuran DBKL bersama agensi kerajaan dan **3** majlis rasmi anjuran DBKL bersama agensi bukan kerajaan.

Unit ini juga terlibat secara langsung dalam menyelaraskan urusan pemasangan gegantung (*bunting*) bendera di laluan-laluan protokol dan jalan-jalan utama di sekitar bandaraya Kuala Lumpur sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2023 dan Sambutan Bulan Kemerdekaan 2023. Sebanyak 1,500 helai gegantung bendera Wilayah Persekutuan dan 1,500 helai gegantung bendera Kuala Lumpur telah dipasang sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2023 manakala 3,000 helai gegantung Jalur Gemilang telah dipasang sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan 2023.

Selain itu, unit ini juga telah bekerjasama dengan Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa (BIUPA), Jabatan Perdana Menteri bagi menyelaras pemasangan gegantung *(bunting)* bendera di sekitar laluan keluar masuk Kompleks Bunga Raya, KLIA, jalan-jalan protokol dan jalan-jalan utama di sekitar bandaraya Kuala Lumpur apabila terdapat lawatan rasmi oleh pembesar-pembesar dari luar negara. Antara pembesar luar negara yang telah mengadakan Lawatan negara / rasmi ke Malaysia pada tahun 2023 ialah Presiden Republik Persekutuan Jerman, Presiden Republik Singapura, Putera Mahkota UAE, Presiden Republik Filipina, Sultan Brunei Darussalam, Gabenor Jeneral New Zealand dan Putera Albert II dari Monaco.

Unit ini juga menjalinkan kerjasama yang erat bersama pihak Jabatan Wilayah Persekutuan dalam mengendalikan acara-acara rasmi tahunan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan dan Hari Kebangsaan (Sambutan Bulan Kemerdekaan) seperti Kempen Kibar Bendera WP, Program Mucang-mucang Sewilayah, Majlis Penyerahan Rumah Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan.

MAJLIS RASMI (ANJURAN DBKL,BERSAMA AGENSI KERAJAAN DAN BUKAN KERAJAAN) DAN LAWATAN RASMI PEMBESAR ASING BAGI TAHUN 2023

BULAN	BILANGAN MAJLIS RASMI				
	ANJURAN DBKL	ANJURAN BERSAMA AGENSI KERAJAAN	ANJURAN BERSAMA AGENSI BUKAN KERAJAAN	LAWATAN RASMI PEMBESAR ASING	JUMLAH
JANUARI	10	2	-	1	**13**
FEBRUARI	12	-	-	-	**12**
MAC	17	-	-	1	**18**
APRIL	7	-	-	-	**7**
MEI	3	-	-	1	**4**
JUN	9	-	1	-	**10**
JULAI	16	-	1	1	**18**
OGOS	14	-	-	1	**15**
SEPTEMBER	11	-	-	-	**11**
OKTOBER	10	-	1	1	**12**
NOVEMBER	13	-	-	1	**14**
DISEMBER	12	1	-	-	**13**
JUMLAH	**134**	**3**	**3**	**7**	**147**



Majlis Pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang 2023



Program Mucang-mucang Sewilayah sempena
Hari Wilayah Persekutuan 2023



Festival Gendang dan Tari Kuala Lumpur 2023 (KL GENTA 2023)



Majlis Perasmian Pustaka Digital Madani @ Bandar Sri Permaisuri



Majlis Peluncuran Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040



Malam Irama Warisan



KL Park Festival 2023



Selawat & Munajat Perdana Untuk



Malaysia bersama YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim



Program Nur Ramadan 2023 KL Munajat

7.3 Unit Promosi Dan Fotografi

Unit Promosi dan Fotografi merupakan salah satu unit di dalam Jabatan Perancangan Korporat dan diberi tanggungjawab untuk melaksanakan kerja-kerja penerbitan bahan bercetak dan digital serta mempromosikan aktiviti dan program yang dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur:

7.3.1 Menguruskan penerbitan bahan bercetak mengenal perkhidmatan DBKL seperti risalah, diari tahunan dan kalendar.

7.3.2 Menyelaraskan promosi aktiviti/program DBKL seperti *Banner / Bunting, Backdrop,* Poster, Video dan reruai promosi.

7.3.3 Menyelaras, memantau dan mengemas kini portal dan media sosial DBKL.

7.3.4 Merancang dan melaksanakan penerbitan karya kreatif seperti iklan amal untuk makluman awam (PSA) bagi tujuan informasi dan publisiti DBKL.

7.3.5 Merancang dan melaksanakan kempen-kempen untuk tujuan penyebaran nilai-nilai murni warga kerja di DBKL.

7.3.6 Menjalankan aktiviti fotografi rasmi bagi program DBKL.

7.3.7 Menerbitkan video promosi / korporat dan program bagi kempen dan acara yang dilaksanakan di DBKL.

7.3.8 Menyelaras penggantungan Bendera Festival mengikut kempen-kempen yang dilaksanakan di beberapa lokasi sekitar Kuala Lumpur.

7.3.9 Menyelaras pembekalan cenderamata promosi dan kempen sebagai *merchandise* DBKL.

- Kempen Promosi Tahun 2023

BIL.	AKTIVITI PROMOSI TAHUN 2023
1.	Kempen Nilai Bersama DBKL
2.	KL Bersih Indah Sejahtera
3.	Kempen Sambutan Hari Wilayah Persekutuan
4.	Sambutan Hari Kebangsaan Hari Malaysia 2023
5.	Kempen Kuala Lumpur Park Festival 2023
6.	Kempen Kuala Lumpur Bebas Asap Rokok
7.	Pewartaan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040
8.	Kempen Lestari Niaga @ Kuala Lumpur
9.	Kempen Kesedaran Cukai Taksiran (e-bill)
10.	Kempen Tenaga Lestari

- Diari dan Buku Nota Harian DBKL 2022

  Pada tahun 2023, Jabatan Perancangan Korporat telah menerbitkan Diari Tahunan sebanyak 7000 naskah. Tujuan diari ini diterbitkan adalah bagi menghargai warga kerja yang banyak memberi sumbangan terhadap DBKL. Selain itu, unit ini turut menerbitkan sebanyak 4,000 naskah buku nota khas untuk diedarkan kepada kakitangan sokongan.

- Kalendar Meja 2023

  Pada tahun 2023, unit ini telah menerbitkan sebanyak 7,000 unit kalender Meja untuk edaran kepada pegawai dan kakitangan DBKL serta edaran kepada pelawat-pelawat dari agensi luar ke DBKL.

- Penggantungan Bendera Festival

  Pada tahun 2023, penggantungan Bendera Festival telah dilaksanakan sebanyak 3 kali kitaran di beberapa lokasi sekitar bandar raya Kuala Lumpur mengikut tema berikut:

  i. Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2023
  ii. Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2023
  iii. Kuala Lumpur Bandar Raya Inovatif dan Produktif

- Portal dan Media Sosial DBKL

  Pada tahun 2023, Unit Promosi dan Fotografi telah diberi tanggungjawab untuk menjadi ahli jawatankuasa pengurusan kandungan yang diketuai oleh pengarah, Jabatan Perancangan Korporat. Jawatankuasa ini bertanggungjawab mengemas kini maklumat berita, acara terkini dan pengurusan semasa di dalam portal. Proses mengemaskini portal ini telah dibuat pada setiap hari oleh Pegawai Teknologi Maklumat yang ditempatkan di Jabatan ini. Bagi memastikan maklumat yang diperolehi adalah terkini dan tepat, pegawai akan mendapatkan kerjasama daripada unit lain termasuklah Unit Media di Jabatan Perancangan Korporat dan Jabatan Pengurusan Maklumat. Jabatan ini juga bertanggungjawab untuk mempromosikan kempen dan aktiviti DBKL melalui penghasilan pelbagai reka bentuk grafik sebagai bahan kempen dan membuat perkongsian di media sosial DBKL.

- Grafik

BIL.	PERKARA	HURAIAN
1.	Poster Perayaan	• Tahun Baru Cina • Hari Raya Aidilfitri • Hari Natal • Hari Deepavali • Hari Raya Aidiladha • Hari Wesak • Hari Thaipusam
2.	Poster Peristiwa	• Tahun Baharu • Maulidur Rasul • Hari Malaysia • Hari Kemerdekaan • Malam Nisfu Syaaban dan LailaturQadar • Hari Nuzul Al-Quran • Hari Menyambut Ramadhan • Hari Wilayah Persekutuan
3.	Poster Ucapan	• Penganugerahan Pingat • Kenaikan Pangkat • Pencapaian dan Kejayaan • Kematian Kakitangan DBKL • Pencapaian 100 Hari Datuk Bandar • Setahun Bersama Kerajaan MADANI
4.	Poster Kempen	• KL Bersih Indah dan Sejahtera • Jelajah 1C1R • Kempen Bayar Cukai Taksiran • Kibar Jalur Gemilang • Kempen Adopsi Anak Anjing dan Kucing • Lestari Niaga • Kempen Daftar e-bill • Tenaga Lestari • Dataran Merdeka Bebas Asap Rokok
5.	Poster Acara, Program dan Aktiviti DBKL	• Konsert Muzik Bollywood • Kuala Lumpur Park Festival 2023 • Program Mucang-Mucang Sewilayah • Perhimpunan Bulanan • Pertandingan Hari Kebangsaan Hari Malaysia 2023 • Pertandingan Lagu Kuala Lumpur • Majlis Penyerahan Jalur Gemilang • Hari Bertemu Pelanggan • Pertandingan Fotografi Lensa Kuala Lumpur • Tabung Kemanusiaan Palestin • Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040

BIL.	PERKARA	HURAIAN
6.	Poster Pemakluman	• Tindakan Khas Premis Yang dikendalikan Warga Asing • Zon Bebas Sampah • Bazaar Rahmah • Pusat Agihan Makanan Gelandangan • Notis Penutupan Jalan • Notis Penutupan Kaunter • Iklan Pusat Penjaja

- Video DBKL

Bagi meningkatkan imej korporat DBKL kepada warga kota pada peringkat tempatan dan antarabangsa, Unit Promosi dan Fotografi telah mengambil inisiatif untuk menyediakan montaj, video korporat dan promosi bagi DBKL. Antara video yang telah disediakan oleh unit ini bagi tahun 2023 ialah:

BIL.	VIDEO PROMOSI TAHUN 2023
1.	Video Promosi: Tindakan Khas Premis Yang dikendalikan Warga Asing
2.	Video Promosi: KL Bersih Indah dan Sejahtera
3.	Video Promosi: Pertandingan Lagu Kuala Lumpur (*PODCAST* MEJA PETAK)
4.	Video Promosi: Kuala Lumpur Park Festival 2023
5.	Video Promosi: Azan Maghrib Berbuka Puasa
6.	Video Promosi: Medley Lagu Raya 1444H bersama Unit Muzik
7.	Video Promosi: Takbir Raya 1444H DBKL x Hijjaz
8.	Video Promosi: Pertandingan Pantun Merdeka DBKL 2023
9.	Video Promosi: Keselamatan JKAS - HIRARC
10.	Video Promosi: Kempen Kibar Bendera Hari Kebangsaan 2023
11.	Video Promosi: Taman Komuniti AU3 Keramat
12.	Video Promosi: Konsert Muzik dan Filem bersama Orkestra Kuala Lumpur
13.	Video Promosi: Isu Tempat Letak Kenderaan
14.	Video Promosi: TMG Sekolah Mampan
15.	Video Promosi: Manhaj Islah (Amanah dan Tanggungjawab)
16.	Video Promosi: Tenaga Lestari
17.	Video Promosi: Lestari Niaga @ Kuala Lumpur
18.	Video Promosi: Setahun bersama Kerajaan MADANI
19.	Video Promosi: Inisiatif Pengangkutan Awam
20.	Video Promosi: Manhaj Islah (Integriti)

BIL.	VIDEO SOROTAN PROGRAM TAHUN 2023
1.	Video Highlights: Majlis Apresiasi DBKL 2022 & Perhimpunan DBKL
2.	Video Highlights: Majlis Sumbangan Tahun Baru Cina Komuniti KL 2023 Segambut
3.	Video Highlights: Pelancaran Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan 2023
4.	Video Highlights: Majlis MOU DBKL dan *Think City*
5.	Video Highlights: Majlis Konvokesyen Tadika Sang Kancil DBKL 2022/2023
6.	Video Highlights: Sesi Perkongsian Lawatan Luar Negara Jurutera DBKL
7.	Video Highlights: *Soft Launch* Festival Taman Kuala Lumpur 2023
8.	Video Highlights: Majlis MOU Arkib Negara dan DBKL
9.	Video Highlights: Program Mucang-Mucang Sewilayah Parlimen Segambut
10.	Video Highlights: Taklimat Penyediaan dan Pelaksanaan RKK (Akta 172)
11.	Video Highlights: Sesi Santai Datuk Bandar Bersama KLFM
12.	Video Highlights: Pelancaran Kuala Lumpur Bebas Asap Rokok

BIL.	VIDEO SOROTAN PROGRAM TAHUN 2023
13.	Video Highlights: Perasmian dan Apresiasi Festival Taman Kuala Lumpur
14.	Video Highlights: Perasmian SDG Centre KL Digital Twin
15.	Video Highlights: Majlis Sanjungan Budi Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan
16.	Video Highlights: Nur Ramadan WPKL 2023
17.	Video Highlights: Majlis Pengagihan Zakat dan Bakul Makanan kepada Asnaf
18.	Video Highlights: Iftar @ Dataran Merdeka Kuala Lumpur dan Malam 7 Likur
19.	Video Highlights: Semarak Aidilfitri WPKL 2023
20.	Video Highlights: Majlis Perasmian D' Anjung Selera Madani
21.	Video Highlights: Program Seminar Ikon Usahawan
22.	Video Highlights: Perasmian Rumah Mampu Milik WP dan Tempat Letak Kereta Taman Tasik Metropolitan Kepong KL
23.	Video Highlights: Kuala Lumpur Munajat Bersama Ustaz Abdul Somad
24.	Video Highlights: Seminar Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Pihak Berkuasa Tempatan
25.	Video Highlights: Majlis Watikah Pewakilan Penduduk Wilayah Persekutuan
26.	Video Highlights: Pogram Wacana Mediasi Serta Menandatangani MOU antara DBKL & UIA
27.	Video Highlights: D' Medan Selera Madani @ Little India, Kompleks Tun Sambathan Kuala Lumpur
28.	Video Highlights: Festival Gendang & Tari Kuala Lumpur 2023 (KL GENTA)
29.	Video Highlights: Program Pembasmian Miskin Tegar WPKL
30.	Video Highlights: Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan
31.	Video Highlights: Konsert Muzik dan Filem Bersama Orkestra Kuala Lumpur
32.	Video Highlights: Pelancaran Tabung Kemanusian Palestin Peringkat DBKL
33.	Video Highlights: Perasmian Pustaka KL Digital Madani @ Bandar Sri Permaisuri
34.	Video Highlights: Sumbangan Deepavali Komuniti Kuala Lumpur 2023
35.	Video Highlights: Kuala Lumpur Urban Youth Festival 2023
36.	Video Highlights: Majlis Peluncuran Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040
37.	Video Highlights: Majlis Sanjungan Budi Mantan Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur
38.	Video Highlights: Pembentangan Bajet Kuala Lumpur 2024
39.	Video Highlights: KL Big GIG 2023
40.	Video Highlights: Kuala Lumpur Berselawat sempena Ambang Tahun Baru 2024

- Lampiran

Contoh Poster




















PENCAPAIAN 100 HARI
DATUK Sr HAJI KAMARULZAMAN BIN MAT SALLEH
DATUK BANDAR KUALA LUMPUR
01 PENGURUSAN TRAFIK YANG BERKESAN
02 PENGUATKUASAAN BERHEMAH & BERINTEGRITI
03 PELAKSANAAN BANDAR SEJAHTERA
TADBIR URUS CEMERLANG
PEMANTAPAN
PENGURUSAN TRAFIK YANG BERKESAN
PRIHATIN KEBAJIKAN WARGA KERJA DBKL
PENGUATKUASAAN BERHEMAH & BERINTEGRITI
PEMERKASAAN KE ARAH BANDAR RAYA RENDAH KARBON
PELAKSANAAN BANDAR SEJAHTERA
MITIGASI BANJIR
PENGURUSAN CERUN YANG EFISIEN
INISIATIF DBKL BERTERASKAN MALAYSIA MADANI
SASARAN
639 425 6
33.6 JUTA
65
60KM - 30KM
487


MAJLIS PENYERAHAN
JALUR GEMILANG
PERINGKAT WPKL 2023
Disempurnakan Oleh
YBhg. Datuk Sr Haji Kamarulzaman bin Mat Salleh
Datuk Bandar Kuala Lumpur
7 Ogos 2023 (Isnin) | Menara DBKL 1
MALAYSIA MADANI
MEDAN JALUR GEMILANG


PERHIMPUNAN DBKL
BAGI BULAN NOVEMBER 2023
20 November 2023 (Isnin)
9:00 Pagi
Dewan Perdana Mestika,
Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Jalan Yaacob Latif, Kuala Lumpur
MALAYSIA MADANI

7.4 Unit Khidmat Pelanggan Dan Aduan Awam & Panggilan Setempat

Unit ini merupakan unit yang menyelaras penerimaan aduan awam DBKL melalui pelbagai saluran seperti Talian Bebas Tol (1-800-88-3255), *Chatbot*, emel, sistem i-Tegur KPKT, Biro Pengaduan Awam (BPA) dan lain-lain yang dimasukkan ke dalam Sistem pengaduan Awam Kuala Lumpur (ADU@KL). Unit ini juga bertanggungjawab memantau dan mendapatkan maklum balas terhadap aduan yang dikemukakan daripada Jabatan-jabatan Pelaksana secepat mungkin atau selewat-lewatnya dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan aduan.

7.4.1 Penerimaan Panggilan Melalui Panggilan Talian Bebas Tol 1-800-88-3255 Bertempat Di Pusat Panggilan Setempat *(Call Center)*

Pada tahun 2023 iaitu dari Januari sehingga Disember, Unit Aduan Awam dan Pusat Panggilan Setempat (*Call Centre*) telah pun menerima sebanyak 28,516 panggilan terdiri daripada aduan dan pertanyaan daripada warga kota.

7.4.2 Penerimaan Dan Penyelesaian Aduan

Pada tahun 2023, unit Aduan Awam dan Pusat Panggilan Setempat (*Call Centre*) telahpun menerima sebanyak **35,562 aduan**. Janaan data terkini menunjukkan sebanyak 33,246 (93.49%) aduan telah diselesaikan. Manakala, sebanyak 2,316 (6.51%) aduan masih di dalam tindakan. Semua Jabatan disasarkan untuk menyelesaikan semua aduan-aduan tertunggak selewat-lewatnya pada bulan Mac 2024.

Jadual: Statistik Penerimaan Aduan Mengikut 5 Kategori Tertinggi


BIL.	KATEGORI	TERIMA	PERATUS (%)
1.	Kemudahan Awam (Jalan rosak/ berlubang)	4,176	11.74%
2.	Pokok (Penyelenggaraan pokok)	2,960	8.32%
3.	Halangan (Kesalahan lalulintas)	2,632	7.40%
4.	Kemudahan Awam (Lampu Jalan (Rosak)	2,568	7.22%
5.	Halangan (Kenderaan buruk)	2,126	5.98%

Lawatan Tapak Bersama Agensi Luar, Jabatan Dalaman DBKL Serta Pengadu





Lawatan Tapak Mengenai Isu Pembinaan Struktur Pagar yang Menghalang Laluan Pengguna di Hadapan Premis Perniagaan di Jalan Brunei Barat, Bukit Bintang, Kuala Lumpur pada 16 Februari 2023





Lawatan Tapak Mengenai Isu Ubah Suai Struktur Tanpa Kelulusan di Jalan Setiakasih, Bukit Damansara, Kuala Lumpur pada 17 Februari 2023









Lawatan Tapak Mengenai Isu Laluan Pejalan Kaki Baru Dibina Berbahaya dan Tidak Selesai Di Jalan Medang Tanduk dan Jalan Medang Serai pada 21 Februari 2024





Lawatan Tapak Mengenai Isu Limpahan Sisa Kumbahan di atas Jalan dan Kerosakan Manhole Di Jalan Cenderai, Bangsar, Kuala Lumpur pada 9 Mac 2023





Lawatan Tapak Mengenai Ubahsuai Rumah Tanpa Kebenaran di Jalan Senggang, Bandar Baru Sri Petaling, Kuala Lumpur pada 14 Julai 2023

Senarai Aktiviti / Lawatan Unit Khidmat Pelanggan bagi Tahun 2023

BIL.	TARIKH	PELAWAT	TOPIK	JABATAN
1.	9 Januari 2023	Institut Sultan Iskandar, UTMKL	Pendedahan berkenaan Seni Bina Bangunan sekitar Kuala Lumpur.	JPRB dan JPPB
2.	11 Januari 2023	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	Sistem Aplikasi.	JPSM, JPM dan JKEW
3.	13 Januari 2023	Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan	Cara Pengurusan dan Penswastaan.	JPEP
4.	16 Januari 2023	Majlis Bandaraya Seberang Perai	Sistem Pemasangan kaedah Pemantauan, Penyelenggaraan dan Operasi CCTV.	JPB
5.	17 Januari 2023	Kementerian Pelancongan, seni dan Budaya (MOTAC)	Fungsi Bilik Kawalan Polis DiRaja Malaysia di KLCCC secara *Real Time*.	JPB
6.	25 Januari 2023	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	Pelaksanaan SDG dan Pengurusan Trafik dan Bencana melalui CCTV.	JPB dan JPRB.
7.	27 Januari 2023	Majlis Bandaraya Seberang Perai	Rekabentuk Arkitektur Sistem Penilaian Bersepadu.	JPPH dan JPM
8.	2 Februari 2023	Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam	Pengalaman Penamatan Perjanjian Kerjasama DBKL dan Syarikat Vista Summerose Sdn Bhd.	JUP
9.	7 Februari 2023	Ministry of Foreign Affairs (Liberia)	Pembangunan Kuala Lumpur dan Pengurusan Sampah.	JPRB, JKAS, PEPR, PESE.
10.	8 Februari 2023	Jabatan Kastam Diraja Malaysia	Penguatkuasaan Lesen.	JPPP
11.	16 Februari 2023	Monash University Malaysia	River of Life (ROL).	JPPPB
12.	22 Februari 2023	Jabatan Ketua Menteri Melaka PBT Melaka	Unit Warden Trafik.	JPK
13.	22 Februari 2023	Majlis Bandaraya Pasir Gudang	Pengoperasian LA21 dan KLCCC.	JPRB dan JPB.
14.	2 Mac 2023	Kementerian Perumahan Dan Pengurusan Harta	Fungsi dan Bidang Tugas Pusat Mediasi.	JPPH
15.	7 Mac 2022	Thai Embassy	Pengurusan Pelupusan Sampah.	JKME dan JKAS
16.	9 Mac 2023	Jabatan Wilayah Persekutuan	Proses Kelulusan Perintah Pembangunan.	JPRB

BIL.	TARIKH	PELAWAT	TOPIK	JABATAN
17.	14 Mac 2023	Majlis Bandaraya Johor Bahru	Penyelenggaraan Bangunan.	JPPB
18.	17 Mac 2023	Majlis Bandaraya Ipoh	Pengurusan Lesen Premis dan Aduan Kacau Ganggu.	JKAS dan JPPP
19.	23 Mac 2023	Kaohsiung City Taiwan	Fungsi dan Peranan KLCCC.	JPB
20.	5 April 2023	Iskandar Regional Developement Authorithy	Penguatkuasaan Lorong Bas.	JPPB, JUP, dan JPIF
21.	7 April 2023	Universiti Teknologi Mara (UITM) Kampus Puncak Alam	Maklumat Reka Bentuk Bangunan Tinggi.	JPPB dan JP
22.	26 Mei 2023	Majlis Bandaraya Johor Bahru	Program Transformasi Penjaja dan Pengurusan Iklan.	JPPP
23.	31 Mei 2023	Majlis Bandaraya Ipoh	Pengurusan Aduan.	JPRK
24.	8 Jun 2023	Majlis Bandaraya Seberang Perai	Pengurusan dan Pembangunan *Command Centre.*	JPB
25.	15 Jun 2023	Majlis Perbandaran Kuala Langat	Informasi secara Holistik dan Komprehensif berkenaan Matlamat Pembangunan Mampan.	JPRB dan JPB
26.	20 Jun 2023	Majlis Perbandaran Sibu	Fungsi dan Pengurusan , *Smart Parking System-EZ KL SMART PARK.*	JKEW
27.	26 Jun 2023	Institut Pendidikan Dalam Negeri Indonesia	Pengoperasian SDG CENTRE.	JPRB
28.	13 Julai 2023	Universiti Utara Malaysia (Sintok)	Aktiviti Pembangunan Masyarakat dan Kesukarelawanan.	JPPB
29.	13 Julai 2023	Majlis Bandaraya Ipoh	Pelaksanaan Projek Bitara MADANI iaitu Menaik Taraf Gerai / Medan Selera.	JPPP
30.	17 Julai 2023	Majlis Keselamatan Negara (MKN) Jabatan Perdana Menteri	Pengoperasian dan Kefahaman berhubung Fungsi dan Tugas KLCCC.	JPB
31.	3 Ogos 2023	Universiti Malaya (UM)	Lawatan Tapak ke Projek-projek DBKL.	JPPB
32.	3 Ogos 2023	Majlis Bandaraya Pulau Pinang	Pengoperasian KLCCC.	JPB
33.	7 Ogos 2023	Majlis Perbandaran Kemaman	Kaedah Pengurusan Lesen dan Lot Kediaman.	JPPP dan JPRB
34.	15 Ogos 2023	Perbadanan Labuan	Mempelajari Kaedah Pembaharuan Lesen di DBKL.	JPPP
35.	19 September 2023	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	Prosedur dan Pengurusan Tindakan Penguatkuasaan.	JUP
36.	21 September 2023	Dewan Bandaraya Kuching Utara	Pengurusan Lampu Jalan, Pengurusan dan Operasi Kuala Lumpur.	JPB
37.	27 September 2023	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLAN Malaysia)	Pengoperasian KLCCC.	JPB
38.	27 September 2023	Majlis Bandaraya Shah Alam	Pusat Pameran dan Informasi SDG.	JPRB
39.	8 Oktober 2023	Majlis Perbandaran Klang	Skim Kos Rendah dan Mengamalkan Kitar semula.	JPPH
40.	12 Oktober 2023	Universiti Teknologi Mara (UiTM) Perak	Pembangunan *River of Life (ROL)* dan Taman Tasik Titiwangsa.	JPPPB
41.	16 Oktober 2023	Majlis Bandaraya seberang Perai	Perkongsian Ilmu Mengenai Pelaksanaan SDG.	JPRB
42.	19 Oktober 2023	Majlis Bandaraya Pulau Pinang	Garis Panduan *Micro-housing* dan Caj-caj Baikpulih melibatkan Kewangan.	JPKKB

BIL.	TARIKH	PELAWAT	TOPIK	JABATAN
43.	25 Oktober 2023	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	Pengurusan Landskap dan Rekreasi termasuk Pengurusan Pembersihan Sisa Pepejal.	JKAS dan JPLR
44.	3 November 2023	Jabatan Ketua Menteri Melaka	Projek Parkir Kereta Bertingkat, Projek Laluan Siar Kaki dan Projek Pembangunan dan Pengindahan Semula Infrastruktur.	JPEP
45.	7 November 2023	Institut Pendidikan Guru Batu Lintang, Sarawak	Meninjau Kawasan Persekitaran DBKL.	JPRB
46.	12 November 2023	Majlis Daerah Tampin	Melihat pasar di Pasar Awam Taman Tun Dr. Ismail (TTDI).	JPPP
47.	14 November 2023	Majlis Bandaraya Pulau Pinang	Penerimaan Hasil Cukai dan Sistem Parkir DBKL.	JPK dan JKEW
48.	14 November 2023	Majlis Perbandaran Kota Bahru	Kaedah Hasil Cukai yang Dijalankan di DBKL.	JKEW
49.	17 November 2023	Majlis Bandaraya Johor Bahru	*Mobile App PAY@KL* dan *E-Booking*.	JPM
50.	20 November 2023	Majlis Bandaraya Subang Jaya	Kes-kes saman Di DBKL.	JUP
51.	23 November 2023	Kementerian Pendidikan Malaysia Daerah Bagan Datuk	Pengoperasian KLCCC.	JPB
52.	23 November 2023	Pihak Berkuasa Tempatan Tanzania	Pengoperasian KLCCC.	JPB
53.	27 November 2023	Perbadanan Labuan	Meninjau Premis dan Kiosk di bawah DBKL.	JPPP
54.	30 November 2023	Majlis Perbandaran Pengerang	Pengoperasian KLCCC.	JPB
55.	5 Disember 2023	Universiti Teknologi Mara (UiTM) Perak	Pengurusan Hartanah.	JPPH
56.	8 Disember 2023	Universiti Teknologi Mara (UiTM) Perak	Pengurusan Hartanah DBKL dan Pembersihan Pangsapuri DBKL.	JPPH dan JPKKB
57.	8 Disember 2023	Majlis Perbandaran Kangar, Perlis	Mencapai Sasaran dan Objektif bagi Tunggakan Sewa.	JKEW
58.	11 Disember 2023	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	Akta Pelaksanaan Jalan Parit dan Bangunan serta Kelulusan Bangunan Terbengkalai di DBKL.	JKB
59.	12 Disember 2023	Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM	Pelaksanaan SDG dibawah Seliaan DBKL.	JPRB
60.	20 Disember 2023	Universiti Putra Malaysia	EKSA	JPK dan JPSM
61.	20 Disember 2023	Universiti Islam Antarabangsa (UIA)	Pengoperasian KLCCC.	JPB

7.5 Unit Perhubungan Antarabangsa

Unit Perhubungan Antarabangsa berperanan menyelaras lawatan luar negara, kunjung hormat ke atas Datuk Bandar Kuala Lumpur, program-program antarabangsa dan mesyuarat antarabangsa yang terpilih. Berikut merupakan statistik kunjung hormat yang telah berlangsung serta program, persidangan dan mesyuarat yang disertai bagi tahun 2023:

Statistik Jumlah Kunjung Hormat Dalam Negeri dan Luar Negara pada Tahun 2023

PERKARA	BILANGAN KUJUNG HORMAT	BILANGAN PELAWAT
Kunjung Hormat Dari Dalam Negeri	17	100
Kunjung Hormat Dari Luar Negara	1	6
JUMLAH	**18**	**106**

Jadual Senarai Program 2023 – Unit Perhubungan Antarabangsa

BIL	PROGRAM	TARIKH	LOKASI
1.	Penglibatan Awam & Pengurusan Fasiliti Sukan (JCLAIR)	17 Januari 2023	Atas talian
2.	Pengurusan Aduan Awam & Promosi Korporat (JCLAIR)	31 Januari 2023	Atas talian
3.	*Ambassador Tour (Invest KL)*	17 Mac 2023	Sekitar Kuala Lumpur
4.	Pengurusan Perumahan Awam Kuala Lumpur (JCLAIR)	5 hingga 8 September 2023	Hotel Sunway Putra, KL

Senarai Kunjung Hormat Dalam Negeri dan Luar Negara pada tahun 2023

BIL.	AGENSI / JABATAN	KEHADIRAN	TARIKH
1.	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT)	YBrs. Tuan Hj. Rosli bin Latif Datuk Bandar MBKT	11 Mei 2023
2.	Jawatankuasa Pegawai-Pegawai Penilai Pihak Berkuasa Tempatan	YBrs. En. Sr Hj. Azmi bin Miswan Timbalan Pengerusi	19 Mei 2023
3.	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan WPKL & Putrajaya (DOSH)	YBrs. Encik Ir. Zamzurin bin Maarof Pengarah	26 Mei 2023
4.	Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia Cawangan WPKL (REDHA)	YBrs. Puan Ra Adrina binti Muztaza Ketua Delegasi	26 Mei 2023
5.	Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu	YBhg. TPr. Hj. Lokman bin Hj. Omar Ketua Pegawai Eksekutif	29 Mei 2023
6.	Institut Pengurusan Harta dan Fasiliti Malaysia	YBrs. Sr Haji Ishak bin Ismail Timbalan Presiden	22 Jun 2023
7.	Majlis Bandaraya Johor Bharu (MBJB)	YBhg. Dato'Hj. Mohd Noorazam bin Dato' Hj. Osman Datuk Bandar	1 Ogos 2023
8.	Jabatan Kebajikan Masyarakat WPKL	YBrs. Encik Che Samsuzuki bin Che Noh Pengarah	7 Ogos 2023
9.	Saitama City	H.E. Hayata Shimizu Datuk Bandar Saitama City	7 Ogos 2023
10.	Ketua Polis Kuala Lumpur	YBhg. CP Dato'Sri Mohd Shuhaily bin Mohd Zain	10 Ogos 2023
11.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN)	YBrs. Encik Arrifin bin Samsudin Pengarah	14 Ogos 2023
12.	Agensi Antidadah Kebangsaan WPKL (AADK)	YBrs. Tuan Md. Razif bin Wan	22 Ogos 2023
13.	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia WPKL	YBrs. Encik Azhar bin Husin Pengarah Negeri	29 Ogos 2023
14.	Pejabat Tanah dan Galian Persekutuan	YBhg. Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain Ketua Pengarah	9 Oktober 2023
15.	Arkib Negara Malaysia	YBhg. Dato'Jaafar Sidek bin Haji Abdul Rahman Ketua Pengarah	2 November 2023
16.	Rejimen 515 Askar Wataniah	YBrs. Leftenan Kolonel Marzuki bin Md Yusof Timbalan Komander	10 November 2023
17.	Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu	YBrs. Dr Amir Raslan bin Abu Bakar Ketua Pegawai Eksekutif	23 November 2023
18.	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional	YBhg. Dato'Hj. Che Roslan bin Che Daud	11 Disember 2023





Kunjung Hormat daripada Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuala Terengganu







Kunjung Hormat daripada Ketua Polis Kuala Lumpur





Kunjung Hormat daripada Saitama City, Jepun

8.0 PENCAPAIAN JABATAN

8.1 Menganjurkan kerjasama *Japan Council of Local Authorities for International Relation* (JClair) dan DBKL yang di selaraskan oleh Jabatan Perancangan Korporat, Unit Perhubungan Antarabangsa.

Jabatan Audit Dalam

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan

Jabatan Audit Dalam (JAD) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah ditubuhkan secara rasminya pada 1 Julai 2011 dan diletakkan di bawah sektor Datuk Bandar Kuala Lumpur.

1.2 Bahagian-Bahagian / Unit-Unit di Jabatan

JAD dibahagikan kepada lima (5) bahagian seperti berikut:

i. Bahagian Pentadbiran dan Kewangan.
ii. Bahagian Audit Sektor Pembangunan Sosio Ekonomi.
iii. Bahagian Audit Sektor Pengurusan.
iv. Bahagian Audit Sektor Perancangan.
v. Bahagian Audit Sektor Pengurusan Projek.

1.3 Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan

KATEGORI	JUMLAH
Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 dan ke atas)	5
Kumpulan Sokongan I (Gred 17 - 40)	12
Kumpulan Sokongan II (Gred 1 -16)	12
JUMLAH	**29**

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi dan Misi Jabatan

Visi Jabatan

Menjadi penyumbang utama ke arah pemantapan tadbir urus dan kawalan dalaman bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Misi Jabatan

Memberikan perkhidmatan audit yang profesional dan bebas dengan mengeluarkan laporan audit yang seimbang kepada Pelanggan Audit.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Piagam Pelanggan Jabatan

i. Menyediakan Rancangan Audit Tahunan selewat-lewatnya pada 31 Disember setiap tahun.
ii. Memaparkan penemuan audit prestasi kepada pelanggan audit (*audit client*) dalam tempoh 14 hari selepas *Exit Conference*.

iii. Mengemukakan Laporan Audit Khas kepada Pengurusan Tertinggi / pelanggan audit (*audit client*) dalam tempoh 3 bulan dari arahan diterima daripada Pengarah.
iv. Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Audit (MJKA) sebanyak 4 kali setahun.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

4.1 KPI Jabatan

KRA	BIL.	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Meningkatkan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan (*Customer Focus*)	1.	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan (IDB: 2 Hari, Jabatan: 2 Hari)	Semua pegawai dan kakitangan Jabatan menghadiri kursus 4 hari setahun. IDB: 2 hari Jabatan: 2 hari	OT - 100% Seramai 28 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Audit Dalam telah mencapai 4 hari berkursus. **KUMPULAN** / **JUMLAH** Pengurusan & Profesional: **5/5** Sokongan I: **20/20** Sokongan II: **3/3** **JUMLAH**: **28/28**
Meningkatkan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan (*Customer Focus*)	2.	Mensasarkan sekurang-kurangnya 80% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari untuk aduan biasa.	Menyelesaikan 80% aduan yang diterima pada setiap bulan. (Berpandukan sasaran JWP)	- Tiada aduan yang diterima.
Memperkukuhkan Tahap Integriti, Akauntabiliti dan Telus (*Transparency*)	3.	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	Mencapai sekurang-kurangnya 95% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2023.	OT - 100% Jabatan Audit Dalam telah membelanjakan sejumlah 98.04% (RM83,037.03) daripada keseluruhan peruntukan RM84,700.00
Memperkukuhkan Tahap Integriti, Akauntabiliti dan Telus (*Transparency*)	4.	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2024	Keseluruhan Jabatan hendaklah mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2024 sebelum 30 November tahun 2023.	ET - 100% Jabatan Audit Dalam telah mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2024 pada 12 Oktober 2023.
Memperkukuhkan Tahap Integriti, Akauntabiliti dan Telus (*Transparency*)	5.	Menyelesaikan AW58 pada bulan Mei 2023	Memastikan pembayaran melibatkan AW58 dijelaskan pada Mei 2023.	ST - 100% Tiada isu yang melibatkan AW58.
Memperkukuhkan Tahap Integriti, Akauntabiliti dan Telus (*Transparency*) KPI Datuk Bandar	6.	Menyelesaikan teguran-teguran dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Siri 1 Tahun 2021 selepas dibentangkan di Parlimen. Tajuk: Pengurusan Mitigasi Banjir Kuala Lumpur (PMKL). Tarikh LKAN dibentang di Parlimen: 3 Ogos 2022	Lima belas (15) penemuan audit berstatus selesai	OT - 100% Status *AG's Dashboard* adalah seperti berikut: **STATUS** / **ISU** Hijau (Selesai): 15 Kuning (Dalam Tindakan): 0 **JUMLAH**: **15**

<table>
<tr><th>KRA</th><th>BIL.</th><th>KPI</th><th>SASARAN</th><th>PENCAPAIAN</th></tr>
<tr><td>Memperkukuhkan Tahap Integriti, Akauntabiliti dan Telus (Transparency)

KPI Datuk Bandar</td><td>7.</td><td>Melaksanakan pengauditan iaitu Audit Prestasi, Audit Penampilan, Audit Susulan, Audit Penyata Kewangan, Audit ICT, Audit Konsultansi dan Audit Khas.</td><td>Enam Belas (16) tajuk audit.</td><td>ST - 100%

Pengauditan bagi 18 tajuk telah selesai dilaksanakan.
<table>
<tr><th>TAJUK</th><th>BIL</th></tr>
<tr><td>Audit Prestasi</td><td>2</td></tr>
<tr><td>Audit Penampilan</td><td>4</td></tr>
<tr><td>Audit Susulan</td><td>4</td></tr>
<tr><td>Audit Penyata Kewangan</td><td>3</td></tr>
<tr><td>Audit Konsultansi</td><td>1</td></tr>
<tr><td>Audit Khas</td><td>3</td></tr>
<tr><td>Audit ICT</td><td>1</td></tr>
<tr><td>JUMLAH</td><td>18</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>Memperkukuhkan Tahap Integriti, Akauntabiliti dan Telus (Transparency)</td><td>8.</td><td>Melaksanakan pengauditan terhadap Pengurusan Kewangan berdasarkan Indikator Kawalan Indeks Akauntabiliti (AI) ke atas 25 Jabatan dan Pejabat Pengurusan Tertinggi.</td><td>Penarafan Indeks Akauntabiliti (AI).</td><td>ST - 100%

Jabatan Audit Dalam telah melaksanakan pengauditan dan selesai memberi Penarafan Penilaian Kendiri Indeks Akauntabiliti bagi 25 Jabatan, 11 Pejabat Cawangan dan Pejabat Pengurusan Tertinggi (37 PTJ) dan dibentangkan di dalam MJKA BIL 3/2023 yang telah diadakan pada 7 September 2023.</td></tr>
<tr><td>Memperkukuhkan Tahap Integriti, Akauntabiliti dan Telus (Transparency)</td><td>9.</td><td>Melaksanakan semakan semula dokumen Manual Audit Dalam selepas penggunaan Sistem Audit Paparan Susulan (SAPs) di Jabatan pada tahun 2023 mengikut piawaian International Professional Practices Framework (IPPF).</td><td>Pindaan dokumen Manual Audit Dalam disediakan dan diluluskan untuk digunapakai.</td><td>ST - 100%

Dokumen Manual Audit Dalam telah diluluskan oleh Datuk Bandar pada 14 Ogos 2023</td></tr>
<tr><td>Memperkukuhkan Tahap Integriti, Akauntabiliti dan Telus (Transparency)</td><td>10.</td><td>Menubuhkan Pasukan Pemeriksa Projek yang terdiri dari Kumpulan Pengurusan & Profesional (P&P) dan Kumpulan Sokongan I.</td><td>Penubuhan lima (5) pasukan pemeriksa.</td><td>ET - 100%

Sebanyak enam (6) Pasukan Pemeriksa Projek 2023 telah ditubuhkan dan surat watikah pelantikan telah ditandatangani oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur pada 22 Mei 2023. Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan Pasukan Pemeriksa Projek DBKL Bil. 1/2023 telah diadakan pada 12 Jun 2023 (Isnin).</td></tr>
<tr><td>Memperkukuhkan Tahap Integriti, Akauntabiliti dan Telus (Transparency)</td><td>11.</td><td>Melaksanakan kajian pelaksanaan pengauditan berasaskan risiko (Risk Based Auditing).</td><td>Satu (1) laporan kajian (Risk Based Auditing) disediakan.</td><td>OT - 100%

Laporan Kajian Cadangan Pelaksanaan Risk Based Internal Auditing telah disiapkan pada Disember 2023</td></tr>
</table>

KRA	BIL.	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Memperkukuhkan Tahap Integriti, Akauntabiliti dan Telus (*Transparency*)	12.	Penggunaan Sistem Audit dan Paparan Susulan (SAPs) oleh pelanggan audit.	Memastikan 100% penggunaan Modul Indeks Akauntabiliti (AI) di bawah SAPs oleh pelanggan audit.	ET - 100% Pelanggan Audit telah menggunakan SAPs sepenuhnya bagi melaksanakan Penilaian Kendiri bermula 1 April - 22 Mei 2023.

5.0 FUNGSI

5.1 Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan

5.1.1 Mengkaji kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kewangan serta kawalan dalaman organisasi.

5.1.2 Mengkaji tahap pematuhan kepada segala dasar, undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuatkuasa.

5.1.3 Mengkaji aktiviti organisasi diuruskan secara berhemah, cekap dan berkesan.

5.1.4 Mengkaji aset dan kepentingan organisasi dilindungi dari segi kehilangan, penipuan dan penyelewengan.

5.1.5 Memberi nasihat / pandangan mengenai kawalan dalaman terhadap semua sistem termasuk sistem ICT.

5.1.6 Melaporkan kepada Datuk Bandar hasil pengauditan dan memantau tindakan susulan diambil oleh pengurusan terhadap perkara yang dibangkitkan.

5.1.7 Menyediakan Rancangan Audit Tahunan untuk kelulusan Datuk Bandar.

5.1.8 Membentangkan Rancangan Audit Tahunan di Mesyuarat Jawatankuasa Audit.

5.2 Fungsi-Fungsi Unit-Unit / Bahagian-Bahagian Jabatan

5.2.1 Bahagian Pentadbiran dan Kewangan

i. Mengurus tadbir pejabat Jabatan Audit Dalam (JAD).

ii. Mengurus tadbir hal-hal pengurusan dan perkhidmatan termasuk pengesahan dalam jawatan, pengisytiharan harta, penilaian prestasi tahunan persaraan, tatatertib, cuti dan kebajikan.

iii. Mengurus tadbir hal-hal pembangunan sumber manusia dengan menganjurkan program / bengkel serta menyelaras kehadiran kursus pegawai dan kakitangan.

iv. Mengurus tadbir aset dan inventori pejabat dengan lebih tersusun dan sistematik termasuk pendaftaran dan pelupusan aset.

v. Memastikan dan menyelaras keselamatan dokumen mengikut Akta Rahsia Rasmi, Arahan keselamatan dan Akta Arkib Negara.

vi. Menyelaras pengauditan seperti Audit Pemantauan ISO 9001:2015, Audit Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) MS ISO 37001:2016, Audit Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA), Audit Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT), Inspektorat Pengurusan Rekod Awam dan Inspektorat Keselamatan dan Perlindungan.

vii. Mengawal selia kenderaan jabatan termasuk memastikan kenderaan sentiasa tersedia untuk digunakan, bersih dan selamat serta mematuhi jadual servis yang telah ditetapkan dan mengemaskini rekod buku log kenderaan.

viii. Menyelaras Mesyuarat Jawatankuasa Audit secara berkala di peringkat Pengurusan Tertinggi.

ix. Menyedia dan mengawal peruntukan dan perbelanjaan tahunan termasuk proses pindahan peruntukan (*virement*).

x. Mengurus semua pembayaran bil dan tuntutan.

xi. Mengurus pembelian aset mengurus JAD.

xii. Mengurus bayaran melalui borang tempahan.

xiii. Mengurus Panjar Wang Runcit.

5.2.2 Bahagian Audit Sektor Pembangunan Sosioekonomi / Sektor Perancangan / Sektor Pengurusan Projek / Sektor Pengurusan

i. Melaksanakan Audit Prestasi bagi Projek / Aktiviti / Program jabatan di bawah Sektor Pembangunan Sosio-Ekonomi / Sektor Perancangan / Sektor Pengurusan Projek / Sektor Pengurusan yang dijalankan secara Rancangan Audit Tahunan (RAT).

- Menilai keberkesanan, kekukuhan dan kecukupan struktur kawalan dalaman. Kualiti dan penambahbaikan berterusan ditekankan dalam proses kawalan organisasi.
- Mengkaji kepatuhan terhadap polisi, perancangan, prosedur-prosedur, undang-undang dan peraturan-peraturan.
- Menilai dari segi ekonomi dan kecekapan penggunaan sumber-sumber yang digunakan serta mencadangkan penambahbaikan dalam operasi.
- Menentukan sejauh mana objektif dan sasaran yang ditetapkan untuk operasi atau program tercapai dengan cara yang efektif, efisyen dan ekonomikal dalam kekangan kos yang efektif dan sejajar dengan undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan.

ii. Melaksanakan Audit Susulan bagi Penemuan Audit yang telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit / isu-isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara bagi memastikan tindakan pembetulan dan penambahbaikan telah dilaksanakan.

iii. Melaksanakan Audit Kewangan melalui Indeks Akauntabiliti ke atas sembilan (9) elemen kawalan iaitu Kawalan Pengurusan, Belanjawan, Terimaan, Perolehan, Perbelanjaan, Pinjaman Kakitangan / Pendahuluan Diri / Deposit, Pengurusan Aset dan Stor, Pelaburan serta Penyata Kewangan.

iv. Melaksanakan pelbagai Program Audit seperti Audit Penyata Kewangan, Audit ICT, Audit Penampilan, Audit Khas dan Audit Konsultansi.

v. Menjadi penyelaras ke atas maklum balas dan tindakan terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) melalui *Auditors General Dashboard* (AGD).

6.0 BAJET

6.1 Perbelanjaan Mengurus

PERKARA	TAHUN 2023	PERATUS (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM83,037.03	98.04%
Perbelanjaan	RM84,700.00	

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2023

7.1 Sepanjang tahun 2023, JAD telah mengadakan pelbagai aktiviti dan bengkel seperti berikut:

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
31 Januari 2023	Pengguna Sistem Audit Dan Paparan Susulan (SAPs)	Kursus Sistem Audit Dan Paparan Susulan (SAPs) Siri 1	Meningkatkan kefahaman dan pengetahuan berkenaan penggunaan SAPs.
20 hingga 24 Februari 2023	Pasukan Audit Jabatan Audit Negara	Lawatan Fizikal Oleh Pasukan Audit Dari Jabatan Audit Negara Ke Tapak Projek *River Beautification* dan *River Cleaning*	Menyemak keadaan fizikal projek dari aspek kualiti pembinaan, pematuhan terhadap spesifikasi dan *as built drawing*, tahap operasi serta penyenggaraan aset.

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
26 hingga 28 Februari 2023	Pegawai dan Kakitangan JAD	Bengkel Pengemaskinian *Myportfolio* dan Pembangunan Soalan Indeks Akauntabiliti	Mengemaskini dokumen *MyPortfolio* sedia ada selaras dengan penggunaan SAPs dan membangunkan satu senarai semak AI bagi membolehkan pelanggan audit membuat penilaian kendiri (*self-assessment*) menerusi SAPs.
16 Mac 2023	Pengguna Sistem Audit dan Paparan Susulan (SAPs)	Kursus Sistem Audit dan Paparan Susulan (SAPs) Siri 2	Meningkatkan kefahaman dan pengetahuan berkenaan penggunaan SAPs.
31 Mei hingga 2 Jun 2023	Pegawai dan Kakitangan JAD	Bengkel Pengemaskinian Dokumen Manual Audit Dalam	Mengemaskini Dokumen Manual Audit Dalam
21 Jun 2023	Pengguna Sistem Audit dan Paparan Susulan (SAPs)	Kursus Sistem Audit dan Paparan Susulan (SAPs) Siri 3	Meningkatkan kefahaman dan pengetahuan berkenaan penggunaan SAPs.
26 hingga 27 Jun 2023	Pegawai dan Kakitangan JAD	Kursus *Risk-Based Internal Auditing* (RBIA)	Mempelajari rangka kerja kaedah pengauditan *Risk Based Internal Auditing* (RBIA) bagi meningkatkan tadbir urus dan prestasi organisasi dalam konteks DBKL.
24 hingga 27 Julai 2023	Pasukan Pemeriksa Projek (PPPDBKL) DBKL 2023	Bengkel Pasukan Pemeriksa Projek DBKL (PPPDBKL) 2023	Memberi pendedahan kepada peserta dalam menjalankan tanggungjawab sebagai pemeriksa projek, mengenalpasti '*red flag*' berhubung dengan isu semasa menjalankan pemeriksaan fizikal, dan kemahiran menilai risiko dalam melaksanakan tugas pemeriksaan projek.
12 hingga 13 September 2023	Akauntan dan Penolong Akauntan JAD	Kursus *Root Cause Analysis*	Memberikan kefahaman mengenai pendekatan dalam membuat analisa menggunakan kaedah *Root Cause Analysis* (RCA).
1 hingga 2 November 2023	Pegawai dan Kakitangan JAD	Program Penyediaan Laporan Kajian *Risk Based Internal Auditing* (RBIA)	Menyediakan Laporan Kajian Rangka Kerja Kaedah Pengauditan Berasaskan Risiko atau *Risk Based Internal Auditing* (RBIA).
20 hingga 22 November 2023	Pegawai dan Kakitangan JAD	Bengkel Gerak Kerja Jabatan Audit Dalam 2024	Merangka program dan menyusun atur gerak kerja-kerja pengauditan sepanjang tahun 2024;
23 November 2023	Ahli Jawatankuasa EKSA JPEP	Lawatan Rasmi Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan ke JAD	Lawatan audit yang bertujuan untuk dijadikan rujukan dalam membuat penambahbaikan EKSA di JPEP.



Lawatan Fizikal Oleh Pasukan Audit Dari Jabatan Audit Negara Ke Tapak Projek *River Beautification dan River Cleaning* 20 hingga 24 Februari 2023



Bengkel Pengemaskinian Dokumen Manual Audit Dalam 31 Mei hingga 2 Jun 2023



Kursus *Risk-Based Internal Auditing* (RBIA) 26 hingga 27 Jun 2023



Kursus *Root Cause Analysis* 12 hingga 13 September 2023



Program Penyediaan Laporan Kajian *Risk Based Internal Auditing* (RBIA) 1 hingga 2 November 2023



Lawatan Rasmi JPEP Ke JAD 23 November 2023

8.0 ENCAPAIAN JABATAN

8.1 Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI)

Pada tahun 2023, Jabatan Audit Dalam (JAD) melaksanakan Pengauditan Pengurusan Kewangan berasaskan Indeks Akauntabiliti (AI) Peringkat DBKL melalui Sistem Audit Dan Paparan Susulan (SAPs) dan penarafan bintang ke atas 25 Jabatan, 11 Pejabat Cawangan dan 1 Pejabat Pengurusan Tertinggi yang mewakili 37 Pusat Tanggungjawab (PTJ). Indeks Akauntabiliti (AI) dinilai berdasarkan kepada tahap pematuhan peraturan kewangan berhubung 9 elemen Kawalan yang melibatkan 287 kriteria / soalan (29 Indikator / 68 Sub Indikator) iaitu:


i. Kawalan Pengurusan
ii. Kawalan Belanjawan
iii. Kawalan Terimaan
iv. Kawalan Pengurusan Perolehan
v. Kawalan Perbelanjaan
vi. Kawalan Pengurusan Pinjaman Kakitangan / Pendahuluan Diri dan Deposit
vii. Kawalan Pengurusan Aset dan Stor
viii. Kawalan Pengurusan Pelaburan
ix. Kawalan Penyata Kewangan

Secara umumnya, penarafan di peringkat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) diberi berdasarkan markah keseluruhan seperti berikut:

PEMARKAHAN TAHAP PENARAFAN PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN

MARKAH KESELURUHAN (%)	TAHAP	PENCAPAIAN
90 hingga 100	Cemerlang	★★★★★
80 hingga 89.9	Baik	★★★★☆
70 hingga 79.9	Memuaskan	★★★☆☆
60 hingga 69.9	Kurang Memuaskan	★★☆☆☆
59.9 ke bawah	tidak Memuaskan	★☆☆☆☆

Pembentangan AI telah dilaksanakan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit (MJKA) Bil 3/2023 pada 7 September 2023 (Rabu). Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan bagi tahun 2023 menunjukkan semua (37) PTJ mencapai tahap Cemerlang dan mendapat 5 bintang. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan secara keseluruhan adalah seperti berikut:




Prestasi pengurusan kewangan bagi 4 Kawalan yang dibuat pengauditan menunjukkan 26 PTJ mencapai tahap Cemerlang dan 11 PTJ berada pada tahap Baik. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan secara keseluruhan bagi tahun 2023 adalah seperti berikut:

PENARAFAN BERDASARKAN 4 KAWALAN


BIL.	PTJ	JUMLAH MARKAH	PENARAFAN	BIL.	PTJ	JUMLAH MARKAH	PENARAFAN	BIL.	PTJ	JUMLAH MARKAH	PENARAFAN
1.	JAD	98.2%	★★★★★	14.	JPPP	94.5%	★★★★★	27.	IDB	89.1%	★★★★☆
2.	JKAS	98.2%	★★★★★	15.	JPPPB	94.5%	★★★★★	28.	JKAWS	89.1%	★★★★☆
3.	JPRK	98.2%	★★★★★	16.	PCBTR	94.5%	★★★★★	29.	JKME	89.1%	★★★★☆
4.	JIT	96.4%	★★★★★	17.	JP	92.7%	★★★★★	30.	JPB	89.1%	★★★★☆
5.	JKEW	96.4%	★★★★★	18.	JPIF	92.7%	★★★★★	31.	JPK	89.1%	★★★★☆
6.	JPSM	96.4%	★★★★★	19.	PCC	92.7%	★★★★★	32.	JPLR	87.3%	★★★★☆
7.	JUB	96.4%	★★★★★	20.	PCSP	92.7%	★★★★★	33.	JPPH	87.3%	★★★★☆
8.	JUP	96.4%	★★★★★	21.	PCTT	92.7%	★★★★★	34.	PCB	87.3%	★★★★☆
9.	PCSG	96.4%	★★★★★	22.	JPEP	90.9%	★★★★★	35.	PCLP	87.3%	★★★★☆
10.	PT	96.4%	★★★★★	23.	JPM	90.9%	★★★★★	36.	PCBB	85.5%	★★★★☆
11.	JKB	94.5%	★★★★★	24.	JPRB	90.9%	★★★★★	37.	PCWM	85.5%	★★★★☆
12.	JKKPS	94.5%	★★★★★	25.	PCK	90.9%	★★★★★				
13.	JPKKB	94.5%	★★★★★	26.	PCSTW	90.9%	★★★★★				


Analisis Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2023 mengikut 4 Kawalan bagi 37 PTJ mendapati 3 Kawalan berada pada tahap Cemerlang manakala 1 Kawalan berada pada tahap Baik. Perbandingan tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut Kawalan seperti berikut:




8.2 Kuatkuasa Penggunaan Manual Audit Dalam dan Pekeliling JAD


Pada tahun 2023, Jabatan Audit Dalam telah mengemaskini dokumen Manual Audit Dalam, Pekeliling Penubuhan Jawatankuasa Audit dan Pekeliling Pelaksanaan Audit Dalam yang telah ditandatangani oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur dan berkuat kuasa pada 14 Ogos 2023. Kuatkuasa penggunaan Dokumen Manual Audit Dalam selaras dengan piawaian amalan profesional audit dalam seperti yang digariskan oleh Badan Profesional iaitu *Institute of Internal Auditors Malaysia* (IIAM) dan Perbendaharaan Malaysia mulai tahun 2023. Objektif pengemaskinian Manual Audit Dalam adalah bagi memastikan prosedur pelaksanaan Audit Dalam adalah seragam dan teratur mengikut manual prosedur kerja yang ditetapkan.







PENUBUHAN
JAWATANKUASA AUDIT
DI PERINGKAT
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
(DBKL)




8. **Kuat Kuasa**

8.1 Pemakaian Pekeliling **Penubuhan Jawatankuasa Audit di peringkat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)** ini adalah berkuat kuasa pada tarikh ianya ditandatangani.


8.2 Dengan berkuatkuasa pekeliling ini, ianya membatalkan Pekeliling **Penubuhan Jawatankuasa Audit di peringkat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertarikh 18 November 2016.**

YBHG. DATUK SR. HJ. KAMARULZAMAN BIN MAT SALLEH
DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

Tarikh : 14.8.2023.



PELAKSANAAN AUDIT DALAM
DI
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
(DBKL)



10. **Kuatkuasa**

10.1 Pemakaian Pekeliling **Pelaksanaan Audit Dalam Di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ini adalah berkuatkuasa pada tarikh ianya ditandatangani.**

10.2 Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, ianya membatalkan Pekeliling **Pelaksanaan Audit Dalam Di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertarikh 21 November 2016.**

DATUK SR HJ. KAMARULZAMAN BIN MAT SALLEH
DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

Tarikh : 14.8.2023.

8

8.3 Pasukan Pemeriksa Projek DBKL (PPPDBKL) Tahun 2023

Penubuhan Pasukan Pemeriksa Projek DBKL (PPPDBKL) yang dikoordinasikan oleh Jabatan Audit Dalam telah dimulakan pada tahun 2009 sebagai wadah pemantauan berterusan Pengurusan Tertinggi DBKL bagi memastikan pelaksanaan sesuatu projek memberikan pulangan terbaik kepada DBKL selaras dengan konsep *'value for money'* serta memantapkan sistem kawalan dalaman.

Sebanyak enam (6) PPPDBKL Tahun 2023 telah ditubuhkan melalui surat lantikan oleh YBhg. Datuk Bandar Kuala Lumpur pada 22 Mei 2023. Bengkel Pasukan Pemeriksa Projek telah diadakan di Terengganu pada 24 hingga 27 Julai 2023 sebagai latihan kompetensi untuk melaksanakan pengauditan.

Sebanyak enam (6) projek yang menelan belanja keseluruhan sebanyak RM278,241,100.00 telah dipilih untuk dijadikan tajuk audit. Berikut adalah tajuk-tajuk pengauditan:

i. Cadangan Pembinaan Jalan Dari Lorong Cadangan Pembinaan Jalan dari Lorong Perkhidmatan Lebuhraya Kuala Lumpur - Putrajaya (MEX) sehingga ke Lot 14996, Taman Naga Emas, Salak Selatan, Kuala Lumpur

   Auditi: Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran

ii. Cadangan Pembangunan Bazaria Genting Kelang Setinggi 3 Tingkat Yang Terdiri Daripada:
   1) 625 Unit Bazar
   2) 30 Unit Gerai Makan
   3) 43 Unit Gerai Kering
   4) Ruang UTC Di Aras 1
   5) Sebuah Dewan Serbaguna Di Aras 2
   6) 2 Unit Gelanggang Futsal Di Aras 2
   7) Tempat Letak Kenderaan Di Aras 1 Dan
   8) Ruang-Ruang Sokongan Di Atas Lot 27844,

   dan Sebahagian Lot 14264 Di Jalan Genting Kelang, Wangsa Maju, Mukim Setapak, Kuala Lumpur

   Auditi: Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan

iii. Pusat Komuniti Cheras Warisan City View
   Auditi: Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan

iv. Cadangan Ubahsuai dan Tambahan Bangunan Makmal, Jabatan Kesihatan di Pasar Borong Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Reka dan Bina)

   Auditi: Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan

v. Cadangan Projek Tebatan Banjir Di Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur (Secara *Design & Build*)


   Auditi: Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran

vi. Cadangan Menggantikan Jambatan Konkrit Sedia ada Kepada Jambatan Konkrit Baru Merentangi Sungai Kelang Di Jalan Jelatek, Kuala Lumpur

   Auditi: Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran

Pembentangan pengauditan telah dilaksanakan di MJKA Bil 4/2023 pada 7 Disember 2023 dan MJKA Bil 1/2024 pada 2 Januari 2024.

PENYAMPAIAN CENDERAHATI KEPADA PPPDBKL TAHUN 2023















8.4 PELAKSANAAN AUDIT DALAM EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) TAHUN 2023

Pasukan Audit Dalam EKSA telah melaksanakan audit dalam di semua Jabatan dan Pejabat Cawangan pada 2 hingga 6 Oktober 2023. Pengauditan di JAD telah dilaksanakan pada 4 Oktober 2023 JAD mendapat markah audit tertinggi seterusnya dinobatkan sebagai johan bagi pelaksanaan EKSA DBKL Tahun 2023.

8.5 KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF

JAD juga telah mengambil bahagian dalam Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat DBKL. Seramai 10 orang kakitangan telah mewakili JAD dan membentuk satu kumpulan KIK yang diberi nama *The Auditors*. *The Auditors* telah membentangkan tajuk "Digitalisasi Audit" di Konvensyen KIK yang telah diadakan di Institut Latihan DBKL pada 3 November 2023 dan mendapat tempat ke-4 dalam pertandingan tersebut.

KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF DBKL



8.6 RANCANGAN AUDIT TAHUNAN (RAT)

JAD telah melaksanakan 27 tajuk pengauditan sepanjang Tahun 2023 seperti berikut:

BIL.	JENIS PENGAUDITAN	BILANGAN	CATATAN
1.	Audit Prestasi	2	Rujuk Jadual 1
2.	Audit Penampilan	4	Rujuk Jadual 2
3.	Audit Susulan	4	Rujuk Jadual 3
4.	Audit Penyata Kewangan	3	Rujuk Jadual 4
5.	Audit Pengurusan Kewangan	9	Rujuk Jadual 5
6.	Audit ICT	1	Rujuk Jadual 6
7.	Audit Konsultansi	1	Rujuk Jadual 7
8.	Audit Khas	3	Rujuk Jadual 8
	Jumlah Keseluruhan	**27**	

Jadual 1

BIL.	TAJUK AUDIT PRESTASI	AUDITI
1.	Pengauditan Pengurusan Hartanah Datuk Bandar Kuala Lumpur	JPPH
2.	Pengauditan Penyelenggaraan Rumah PA & PPR	JPKKB

Jadual 2

BIL.	TAJUK AUDIT PENAMPILAN	AUDITI
1.	Pengauditan Pengurusan Rumah Rehat DBKL Rumah Rehat Langkawi, Kedah Rumah Rehat A Famosa Resort, Melaka Rumah Rehat Cameron Highlands, Pahang	JPSM
2.	Pengauditan Laluan Pejalan Kaki & Basikal	JPB
3.	Pengauditan Mengenai Tempoh Pengenaan Cukai Taksiran Selepas CCC Dikeluarkan	JKB
4.	Pengauditan Permohonan Lanjutan Tempoh Kontrak (EOT)	JPKKB JKAWS JKME JPLR JPPPB

Jadual 3

BIL.	TAJUK AUDIT SUSULAN	AUDITI
1.	Pengauditan Pengurusan Mitigasi Banjir Kuala Lumpur	JKAWS
2.	Pengauditan Dokumen Perjanjian Penyewaan Penjaja	JPPP
3.	Pengauditan Pengurusan Tempat Letak Kereta	JPPH
4.	Penggunaan Sistem BEDOS	Semua Jabatan

Jadual 4

BIL.	TAJUK AUDIT PENYATA KEWANGAN	AUDITI
1.	Baki Awal & Baki Akhir 2022 bagi Aset dan Liabiliti	JKEW
2.	Akaun Cagaran Bazar Perayaan	
3.	Akaun Kerja Dalam Proses	

Jadual 5

BIL.	TAJUK AUDIT PENGURUSAN KEWANGAN	BIL.	TAJUK AUDIT PENGURUSAN KEWANGAN	AUDITI
1.	Kawalan Pengurusan	6.	Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit	Semua Jabatan
2.	Kawalan Bajet			
3.	Kawalan Terimaan	7.	Pengurusan Aset dan Stor	
4.	Pengurusan Perolehan	8.	Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman	
5.	Kawalan Perbelanjaan	9.	Penyata Kewangan	

Jadual 6

BIL.	TAJUK AUDIT ICT	AUDITI
1.	Pengauditan Sistem Penguatkuasaan Jabatan (SPJ)	JPM & Jabatan Pengguna

Jadual 7

BIL.	TAJUK AUDIT KONSULTANSI	AUDITI
1.	Pasukan Pemeriksa Projek	Jabatan Pelaksana

Jadual 8

BIL.	TAJUK AUDIT KHAS	AUDITI
1.	Pengauditan Pengurusan Operasi *Kuala Lumpur Command and Control Centre* (KLCCC)	JPB
2.	Pengauditan Khas Kawalan Keselamatan (Tanpa Senjata Api) untuk Harta Milik Datuk Bandar dan premis DBKL bagi Tempoh Dua (2) Tahun (2018/A151)	JPK
3.	Pengauditan Pengurusan Kejohanan Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia 2023 (SUKANUN Ke-12)	JKKPS

Jabatan Integriti

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan

Bermula sebagai sebuah unit di bawah Jabatan Pengurusan Sumber Manusia (JPSM), Jabatan Integriti (JIT) ditubuhkan pada 1 Ogos 2015 selaras keputusan kerajaan. Bertindak sebagai *focal point* pengurusan isu berkaitan integriti di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

1.2 Bahagian-Bahagian / Unit-Unit di Jabatan

JIT dibahagikan kepada tiga (3) bahagian seperti berikut:

i. Bahagian Pengurusan.
ii. Bahagian Pencegahan.
iii. Bahagian Operasi.

JIT melaksanakan enam (6) fungsi utama iaitu tadbir urus, pengukuhan integriti, pematuhan, pengurusan aduan, pengesanan dan pengesahan dan tatatertib.

1.3 Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan

KATEGORI	JUMLAH
Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 dan ke atas)	10
Kumpulan Sokongan I (Gred 17- 40)	13
Kumpulan Sokongan II (Gred 1-16)	4
JUMLAH	27

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi dan Misi Jabatan

- **Visi Jabatan**
  Membudayakan nilai-nilai integriti di kalangan warga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- **Misi Jabatan**
  Jabatan Integriti sebagai *Focal Point* dalam mengurangkan isu-isu berkaitan integriti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Memastikan semua maklumat / aduan yang diterima dibawa ke Jawatankuasa Menilai Maklumat (JMM) dalam tempoh tiga (3) hari bekerja dari tarikh penerimaan di Unit Aduan.

3.2 Mengemukakan surat pemakluman keputusan Lembaga Tatatertib Bebas dan Rayuan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh prosiding.

3.3 Mendidik warga kerja DBKL dalam penghayatan Integriti melalui Program Pengukuhan Integriti sekurang-kurangnya dua belas (12) program setahun.

3.4 Memastikan hebahan pesanan integriti bagi pemahaman dan penghayatan nilai kepada warga kerja DBKL dua belas (12) kali setahun.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

4.1 KPI Jabatan

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
MENINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN (*CUSTOMER FOCUS*)	1.	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan. (IDB: 2 Hari, Jabatan: 2 Hari)	Semua pegawai dan kakitangan Jabatan menghadiri kursus 4 hari setahun.	100%
	2.	Mensasarkan sekurang-kurangnya 80% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari untuk aduan biasa.	Menyelesaikan 80% aduan yang diterima pada setiap bulan. (Berpandukan sasaran JWP)	100%
MEMPERKUKUH TAHAP INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN TELUS (*TRANSPARENCY*)	3.	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah.	Mencapai sekurang-kurangnya 95% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2023.	92%
	4.	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2024.	Keseluruhan Jabatan hendaklah mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2024 sebelum 30 November 2023.	-
	5.	Menyelesaikan AW58 pada bulan Mei 2023	Memastikan pembayaran melibatkan AW58 dijelaskan pada Mei 2023	100%
MEMPERKUKUH TAHAP INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN TELUS (*TRANSPARENCY*).	6.	Menyiapkan Kertas Pengesanan dan Pengesahan (KPP) dalam tempoh yang ditetapkan.	Memastikan 90% KPP disiapkan dalam tahun semasa	100%
	7.	Memastikan Kertas Pertimbangan disediakan dalam tempoh yang ditetapkan.	Memastikan 90% Kertas Pertimbangan disediakan dalam tahun semasa.	100%
	8.	Melaksanakan Program Pengukuhan Integriti.	Mengadakan sekurang-kurangnya 18 program setahun.	100%
	9.	Aktiviti naziran di jabatan-jabatan DBKL.	Mengadakan sekurang-kurangnya 10 naziran setahun.	100%
MEMPERKUKUH TAHAP INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN TELUS (*TRANSPARENCY*).	10.	Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) peringkat DBKL.	Memastikan Mesyuarat JAR diadakan sekurang-kurangnya 3 kali setahun.	100%
	11.	Memastikan inisiatif Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) di bawah tindakan Jabatan Integriti dilakanakan dalam tempoh yang ditetapkan.	Sekurang-kurangnya 50% dari sasaran inisiatif OACP Jabatan Integriti dilaksanakan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.	100%

5.0 FUNGSI

5.1 Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan

5.1.1 Memastikan tadbir urus terbaik dilaksanakan di organisasi.

5.1.2 Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi.

5.1.3 Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa.

5.1.4 Mengesan dan mengesahkan aduan salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan sewajarnya diambil.

5.1.5 Melaporkan salahlaku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab.

5.1.6 Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan / maklumat mengenai salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi.

5.1.7 Melaksanakan fungsi urusetia Lembaga Tatatertib.

5.2 Fungsi-Fungsi Unit-Unit / Bahagian-Bahagian Jabatan

5.2.1 Unit Pengukuhan Integriti

i. Merancang, menyelaras dan melaksanakan program kesedaran, latihan, seminar dan pendidikan bagi meningkatkan amalan nilai-nilai murni, etika dan integriti.

ii. Mewujudkan jaringan kerjasama jabatan-jabatan di organisasi dan agensi luar untuk membentuk program pengukuhan integriti.

iii. Merancang dan melaksana Sambutan Hari Integriti DBKL.

5.2.2 Unit Tadbir Urus

i. Menyemak, menyelia dan menyelaras penambahbaikan dasar, sistem dan prosedur DBKL bagi memastikan tadbir urus organisasi yang baik.

ii. Menjalankan fungsi Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR).

5.2.3 Unit Pematuhan

i. Menyelia dan menyemak tahap pematuhan organisasi terhadap dasar, undang-undang, sistem dan prosedur kerja yang sedang berkuatkuasa serta mengesyor penambahbaikan.

5.2.4 Unit Pengesanan dan Pengesahan

i. Menjalankan pengesanan dan pengesahan pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi.

5.2.5 Unit Aduan

i. Mengurus dan menapis maklumat / aduan salah laku dan pelanggaran tatatertib di DBKL.

ii. Mengedar dan memantau maklumat / aduan yang bersifat pentadbiran untuk tindakan dalaman DBKL.

iii. Mengurus dan mengambil tindakan punitif ke atas laporan kes daripada SPRM.

5.2.6 Unit Tatatertib

i. Memantau dan memastikan pematuhan Kaedah-Kaedah Pegawai DBKL (Kelakuan & Tatatertib) 1989 dan Kaedah-Kaedah Pegawai Penguatkuasa DBKL (Kelakuan & Tatatertib)1992 oleh organisasi.

ii. Menjalan fungsi Urusetia Lembaga Tatatertib Bebas dan Rayuan DBKL.

iii. Memantau dan menjadi rujukan jabatan-jabatan menjalankan fungsi Urusetia Lembaga Tatatertib Jabatan.

5.2.7 Unit Pentadbiran dan Kewangan

i. Mengurus hal ehwal pentadbiran, kewangan, aset dan sumber manusia jabatan.

ii. Menyelaras Laporan Tahunan jabatan.

iii. Menjalankan fungsi urusetia Sistem Pengurusan Kualiti (SPK), ISO, *Star Rating*, Keselamatan, OSHA, EKSA dan lain-lain di jabatan.

6.0 BAJET

6.1 Perbelanjaan Mengurus

PERKARA	TAHUN 2023	PERATUS (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM177,900.00	92%
Perbelanjaan	RM163,233.00	

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2023

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM/ AKTIVITI	OBJEKTIF
10 hingga 31 Januari 2023	Pegawai dan kakitangan Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar (Parlimen Seputeh, Parlimen Lembah Pantai, Parlimen Segambut, Parlimen Titiwangsa, Parlimen Setiawangsa dan Parlimen Cheras)	*Tour* Integriti	Melestarikan integriti dan platform untuk bertukar pandangan di kalangan warga DBKL berkaitan isu-isu integriti.
2 hingga 16 Februari 2023	Pegawai dan kakitangan Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar (Parlimen Tun Razak, Parlimen Kepong, Parlimen Batu, Parlimen Wangsa Maju, Parlimen Bukit Bintang)	*Tour* Integriti	Melestarikan integriti dan platform untuk bertukar pandangan di kalangan warga DBKL berkaitan isu-isu integriti
21 Februari 2023	Pelbagai jabatan	Program Sahsiah Diri (Ustaz Kazim bin Elias)	Membentuk penjawat awam yang berintegriti tinggi serta berfikiran positif bagi mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dan cemerlang.
23 Februari 2023	Pelbagai Jabatan	*Tour* Integriti JKAS (Kawalan Pest dan Pusat Logistik Vektor)	Melestarikan integriti dan platform untuk bertukar pandangan di kalangan warga DBKL berkaitan isu-isu integriti
1 hingga 3 Mac 2023	Jabatan Integriti	Retreat Jabatan Integriti	Merancang halatuju JIT dalam pelbagai aspek perkhidmatan, menyusun dan mengemaskini perihal dasar kualiti, perancangan program pengukuhan, pencegahan serta penyeragaman proses kerja
8 Mac 2023	Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar (Pentadbiran)	*Tour* Integriti	Melestarikan integriti dan platform untuk bertukar pandangan di kalangan warga DBKL berkaitan isu-isu integriti
14 Mac 2023	Semua Kumpulan Perkhidmatan	Caring Integrity	Menjadi amaran dan peringatan kepada individu agar menjaga rasuah, jaminan pimpinan DBKL kepada warganya, pemegang taruh dan pelanggan untuk mencegah jenayah rasuah, penzahiran akujanji kepada komitmen individu dalam pembanterasan rasuah dan sebagai bukti bahawa DBKL telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mencegah jenayah rasuah.
10 April 2023	Semua Kumpulan Perkhidmatan	Bicara Integriti Bersama Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan dan Selebriti Jemputan	Melestarikan nilai-nilai bersama DBKL (Dinamik, Bijaksana, Kreatif, Lestari) sebagai teras dalam menjalankan tugas, membentuk modal insan berasaskan pendekatan nilai-nilai murni di kalangan pegawai dan kakitangan DBKL dan membentuk jati diri pegawai dan kakitangan DBKL yang kukuh berasaskan nilai-nilai integriti yang tinggi.

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM/ AKTIVITI	OBJEKTIF
17 hingga 19 Mei 2023	Pelbagai Gred Perkhidmatan (pegawai yang dibekalkan kad kuasa)	Kursus Lestari Integriti	Meningkatkan kefahaman dan kesedaran tentang kepentingan integriti dalam perkhidmatan serta membudayakan amalan nilai-nilai murni, di samping meningkatkan komitmen dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab.
22 Mei 2023	Pegawai Kumpulan Pengurusan Dan Profesional	Kursus Pengurusan Minda Integriti	Mendapat pendedahan awal mengenai pembentukan minda berasaskan *Model 5 Minds of The Future oleh Howard Gardner.*
19 Jun 2023	Semua Kumpulan Perkhidmatan	Bicara Mufti	Meningkatkan kefahaman peserta berkaitan dengan isu-isu integriti semasa umat Islam dalam akidah dan media sosial, memotivasikan kakitangan DBKL ke arah pemikiran yang lebih positif terhadap perubahan dan memberi panduan yang tepat dalam mencapai budaya kerja yang cemerlang dan berintegriti.
21 Jun 2023	Penguatkuasa DBKL	Kursus Pembangunan Individu / Organisasi Berintegriti (PIOB)	Memberi ruang kepada warga DBKL dalam usaha meningkatkan amalan nilai murni dalam organisasi, untuk mempertingkatkan tahap produktiviti dan inovasi, mengurangkan salah laku seterusnya melestarikan tahap amalan berintegriti dalam kalangan penjawat awam khususnya penguatkuasa.
13 September 2023	Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional Lantikan 2022 hingga 2023	Kursus Eksplorasi Insan	Meningkatkan kefahaman dan keupayaan pegawai lantikan baharu DBKL dalam menguruskan kes-kes di jabatan serta dapat melestarikan amalan nilai-nilai murni dan integriti dalam perkhidmatan.
21 September 2023	Pelbagai Jabatan	Bicara Murabbi	Meningkatkan kefahaman peserta berkaitan dengan isu-isu integriti semasa umat Islam, menjelaskan isu-isu integriti dalam kekalutan akidah semasa umat Islam dan menjelaskan isu-isu integriti semasa umat Islam di dalam media sosial.
25 September 2023	Pelbagai Gred Perkhidmatan (pegawai yang dibekalkan kad kuasa)	Mudik ke hulu	Meningkatkan kefahaman dan kesedaran tentang kepentingan integriti dalam perkhidmatan serta membudayakan amalan nilai-nilai murni, di samping meningkatkan komitmen dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab.
5 dan 30 November 2023	Pelbagai Jabatan	Sambutan Hari Integriti	Memantapkan integriti dan meningkatkan kesedaran serta kefahaman berkaitan isu-isu integriti dalam kalangan warga DBKL, menyebarluaskan mesej-mesej integriti dan kepentingan integriti dalam penyampaian perkhidmatan dan mewujudkan budaya kerja berintegriti di DBKL.
24 hingga 26 November 2023	Jabatan Integriti	Retreat Jabatan Integriti	Untuk memeta kesepaduan penganjuran program antara bahagian dan unit agar bergerak dalam satu semangat dan tidak silo bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh Pihak Pengurusan DBKL dan Pengarah Jabatan Integriti.





Ikrar Bebas Rasuah (IBR) Dewan Megapuri, Menara DBKL 1 pada 14 Mac 2023





Program Bicara Integriti Biro Pelancongan, Jalan Tangsi pada 10 April 2023



Kunjung Hormat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) pada 13 Februari 2023



Kunjung Hormat Majlis Amanah Rakyat (MARA) pada 9 Februari 2023



Kunjung Hormat Pengurusan Risiko Sarawak Economic Development Corporation pada 8 Mac 2023



Kunjung Hormat Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu pada 20 September 2023





Sambutan Hari Integriti pada 30 November 2023

8.0 PENCAPAIAN JABATAN

TARIKH	ACARA	KEPUTUSAN

Sektor Perancangan

Jabatan Perancangan Infrastruktur

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan

Jabatan Perancangan Infrastruktur (JPIF) telah ditubuhkan pada 1 Julai 2011 dengan fungsi utamanya adalah untuk merancang dan mengawal pembangunan infrastruktur di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. JPIF adalah gabungan daripada beberapa bahagian dalam Jabatan Kerja Awam dan Saliran yang berfungsi melakukan kerja-kerja perancangan infrastruktur dan kawalan pembangunan.

1.2 Bahagian-Bahagian / Unit-Unit di Jabatan

Jabatan ini mempunyai tiga (3) bahagian utama seperti berikut:

1.2.1 Bahagian Pembangunan

1.2.1.2 Unit Kawalan Pembangunan

1.2.1.3 Unit Alamat dan Pengisytiharan Jalan

1.2.1.4 Unit Permit Angkut Bahan

1.2.2 Bahagian Perancangan

1.2.2.1 Unit Perancangan Jalan dan Saliran

1.2.2.2 Unit Kemudahan Pengangkutan Awam

1.2.3 Bahagian Pentadbiran dan Kewangan

1.3 Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan

KATEGORI	JUMLAH
Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 dan ke atas)	15
Kumpulan Sokongan I (Gred 17- 40)	47
Kumpulan Sokongan II (Gred 1-16)	12
JUMLAH	74

2.0 VISI DAN MISI JABATAN

2.1 Visi

Mewujudkan perancangan dan kawalan pembangunan infrastruktur yang efisien di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

2.2 Misi

2.2.1 Mengawal kerja-kerja pembangunan infrastruktur melalui kelulusan Kerja Tanah, Jalan dan Perparitan, Pembetung Pintu Masuk dan Perakuan Aliran Sirkulasi Dalaman dan Tempat Letak Kereta.

2.2.2 Merancang pembangunan infrastruktur jalan dan perparitan dengan bertanggungjawab memproses, menyemak dan menyediakan ulasan berkaitan dengan serahan tanah rizab jalan di peringkat kebenaran merancang.

2.2.3 Memastikan infrastruktur jalan dan perparitan yang dibina oleh pihak pemaju mematuhi pelan kelulusan dengan baik dan berfungsi dengan sempurna.

3.0 PIAGAM PELANGGAN TAHUN 2023

3.1.1 Mengemukakan kertas perakuan Pelan Kerja Tanah dan Pelan Jalan & Perparitan bagi projek yang berskala besar dan sederhana kepada Urusetia Pusat Setempat (OSC) dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh permohonan diterima daripada OSC.

3.1.2 Meluluskan Pelan Kerja Tanah dan Pelan Jalan & Perparitan dari tarikh penerimaan permohonan yang lengkap dalam tempoh 14 hari bekerja.

3.2.3 Memproses dan mengeluarkan surat pengesahan bagi Borang G17 dalam tempoh 7 hari berkerja bagi projek berisiko rendah dari tarikh penerimaan permohonan yang lengkap.

3.1.4 Memproses dan mengeluarkan surat ulasan / pengesahan dari tarikh penerimaan permohonan yang lengkap bagi perakuan Borang G17 dalam tempoh 14 hari berkerja.

3.1.5 Mempertimbangkan laporan kajian TIA dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan laporan TIA yang lengkap.

3.1.6 Memproses permohonan pemberian alamat premis dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan permohonan.

3.1.7 Memproses dan mengeluarkan surat perakuan pematuhan keperluan teknikal tempat letak kereta dan edaran lalulintas dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan permohonan yang lengkap bagi menyokong kelulusan Pelan Bangunan.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

KRA	BIL.	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Meningkatkan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan (*Customer Focus*)	1.	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan (IDB: 2 Hari, Jabatan: 2 Hari)	Semua pegawai dan kakitangan Jabatan menghadiri kursus 4 hari setahun IDB: 2 Hari Jabatan: 2 Hari	100%
	2.	Mensasarkan sekurang-kurangnya 80% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari untuk aduan biasa	Menyelesaikan 80% aduan yang diterima pada setiap bulan (Berpandukan sasaran KWP)	100%
Memperkukuhkan Tahap Integriti, Akauntabiliti dan Telus (*Transparency*)	3..	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	Mencapai sekurang-kurangnya 95% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2023	97%
	4.	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2024	Keseluruhan Jabatan hendaklah mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2024 sebelum 30 November tahun 2023	-
	5.	Menyelesaikan AW58 pada bulan Mei 2023	Memastikan pembayaran melibatkan AW58 dijelaskan pada Mei 2023	100%

KRA	BIL.	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Melaksanakan Perancangan Infrastruktur Mampan	6.	Pemantauan pelaksanaan inisiatif cadangan dalam Pelan Induk Trafik 2040 (juga sebagai KPI DB)	Mensasarkan 8 pelaksanaan inisiatif tindakan untuk mencapai mod pisah ragam 50:50 pada tahun 2025 berdasarkan Pelan Induk Trafik Kuala Lumpur 2040	100%
	7.	Menambahbaik garis panduan Permohonan Pelan Kerja Tanah dan Pelan Jalan dan Perparitan	1. Memuktamadkan penambahbaikan garis panduan 2. Membentangkan penambahbaikan garis panduan di mesyuarat JKPS	100%
	8.	Menyediakan prosedur kerja bagi penyerahan jalan dan pengisytiharan jalan awam	Mewujudkan prosedur kerja bagi penyerahan jalan dan pengisytiharan jalan awam	100%
	9.	Menyediakan prosedur kerja bagi penyerahan jalan dan pengisytiharan jalan awam	Mewujudkan prosedur kerja bagi penyerahan jalan dan pengisytiharan jalan awam	100%

5.0 FUNGSI UTAMA JABATAN

5.1 Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan

5.1.1 Memproses permohonan pelan kerja tanah dan jalan dan perparitan untuk kelulusan JKPS.

5.1.2 Memberi ulasan kepada keperluan serahan jalan dan saliran berdasarkan pelan perancangan jalan JPIF dan *Stormwater Management Asset Inventory System* (SMAIS) terhadap cadangan projek pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

5.1.3 Membuat kawalan pembangunan terhadap kelulusan pelan kelulusan kerja tanah, jalan dan perparitan, sistem pengurusan air hujan (MSMA) bagi pengeluaran sokongan G17 (Jalan dan Perparitan) untuk pengeluaran CCC.

5.1.4 Memproses permohonan permit angkut bahan dan memproses permohonan pemulangan wang cagaran permit angkut bahan.

5.1.5 Memproses permohonan pemberian alamat, penamaan nama jalan, serta pengisytiharan jalan awam.

5.1.6 Memproses pelan permohonan tempat letak kereta, hentian bas dan teksi, jejantas serta laluan penjalan kaki berbumbung.

5.2 Fungsi-Fungsi Unit-Unit / Bahagian-Bahagian Jabatan

5.2.1 UNIT KAWALAN PEMBANGUNAN

5.2.1.1 Memproses perakuan permohonan pelan kelulusan kerja tanah, jalan dan perparitan untuk pertimbangan dan kelulusan OSC.

5.2.1.2 Membuat lawatan tapak untuk pemeriksaan kerja-kerja jalan perparitan dan sistem pengurusan air hujan G17: Jalan dan Perparitan disyorkan.

5.2.1.3 Mengkoordinasi serahan jalan dan parit yang telah siap dibina selepas tamat tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) sebelum diserahkan kepada DBKL.

5.2.2 UNIT PERANCANGAN JALAN DAN SALIRAN

5.2.2.1 Menyemak dan mengulas keperluan serahan tanah bagi cadangan rizab jalan dan saliran selaras dengan kehendak perancangan pembangunan.

5.2.2.2 Menyemak, menganalisa dan mengulas laporan kajian impak trafik dan laporan geoteknik selaras dengan kehendak perancangan pembangunan.

5.2.2.3 Menyemak dan mengesahkan permohonan pelan pra-hitungan selaras dengan kehendak Jabatan, Agensi dan Perintah Pembangunan.

5.2.2.4 Menyediakan pengiraan penentuan kadar caj sumbangan pemaju berkaitan binaan infrastruktur berdasarkan janaan trafik pembangunan.

5.2.2.5 Menyelaras kepada pelaksanaan langkah-langkah inisiatif bagi mencapai modal *split* yang disasarkan dalam PITKL 2040.

5.2.3 UNIT KEMUDAHAN PENGANGKUTAN AWAM

5.2.3.1 Memberi ulasan teknikal pematuhan tempat letak kereta untuk Permohonan Kebenaran Merancang dan permohonan Pelan Bangunan (B1) yang diterima daripada OSC.

5.2.3.2 Memproses pelan untuk perakuan tempat letak kereta bagi pembangunan yang telah mempunyai Perintah Pembangunan dan permohonan Pelan Bangunan.

5.2.3.3 Memproses permohonan pejalan kaki berbumbung, jejantas pejalan kaki dan hentian bas / teksi untuk pertimbangan dan kelulusan OSC.

5.2.4 UNIT ALAMAT DAN PENGISYTIHARAN JALAN

5.2.4.1 Memproses permohonan Nombor Premis bagi tujuan pemberian alamat pada setiap unit premis / pembangunan di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

5.2.4.2 Memproses dalam menyediakan pemberian Nama Jalan untuk kelulusan Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Negeri Nama Geografi Wilayah Persekutuan.

5.2.4.3 Memproses serahan jalan bagi tujuan Pengisytiharan Jalan Awam di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

5.2.5 UNIT PERMIT ANGKUT BAHAN

5.2.5.1 Memproses permohonan permit angkut bahan.

5.2.5.2 Memproses permohonan pemulangan wang cagaran permit angkut bahan.

5.2.6 BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

5.2.6.1 Mengurus hal ehwal pentadbiran dan sumber manusia jabatan.

5.2.6.2 Mengurus kemajuan kerjaya perkhidmatan kakitangan.

5.2.6.3 Mengurus penilaian prestasi dan tatatertib.

5.2.6.4 Mengurus latihan, kursus, seminar, aktiviti sosial dan kebajikan kakitangan.

5.2.6.5 Mengurus penempatan latihan praktikal dari IPTA / IPTS.

5.2.6.6 Menyelenggara Infrastruktur, perkakasan, perisian sistem komputer.

5.2.6.7 Hal ehwal keselamatan Jabatan.

5.2.6.8 Mengurus hal ehwal aset inventori jabatan.

5.2.6.9 Menyediakan bajet tahunan.

5.2.6.10 Merancang, mengurus dan mengawal perbelanjaan.

5.2.6.11 Mengurus penyediaan dokumen tender, kontrak, sebutharga dan pembelian.

5.2.6.12 Menyelaraskan dokumen dan pemantauan Keselamatan Perlindungan di Jabatan.

5.2.6.13 Menyelaras hal ehwal Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

5.2.7 UNIT PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) / ADUAN DAN MAKLUMBALAS

5.2.7.1 Menyelaraskan penyediaan garis-garis panduan Jabatan dan memastikan garis panduan dipatuhi dan dikemaskini.

5.2.7.2 Menguruskan perlaksanaan Pelan Induk Trafik Kuala Lumpur 2040 dan Pelan Induk Pejalan Kaki dan Berbasikal.

5.2.7.3 Menyelaraskan, merekodkan aduan yang diterima daripada pengadu ke atas jabatan melalui surat dan email kepada unit yang bertanggungjawab dan bertanggungjawab memberi maklumbalas kepada pengadu tentang tindakan yang diambil.

6.0 BAJET

6.1 Perbelanjaan Mengurus

PERKARA	TAHUN 2023	PERATUS (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM567,000.00	97%
Perbelanjaan	RM549,995.00	

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2023

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
28 Dis 2023	Timbalan Pengarah Kanan dan Timbalan Pengarah (Jabatan Perancangan Infrastruktur) Pegawai dan kakitangan (Jabatan Perancangan Infrastruktur)	Lawatan ke Menara Merdeka PNB 118, Kuala Lumpur	Tujuan lawatan tapak ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan secara praktikal dan sesi perkongsian pengetahuan berhubung aspek teknikal seperti amalan terbaik dalam pengurusan tapak pembinaan, penggunaan teknologi binaan yang diaplikasikan dalam rekabentuk bangunan dan sistem operasi keselamatan tapak.











TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
31 Okt 2023 hingga 2 Nov 2023	• Pengarah (Jabatan Pengairan Dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) • Pengarah Kanan • (Jabatan Kerja Raya) • Pegawai (Malaysia Institute of Road Safety Research (MIROS)) • Pegawai Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) • Pegawai Agensi Pengangkutan Awam dan Darat (APAD) • Pegawai EDP Consulting Group Sdn Bhd • Pegawai TYLin Internasional Sdn. Bhd • Pegawai G&P Infra Sdn Bhd • Pegawai DR Y G Tan Jurutera Perunding Sdn Bhd • Tetuan Arup Jururunding Sdn. Bhd • Tetuan Minconsult Sdn. Bhd • Tetuan GPS Consulting Engineering Sdn. Bhd • Tetuan Jurutera Konsult Maju Sdn. Bhd • Tetuan YTLIN International • Tetuan Jurutera Perunding Awam YS Sdn. Bhd • 13 Jabatan Dalaman DBKL • Agensi luar	Bengkel penambahbaikan Garis Panduan Kejuruteraan (Kerja Tanah & Jalan Perparitan)	Bengkel ini bertujuan untuk : Menyeragamkan kehendak-kehendak terkini DBKL didalam memproses permohonan kelulusan Pelan Kejuruteraan (Pelan Kerja Tanah dan Jalan & Perparitan). Memperincikan dan memuktamadkan input-input daripada agensi luar dan perunding luar untuk ditambahbaik dalam Garis Panduan Terkini.







TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
6 Mac 2023	Pengarah (Jabatan Perancangan Infrastruktur) Timbalan Pengarah Kanan (Jabatan Perancangan Infrastruktur) Timbalan Pengarah (Jabatan Perancangan Infrastruktur) Pegawai dan kakitangan Jabatan Perancangan Infrastruktur	Lawatan pembukaan MRT laluan 2 Sungai Buloh – Serdang – Putrajaya (dari stesen MRT Titiwangsa ke stesen MRT Kuchai)	Tujuan lawatan adalah untuk mendapatkan *knowledge sharing* dan juga pendedahan dengan lebih dekat bagi sistem pengoperasian MRT









Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan (JPEP) bertanggungjawab menyelaras serta memantau projek-projek pembangunan yang merangkumi aktiviti seperti penyediaan peruntukan projek pembangunan, pengemaskinian status projek dan pengagihan sumber kewangan yang telah diluluskan kepada Jabatan Pelaksana.

Selain itu, Jabatan ini turut memainkan peranan sebagai penyelaras bagi projek-projek penswastaan DBKL disamping terlibat juga di dalam pelaksanaan permohonan bagi pembinaan struktur telekomunikasi dan juga penyelarasan serta pemantauan setinggan di Kuala Lumpur.

1.2 Bahagian-Bahagian / Unit-Unit di Jabatan

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan (JPEP) terbahagi kepada 2 bahagian utama iaitu:

i. Bahagian Pentadbiran dan Pembangunan
ii. Bahagian Penswastaan

Bahagian Pentadbiran dan Pembangunan

Bahagian Pentadbiran dan Pembangunan merangkumi 4 unit utama seperti berikut:

i. Unit Pentadbiran Dan Kewangan
ii. Unit Belanjawan dan Pemantauan Projek Kerajaan
iii. Unit Pemantauan Projek DBKL (JPPPB) / Projek Khas DBKL Dan Telekomunikasi
iv. Unit Pemantauan Projek DBKL (Selain JPPPB) Dan Pengurusan Pembangunan

Bahagian Penswastaan

Bahagian Penswastaan pula merangkumi 2 unit utama seperti berikut:

i. Unit Penswastaan 1
ii. Unit Penswastaan 2

1.3 Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan

Jumlah keseluruhan pegawai dan kakitangan di Jabatan ini adalah seramai 61 orang dan pecahan mengikut kategori adalah seperti berikut:

BIL	KUMPULAN	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
1.	Pengurusan & Profesional	16	17	0
2.	Sokongan B	9	10	0
3.	Sokongan C	25	27	0
4.	Sokongan D	9	7	2
	JUMLAH	**59**	**61**	**2**

2.0 VISI DAN MISI JABATAN

2.1 Visi Jabatan

Ke arah merancang pembangunan sosioekonomi yang mampan dan dinamik bagi mencapai negara maju dan masyarakat sejahtera.

2.2 Misi Jabatan

Mencapai satu bentuk pembangunan yang seimbang melalui perancangan ekonomi bandar yang menyeluruh dan bersepadu selaras dengan dasar pembangunan negara.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Piagam Pelanggan Jabatan mengandungi 5 perkara:

i. Mengemukakan laporan prestasi kemajuan projek di bawah pembiayaan kerajaan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) setiap bulan.

ii. Memastikan permohonan pelepasan unit kuota bumiputera diberi maklumbalas dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh mesyuarat.

iii. Memberi maklumbalas terhadap permohonan pembelian tanah, pajakan tanah dan projek usahasama dalam tempoh 7 hari bekerja selepas keputusan mesyuarat di peringkat pengurusan diterima.

iv. Memproses dokumen dan pelan-pelan cadangan pembangunan untuk tujuan kebenaran perancangan dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh dokumen lengkap diterima.

v. Menguruskan dokumen yang melibatkan *sub-sale* dalam tempoh masa 14 hari bekerja selepas dokumen lengkap diterima.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

4.1 KPI Jabatan

BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
1.	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja jabatan (IDB: 2 Hari, Jabatan: 2 Hari)	Semua pegawai dan kakitangan jabatan menghadiri kursus di peringkat jabatan 4 hari setahun	100%
2.	Mensasarkan 80% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2023	Menyelesaikan 80% aduan yang diterima pada setiap bulan (berpandukan sasaran JWP)	100%
3.	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	Mencapai sekurang-kurangnya 95% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2023	97.69%
4.	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2024	Keseluruhan Jabatan hendaklah mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2024 sebelum 31 Disember 2023.	Tiada Perancangan Perolehan Bagi Tahun 2024
5.	Menyelesaikan AW58 pada bulan Mei 2023	Memastikan pembayaran melibatkan AW58 dijelaskan pada Mei 2023.	OT: MEI 2023
6.	Laporan Kajian Pembangunan Ekonomi Bandaraya Kuala Lumpur.	Menghasilkan Laporan Kajian Pembangunan Ekonomi Bandaraya Kuala Lumpur	BT:JAN 2024
7.	Pulangan hasil melalui projek usahasama diterima oleh DBKL sebelum akhir Disember 2023	Memastikan 90% dari RM1,500,000.00 pulangan hasil melalui projek usahasama diterima oleh DBKL sebelum akhir Disember 2022	Jan-Dis: RM4,849,814.75 100%
8.	Pulangan hasil melalui projek penjualan tanah diterima oleh DBKL sebelum akhir Disember 2023	Memastikan 90% dari RM20,000,000.00 pulangan hasil melalui projek penjualan tanah diterima oleh DBKL sebelum akhir Disember 2023	Jan-Dis: RM77,191,881.30 100%

BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
9.	Pulangan hasil melalui projek pajakan diterima oleh DBKL sebelum akhir Disember 2023	Memastikan 90% RM3,300,000.00 pulangan hasil melalui projek pajakan diterima oleh DBKL sebelum akhir Disember 2023	Jan – Dis : RM3,323,850.46 100%
10.	Perbelanjaan bagi projek-projek pembangunan dibelanjakan dalam tempoh yang ditetapkan	Memastikan prestasi perbelanjaan bagi projek-projek pembangunan mencapai 95%.	97.47% (Berbanding SB2/2023)
11.	Mengunci masuk maklumat projek pembangunan ke dalam sistem Myprojek setiap bulan	Memastikan 100% maklumat projek pembangunan di kunci masuk ke dalam Sistem MyProjek setiap bulan	100% (12/12)
12.	Senarai projek kecil yang diterima dan diluluskan dilaksanakan.	Memastikan 95% daripada peruntukan. Projek kecil yang diterima dan diluluskan dapat dilaksanakan.	RM1,604,164.33 100%
13.	Laporan *outcome* untuk projek DBKL	Menyelaraskan penyediaan laporan *outcome* bagi 10 projek yang dilaksanakan oleh DBKL	6 Projek Pembangunan Fizikal DBKL 100%
14.	Pulangan hasil bagi yuran pemprosesan permohonan telekomunikasi yang diterima oleh DBKL sebelum akhir Disember 2023	Memastikan 90% pulangan hasil bagi yuran pemprosesan permohonan telekomunikasi iaitu sebanyak RM5 juta yang diterima oleh DBKL sebelum akhir Disember 2023.	RM 6,197,600.00 100%

5.0 FUNGSI

5.1 Fungsi Jabatan

i. Menyelaras penyediaan bajet pembangunan dan pengagihan sumber kewangan bagi projek-projek pembangunan kepada Jabatan Pelaksana.
ii. Menyelaras dan memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan dan penswastaan DBKL
iii. Menilai kemajuan dan pencapaian projek pembangunan dan penswastaan;
iv. Mengenalpasti dan membuat kajian penyelidikan sosio ekonomi; dan
v. Menyelaras tindakan dan maklumbalas dengan institusi sosial dan politik serta agensi-agensi kerajaan dan swasta di luar DBKL.

5.2 Fungsi Bahagian dalam Jabatan

Bahagian Pentadbiran dan Pembangunan

i. Mengurus tadbir hal-hal berkaitan pentadbiran dan kewangan Jabatan.
ii. Menyelaras dan memproses permohonan bagi pembinaan struktur-stuktur telekomunikasi di Kuala Lumpur.
iii. Merangka dan menyedia pelaporan *Outcome* bagi projek-projek pembangunan DBKL yang telah dilaksanakan.
iv. Merancang, memantau, menyelaras, menyedia dan mengagih peruntukkan bajet pembangunan bagi projek-projek pembangunan yang ingin dilaksanakan.
v. Menyelaras pembangunan infrastruktur Projek Kecil dan Projek Khas.
vi. Menguruskan isu-isu berkaitan struktur dan kependudukan setinggan.
vii. Mengurus serta memantau kedudukan hartanah unit-unit kuota bumiputera serta menyelaras permohonan pelepasan unit-unit kuota bumiputera

Bahagian Penswastaan

i. Mengkaji permohonan-permohonan projek daripada syarikat swasta dan seterusnya mendapatkan kelulusan pentadbiran dan kerajaan.
ii. Menyelaras permohonan pemberimilikan tanah kerajaan / DBKL untuk dibangunkan secara penswastaan.

iii. Menentukan hala tuju / dasar / garis panduan kesesuaian tanah untuk dibangunkan projek penswastaan melalui penjualan tanah, usahasama *land swap* dan pajakan.

iv. Medium pengantara wargakota bagi urusan-urusan permohonan unit-unit Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP).

v. Memproses permohonan pindah milik bagi unit kediaman / komersil yang belum memiliki status strata.

vi. Menyelaras proses pindahmilik dan penjualan semula.

vii. Menyelaras projek penjualan tanah / usahasama / pembangunan semula.

6.0 BAJET

6.1 Bahagian Pentadbiran Dan Pembangunan

6.1.1 UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Unit Pentadbiran dan Kewangan berperanan dalam mengurus tadbir hal-hal berkaitan pentadbiran dan kewangan Jabatan. Pada tahun 2023, Bajet Mengurus Tahunan Jabatan adalah sebanyak RM4,726,900.00 dan daripada jumlah tersebut, sebanyak RM4,660,392.00 telah dibelanjakan untuk kegunaan jabatan merangkumi perkara-perkara berkaitan emolumen, perkhidmatan dan bekalan.

Jadual A di bawah menunjukkan Prestasi Perbelanjaan Bajet Mengurus bagi tahun 2023.

PERKARA	TAHUN 2023	PERATUS (%)
Peruntukan Yang Diluluskan (Peruntukan Pindaan)	RM4,726,900.00	98.59%
Perbelanjaan	RM4,660,392.00	

Jadual A : Prestasi Perbelanjaan Bajet Mengurus Bagi Tahun 2023

Bahagian Pembangunan pula berperanan dalam menyelaras dan memantau pelaksanaan prestasi fizikal projek pembangunan serta menyelaras permohonan bajet pembangunan DBKL. Bahagian ini juga menyelaraskan projek-projek pembangunan yang dibiayai oleh Kerajaan Pusat.

Terdapat tiga (3) unit di bahagian ini iaitu:

i. Unit Belanjawan dan Pemantauan Projek Kerajaan

ii. Unit Pemantauan Projek DBKL (selain JPPPB) dan Pengurusan Pembangunan

iii. Unit Pemantauan Projek DBKL (JPPPB) / Projek Khas DBKL dan Telekomunikasi

6.1.2 UNIT BELANJAWAN DAN PEMANTAUAN PROJEK KERAJAAN

Pada tahun 2023, peruntukan asal bagi projek/program pembangunan adalah sebanyak **RM570,513,800.00.** Bagaimanapun, Belanjawan Pembangunan DBKL bagi tahun 2023 telah mengalami pindaan peruntukan menjadikan jumlah terbaharu sebanyak **RM543,521,400.00**.

Jadual B di bawah menunjukkan prestasi kewangan mengikut sumber pembiayaan bagi tahun 2023.

SUMBER PEMBIAYAAN	KESELURUHAN		
	KOS PROJEK (RM)	PERUNTUKAN (RM)	BIL. PROJEK
DBKL	6,399,904,200.00	481,131,200.00	435
RMKe-11	1,157,501,900.00	31,118,000.00	8
NKEA	1,153,074,000.00	12,372,200.00	9
SWASTA	35,697,500.00	18,900,000.00	2
LAIN-LAIN	71,700,000.00	0	3
JUMLAH	**8,817,877,600.00**	**543,521,400.00**	**457**

Jadual B : Prestasi Kewangan Mengikut Sumber Pembiayaan Bagi Tahun 2023

Manakala, Jadual C pula menunjukkan peruntukan pembangunan mengikut sumber pembiayaan dan status projek.

SUMBER PEMBIAYAAN	PELAKSANAAN / SIAP			PERANCANGAN			KESELURUHAN		
	KOS PROJEK (RM)	PERUNTUKAN (RM)	BIL. PROJEK	KOS PROJEK (RM)	PERUNTUKAN (RM)	BIL. PROJEK	KOS PROJEK (RM)	PERUNTUKAN (RM)	BIL. PROJEK
DBKL	5,124,004,500	430,551,300	210	1,275,899,700	50,579,900	225	6,399,904,200	481,131,200	435
RMKe-11	1,157,501,900	31118000	8	-	-	-	1,157,501,900	31,118,000	8
GREATER KL	1,153,074,000	12,372,200	9	--	-	-	1,153,074,000	12,372,200	9
SWASTA	35,697,500	18,900,000	2	-	-	-	35,967,500	18,900,000	2
LAIN-LAIN	71,700,000	-	3	-	-	-	71,700,000	-	3
JUMLAH	**7,541,977,900**	**492,941,500**	**232**	**1,275,899,700**	**50,579,900**	**225**	**8,818,147,600**	**543,521,400**	**457**

Jadual C : Peruntukan pembangunan mengikut sumber pembiayaan dan status projek 2023

Pada tahun 2023, prestasi keseluruhan perbelanjaan projek pembangunan mencatat **97.47%** dengan jumlah perbelanjaan sebanyak **RM529,747,864.00.**

Jadual D seperti di bawah menunjukkan prestasi perbelanjaan projek pembangunan mengikut jabatan.

NAMA JABATAN	BIL PROJEK	PERUNTUKAN 2023 (RM)	BIL PROJEK	PINDAAN PERUNTUKAN 2023 (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR SEHINGGA 31 DIS 2023 (RM)	BAKI PERUNTUKAN	PERATUS BELANJA (%)
JPPPB	196	154,456,200.00	196	198,678,100.00	197,661,806.00	1,012,313.00	99.49
JKAWS	119	195,612,400.00	119	190,058,800.00	181,164,958.00	8,851,379.00	95.34
JPB	11	4,430,300.00	11	11,410,400.00	10,515,995.00	894,405.00	92.16
JPLR	57	7,566,900.00	57	8,371,500.00	7,720,629.00	650,871.00	92.23
JPKKB	50	63,356,300.00	50	66,105,900.00	64,934,386.00	1,171,514.00	98.23
JKME	17	9,474,200.00	17	23,338,000.00	23,095,402.00	242,598.00	98.96
JPPH	4	86,917,500.00	4	25,074,100.00	24,322,275.00	751,825.00	97.00
JPEP	2	46,900,000.00	2	18,684,500.00	18,577,493.00	107,007.00	99.43
JPIF	1	1,800,000.00	1	1,800,000.00	1,708,376.00	91,624.00	94.91
JUMLAH	**457**	**570,513,800.00**	**457**	**543,521,400.00**	**529,747,864.00**	**13,773,536.00**	**97.47**

Jadual D: Laporan Prestasi Perbelanjaan Keseluruhan Mengikut Jabatan Pelaksana Bagi Tahun 2023

6.1.3 UNIT PEMANTAUAN PROJEK DBKL (SELAIN JPPPB) DAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN

i. Seksyen Penyelarasan Projek-Projek Kecil

Seksyen ini bertanggungjawab menyelaras peruntukan dan pelaksanaan projek-projek kecil berkaitan infrastruktur dengan kos yang tidak melebihi **RM200,000.00.** Penyelarasan projek melibatkan kerjasama dan input daripada Pejabat-pejabat Cawangan di 11 Parlimen. Berikut adalah perincian:

BIL	VOT	PROJEK / PERUNTUKAN	BILANGAN PROJEK	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
1.	B0212220	Projek-projek Kecil	40	1,605,909.00

Jadual E - Prestasi perbelanjaan Projek-projek Kecil (Infrastruktur)

Sebanyak 40 Projek-projek Kecil (Infrastruktur) telah diluluskan pada tahun 2023 dengan jumlah sebanyak RM1,605,909.00. Prestasi pelaksanaan adalah seperti berikut:

BIL	PEJABAT CAWANGAN	JUMLAH		JABATAN				JUMLAH
		PROJEK	SIAP	JPPPB	JKAWS	JPLR	JKME	
1.	KEPONG	1	1	1	-	-	-	1
2.	CHERAS	-	-	-	-	-	-	-
3.	SEGAMBUT	6	6	5	1	-	-	6
4.	SEPUTEH	-	-	-	-	-	-	-
5.	WANGSA MAJU	10	10	8	2	-	-	10
6.	BANDAR TUN RAZAK	8	8	8	-	-	-	8
7.	BUKIT BINTANG	-	-	-	-	-	-	-
8.	BATU	3	3	1	-	1	1	3
9.	TITIWANGSA	4	4	4	-	-	-	4
10.	LEMBAH PANTAI	7	7	7	-	-	-	7
11.	SETIAWANGSA	1	1	1	-	-	-	1
	JUMLAH	**40**	**40**		**35**	**3**	**1**	**40**

Jadual F - Prestasi Pelaksanaan Projek Kecil Infrastruktur 2023 Mengikut Pejabat Cawangan

ii. Seksyen Kuota Bumiputera

Pada tahun 2023, sebanyak **5** siri Mesyuarat Jawatankuasa Pelepasan Unit Kuota Bumiputera telah diadakan yang melibatkan permohonan daripada **24** pemaju bagi permohonan pelepasan unit kuota bumiputera iaitu sebanyak **4,373 unit**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **2,284 unit** telah dilepaskan mengikut prosedur pelepasan unit kuota bumiputera.

BIL	PEMAJU	NAMA PROJEK	UNIT BUMIPUTERA	UNIT BUMIPUTERA YANG BERJAYA DIJUAL	UNIT PELEPASAN	BAKI UNIT
1.	Desaria Property Sdn Bhd	The Manor @ Persiaran Stonor	145	8	137	0
2.	WCT OUG Development Sdn Bhd	Residensi Mapel OUG @ Seputeh	282	6	0	276
3.	Kerjaya Property Sdn Bhd	Menara Vista Petaling	360	29	325	6
4.	MRCB Seputeh Land Sdn Bhd	Parcel B, 9 Seputeh (Residensi) @ Seputeh	220	31	176	13
5.	Ibarat Duta Sdn Bhd	Residensi Solaris Parq @ Batu	173	98	75	0
6.	Grande Peak Properties Sdn Bhd	Residensi Legasi OUG @ Seputeh	133	1	86	46
7.	Golden Transform Sdn Bhd	19 Pertama @ Cheras	4	0	4	0
8.	Inter Sky Development Sdn Bhd	99 Residence @ KL North	426	150	180	96
9.	Astana Setia Sdn Bhd	Residensi Laman Segar Harmoni (LSH Segar) @ Cheras	131	5	38	88
10.	Natural Domain Sdn Bhd	Residensi Vyne @ Sungai Besi	46	8	38	0

BIL	PEMAJU	NAMA PROJEK	UNIT BUMIPUTERA	UNIT BUMIPUTERA YANG BERJAYA DIJUAL	UNIT PELEPASAN	BAKI UNIT
11.	Opus Development Sdn Bhd	Mutiara Central @ Cheras	186	3	183	0
12.	Pembinaan Angkasa Permai Sdn Bhd	Residensi 216 Kuchai Jaya @ Seputeh	65	25	40	0
13.	Altimas Sdn Bhd	Kuchai Sentral @ Seputeh	294	7	86	201
14.	Country Annexe Sdn Bhd	Suite Sentral @ Lembah Pantai	430	127	277	26
15.	KSR Capital Sdn Bhd	Pusat Perniagaan MAS @ Sg. Besi	9	0	0	9
16.	Milik Harta Sdn Bhd	Residensi Astrea Mont'Kiara	72	19	13	40
17.	Allevia Sdn Bhd	Residensi Allevia Mont'Kiara	88	27	18	43
18.	Mega Legacy (M) Sdn Bhd	Residensi Alam Vista Aman (AVA)	261	58	102	101
19.	Alfranko Development Sdn Bhd	Novo @ Ampang	119	1	59	0
20.	Skyvouge Development Sdn Bhd	Residensi Skyvouge	100	23	61	16
21.	Damansara Fifty6 Sdn Bhd	Residensi Damansara 56	17	14	3	0
22.	LQ Residential Sdn Bhd	Residensi TRX 1	269	6	132	131
23.	Core Precious Development Sdn Bhd	Residensi Simbar TRX	210	0	137	73
24.	Havana Solaris Sdn Bhd	Lili Apartment Pataling	333	207	114	12
JUMLAH		**-**	**4,373**	**853**	**2,284**	**1,177**
JUMLAH MENGIKUT %		**-**	**100%**	**19.50%**	**52.22%**	**26.91%**

6.1.4 Unit Pemantauan Projek DBKL (JPPPB)/Projek Khas DBKL dan Telekomunikasi

Struktur Telekomunikasi yang terdapat di Kuala Lumpur sehingga Disember 2023 adalah sebanyak **3299**. Perincian Struktur telekomunikasi tersebut adalah seperti berikut:

BIL.	KATEGORI	BILANGAN
1.	Tiang Lampu Dwifungsi	1,275
2.	Atas Tanah	151
3.	Atas Bumbung / Bangunan	1,923
4.	Mobile (MBTS)	0
5.	Atas Papan Iklan	0
	JUMLAH	**3,299**

Bagi Struktur Tiang Lampu Dwifungsi, sebanyak **42 syarikat** telah dilantik oleh DBKL untuk melaksanakan projek ini yang memfokuskan kepada penggantian tiang lampu sedia ada kepada tiang lampu berintegrasi sistem pemancar telekomunikasi atau tiang dwifungsi yang mana JKME sebagai jabatan yang bertanggungjawab memproses dan memantau. Struktur tiang lampu ini melibatkan bayaran sewaan sebanyak **RM800.00 sebulan bagi teknologi 4G** dan **RM850.00 sebulan bagi teknologi 5G** untuk setiap tapak / tiang.

Di samping itu, untuk memastikan urusan memproses permohonan membina struktur telekomunikasi oleh Jabatan-Jabatan berjalan lancar, DBKL telah melantik syarikat perunding telekomunikasi iaitu Akar Kordinasi Sdn. Bhd. (AKSB). Prestasi kutipan hasil Tahun 2023 bagi bayaran memproses permohonan struktur telekomunikasi adalah seperti berikut.

BULAN	KUTIPAN (RM)		
	JUMLAH (RM)	DBKL (50%)	AKSB (50%)+SST
Januari	74,300.00	40,865.00	35,441.10
Februari	1,436,900.00	790,295.00	685,401.30
Mac	1,806,800.00	993,740.00	861,843.60
April	905,100.00	497,805.00	431,732.70
Mei	82,300.00	45,265.00	39,257.10
Jun	19,300.00	10,615.00	9,206.10
Julai	88,300.00	48,565.00	42,119.10
Ogos	438,700.00	241,285.00	209,259.90
September	121,600.00	66,880.00	58,003.20
Oktober	174,000.00	95,700.00	82,998.00
November	119,500.00	65,725.00	57,001.50
Disember	930,800.00	511,940.00	443,991.60
JUMLAH (RM)	**6,197,600.00**	**3,408,680.00**	**2,956,255.20**

Jadual F - Prestasi Kutipan Bagi Tahun 2023

6.2 Bahagian Penswastaan

Bahagian ini bertanggungjawab mengendalikan dan menyelaras projek-projek penswastaan DBKL khususnya melibatkan projek pembangunan tanah-tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur yang berpotensi untuk dimajukan dan menjanakan hasil jangka panjang kepada DBKL dari segi pulangan projek, hasil cukai pintu dan penyewaan premis. Sehingga bulan Disember 2023, JPEP mengendalikan sebanyak **148** projek penswastaan dengan pulangan terkumpul dianggarkan sebanyak **RM5,979,145,067.13** yang mana terimaan hasil bagi sepanjang tahun 2023 adalah sebanyak **RM85,365,546.51.**

Status pelaksanaan dan pulangan projek penswastaan bagi sepanjang tahun 2023 adalah seperti di jadual berikut:

BIL.	KATEGORI	JUMLAH
1.	Usahasama dan Pembangunan Semula	36
2.	Pajakan Tanah	26
3.	Penjualan Tanah	86
	JUMLAH KESELURUHAN	**148**

Jadual G - Bilangan Projek Penswastaan Bagi Tahun 2023

BIL.	KATEGORI	JUMLAH
1.	Selesai Pulangan & Pindahmilik Tanah	72
2.	Belum Selesai - Telah Tandatangan Perjanjian	9
3.	Belum Selesai - Belum Tandatangan Perjanjian	5
4.	Batal Tawaran / Ditamatkan Perjanjian	3
	JUMLAH KESELURUHAN	**86**

Jadual H – Pecahan Projek Penjualan Tanah Mengikut Kategori Bagi Tahun 2023

BIL.	STATUS PROJEK	TERIMAAN SEHINGGA DISEMBER 2023 (RM)
1.	Usahasama/ Pertukaran Tanah	4,849,814.75
2.	Penjualan Tanah	77,191,881.30
3.	Pajakan	3,323,850.46
	JUMLAH KESELURUHAN	**85,365,546.51**

Jadual I – Pecahan Terimaan Pulangan Projek Penswastaan Bagi 2023

6.3 Residensi Wilayah (dahulu dikenali sebagai RUMAWIP)

Permohonan Residensi Wilayah (RW) tidak lagi diselaraskan oleh DBKL bermula April 2018, semua permohonan pembelian unit projek RW telah dipusatkan di Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) bagi memastikan pemantauan dan proses permohonan dikawal selia sepenuhnya oleh JWP. Walaubagaimanapun, JPEP masih mengemaskini rekod penjualan unit RW di bawah projek penswastaan dan penjualan tanah DBKL di bawah seliaan JPEP sahaja. Status penjualan unit RW bagi tahun 2023 adalah seperti berikut:


NAMA PROJEK	PEMAJU	BIL. UNIT	SAIZ (KPS)	HARGA (RM)	STATUS JUAL	STATUS PEMBINAAN	TAHUN SIAP
INSPIRASI TAPAK	ALMAVENTURES SDN BHD	900	829	300,000.00	DIBUKA UNTUK JUALAN	DALAM PEMBINAAN	2023
METRO KEPONG	WAWASAN METRO BINA SDN BHD	1520	802	198,000.00	PERMOHONAN DITUTUP	SIAP	2023
SKY AWANI IV	NTP WORLD CORPORATION	1782	800	300,000.00	DIBUKA UNTUK JUALAN	DALAM PEMBINAAN	2023
RIAMAS	KUNCI MUHIBBAH	646	850	230,000.00	DIBUKA UNTUK JUALAN	SIAP	2023

Jadual J - Penjualan Unit Projek Residensi Wilayah

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2023

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM/ AKTIVITI	OBJEKTIF
27 Januari 2023	Semua Pegawai dan Kakitangan JPEP	Januari – Majlis Perjumpaan Bersama Pengarah	1) Untuk mewujudkan semangat berpasukan dan saling bekerjasama antara satu sama lain. 2) Untuk menjadikan semua pegawai dan kakitangan lebih produktif serta dapat mengurangkan beban dan tekanan di tempat kerja. 3) Untuk memupuk persekitaran kerja yang positif dan sejahtera.
24 Februari 2023		Februari – *Hiking* di Taman Tugu	
31 Mac 2023		Mac – Memasak Bubur Lambuk	
26 April 2023		April – Gotong Royong Ofis	
25 Mei 2023		Mei – Sambutan Hari Raya Aidilfitri	
23 Jun 2023		Jun – EKSA Jabatan	
28 hingga 30 Julai 2023		Julai – Bengkel Pelan Tindakan Jabatan dan Budaya Kerja Cemerlang JPEP	
25 Ogos 2023		Ogos – Sukaneka Merdeka	
22 September 2023		September – Sukan Rakyat	
27 Oktober 2023		Oktober – *Plogging* dan Aktiviti Berkuda	
24 November 2023		November – *Lawn Bowl*	
29 Disember 2023		Disember – Jamuan Akhir Tahun	
21 hingga 23 Jun 2023	Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional Jabatan Dalaman DBKL, JPM	Bengkel Perancangan Dan Penyediaan Laporan Penilaian *Outcome* Bagi Projek-Projek Pembangunan DBKL	Memberikan bimbingan kepada para pegawai DBKL bagi menghasilkan Laporan Penilaian *Outcome* bagi enam (6) projek pembangunan DBKL yang telah siap untuk dibentangkan kepada pihak pengurusan tertinggi DBKL.
16 hingga 19 Ogos 2023	Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional Jabatan Dalaman DBKL	Bengkel Penyediaan Garis Panduan Struktur Telekomunikasi Di Atas Bangunan Atas Tanah Dan Teknologi 5G Serta Penambahbaikan Struktur Tiang Lampu Dwifungsi	a) Penyediaan Garis Panduan Struktur Telekomunikasi Atas Bangunan, Atas Tanah dan Teknologi 5G serta Penambahbaikan untuk Struktur Tiang Lampu Dwifungsi bagi diselaraskan dengan perkembangan teknologi telekomunikasi semasa. b) Memastikan pembangunan infrastruktur telekomunikasi di Kuala Lumpur dibuat secara teratur dan kemas bagi keselesaan dan kesejahteraan warga kota. c) Menilai dan meneliti kesesuaian pembangunan infrastruktur telekomunikasi daripada pelbagai aspek bagi menjamin kualiti dan pematuhan *standard* yang ditetapkan.


8.0 PENCAPAIAN JABATAN

TARIKH	ACARA	KEPUTUSAN	GAMBAR
25 September 2023	Hari Kesedaran Kempen Tenaga Lestari Tahun 2023	Tempat Ketiga Anugerah Penjimatan Tenaga Menara DBKL 1	 SUDUT EKSA ZON MERLIMAU  SUDUT Go GREEN ZON MERLIMAU
25 September 2023	Hari Kesedaran Kempen Tenaga Lestari Tahun 2023	Tempat Ketiga Anugerah Penjimatan Tenaga Menara DBKL 1	
7 September 2023	Indeks Akauntabiliti (AI)	Berdasarkan 4 Kawalan – **90.9%** Berdasarkan Penilaian Kendiri – **99.0%**	

Jabatan Kawalan Bangunan

1.0 LATAR BELAKANG

SEJARAH PENUBUHAN JABATAN



1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan

Jabatan Kawalan Bangunan (JKB) adalah salah satu jabatan di bawah Sektor Perancangan dan diterajui oleh Pengarah Eksekutif (Perancangan). JKB adalah jabatan yang diberi tanggungjawab melaksanakan kawalan bangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur melalui perwakilan kuasa yang diberikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133], Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 1971] dan Undang-Undang Kecil Bangunan (WPKL) 1985 serta pindaan-pindaan yang berkuatkuasa.

1.2 Bahagian-Bahagian / Unit-Unit di Jabatan

1.2.1 Seksyen Pentadbiran
- 1.2.1.1 Unit Pentadbiran
- 1.2.1.2 Unit Inovasi dan Kualiti

1.2.2 Seksyen Kawalan Bangunan Zon Utara, Zon Tengah dan Zon Selatan

1.2.3 Unit Pemantauan Permohonan

1.2.4 Seksyen Pemantauan Pembinaan

1.2.5 Seksyen Pematuhan dan Permit
- 1.2.5.1 Unit Pendakwaan
- 1.2.5.2 Unit Aduan
- 1.2.5.3 Unit Lesen
- 1.2.5.4 Unit Telco

1.2.6 Seksyen Urbanisasi dan Forensik Bangunan
- 1.2.6.1 Unit Forensik Bangunan
- 1.2.6.2 Unit Urbanisasi Bandar
- 1.2.6.3 Unit Aksesibiliti Bandar

1.3 Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan

KATEGORI	JUMLAH
Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 dan ke atas)	20
Kumpulan Sokongan I (Gred 17- 40)	115
Kumpulan Sokongan II (Gred 1-16)	15
Kakitangan MyStep	2
JUMLAH	**152**

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi dan Misi Jabatan

- **Visi Jabatan**
  Ke arah menjadikan jabatan terunggul dalam mencapai hasrat DBKL sebagai bandar raya sejahtera untuk semua menjelang tahun 2030 dari aspek pembangunan.
- **Misi Jabatan**
  Memberikan perkhidmatan yang efisien, cekap dan telus dari segi kawalan bangunan untuk semua warga kota Kuala Lumpur.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Piagam Pelanggan Jabatan

Mengeluarkan Kelulusan Pelan Bangunan (KPB) / Kebenaran Mendirikan Bangunan (KMB) dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh pematuhan sepenuhnya.

Mengeluarkan Keputusan Permohonan dalam tempoh 1 hari bekerja dari tarikh pematuhan sepenuhnya bagi permohonan melalui sistem KLIS.

(a) Mengeluarkan Permit di bawah Undang-Undang Kecil 17 (UUKB (WPKL) 1985) dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh pematuhan sepenuhnya bagi permohonan
  (i) Skala Sederhana (Ubahsuai Dalaman)
  (ii) Kerja Kecil (PK)

(b) Mengeluarkan Permit di bawah Undang-Undang Kecil 18 (UUKB (WPKL) 1985) dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh pematuhan sepenuhnya bagi permohonan
  (i) Binaan Sementara di tapak bina
  (ii) Struktur Paparan Iklan

(c) Mengeluarkan Permit di bawah Undang-Undang Kecil 18 (UUKB (WPKL) 1985) dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh pematuhan sepenuhnya bagi permohonan Struktur Telekomunikasi.

(d) Mengeluarkan Permit di bawah Undang-Undang Kecil 17 (UUKB (WPKL) 1985) dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh pematuhan sepenuhnya bagi permohonan penukaran tangki bawah tanah di stesen minyak.

Mengeluarkan surat sokongan lesen dalam tempoh 10 hari bekerja dari tarikh pematuhan sepenuhnya.

Mengeluarkan Sijil Penyempurnaan Pemeriksaan (Pemeriksaan Bangunan secara Berkala) dalam tempoh 10 hari bekerja dari tarikh pematuhan sepenuhnya.

Pada 15 Ogos 2003, Jabatan Pentadbiran berfungsi dengan sendirinya yang menggabungkan empat bahagian utama iaitu Bahagian Pentadbiran, Bahagian Perpustakaan, Bahagian Pengurusan Perolehan serta Unit Urus Bangunan dan Unit Jawatankuasa Tindakan. Pada Januari 2006, Unit Hal Ehwal Awam dan Antarabangsa telah diletakkan di bawah Jabatan Pentadbiran.

Selepas penstrukturan semula DBKL pada Julai 2011, Unit Komunikasi Korporat (dahulunya dikenali sebagai Unit Hal Ehwal Awam dan Antarabangsa), Unit Reprografi dan Perpustakaan Kuala Lumpur (PKL) telah dipisahkan daripada Jabatan Pentadbiran. Pada Februari 2014, PKL diletakkan semula di bawah Jabatan Pentadbiran sehingga 1 Ogos 2015. Mulai tarikh tersebut, sekali lagi PKL dipisahkan daripada Jabatan Pentadbiran. Bahagian Pengurusan Rekod juga telah dipindahkan ke PKL, Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar berkuatkuasa pada 3 Disember 2018. Hanya Unit Reprografi sahaja tetap kekal di bawah Jabatan Pentadbiran sehingga sekarang. Kini Jabatan Pentadbiran mempunyai tiga bahagian utama iaitu Bahagian Pentadbiran dan Keurusetiaan, Bahagian Pengurusan Aset dan Bangunan dan Bahagian Pengurusan Perolehan.

1.2 Bahagian-Bahagian / Unit-Unit di Jabatan

Jabatan Pentadbiran mempunyai tiga bahagian utama iaitu:

i. Bahagian Pentadbiran dan Keurusetiaan
ii. Bahagian Pengurusan Aset dan Bangunan
iii. Bahagian Pengurusan Perolehan

Bahagian Pentadbiran dan Keurusetiaan
Bahagian Pentadbiran dan Keurusetiaan merangkumi tiga unit utama seperti berikut:

i. Unit Pentadbiran dan Mel
ii. Unit Keurusetiaan
iii. Unit Penyelarasan Acara

Bahagian Pengurusan Aset dan Bangunan
Bahagian Pengurusan Aset dan Bangunan merangkumi dua unit utama seperti berikut:

i. Unit Urus Bangunan dan Reprografi
ii. Unit Pengurusan Aset dan Keselamatan Perlindungan

Bahagian Pengurusan Perolehan
Bahagian Pengurusan Perolehan pula merangkumi empat unit utama seperti berikut:

i. Unit Pengurusan Tender dan Rundingan Harga
ii. Unit Pengurusan Kontrak
iii. Unit Pengurusan Sebut Harga dan Pentadbiran / Kewangan
iv. Unit Perkhidmatan Perundingan dan Kerja Undi

1.3 Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan

Jabatan diterajui oleh Pengarah Gred N54 bersama dengan 123 orang pegawai dan kakitangan. Pecahan perjawatan adalah seperti berikut :-

KATEGORI	JUMLAH
Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 dan ke atas	13
Kumpulan Sokongan I (Gred 17- 40)	55
Kumpulan Sokongan II (Gred 1-16)	55
JUMLAH	**123**

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi

- Menjadi penanda aras yang dapat memberikan perkhidmatan dan tadbir urus yang terbaik dan berkualiti.

2.2 Misi

- Memenuhi ekspektasi pelanggan melalui perkhidmatan yang berteraskan integriti dan profesionalisme.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

i. Mengesahkan pendaftaran kontraktor yang mengemukakan dokumen lengkap melalui sistem e-Perolehan dalam tempoh satu (1) hari bekerja.
ii. Memaparkan senarai petender yang berjaya di laman Web DBKL dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja selepas Mesyuarat Sebut Harga/ Lembaga Perolehan bersidang.
iii. Mengeluarkan keputusan untuk penggunaan dan penyewaan kemudahan Dataran Merdeka, Dataran DBKL dan Auditorium DBKL dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh kelulusan Pengurusan Tertinggi.
iv. Mengeluarkan keputusan untuk penggunaan dan penyewaan kemudahan Dewan Megapuri, Bilik Gerakan, Bilik Biru dan Bilik Mesyuarat Utama dalam tempoh tiga (3) hari bekerja dari tarikh surat permohonan dimuatnaik dalam sistem *e-booking*.
v. Mengemas kini Rekod Pengguna Sistem e-Aset dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima daripada Jabatan.
vi. Pemakluman kelulusan tuntutan Bil Panggilan Rasmi dalam tempoh lima (5) hari bekerja setelah mendapat kelulusan daripada pihak pengurusan.
vii. Pemakluman kelulusan tuntutan pembelian telefon mudah alih atas urusan rasmi dalam tempoh lima (5) hari bekerja setelah mendapat kelulusan daripada pihak pengurusan.
viii. Memproses permohonan lengkap bagi kad akses kakitangan baru dan penggantian (rosak/ hilang) dalam tempoh 1 jam.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Meningkatkan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan (*Customer Focus*)	1.	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan (IDB: 2 Hari, Jabatan: 2 Hari).	Semua pegawai dan kakitangan jabatan berjaya menghadiri kursus 4 hari setahun.	100%
	2.	Mensasarkan sekurang-kurangnya 80% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari untuk aduan biasa.	Menyelesaikan 80% aduan yang diterima pada setiap bulan (Berpandukan sasaran JWP).	100%
Memperkukuh kan Tahap Integriti, Akauntabiliti Dan Telus (*Transparency*)	3.	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah.	Mencapai sekurang-kurangnya 95% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2023	100%
	4.	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2024.	Keseluruhan Jabatan hendaklah mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2024 sebelum 30 November tahun 2023.	100%
	5.	Menyelesaikan AP58 pada bulan Mei 2023.	Memastikan pembayaran melibatkan AP58 dijelaskan pada Mei 2023.	100%
	6.	Memberi kesedaran mengenai pengurusan perolehan berdasarkan Perintah Tetap Pengurusan Perolehan dan Pentadbiran Kontrak Datuk Bandar Kuala Lumpur.	Mengadakan taklimat / mengeluarkan pemakluman / surat peringatan / infografik sebanyak enam kali setahun.	100%
	7.	Melaksanakan Pemeriksaan Aset Alih sekurang-kurangnya sekali setahun meliputi Jabatan-jabatan di DBKL.	Melaksanakan pemeriksaan aset 10 Jabatan di DBKL.	100%
	8.	a)Memberi pemahaman/ kesedaran berkaitan kepentingan Keselamatan Perlindungan.	Melaksanakan sekurang-kurangnya 3 kursus yang berkaitan dengan Keselamatan Perlindungan.	100%
		b)Mengadakan Inspektorat Keselamatan Perlindungan DBKL	Melaksanakan Inspektorat Keselamatan Perlindungan DBKL ke atas 10 lokasi.	100%
	9.	Pelaksanaan program kerohanian DBKL.	Melaksanakan 6 program/ceramah/ aktiviti berkaitan keagamaan dan kerohanian.	100%
	10.	Prosedur Pemantauan Pengurusan Pembersihan Menara DBKL 1, 2 dan 3.	Membuat laporan pembersihan 12 kali setahun ke setiap tingkat untuk Menara DBKL 1, 2 dan 3.	100%
Menggerakkan Usaha Ke Arah Bandar Raya Rendah Karbon	11.	a) Penjimatan tenaga berkesan dan berterusan bagi Menara DBKL 1.	Mendapatkan penarafan bintang *Energy Management Gold Standard* (EMGS) bagi Menara DBKL 1.	100%
		b) Penjimatan tenaga berkesan dan berterusan bagi Menara DBKL 2.	Mendapatkan penarafan bintang *Energy Management Gold Standard* (EMGS) bagi Menara DBKL 2.	100%
Memperkukuhkan Libat Urus Strategik Bersama Masyarakat	12.	Penyelarasan mesyuarat -mesyuarat utama DBKL.	i. Mesyuarat Ketua Jabatan - 4 kali setahun ii. Mesyuarat Lembaga Penasihat - 6 kali setahun.	100%
	13.	Mengeratkan hubungan Pengurusan dengan warga DBKL.	Mengadakan Perhimpunan DBKL sekurang-kurangnya 6 kali setahun.	100%

5.0 FUNGSI

5.1 Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan

i. Menyelaras dan menguruskan Mesyuarat Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur dan Mesyuarat Ketua-Ketua Jabatan.

ii. Menyelaras maklum balas Dewan Rakyat dan Dewan Negara bagi DBKL.

iii. Menyelaras dan menguruskan pengurusan perolehan Datuk Bandar Kuala Lumpur.

iv. Menyelaras dan menguruskan proses pengurusan Aset Alih Datuk Bandar Kuala Lumpur.

v. Menyelaras dan menguruskan tugas-tugas yang merangkumi pelantikan, pengauditan, penyelarasan, laporan dan Kursus Keselamatan Perlindungan DBKL.

vi. Menyelaras pengurusan Menara DBKL 1, Menara DBKL 2 dan Menara DBKL 3.

vii. Menyelaras dan menguruskan permohonan penyewaan dan penggunaan *venue-venue* seperti Dataran Merdeka, Auditorium, Dataran DBKL, Dewan Megapuri dan bilik-bilik mesyuarat utama DBKL.

viii. Menguruskan petak letak kenderaan di Menara DBKL 1, Menara DBKL 2, Menara DBKL 3, PT80, Quill City Mall dan Jalan Sultan Sulaiman, Kampung Baru.

ix. Menyelaras acara rasmi peringkat DBKL, Wilayah Persekutuan dan Kebangsaan.

x. Menyelaras perkhidmatan panel kontraktor untuk caterer, *billboard*, bunting dan pakaian seragam (majlis keagamaan).

xi. Menyelaras penyediaan Laporan Tahunan DBKL.

xii. Mengurus penghantaran serta penerimaan surat-surat dan bungkusan.

xiii. Menguruskan hal ehwal percetakan.

xi. Menyediakan / mengeluarkan dan menggantikan kad e-akses kakitangan / pelajar latihan praktikal/ pelawat / kontraktor DBKL.

5.2 Fungsi-Fungsi Unit-Unit / Bahagian-Bahagian Jabatan

5.2.1 Bahagian Pentadbiran dan Keurusetiaan

Bahagian ini berperanan untuk menyelaras program-program rasmi di peringkat DBKL, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan kebangsaan. Bahagian ini terbahagi kepada tiga (3) unit utama iaitu Unit Pentadbiran & Mel, Unit Penyelarasan Acara dan Unit Keurusetiaan.

5.2.1.1 Unit Pentadbiran dan Mel

i. Menyelaras urusan pentadbiran dan kewangan Jabatan.

ii. Menyelaras program-program rasmi peringkat DBKL:
   a. Perhimpunan DBKL
   b. Majlis Rumah Terbuka bagi perayaan utama seperti Sambutan Hari Raya.

iii. Menyelaras urusan tuntutan pembelian dan pembayaran bil telefon pegawai DBKL.

iv. Menyelaras penyediaan Laporan Tahunan DBKL.

v. Menyelaras urusan mel DBKL.

vi. Menyelaras maklum balas Dewan Rakyat dan Dewan Negara bagi DBKL.

5.2.1.2 Unit Penyelarasan Acara

i. Menyelaras pelantikan Panel Kontraktor bagi:
   a. Perkhidmatan Pembekalan Makanan dan Minuman untuk Program Sosial DBKL.
   b. Pemasangan *Bunting* dan *Billboard*.
   c. Pembekalan bendera sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan dan Hari Kebangsaan.

ii. Menyelaras urusan jamuan / aktiviti sosial peringkat DBKL / KWP.

iii. Menyelaras program-program rasmi di peringkat DBKL / KWP/ Kebangsaan / Antarabangsa.
   a. Kempen Kibar Bendera sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan.
   b. Sambutan Istiadat Pertabalan KDYMM SPB YDP Agong.
   c. Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Rasmi KDYMM SPB YDP Agong.
   d. Sambutan Hari Kebangsaan.
   e. Lain-lain acara atau program rasmi yang diarahkan dari semasa ke semasa.

iv. Menyelaras program-program keagamaan peringkat DBKL dan kebangsaan.
   a. Mengurus dan menyelia aktiviti keagamaan di surau-surau DBKL.
   b. Ahli Jawatankuasa dalam sambutan & majlis-majlis rasmi peringkat kebangsaan seperti Tilawah Al-Quran, Sambutan Maulidur Rasul dan Maal Hijrah.

v. Menyelaras pengagihan dan memantau pemasangan bendera Wilayah Persekutuan dan Jalur Gemilang.

5.2.1.3 Unit Keurusetiaan

i. Menyelaras Mesyuarat Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur.
   a. Mesyuarat dipengerusikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur bersama-sama Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur. Mesyuarat ini diadakan sebanyak 6 kali setahun. Bagi tahun 2023 jabatan telah selaraskan 3 kali mesyuarat seperti berikut:
   b. Bil. 1/2023 - 7 Julai 2023
   c. Bil. 2/2023 - 5 September 2023
   d. Bil. 3/2023 - 20 Disember 2023

ii. Menyelaras Mesyuarat Ketua-Ketua Jabatan.
   a. Mesyuarat dipengerusikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur bersama-sama Ketua-Ketua Jabatan DBKL. Mesyuarat ini diadakan sebanyak 4 kali setahun. Bagi tahun 2023, jabatan telah selaraskan 4 kali mesyuarat seperti berikut:
   b. Bil. 1/2023 - 18 Januari 2023
   c. Bil. 2/2023 - 31 Mei 2023
   d. Bil. 3/2023 - 11 Ogos 2023
   e. Bil. 4/2023 - 22 November 2023

5.2.2 Bahagian Pengurusan Perolehan

i. Mengurus perolehan tender.

ii. Mengurus perolehan sebutharga dan kerja undi.

iii. Mengurus pentadbiran kontrak seperti berikut:
   a. Arahan Perubahan
   b. Lanjutan Masa Kontrak
   c. Rundingan Harga
   d. Perkhidmatan Perunding
      - Pendaftaran dan Penyenaraian Perunding
      - Pemilihan dan Pelantikan Perunding
      - Penyelarasan Yuran Perkhidmatan Perunding

iv. Mengurus hal ehwal kakitangan, pentadbiran pejabat dan pengurusan kualiti DBKL.

v. Mulai 2 Februari 2021, YBhg Datuk Bandar telah memutuskan agar fungsi mesyuarat Jawatankuasa Pandu Projek Penswastaan (PANDU) dan Jawatankuasa Pengurusan Projek Penswastaan (JPMC) yang sebelum ini di bawah Jabatan Pentadbiran (JP) dipindahkan semula ke Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan (JPEP).

5.2.2.1 Prestasi Aktiviti-Aktiviti Fungsi Utama

i. Perolehan Tender, Sebut Harga, Perkhidmatan Perunding Dan Kerja Undi


Sepanjang tahun 2023, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengeluarkan sebanyak 530 tawaran merangkumi perolehan tender, sebutharga dan perkhidmatan

perunding. Tawaran tersebut, merangkumi **273** perolehan **tender**, **125** perolehan **sebutharga**, **15** perolehan **perkhidmatan perunding.** Perincian mengikut kategori perolehan adalah berdasarkan **JADUAL 1** dan **GAMBAR RAJAH 1** di bawah :

JUMLAH PEROLEHAN DBKL TAHUN 2023

BIL.	KATEGORI PEROLEHAN	BILANGAN PEROLEHAN
i.	Tender	273
ii.	Sebut Harga	125
iii.	Perunding	15
	JUMLAH	**413**

JADUAL 1
PERBANDINGAN JUMLAH PEROLEHAN DBKL TAHUN 2022 DAN 2023




GAMBAR RAJAH 1

NILAI PEROLEHAN DBKL TAHUN 2023


BIL.	KATEGORI PEROLEHAN	BILANGAN TAWARAN	NILAI (RM)
i.	TENDER	393	838,030,964.48
ii.	SEBUT HARGA	114	36,594,770.92
iii.	PERUNDING	23	8,413,601.72
	JUMLAH	**530**	**883,039,337.12**

JADUAL 2
PERBANDINGAN NILAI TAWARAN (RM) TAHUN 2022 DAN 2023



GAMBAR RAJAH 2

PERBANDINGAN BILANGAN TAWARAN TAHUN 2022 DAN 2023



GAMBAR RAJAH 3

ii. KERJA UNDI

Sebanyak tiga (3) kali program Cabutan Kerja Undi telah dilaksanakan dan sebanyak 326 kontraktor telah dipilih melalui cabutan undi dengan had siling sebanyak RM200,000.00 setiap kontraktor.

iii. PENGIKLANAN DAN PENJUALAN DOKUMEN TENDER DAN SEBUTHARGA

a. Bermula Januari 2023, paparan pengiklanan tender dan sebutharga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak akan dilaksanakan melalui akhbar tempatan. Paparan pengiklanan tender dan sebutharga hanya akan dipaparkan melalui portal rasmi dan sistem e-perolehan DBKL sahaja. Portal Rasmi DBKL: https://www.dbkl.gov.my/Sistem e-perolehan : https://eperolehan.dbkl.gov.my

b. Nilai hasil penjualan dokumen Tender dan Sebut Harga sepanjang tahun 2023 adalah sebanyak **RM5,121,400.00.**

c. Pendaftaran pihak kontraktor sepanjang tahun 2023 adalah sebanyak **4,497** pendaftaran. Jumlah kutipan pendaftaran adalah **RM572,250.00.**

5.2.3 Bahagian Pengurusan Aset dan Bangunan

5.2.3.1 Unit Pengurusan Aset dan Keselamatan

i. Memantau pengurusan Aset Alih Datuk Bandar Kuala Lumpur yang meliputi penerimaan, pendaftaran, penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan, penyelenggaraan, pelupusan, kehilangan dan hapuskira dilaksanakan mengikut peraturan.

ii. Urus Setia bagi menjalankan tugas-tugas yang merangkumi pelantikan, pengauditan, penyelarasan, dan sebagainya bagi tujuan Pengurusan Aset Alih dan Keselamatan Perlindungan DBKL.

iii. Menyediakan dan mengemukakan laporan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih (JKPA) DBKL yang dipengerusikan oleh Pengarah Eksekutif (Pengurusan).

iv. Menyediakan Laporan Aset Alih yang dikemukakan kepada Jabatan Kewangan bagi Mesyuarat Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar.

v. Menyediakan dan mengemukakan laporan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan DBKL yang dipengerusikan oleh Pengarah Eksekutif (Pengurusan).

vi. Menjadi Urus Setia kepada Inspektorat Keselamatan DBKL.

vii. Bekerjasama dengan CGSO berkaitan kawalan perlindungan dokumen dan fizikal.

viii. Merancang dan melaksanakan latihan berkaitan aset alih dan keselamatan perlindungan.

a. Aktiviti Unit Pengurusan Aset dan Keselamatan

- Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Datuk Bandar Kuala Lumpur

SUKU TAHUN	TARIKH MESYUARAT
Pertama	10 Februari 2023
Kedua	20 Julai 2023
Ketiga	27 September 2023

b. Mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa dan Pelupusan Aset Alih Datuk Bandar Kuala Lumpur

PELUPUSAN	ASET ALIH	ASET HIDUP	ASET SITAAN	KENDERAAN BURUK	JUMLAH MESYUARAT
Bilangan Mesyuarat	36	2	3	1	50

- Jadual Pemeriksaan Inspektorat Pematuhan Keselamatan Perlindungan DBKL Tahun 2023

BIL.	JABATAN	TARIKH PEMERIKSA
1.	Pejabat Datuk Bandar	24 Oktober 2023
2.	Pejabat Pengarah Eksekutif (Perancangan)	24 Oktober 2023
3.	Pejabat Pengarah Eksekutif (Pengurusan)	24 Oktober 2023
4.	Pejabat Pengarah Eksekutif (Pembangunan Sosio -Ekonomi)	24 Oktober 2023
5.	Pejabat Pengarah Eksekutif (Pengurusan Projek)	24 Oktober 2023
6.	Jabatan Perancangan Korporat	25 Oktober 2023
7.	Jabatan Integriti	25 Oktober 2023
8.	Jabatan Audit Dalam	25 Oktober 2023
9.	Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan	25 Oktober 2023
10.	Pejabat Pengarah Eksekutif (Perancangan)	25 Oktober 2023
11.	Pejabat Pengarah Eksekutif (Pengurusan)	25 Oktober 2023

5.2.3.2 Unit Urus Bangunan

i. Seksyen Urus Bangunan

a. Mengawalselia kerja-kerja pembersihan di Menara DBKL 1, 2, 3, PT80 dan *Countdown Clock* (CDC).

b. Mengurus dan memantau penyewaan premis Menara DBKL 1, 2 dan 3.

c. Memantau pengurusan keselamatan bangunan di Menara DBKL 1, 2, 3 dan PT80.

d. Mengurus permohonan penyewaan dan pengguna venue-venue seperti Dataran Merdeka, Auditorium, Dataran DBKL, Dewan Megapuri dan bilik-bilik mesyuarat utama.

e. Menguruskan petak letak kenderaan di Menara DBKL 1, 2, 3, PT80, Quill City Mall dan Jalan Sultan Sulaiman, Kampung Baru.

f. Memantau kerja-kerja baikpulih, ubahsuai dan penyelenggaraan bangunan di Menara DBKL 1, 2, 3, dan venue-venue utama program.

g. Menyelaras keperluan logistik di bangunan Menara DBKL 1, 2, 3 dan bilik-bilik mesyuarat utama.

h. Menyelaras kerja-kerja ubahsuai di peringkat mesyuarat dan pelaksanaan.

ii. Seksyen Reprografi

a. Mengurus hal ehwal percetakan.

b. Memberi perkhidmatan reka bentuk.

c. Menyedia / mengeluar dan mengganti kad e -akses kakitangan / pelajar latihan praktikal/ pelawat / kontraktor DBKL.

Statistik Permohonan Penggunaan Venue Bagi Tahun 2023

- Bagi tempoh 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023 melalui e-Booking/ Manual

MENARA DBKL 1

BIL	NAMA BILIK	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
1.	Dewan Megapuri	2	12	27	11	17	15	15	14	21	15	21	14	184
2.	Bilik Putra	24	17	31	10	25	22	32	24	23	15	21	24	268
3.	Bilik Biru	6	2	10	5	8	4	9	3	5	2	8	3	65
4.	Bilik Gerakan	13	8	16	8	9	8	7	7	4	16	12	11	119
5.	Bilik Lembaga	31	31	38	17	34	23	36	34	23	22	27	30	346
6.	Bilik Jamuan	8	2	12	0	4	4	6	8	10	6	13	8	68
7.	Bilik Mesyuarat Utama	18	28	28	11	30	18	27	20	24	20	18	16	258
8.	Anjung Singahsana	3	3	2	0	4	4	1	1	3	7	5	5	38
10.	Auditorium DBKL	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	JUMLAH	**105**	**103**	**164**	**62**	**131**	**98**	**133**	**111**	**113**	**103**	**125**	**111**	**1346**

MENARA DBKL 3

BIL	NAMA BILIK	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
1.	Bilik Mesyuarat Utama	27	22	18	8	24	16	20	30	27	14	15	14	235
2.	Bilik Mesyuarat 2	16	8	4	2	8	11	7	10	7	7	6	6	92
3.	Bilik Mesyuarat 1	17	17	12	4	11	13	10	11	8	0	0	0	134
4.	Bilik Taklimat	7	10	12	9	12	12	4	6	2	2	0	0	104
5.	Bilik Latihan 1	19	3	5	2	13	2	3	2	6	1	0	0	59
6.	Bilik Jamuan	6	3	3	1	5	6	2	8	1	0	0	0	45
7.	Bilik Latihan 2	7	3	7	1	11	2	3	5	2	1	0	0	47
	JUMLAH	**99**	**66**	**61**	**27**	**84**	**62**	**49**	**72**	**53**	**25**	**21**	**20**	**716**
	JUMLAH KESELURUHAN PENGGUNAAN DI MENARA DBKL 1 DAN 3													**2062**

6.0 BAJET

6.1 Perbelanjaan Mengurus

PERKARA	TAHUN 2023	PERATUS (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM18,298,100	97.09
Perbelanjaan	RM17,766,532	

6.2 Perbelanjaan Pembangunan

PERKARA	TAHUN 2023	PERATUS (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	-	-
Perbelanjaan	-	

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2023

BIL.	TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM/AKTIVITI	OBJEKTIF
1.	15 Januari 2023	i. Datuk Bandar Kuala Lumpur ii. Pengarah Eksekutif DBKL iii. Ketua-ketua jabatan DBKL	Majlis Pelancaran Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan Dan Kuala Lumpur Pagi Bebas Kenderaan (KLCFM).	Menyemarakkan lagi Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan Tahun 2023 sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2023.
2.	16 Februari 2023	i. Penceramah Jemputan: • Ustaz Mohd Marngi bin Wasim ii. Imam Besar Masjid Negara: • Haji Ehsan bin Mohd Hosni iii. Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	Kursus Gerbang Barzakh Siri 1 Tahun 2023.	Memberi pendedahan mengenai kaedah pengurusan jenazah yang betul secara teori dan praktikal serta memberi kesedaran dalam memenuhi tuntutan fardhu kifayah.
3.	11 Mac 2023	i. YAB Perdana Menteri ii. DAI Kuala Lumpur iii. Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	Selawat Dan Munajat Perdana Untuk Rakyat Malaysia Bersama YAB Perdana Menteri.	Mengimarahkan selawat dan program Ramadan akan datang.
4.	14 Mac 2023	Penceramah Jemputan: • Ustaz Mohamad Wadi Annuar bin Ayub	Majlis Pelancaran Program Imarah Ramadan 1444H / 2023M.	Majlis ini diadakan sebagai simbolik bagi permulaan bulan Ramadan dan aktiviti -aktiviti yang akan dijalankan sepanjang bulan Ramadan.
5.	10 April 2023	Penceramah Jemputan: i. Sahibus Samahah Tuan Haji Jamali Adnan (Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan) ii. Puan Heliza Helmi Moderator : • Ustaz Mohd Hariri bin Mohamad Daud	Forum Penghayatan Nuzul Al Quran 1444H / 2023M.	Majlis ini diadakan sempena Nuzul Al-Quran 1444H / 2023M.
6.	13 April 2023	Penceramah Jemputan: • Sahibus Samahah Tuan Haji Hazaruddin bin Baharudin (Timbalan Mufti Melaka) Pemimpin Khatam Al-Quran: • Ustaz Ehsan bin Mohd Hosni (Imam Besar Masjid Negara)	Majlis Khatam Al Quran (*World Quran Hour*) 1444H / 2023M.	Meraikan kakitangan DBKL yang telah menyertai program Tadarus Al - Quran yang diadakan sepanjang bulan Ramadan.
7.	10 hingga 12 Mei 2023	PKJ & PPKJ Jabatan	Kursus Keselamatan Perlindungan Siri 1 kepada PKJ/ PPKJ di Imperial Heritage Hotel, Melaka.	Memberi pemahaman / kesedaran berkaitan kepentingan Keselamatan Perlindungan DBKL (Dokumen dan Fizikal).
8.	16 Mei 2023	i. Ahli-ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ii. Persatuan Penduduk iii. Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur iv. Datuk Bandar Kuala Lumpur v. Rakan strategik DBKL vi. Pegawai dan kakitangan DBKL	Majlis Semarak Aidilfitri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Tahun 2023/ 1444H.	Majlis ini diadakan sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2023/ 1444H.

BIL.	TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM/AKTIVITI	OBJEKTIF
9.	16 hingga 19 Mei 2023	Pegawai dan kakitangan *(Emergency Response Team)* Menara DBKL 3	Latihan Asas Keselamatan Di Akademi Bomba Dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur Wakaf Tapai, Terengganu.	• Memahami cara-cara untuk membentuk dan mengimplementasikan Prosedur Pelan Tindakan Kecemasan. • Sebagai persediaan pasukan ERT kepada Latihan Pengungsian Bangunan (Fire Drill) di Menara DBKL 3.
10.	8 Jun 2023	i. Penceramah Jemputan: • Ustaz Mohd Marngi bin Wasim ii. Imam Besar Masjid Negara: • Haji Ehsan bin Mohd Hosni iii. Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	Kursus Gerbang Barzakh Siri 2 Tahun 2023.	Memberi pendedahan mengenai kaedah pengurusan jenazah yang betul secara teori dan praktikal serta memberi kesedaran dalam memenuhi tuntutan fardhu kifayah.
11.	12 - 15 Jun 2023	Pegawai dan kakitangan *(Emergency Response Team)* Menara DBKL 3	Latihan Asas Keselamatan Di Akademi Bomba Dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur Wakaf Tapai, Terengganu.	Memahami cara-cara untuk membentuk dan mengimplementasikan Prosedur Pelan Tindakan Kecemasan. Sebagai persediaan pasukan ERT kepada Latihan Pengungsian Bangunan (*Fire Drill*) di Menara DBKL 3.
12.	19 hingga 21 Jun 2023	Pendaftar Rahsia DBKL	Kursus Keselamatan Rahsia Rasmi kepada Pendaftar Rahsia DBKL di Amverton Hotel, Melaka.	Memberi pemahaman / kesedaran berkaitan kepentingan Keselamatan Perlindungan DBKL (Dokumen dan Fizikal).
13.	20 hingga 22 Jun 2023	Penceramah Jemputan: i. Pembekal Latihan ii. Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	Kursus Pemantapan Kapasiti Imam, Bilal Dan Pembaca Doa DBKL Tahun 2023.	Memberi pendedahan berkaitan kaedah terbaik melaungkan azan, teknik terbaik bacaan doa semasa majlis dan harian, melatih pelapis -pelapis pembaca doa, penyediaan teks bacaan doa serta ilmu falak bagi penentuan waktu solat dan lain - lain.
14.	1 Julai 2023	i. Datuk Bandar Kuala Lumpur ii. Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	Qurban Madani.	Program ini diadakan sempena Hari Raya Aidiladha 1444H / 2023M.
15.	15 Julai 2023	Penceramah Jemputan: i. Ustaz Abdul Somad Batubara ii. YAB PM iii. Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur iv. Warga kota Kuala Lumpur	Program Kuala Lumpur Munajat.	Memacu kesejahteraan komuniti menerusi medium dakwah kontemporari melalui penceramah selebriti dan menambah ilmu pengetahuan berkaitan permasalahan agama masa kini.
16.	19 Julai 2023	i. KDYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ii. Pengarah Eksekutif Pengurusan iii. Agensi Sahabat Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	Perhimpunan Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1445H/2023M	Majlis ini diadakan sempena Maal Hijrah 1445H/2023M.
17.	02 Ogos 2023	i. Kementerian Komunikasi dan Digital ii. YAB PM iii. Datuk Bandar Kuala Lumpur iv. Pengarah Eksekutif DBKL v. Ketua-ketua jabatan DBKL vi. Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur vii. Warga kota Kuala Lumpur	Majlis Memperingati Tun Dr Ismail Al-Haj.	Majlis ini diadakan bagi memperingati negarawan.

BIL.	TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM/AKTIVITI	OBJEKTIF
18.	07 Ogos 2023	i. Majlis Perwakilan Penduduk ii. NGO iii. Agensi Sahabat iv. Institusi Pengajian Tinggi v. Sekolah vi. Persatuan Peniaga dan Penjaja	Majlis Penyerahan Jalur Gemilang Peringkat Wilayah Persekutuan.	Majlis ini diadakan bagi menyambut bulan kebangsaan sepanjang Ogos dan September 2023.
19.	15 hingga 17 Ogos 2023	PKJ & PPKJ Jabatan	Kursus Keselamatan Perlindungan Siri 2 kepada PKJ / PPKJ di Avillion Port Dickson, Negeri Sembilan.	Memberi pemahaman / kesedaran berkaitan kepentingan Keselamatan Perlindungan DBKL (Dokumen dan Fizikal).
20.	21 September 2023	Penceramah Jemputan: i. Ustaz Zul Ramli bin Mohd Razali ii. Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	Sambutan Maulidur Rasul @ DBKL.	Majlis ini diadakan sempena Maulidur Rasul 1445H / 2023M Peringkat DBKL.

GAMBAR SEPANJANG AKTIVITI

Majlis Pelancaran Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan Dan Kuala Lumpur Pagi Bebas Kenderaan (KLCFM)
Tarikh: 15 Januari 2023 | Lokasi: Menara DBKL 1





Selawat Dan Munajat Perdana Untuk Rakyat Malaysia Bersama YAB Perdana Menteri
Tarikh: 11 Mac 2023 | Lokasi: Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur





Forum Penghayatan Nuzul Al-Quran
Tarikh: 10 April 2023 | Lokasi: Mayor's Courtyard, Bangunan Biro Pelancongan Kuala Lumpur





Majlis Khatam Al Quran
Tarikh: 13 April 2023 | Lokasi: Dewan Megapuri, Tingkat 30, Menara DBKL 1





Kursus Keselamatan Perlindungan Siri 1 kepada PKJ / PPKJ
Tarikh: 10 hingga 12 Mei 2023 | Lokasi: Imperial Heritage Hotel, Melaka





Majlis Semarak Aidilfitri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Tahun 2023 / 1444H
Tarikh: 16 Mei 2023 | Lokasi: Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur




Latihan Asas Keselamatan
Tarikh: 16 hingga 19 Mei 2023 | Lokasi: Akademi Bomba Dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur Wakaf Tapai, Terengganu




Latihan Asas Keselamatan
Tarikh: 12 hingga 15 Jun 2023 | Lokasi: Akademi Bomba Dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur Wakaf Tapai, Terengganu




Kursus Keselamatan Rahsia Rasmi kepada Pendaftar Rahsia DBKL
Tarikh: 19 hingga 21 Jun 2023 | Lokasi: Amverton Hotel, Melaka





Program Kuala Lumpur Munajat
Tarikh: 15 Julai 2023 | Lokasi: Dataran Merdeka Kuala Lumpur





Majlis Penyerahan Jalur Gemilang Peringkat Wilayah Persekutuan
Tarikh: 07 Ogos 2023 | Lokasi: Lobi Menara DBKL 1





Kursus Keselamatan Perlindungan Siri 2 kepada PKJ / PPKJ
Tarikh: 15 hingga 17 Ogos 2023 | Lokasi: Avillion Port Dickson, Negeri Sembilan





8.0 PENCAPAIAN JABATAN

TARIKH	ACARA	PENCAPAIAN / KEPUTUSAN	CATATAN
28 September 2023	Perarakan dan Perhimpunan Kontinjen Sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan Tahun 1445H/2023M di PICC Putrajaya.	Johan Kategori Badan Berkanun	
14 Oktober 2023	Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1445H/ 2023M di Masjid Wilayah Persekutuan.	Johan Keseluruhan	
28 Mei 2024	Konvensyen Keselamatan Perlindungan Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 dan Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2023 di Dewan Damar Sari 1, 2 & 3 Aras 3, Blok F8, Parcel F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya.	5 Bintang (Cemerlang)	Jabatan Pentadbiran adalah sebagai urusetia bagi Inpektokrat Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2023 oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Jabatan Perdana Menteri.

GAMBAR SEPANJANG AKTIVITI

Perarakan Dan Perhimpunan Kontinjen Sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan
Tahun 1445H / 2023M
Tarikh: 28 September 2023 | Lokasi: PICC Putrajaya






Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1445H / 2023M
Tarikh: 14 Oktober 2023 | Lokasi: Masjid Wilayah Persekutuan






Konvensyen Keselamatan Perlindungan Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 dan Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2023
Tarikh: 28 Mei 2024 | Lokasi: Dewan Damar Sari 1, 2 & 3 Aras 3, Blok F8, Parcel F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya







Jabatan Kewangan

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan

Jabatan Kewangan diwujudkan pada tahun 1956 dan dikenali sebagai Jabatan Bendahari. Nama jabatan ini ditukar kepada Jabatan Kewangan mulai tahun 2003. Sehingga kini, Jabatan Kewangan mempunyai tenaga kerja seramai **227 orang** dengan empat bahagian dan 11 unit.

1.2 Bahagian-Bahagian / Unit-Unit di Jabatan

Jabatan ini mempunyai empat (4) bahagian dan 11 unit antaranya: -

i. Bahagian Pentadbiran
- Unit Pentadbiran Dan Pelaburan
- Unit Pembayaran
- Unit Emolumen dan Inventori

ii. Bahagian Perancangan Kewangan
- Unit Belanjawan & Kawalan Peruntukan
- Unit Pembiayaan Pembangunan
- Unit Penswastaan dan Takaful

iii. Bahagian Pengurusan Kewangan Dan Perakaunan
- Unit Perakaunan
- Unit Maklumat Kewangan Berkomputer

iv. Bahagian Pengurusan Hasil Dan Kawalan Tunggakan
- Unit Pengurusan Hasil Cukai dan Terimaan Kutipan
- Unit Kawalan Dan Penguatkuasaan Tunggakan Cukai dan Bukan Cukai
- Unit Pengurusan Hasil Bukan Cukai

1.3 Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan

KATEGORI	JUMLAH
Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41dan ke atas)	23
Kumpulan Sokongan I (Gred 17 - 40)	190
Kumpulan Sokongan II (Gred 1 -16)	14
JUMLAH	**227**

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi

- Menguruskan kewangan DBKL secara berkualiti untuk menjadikan DBKL sebagai organisasi pengurusan sebuah bandar raya bertaraf dunia.

2.2 Misi

- Bersama menyumbang ke arah menyediakan maklumat kewangan yang berkualiti.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Piagam Pelanggan Jabatan

i. Menyediakan Bajet Tahunan DBKL dan mendapatkan kelulusan Menteri yang bertanggungjawab kerajaan tempatan sebelum atau pada 31 Disember setiap tahun.

ii. Memberi perkhidmatan kaunter bayaran secara efisyen dengan memastikan waktu menunggu tidak melebihi 30 minit pada waktu puncak dan tidak melebihi 15 minit pada waktu biasa.

iii. Menyediakan bayaran dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan dokumen tuntutan yang lengkap.

iv. Memastikan data-data cukai taksiran dihantar kepada vendor yang dilantik untuk proses cetakan dan penghantaran bil. cukai taksiran tidak lewat pada 15 Januari bagi penggal pertama dan 15 Julai bagi penggal kedua.

v. Memastikan tindakan penguatkuasaan kutipan cukai taksiran dilaksanakan mengikut peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 ke atas akaun-akaun tertunggak.

vi. Menyediakan maklumat kewangan status akaun hasil bukan cukai untuk tindakan penguatkuasaan jabatan pelaksana setiap 3 bulan.

vii. Memastikan semua hasil kutipan di bawah kendalian jabatan dibankkan pada hari yang sama manakala kutipan waktu malam / hari cuti dibankkan pada keesokkan hari bekerja.

viii. Memastikan notis tuntutan awal daripada pihak ketiga dikemukakan dalam tempoh 7 hari bekerja kepada pihak insurans yang dilantik.

ix. Memastikan aduan penerimaan kepada aduan awam dibuat dalam tempoh 1 hari bekerja dan tindakan susulan diambil dalam tempoh 3 hari bekerja. Maklumbalas seterusnya dibuat dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh aduan diterima.

x. Memastikan pembayaran kepada agensi kerajaan seperti KWSP, KWAP, LHDN yang dibuat pemotongan dari gaji kakitangan dibayar dalam tempoh 14 hari dari tarikh gaji diproses.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

4.1 KPI Jabatan

KRA	BIL.	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Strategi 2 : Meningkatkan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan (*Customer Focus*) **Matlamat 5** : Tadbir Urus Cemerlang	1.	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan (IDB: 2 hari, Jabatan: 2 hari)	Semua pegawai dan kakitangan Jabatan menghadiri kursus 4 hari setahun (IDB: 2 Hari, Jabatan: 2 Hari)	**100%** OT: <100%
	2.	Mensasarkan 80% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari untuk aduan biasa	Menyelesaikan 80% aduan yang diterima pada setiap bulan (Berpandukan sasaran JWP)	**100%** ET: >80%
Matlamat 5: Tadbir Urus Cemerlang **Strategi 1**: Memperkukuhkan Tahap Integriti, Akauntabiliti dan Telus (*Transparency*)	3.	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	Mencapai sekurang-kurangnya 95% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2023	**100%** OT: >95%
	4.	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2024	Keseluruhan Jabatan hendaklah mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2024 sebelum 30 November 2023	**100%** OT: 100%
	5.	Menyelesaikan AW58 pada bulan Mei 2023	Memastikan pembayaran melibatkan AW58 dijelaskan pada Mei 2023	**100%** ST: <April 2023

KRA	BIL.	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Matlamat 5 : Tadbir Urus Cemerlang **Strategi 1** : Memperkukuh Tahap Integriti, Akauntabiliti dan Telus (*Transparency*)	6.	Dokumen Tuntutan Bayaran yang lengkap dan teratur diproses dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh penerimaan di Unit Pembayaran, Jabatan Kewangan	Semua dokumen tuntutan bayaran yang lengkap dan teratur diproses dalam tempoh 7 hari bekerja.	**100%** OT : 7 hari
	7.	Membuat penambahbaikan keatas Polisi Perakaunan DBKL.	Menyediakan Polisi Perakaunan DBKL berkaitan dengan Pajakan.	**100%** OT: November 2023
	8.	Menyediakan Perintah Tetap Kewangan	Menyediakan dan mengemaskini peraturan kewangan untuk dijadikan Perintah Tetap Kewangan untuk digunapakai DBKL pada Disember 2023.	**100%** ET: <November 2023
Matlamat 5: Tadbir Urus Cemerlang **Strategi 3**: Menggunakan Sumber Organisasi Secara Optimum dan Meningkatkan Hasil	9.	Meningkatkan kutipan tanpa tunai selaras dengan dasar kerajaan.	80% dari keseluruhan transaksi adalah kutipan tanpa tunai.	**100%** ST: >90%
	10	Mempelbagaikan kaedah terimaan kutipan tanpa tunai *(e-payment & cashless)*.	Mewujudkan *e-wallet* kaunter.	**100%** OT: Jun 2023
	11	Kutipan Cukai Taksiran mencapai 90% dari caj semasa tahun 2023.	Mengutip 90% cukai taksiran tahun semasa.	**99%** BT: < 90%
	12	Mengurangkan tunggakan hasil cukai taksiran	Mengutip RM 200 juta dari jumlah keseluruhan tunggakan terkumpul seperti pada 31 Disember 2022	**100%** ET: > RM200juta
	13	Memastikan peruntukan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Keduabelas (RMKe-12) yang diluluskan pada tahun 2023 berjumlah RM53juta yang melibatkan 4 projek sambungan disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada DBKL.	90% peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan disalurkan pada tahun 2023 tertakluk kepada kelulusan semasa Pihak Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).	**100%** ST: 100%
	14	Memastikan Peruntukan Mengurus yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dibelanjakan dalam tahun semasa untuk: Penyelenggaraan Jalan Raya MARRIS Peruntukan Khas bagi Program Pengurusan Perbandaran Penyelenggaraan Tugu Negara	90% peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan disalurkan pada tahun 2023. Tertakluk kepada kelulusan semasa Pihak Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)	**100%** ST: 100%

5.0 FUNGSI

5.1 Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan

Fungsi Jabatan Kewangan adalah untuk mengendalikan pengurusan kewangan DBKL yang terlibat dari segi pengurusan kutipan hasil, perbelanjaan, belanjawan dan penyediaan Penyata Kewangan Tahunan DBKL serta mempertingkatkan perancangan dan kawalan kewangan yang lebih berkualiti.

Jabatan Kewangan juga memastikan tindakan penguatkuasaan kutipan cukai taksiran dilaksanakan mengikut peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 ke atas akaun-akaun tertunggak dan menyediakan maklumatmaklumat kewangan hasil bukan cukai / terimaan bukan hasil untuk tindakan penguatkuasaan kutipan hasil oleh jabatan pelaksana.

5.2 Fungsi-Fungsi Unit-Unit / Bahagian-Bahagian Jabatan

i. Menyediakan sistem kewangan yang sistematik selaras dengan akta-akta yang digunapakai aturcara kewangan, peraturan- peraturan kewangan kerajaan dan juga piawaian perakaunan yang diterima umum.

ii. Mengutip hasil-hasil DBKL.

iii. Menyediakan maklumat kewangan untuk kegunaan semua pihak yang berkepentingan.
iv. Menyediakan belanjawan tahunan dengan mengutamakan kemudahan untuk pembayar cukai serta wargakota.
v. Mengendalikan sistem bayaran yang cekap dan teratur
vi. Menyediakan sistem kawalan dalaman untuk memastikan pentadbiran kewangan selaras dengan akta dan peraturan yang digunapakai oleh DBKL.
vii. Menguruskan skim insurans untuk melindungi harta benda
viii. Menjadi ahli Jawatankuasa Pelaksanaan Projek-Projek Khas dan Penswastaan oleh DBKL.

6.0 BAJET

6.1 Perbelanjaan Mengurus

PERKARA	TAHUN 2023	PERATUS (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM2,000,575,700	98.80%
Perbelanjaan	RM1,976,657,349	

6.2 Perbelanjaan Pembangunan

PERKARA	TAHUN 2023	PERATUS (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM574,057,600	97.30%
Perbelanjaan	RM558,536,023	

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2023

7.1 Portal Idea Belanjawan DBKL 2024

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
1 April hingga 31 Mei 2023	Warga Kota	Jabatan Kewangan telah melancarkan sebuah portal yang dinamakan Idea Belanjawan DBKL 2024.	Portal ini disediakan untuk memberi peluang kepada warga kota dalam memberi idea dan cadangan dalam Belanjawan 2024. Ia seterusnya dapat membantu DBKL merangka pelbagai perancangan, strategi serta inisiatif bagi mensejahterakan warga kota. Sebanyak 484 idea / cadangan diterima daripada 183 responden melalui portal Idea Belanjawan DBKL 2024 tersebut. Idea dan pandangan telah diambil maklum oleh jabatan-jabatan berkaitan untuk diselaraskan dalam program / aktiviti / projek untuk Belanjawan DBKL 2024.



7.2 Perbincangan Datuk Bandar Kuala Lumpur Bersama Ahli-Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Mengenai Idea Dan Cadangan Belanjawan DBKL 2024

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
18 Mei 2023	Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Perbincangan Bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur di Bilik Lembaga Tingkat 29, Menara DBKL 1	Penglibatan Ahli Parlimen untuk bersama-sama menyumbang idea dan cadangan Belanjawan DBKL 2024 bagi memastikan Belanjawan DBKL 2024 dapat disediakan mengikut keperluan warga kota. Sebanyak 23 idea/cadangan diterima daripada perbincangan tersebut.





7.3 Pra Retreat Belanjawan 2024 Bersama Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
14 September 2023	Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur	Connexion, Kuala Lumpur	Bagi mendapatkan pandangan dan perkongsian daripada Ahli Lembaga Penasihat DBKL dalam penyediaan Belanjawan 2024. Memastikan setiap idea belanjawan yang dikemukakan oleh warga kota dinilai dan dipertimbangkan di dalam Belanjawan 2024. Memastikan penyediaan Belanjawan 2024 telah mengambilkira pandangan dan idea wargakota, Ahli Parlimen, Ahli Lembaga Penasihat dan lain – lain *stakeholder*.






7.4 Pra Retreat Belanjawan 2024 Bersama Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
29 September 2023	Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Connexion, Kuala Lumpur	Bagi mendapatkan pandangan dan perkongsian daripada Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam penyediaan Belanjawan 2024. Memastikan setiap idea belanjawan yang dikemukakan oleh warga kota dinilai dan dipertimbangkan di dalam Belanjawan 2024. Memastikan penyediaan Belanjawan 2024 telah mengambilkira pandangan dan idea wargakota, Ahli Parlimen, Ahli Lembaga Penasihat dan lain – lain *stakeholder.*






7.5 Retreat Belanjawan 2024

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
4 hingga 6 Oktober 2023	Pihak Pengurusan Tertinggi DBKL dan Ketua - Ketua Jabatan DBKL	Retreat Belanjawan 2024 di Hotel Amari Johor Bahru.	Retreat ini dilaksanakan untuk memuktamadkan peruntukan Mengurus dan peruntukan Pembangunan bagi setiap jabatan serta anggaran hasil DBKL bagi tahun 2024. Penyediaan Belanjawan 2024 dirangka dengan menerapkan prinsip *'value for money'* serta memenuhi keperluan warga kota secara umumnya. Di dalam *Retreat* ini, fokus Belanjawan 2024 masih mengekalkan kesinambungan kepada 14 program sedia ada bagi memastikan fungsi utama DBKL dapat dilaksanakan.





7.6 Sidang Media Belanjawan DBKL 2024

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
21 Disember 2023	Pengurusan Tertinggi DBKL, ketua- ketua jabatan dan beberapa wakil media dari pelbagai medium.	Sidang Media Belanjawan DBKL 2024 oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur di Bilik Putra, Tingkat 29 Menara DBKL 1.	Hebahan Belanjawan DBKL 2024 yang memperuntukkan peruntukan sebanyak RM2.012 bilion untuk Peruntukan Mengurus dan sebanyak RM646 juta untuk Peruntukan Pembangunan dengan keseluruhan RM 2.659 bilion bertemakan ''Aspirasi Madani, Bandar Raya Lestari''.





7.7 Program Kempen E-Bil Cukai Taksiran 2023

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
Jun 2023 hingga Disember 2023	Pembukaan reruai di 16 pusat membeli belah	Program Kempen E-Bil Cukai Taksiran 2023	Memastikan pemilik harta di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mengemaskini data terutama sekali e-mel dan nombor telefon memandangkan bermula tahun 2024 tiada bil fizikal cukai taksiran akan dihantar ke rumah, pejabat dan premis perniagaan.










7.8 Hari Jabatan Peringkat Jabatan Kewangan

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
27 Januari 2023	Semua kakitangan Jabatan Kewangan	Hari Jabatan - *Power Walk* sekitar Tugu Negara	1. Merapatkan hubungan antara pegawai dan kakitangan 2. Mengurangkan tekanan kerja dengan aktiviti beriadah.
24 Februari 2023		Hari Jabatan - JKEW's *Treasure Hunt*	
31 Mac 2023		Hari Jabatan - Bacaan Yasin, Perkongsian Ilmu dan Tazkirah	
26 Mei 2023		Hari Jabatan – Sesi Perkongsian Ilmu	
23 Jun 2023		Hari Jabatan – EKSA JKEW	
28 Julai 2023		Hari Jabatan - Sukaneka Jabatan Kewangan	
25 Ogos 2023		Hari Jabatan- Pertandingan Menghias Ruang Pejabat	
22 September 2023		Hari Jabatan - Lawatan ke Memorial Tunku Abdul Rahman	
27 Oktober 2023		Hari Jabatan - Sesi Perkongsian Ilmu – Perancangan Harta	
24 November 2023		Hari Jabatan - Lawatan ke Kompleks Kraf Kuala Lumpur	
22 Disember 2023		Hari Jabatan - Eksplorasi Muzium Negara	














7.9 Lawatan Sekretariat Pematuhan *Standard Accounting System for Government Agencies* (SAGA) bagi Sistem Aplikasi Perakaunan dan Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
6 September 2023	1. Bahagian Khidmat Perunding, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) 2. Jabatan Perdana Menteri 3. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	Lawatan Sekretariat Pematuhan *Standard Accounting System for Government Agencies* (SAGA) bagi Sistem Aplikasi Perakaunan dan Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	Proses untuk memperoleh sijil pematuhan SAGA bagi Sistem Aplikasi Perakaunan dan Kewangan DBKL.





7.10 Bengkel Pembangunan Garis Panduan (SOP) Dbkl *Core System* (Dcos) Siri 4

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
20 hingga 22 November 2023	1. Jabatan Kewangan 2. Jabatan Pengurusan Penilaian Dan 3. Jabatan Kejuruteraan Mekanikal Dan Elektrikal 4. Jabatan Pengurusan Sumber Manusia 5. Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar	Bengkel Pembangunan Garis Panduan (SOP) Dbkl *Core System* (Dcos) Siri 4	Membangunkan SOP ke atas proses kerja yang mengalami perubahan kesan daripada penggunaan DBKL *Core System* (DcOS) sepenuhnya pada 1 Januari 2020.



7.11 Majlis Jamuan Hari Raya 2023

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
10 Mei 2023	Semua kakitangan Jabatan Kewangan	Majlis Kita Raya Bersama JKEW	Mengeratkan ukhwah antara kakitangan dan pegawai-pegawai di Jabatan Kewangan





7.12 Retreat Perintah Tetap Pengurusan Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Tahun 2023 di Mercure Living Putrajaya

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
7 hingga 9 September 2023	Semua kakitangan Jabatan Kewangan	Retreat Perintah Tetap Pengurusan Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Tahun 2023 di Mercure Living Putrajaya	Penyediaan Perintah Tetap Pengurusan Kewangan sebagai rujukan dan pematuhan kewangan kepada semua warga DBKL







Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mula melaksanakan kursus dan latihan untuk kakitangan DBKL sejak tahun 1979 oleh Bahagian Latihan Jabatan Personel. Kursus- kursus yang dilaksanakan di peringkat awal adalah berkaitan dengan bidang penguatkuasaan dan sistem kerja jabatan-jabatan di DBKL. Kemudiannya, pada 1 Jun 1982, sebuah bangunan Institut Latihan Kakitangan DBKL (IDB) telah dibina dan beroperasi di Jalan Kepong, Jinjang. Walau bagaimanapun bermula pada 1 Julai 2011 IDB telah berpindah di Jalan Yaacob Latif (Jalan Tenteram), Bandar Tun Razak Cheras.

Selaras dengan hasrat untuk mengukuhkan peranan Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (IDB) sebagai sebuah pusat kecemerlangan yang bukan sahaja menawarkan latihan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran modal insan warga DBKL, pentadbiran DBKL telah memutuskan agar IDB akan melapor terus kepada Pengarah Eksekutif (Pengurusan) bagi memperkasa peranan IDB dalam bidang pembangunan dan penyelidikan berkuatkuasa pada 2 Januari 2020.

1.2 Unit-unit di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah seperti berikut :-

1.2.2 Unit Latihan

i. Bidang Pengurusan
ii. Bidang Landskap Dan Hortikultur
iii. Bidang Teknologi Maklumat
iv. Bidang Arkitek, Bangunan Dan Ukur Bahan
v. Bidang Perancangan Bandaraya
vi. Bidang Kewangan Dan Harta
vii. Bidang Kesihatan Dan Alam Sekitar
viii. Bidang Kejrurteraan
ix. Bidang Perundangan Dan Penguatkuasaan

1.2.3 Pejabat Pendaftar

i. Pendaftar
ii. Operasi Latihan Dan Penyelidikan
iii. Kewangan
iv. Penyelengaraan
v. Teknologi Maklumat
vi. Pentadbiran

1.2.4 Unit Program Antarabangsa

i. Antarabangsa

1.3 Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan

KATEGORI	JUMLAH
Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 dan ke atas)	22
Kumpulan Sokongan I (Gred 17- 40)	21
Kumpulan Sokongan II (Gred 1-16)	18
JUMLAH	**61**

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi

Menjadi peneraju pusat latihan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Malaysia yang cemerlang dalam menyediakan khidmat latihan dan rujukan dalam bidang perkhidmatan perbandaran.

2.2 Misi

Beriltizam merancang, mengurus dan melaksana program latihan yang berkualiti, bersistematik dan responsif berteraskan amalan terbaik bagi melahirkan warga kerja yang kompeten dan berintegriti dalam memberi perkhidmatan perbandaran yang cemerlang.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Menyediakan prospektus latihan DBKL yang lengkap sebelum 15 Januari setiap tahun.

3.2 Melaksanakan latihan sebanyak 220 siri kursus dalam setahun kepada pegawai dan kakitangan DBKL.

3.3 Memastikan pencapaian prestasi penceramah / jurulatih mendapat skor purata sekurang-kurangnya skala 4.0 pada skala 1.0 – 5.0 dalam penilaian penceramah.

3.4 Memberi maklumbalas tawaran kepada pelajar latihan industri yang berjaya dalam tempoh 14 hari bekerja.

3.5 Memastikan fasiliti, makanan dan minuman peserta kursus mendapat skor purata tidak kurang daripada skala 4.0 pada skala 1.0 – 5.0 berdasarkan borang penilaian kursus.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

4.1 KPI Jabatan

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Meningkatkan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan *(Customer Focus)*	1.	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan	57 orang	100%
	2.	Mensasarkan sekurang – kurangnya 80% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari untuk aduan biasa.	80%	100%
Memperkukuhkan Tahap Integriti, Akauntabiliti Dan Telus *(Transparency)*	3.	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	95%	100%
	4.	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2024	100%	100%
	5.	Menyelesaikan AW58 pada bulan Mei 2023	23 bil	39.13%
	6.	Program Latihan Kakitangan	220 siri kursus	100%
	7.	Mengadakan latihan antarabangsa	5 Program	100%
	8.	Menawarkan latihan berteraskan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)	68 siri kursus	92.64%
	9.	Program pentauliahan pegawai DBKL sebagai tenaga pengajar mahir	2 program latihan	100%
	10.	Menganjurkan Latihan Pra Penempatan sekurang-kurangnya 2 kali setahun	2 program latihan	100%

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
	11.	Kajian produk/perkhidmatan yang melalui proses R&D	3	66.67%
	12.	Kolaborasi strategik dengan pihak berkepentingan	3	100%


5.0 FUNGSI

5.1 Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan

5.1.1 Perkhidmatan latihan kepada warga kerja DBKL

Sebanyak 340 kursus latihan telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023 dengan pecahan berikut:

i. 286 siri kursus / latihan anjuran DBKL
ii. 31 siri kursus / latihan anjuran agensi luar
iii. 17 kursus / latihan ke luar negara
iv. 6 program wacana ilmu



5.2.2 Perkhidmatan sewaan fasiliti


IDB turut menyediakan kemudahan penyewaan fasiliti kepada Agensi Kerajaan, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) seperti berikut:

i. Dewan Perdana Mestika yang berkapasiti 1000 pax maksimum lengkap dengan sistem audio dan paparan LED serta pentas berukuran 24' x 18' bersama ruang menunggu VIP;
ii. 24 buah bilik akademik berkapasiti 30 pax/bilik yang lengkap dengan sistem audio, paparan projektor dan komputer penceramah; dan
iii. 4 buah bilik ICT yang lengkap dengan penceramah, 25 set komputer peserta dan juga sistem audio dan paparan projektor.



5.1.3 Latihan Industri/ Praktikal kepada pelajar IPT

Daripada 236 permohonan yang diterima oleh IDB pada tahun 2023 hanya seramai 69 orang pelajar daripada pelbagai Institut Pengajian Tinggi Malaysia telah diterima menjalani latihan di IDB. Pelajar-pelajar ini adalah daripada pelbagai jurusan peringkat Diploma dan Sarjana Muda dari pelbagai Institut Pengajian Awam Malaysia.



5.2 Fungsi-Fungsi Unit Di IDB

5.2.1 Unit Latihan

i. Merekabentuk dan menyediakan program dan modul latihan baru
ii. Menyedia perancangan program latihan tahunan/prospektus
iii. Bekerjasama dengan jabatan untuk keperluan latihan
iv. Melaksanakan peranan sebagai penaraju program kajian dan penyelidikan
v. Melaksanakan kajian penyelesaian masalah terhadap isu DBKL bagi tujuan menjamin kualiti dan kecekapan penyampaian perkhidmatan
vi. Mengadakan kolaborasi strategik dalam bidang keilmuan bersama tenaga pakar dari institusi ilmu dan latihan dalam dan luar negara
vii. Bertanggungjawab bagi mengumpul dan membangunkan bahan-bahan rujukan / kajian kes untuk rujukan
viii. Menjadikan hasil kajian sebagai input kepada program penambahbaikan di dalam bidang kerja DBKL
ix. Menggalakkan pembangunan idea-idea baru
x. Analisis keperluan latihan (TNA)
xi. Mengkaji keberkesanan program latihan bagi tujuan penambahbaikan modul latihan

5.2.2 Pejabat Pendaftar

i. Menguruskan hal ehwal pentadbiran dan kakitangan
ii. Menguruskan penempatan pelajar latihan industri
iii. Menguruskan dan menyenggara fasiliti pusat latihan
iv. Merancang belanjawan tahunan
v. Menguruskan keperluan teknologi maklumat pusat latihan
vi. Pusat komunikasi IDB dengan pelangan
vii. Pemantauan dan seliaan kontraktor pembersihan bangunan IDB
viii. Menyediakan laporan prestasi tinggi perbelanjaan dan latihan
ix. Urusetia kepada pembangunan program kualiti dan inisiatif pusat latihan
x. Mengurus promosi dan publisiti latihan serta program di IDB

xi. Menguruskan kolaborasi dengan badan profesional dan agensi berkemahiran
xii. Menyelaraskan pembangunan tenaga pelajar dan jurulatih DBKL
xiii. Menyelaraskan keperluan latihan dan kemajuan kerjaya kakitangan
xiv. Memantau dan mengawal selia persekitaran, keselamatan dan keceriaan pusat latihan

5.2.3 Unit Program antarabangsa

i. Merancang dan melaksanakan program latihan *Kuala Lumpur Regional Training Centre KLRTC* di peringkat DBKL
ii. Mengadakan koloborasi dengan pusat latihan antarabangsa untuk penempatan program sangkutan
iii. Mengadakan kerjasama strategik dengan penubuhan antarabangsa
iv. Mengadakan perbandingan amalan terbaik dengan luar negara
v. Menggalakkan perkongsian pintar hasil penyelidikan
vi. Menguruskan program latihan ke luar negara

6.0 BAJET

6.1 Perbelanjaan Mengurus

PERKARA	TAHUN 2023	PERATUS (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM9,795,400.00	93.76%
Perbelanjaan	RM9,184,199.00	

6.2 Perbelanjaan Pembangunan
IDB tidak menerima sebarang peruntukan bagi Perbelanjaan Pembangunan

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2023

BIL	TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM/ AKTIVITI	OBJEKTIF
1.	17 Januari 2023	Pegawai dan Kakitangan DBKL	IDB *Talk* : Menyerlah Jauh Dari Yang Biasa.	Memberi kepentingan berinteraksi dalam sesebuah organisasi untuk perkhidmatan penyampaian yang lebih cemerlang di DBKL
2.	26 Februari hingga 1 Mac 2023	Datuk Bandar bersama beberapa Pegawai yang mengikut gred	Program BPC *Training*, Osaka	Pegawai berpeluang mendalami serta meningkatkan pemahaman tentang ekonomi, organisasi dan kemudahan berkaitan Kerajaan Bandar Osaka
3.	4 hingga 5 Mac & 11 Mac 2023	Semua Pegawai dan Kakitangan DBKL yang terlibat dan terpilih	*Pocket Talk* : KL Festival Park 2023.	Objektif: Mengadakan sesi perkongsian ilmu berkenaan fungsi taman awam yang bertepatan dengan konsep bandar mampan (Sustainable City) melalui kepelbagaian aktiviti masyarakat yang boleh dilaksanakan di dalam taman awam di Kuala Lumpur.
4.	23 Jun 2023	Pegawai dan Kakitangan DBKL	IDB *Talk* : Manhaj Membangun Malaysia Madani.	Objektif kepada program ini adalah untuk memberi pendedahan dan penerangan kepada kakitangan DBKL tentang Membangunkan Malaysia Madani
5.	2 hingga 6 Julai 2023	Datuk Bandar bersama beberapa Pegawai yang mengikut gred	Program *Union of Architect (UIA) Congress 2023: Sustainable Future- Leave No One Behind di Copenghagen,* Denmark	Pendedahan kepada dasar dan polisi negara anggota *Union of Architect* (UIA)
6.	20 Julai 2023	PBT, Kontraktor, Pegawai DBKL yang terlibat dan Pegawai Keselamatan yang dilantik Jabatan DBKL	Seminar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Pihak Berkuasa Tempatan. Hotel Pullman Kuala Lumpur	Merapatkan jurang komunikasi dan pendapat serta memperluaskan jaringan pengetahuan serta pengalaman berkaitan keselamatan pekerjaan

BIL	TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM/ AKTIVITI	OBJEKTIF
7.	9 Ogos 2023	Pegawai dan Kakitangan DBKL	IDB *Talk* : "Ehh..Aku DBKL Apa Ghisau..".	Objektifnya bertujuan memberikan pendedahan kepada pegawai dan kakitangan DBKL tentang tanggungjawab sebagai penjawat awam di DBKL yang perlu dipikul dengan penuh dedikasi dan amanah.
8.	28 Ogos 2023	Pengurusan Tertinggi dan Pihak Universiti Teknologi MARA (UiTM)	Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU), UITM	Menggalakkan perkongsian ilmu pengetahuan, kemahiran dan inovasi di kalangan pegawai pegawai dan kakitangan DBKL
9.	21 September 2023	i. Penjawat awam daripada Pihak Berkuasa Tempatan seluruh Malaysia. ii. Organisasi Swasta dan orang awam yang berkepentingan	Seminar *Climate Change 2023 "Think Green, Be Creative 2050".*	Menggalakkan pemikiran secara kreatif dalam mengenalpasti kaedah dan peluang dalam perlaksanaan tindakan perubahan iklim
10.	23 hingga 28 Oktober 2023	Datuk Bandar Kuala Lumpur dan pegawai-pegawai yang terlibat dalam skop program	Program 2023 SHRDC *International Training Program Digitalization and Smart City Offline* Program di Seoul, Korea	Mewujudkan kerjasama dengan bandar raya dunia bagi perkongsian pintar
11.	17 hingga 22 September 2024	Datuk Bandar Kuala Lumpur dan pegawai-pegawai yang terlibat dalam skop program	Program *International Disaster Resiliance Leaders Forum and Training Workshop* di Incheon, Korea Selatan	Platform untuk perkongsian pengalaman dalam menangani bencana dan tindakan yang sesuai bagi mencegah serta mengurangkan risiko bencana melalui penumpuan kepada penerapan penggunaan teknologi.

IDB Talk : Menyerlah Jauh Dari Yang Biasa
Tarikh: 17 Januari 2023 | Lokasi: Dewan Mestika Perdana, Institut Dewan Bandaraya Kuala Lumpur





Program BPC Training
Tarikh: 26 Februari hingga 1 Mac 2023 | Lokasi: Osaka, Japan





Pocket Talk: KL Festival Park 2023
Tarikh: 4 hingga 5 Mac 2023 | Lokasi: Taman Tasik Titiwangsa





IDB Talk : Manhaj Membangun Malaysia Madani
Tarikh: 23 Jun 2023 | Lokasi: Pusat Belia Antarabangsa Kuala Lumpur





Program Union of Architect (UIA) Congress 2023: Sustainable Future- Leave No One Behind
Tarikh: 2 hingga 6 July 2023 | Lokasi: Copenghagen, Denmark





Seminar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Pihak Berkuasa Tempatan
Tarikh: 20 Julai 2023 | Lokasi: Hotel Pullman Kuala Lumpur





IDB Talk: "Ëhh..Aku DBKL Apa Ghisau.."
Tarikh: 9 Ogos 2023 | Lokasi: Dewan Mestika Perdana, Institut Dewan Bandaraya Kuala Lumpur





Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU), UITM
Tarikh: 28 Ogos 2023 | Lokasi: Ruang Legar Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (IDB)





Seminar *Climate Change* 2023
Tarikh: 21 September 2023 | Lokasi: Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur





Program 2023 SHRDC *International Training Program Digitalization and Smart City Offline Programme*
Tarikh: 23 hingga 28 Oktober 2023 | Lokasi: Seoul, Korea





Program *International Disaster Resiliance Leaders Forum and Training Workshop*
Tarikh: 17 hingga 22 September 2024 | Lokasi: Incheon, Korea Selatan





Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan

Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta ditubuhkan pada tahun 1958 dikenali sebagai Pejabat Penilaian Perbandaran. Pada tahun 1975 jabatan ini telah diberi nama baru iaitu Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur selaras dengan fungsi jabatan iaitu membuat penilaian dan pengurusan harta. Di samping itu, jabatan juga menguruskan hal ehwal hartanah Datuk Bandar Kuala Lumpur dari segi hakmilik strata, pemilik hartanah, pengambilan balik tanah, perolehan harta dan insuran kebakaran dengan cekap dan berkualiti.

1.2 Bahagian-Bahagian/ Unit-Unit di Jabatan

Terdapat enam (6) Bahagian di dalam JPPH merangkumi Bahagian Penilaian Khas dan Pembangunan, Bahagian Pengurusan Harta dan Pentadbiran, Bahagian Geomatik, Bahagian Operasi COB, Bahagian Khidmat Nasihat dan Latihan COB serta Bahagian Penilaian Kadaran dan Sistem Maklumat. Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH) juga berperanan melaksanakan fungsi Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur di bawah peruntukan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

1.3 Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan

Pada tahun 2023, jumlah kakitangan di Jabatan adalah seramai 299 orang dengan penempatan di JPPH adalah seramai 293 orang manakala penempatan di luar JPPH adalah seramai 2 orang. Manakala kekosongan perjawatan yang belum diisi adalah seramai 4 orang. Senarai terperinci jawatan adalah seperti di dalam jadual berikut:-

JAWATAN	TETAP	KONTRAK	JUMLAH STAFF (TETAP & KONTRAK)	KEKOSONGAN & GRED	PENEMPATAN DI LUAR JABATAN
P & P	31	2	33	-	
GRED 29 - 36	54	8	62	JA29 (1) WA29(1)	-
GRED 19 - 26	124	4	128	JA19 (1)	W19 (2)
GRED 11 - 12	72	4	76	H11 (1)	-
JUMLAH	**281**	**18**	**299**	**4**	**2**

2.0 VISI DAN MISI JABATAN

2.1 Visi

Bersatu tenaga secara cekap dan produktif ke arah meningkatkan hasil pencukaian taksiran DBKL.

]2.2 Misi

Memberi perkhidmatan penilaian harta yang cekap, bermutu, mesra dan tepat.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Meminda Senarai Nilaian bagi hartanah yang dibenarkan di bawah Seksyen 144 Akta Kerajaan Tempatan 1976 seperti bangunan baru, tambahan atau ubahsuaian dan perobohan sebanyak 4 kali setahun iaitu pada 1 Januari, 1 April, 1 Julai, dan 1 Oktober setiap tahun. Tarikh kuatkuasa pindaan Senarai Nilaian bagi bangunan baru adalah 6 bulan selepas tarikh keluaran Perakuan Menduduki Sementara Bangunan (TCF), Perakuan Menduduki Bangunan(CF), Sijil Siap dan Pematuhan (CCC) atau Borang F.

3.2 Mengeluarkan Notis Pemberitahuan kepada pemilik harta mengenai pindaan Nilai Tahunan selewat-lewatnya 30 hari sebelum tarikh pendengaran bantahan.

3.3 Mengeluarkan Notis Panggilan Mendengar Bantahan kepada pemilik yang mengemukakan bantahan terhadap pindaan Nilai Tahunan secara bertulis dan dalam tempoh yang dibenarkan selewat-lewatnya 3 hari sebelum tarikh pendengaran bantahan.

3.4 Mengeluarkan keputusan Pendengaran Bantahan cukai taksiran dalam tempoh 21 hari bekerja dari tarikh pendengaran bantahan.

3.5 Menjelaskan bayaran cukai tanah tahunan bagi tanah-tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur di bawah seliaan jabatan sebelum 31 Mei setiap tahun.

3.6 Menyediakan laporan penilaian bagi maksud caj pembangunan dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.

3.7 Mengemukakan permohonan tanah bagi maksud pemberimilikan perizaban atau Lesen Pendudukan Sementara (LPS) dalam tempoh 21 hari bekerja dari tarikh maklumat lengkap diterima.

3.8 Mengeluarkan Sijil Perakuan Penubuhan Badan Pengurusan Bersama dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.

3.9 Memastikan Notis Pemberitahuan Penubuhan Badan Pengurusan Bersama dikeluarkan dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan Borang 25 (Notis oleh Pemaju Mengenai Niatnya untuk Menyerahkan Milikan Kosong).

3.10 Mengeluarkan keputusan permohonan penyewaan bangunan yang diurus oleh jabatan dalam tempoh 14 hari bekerja selepas Mesyuarat Jawatankuasa Penyewaan Tanah dan Bangunan.

3.11 Mengeluarkan Surat Tawaran Menyewa Dewan dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan resit cagaran lengkap bersama dokumen berkaitan.

3.12 Menyediakan Pelan Ukur Kejuruteraan bagi keluasan pengukuran kurang 4 hektar dalam tempoh 30 hari bekerja daripada Tarikh permohonan lengkap diterima.

3.13 Menyediakan Pelan Pengambilan Tanah untuk ulasan awal kepada JKPTG dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh penerimaan maklumat hakmilik dan carian rasmi daripada Pejabat Tanah dan Galian.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

4.1 Meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan (*customer* focus)

4.1.1 Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua kerja jabatan.

4.1.2 Mensasarkan sekurang-kurangnya 80% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari untuk aduan biasa.

4.2 Memperkukuhkan tahap integriti, akauntabiliti dan telus (*transparency*)

4.2.1 Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah.

4.2.2 Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2024.

4.2.3 Menyelesaikan isu yang melibatkan AW58.

4.3 Menambah hasil DBKL

4.3.1 Pindaan Senarai Nilaian bagi tujuan cukai taksiran

4.3.2 Risalah soalan-soalan lazim (FAQ) berkaitan Penilaian Semula.

4.4 Transformasi pengurusan komuniti strata

4.4.1 Penganjuran program seperti kursus, bengkel dan konvensyen serta untuk komuniti strata serta program turun padang di kawasan pemajuan.

4.5 Melaksanakan perancangan Infrastruktur Mampan

4.5.1 Mendigitalkan tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur dan tanah rizab di bawah kawalan / selenggaraan Datuk Bandar Kuala Lumpur ke dalam Format GIS.

4.5.2 Menyelaraskan pendigitalan utiliti bawah tanah.

4.5.3 Membantu mewartakan rizab-rizab awam diselenggara oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur

4.5.4 Kalkulator Caj Pembangunan keseluruhan kawasan Kuala Lumpur.

4.6 Pengurusan hartanah

4.6.1 Kutipan caj sewaan semasa.

4.6.2 Kutipan tunggakan sewa harta milik Datuk Bandar.

5.0 FUNGSI

5.1 Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan

Membuat penilaian cukai taksiran ke atas kira-kira 726,425 harta persendirian di WPKL yang menyumbang pendapatan sejumlah RM1.43 bilion sehingga Disember 2022. JPPH bertanggungjawab bagi memastikan semua hartanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dinilai bagi maksud kadaran dengan adilnya berpandukan kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976. Di samping itu, memberikan khidmat nasihat bagi maksud nilai pasaran, sewa pasaran, caj pembangunan dan kajian kemungkinan kepada lain-lain jabatan dalaman.

5.2 Fungsi-Fungsi Unit-Unit / Bahagian-Bahagian Jabatan :

5.2.1 Membuat penilaian cukai taksiran ke atas hartanah persendirian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

5.2.2 Membuat penilaian caruman membantu kadar ke atas harta milik Kerajaan Persekutuan, Kerajaaan Negeri dan Badan Berkanun.

5.2.3 Membuat penilaian nilai pasaran, nilai pampasan, nilai sewa, nilai pajakan, nilai insuran dan kajian kemungkinan bagi harta-harta milik DBKL atau yang dicadang dibeli / disewa / diambil balik oleh DBKL.

5.2.4 Membuat penilaian caj pembangunan mengikut permintaan dari Jabatan Perancangan Bandaraya DBKL.

5.2.5 Mengurus permohonan tanah, sewaan tanah dan bayaran cukai tahunan bagi tanah-tanah milik DBKL.

5.2.6 Mengurus dan menyelenggara bangunan pejabat, kilang, pangsapuri dan kondominium milik DBKL.

5.2.7 Mengurus permohonan hakmilik strata bagi perumahan awam milik DBKL.

5.2.8 Mengawal selia pengurusan dan penyelenggaraan bangunan berstrata di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam melaksanakan fungsi Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur.

5.2.9 Menjalankan kerja pengukuran untuk kejuruteraan, ortofoto, pengambilan tanah, permohonan tanah, pengesanan utiliti bawah tanah dan geospatial serta membantu pasukan bangunan untuk khidmat nasihat bagi projek-projek yang dijalankan oleh DBKL.

6.0 BAJET

6.1 Perbelanjaan Mengurus

PERKARA	TAHUN 2023	PERATUS (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM31,542,700.00	92%
Perbelanjaan	RM29,097,032.00	

6.2 Perbelanjaan Pembangunan

PERKARA	TAHUN 2023	PERATUS (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM24,751,074.00	99.43%
Perbelanjaan	RM24,609,983.31	

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN TAHUN 2023

7.1 Pentadbiran Dan Pembangunan Tanah

Unit Pentadbiran dan Pembangunan Tanah bertanggungjawab mengurus dan mentadbir segala perkara yang berkaitan dengan hal ehwal tanah seperti permohonan tanah kerajaan, rekod dan kawalan tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur, tanah rizab dan tanah kerajaan yang diluluskan Lesen Pendudukan Sementara kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur serta khidmat nasihat berkaitan pembangunan tanah. Unit juga menyediakan anggaran nilaian Pengambilan Tanah yang melibatkan projek pembinaan jalan, parit dan pembangunan.

7.1.1 Butir-Butir Permohonan Tanah Bagi Tahun 2023

Sejumlah permohonan tanah bagi maksud Pemberimilikan, Rizab dan Lesen Penduduki Sementara telah dikemukakan ke Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi tahun 2023 adalah seperti berikut :-

BIL.	JENIS PERMOHONAN	2022	2023
1.	Hakmilik	3	5
2.	Lesen Penduduki Sementara	7	24
3.	Rizab	34	18
	JUMLAH KESELURUHAN	**44**	**47**

7.1.2 Tanah Milik Datuk Bandar Kuala Lumpur

Unit ini juga bertanggungjawab merekod, mengemaskini dan menyimpan maklumat tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur termasuk butiran urusan yang sedang berjalan. Selain itu, unit ini juga bertanggungjawab dalam mengawal selia hakmilik asal bagi tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Sejajar dengan fungsi dan tugasnya yang utama, aktiviti bahagian ini sepanjang tahun 2023 tertumpu kepada penyelarasan maklumat dan hakmilik asal bagi kira-kira 651 tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Daripada 651 tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur tersebut, 75 tapak merupakan tanah yang masih belum dibangunkan dan adalah menjadi tanggungjawab untuk memastikan tapak-tapak tersebut diuruskan secara terkawal.

Maklumat Pemilikan Tanah Datuk Bandar Kuala Lumpur adalah seperti berikut:-

BIL	SEKSYEN / MUKIM	JUMLAH
1.	SEKSYEN	131
2.	KUALA LUMPUR	242
3.	SETAPAK	124
4.	BATU	71
5.	PETALING	55
6.	AMPANG/ULU KELANG	28
	JUMLAH KESELURUHAN	**651**

7.1.3 Pengambilan Balik Tanah

Unit ini juga menyediakan laporan dan anggaran awal penilaian dalam bagi tujuan pampasan ke atas tanah milik persendirian dan tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur. Sepanjang tahun 2023 sebanyak 21 kes penilaian tanah milik persendirian.

7.2 Senarai Nilaian

Bahagian ini bertanggungjawab merekod, mengemaskini dan menyimpan kesemua maklumat harta persendirian yang dinilai dan dikenakan cukai taksiran di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Jumlah harta yang dinilai sehingga 31 Disember 2023 ialah 771,041 harta. Jumlah nilai tahunan pada tahun 2023 ialah RM21,436,877,440.90 berbanding RM20,448,221,440.75 pada tahun 2022 iaitu pertambahan sebanyak RM 988,656,000.00 atau bersamaan 4.83%.


Maklumat harta ini atau pegangan berkadar direkodkan ke dalam sistem penilaian mengikut seksyen, mukim, jalan dan taman perumahan. Maklumat penting yang direkodkan ialah Nilai Tahunan setiap pegangan dimana nama, alamat surat menyurat pemilik serta butir-butir pegangan telah dikemaskini.

7.2.1 Pertambahan Nilai Tahunan

Perbandingan jumlah Nilai Tahunan serta pertambahannya di antara tahun 2014 (Penilaian Semula) hingga tahun 2023 adalah seperti berikut :

TAHUN	JUMLAH NILAI TAHUNAN (RM)	PERTAMBAHAN NILAI TAHUNAN (RM)	PERATUSAN KENAIKAN (%)
2014	14,998,570,101.00	5,170,658,857.02	52.98%
2015	15,698,646,801.00	700,076,700.00	4.67%
2016	16,220,177,997.00	521,531,196.00	3.32%
2017	17,143,237,842.00	923,059,844.91	5.69%
2018	17,853,466,003.50	710,228,161.59	4.14%
2019	18,559,453,448.50	705,987,445.00	3.95%
2020	19,234,277,775.50	674,824,326.00	3.64%
2021	19,683,817,056.75	449,539,281.25	2.37%
2022	20,448,221,440.75	764,404,384.00	3.88%
2023	21,436,877,440.90	988,656,000.00	4.83%

Jumlah nilai tahunan pada tahun 2023 **ialah** RM21,436,877,440.90 **berbanding** RM20,448,221,440.75 **pada** tahun 2022 **iaitu pertambahan sebanyak** RM988,656,000.00 **atau bersamaan** 4.83%.



Carta 1: Peratusan Kenaikan Nilai Tahunan Harta-Harta Persendirian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi Tahun 2014 sehingga 2023.

7.2.2 Bilangan Bantahan

Merujuk kepada Seksyen 142, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) menjelaskan bahawa pemilik harta dibolehkan membuat bantahan terhadap cukai yang dikenakan. Bilangan bantahan terhadap Senarai Nilaian bagi tahun 2014 hingga tahun 2023 dapat diringkaskan seperti berikut :-

TAHUN	JUMLAH PINDAAN	JUMLAH BANTAHAN	PERATUS BANTAHAN (%)
2014	12,249	2,216	18.09%
2015	40,842	2,464	6.03%
2016	34,915	2,061	5.90%
2017	49,697	6,218	12.51%
2018	59,519	13,917	23.40%
2019	55,843	7,605	13.62%
2020	47,669	6,047	12.68%
2021	35,842	8,886	24.79%
2022	43,382	3,526	8.13%
2023	54,862	7,572	13.80%

Jumlah pegangan yang terlibat dengan pindaan pada tahun 2022 ialah 43,382 pindaan, manakala pada tahun 2023 ialah 54,862 pindaan. Jumlah bantahan pada tahun 2022 dan tahun 2023 masing-masing berjumlah 3,526 dan 7,572 di mana peratusan bantahan berbanding jumlah pindaan didapati menaik daripada 8.13% pada tahun 2022 kepada 13.80% pada tahun 2023. Bilangan bantahan ini adalah bagi kes-kes pindaan (*current work*) sahaja.

Sesi Pendengaran Bantahan Cukai Taksiran bagi penggal pindaan 1.4.2023 dan 1.7.2023 telah diadakan pada 13 hingga 15 Jun 2023 manakala bagi penggal pindaan 1.10.2023 dan 1.1.2024 pula telah diadakan pada 12 hingga 14 Disember 2023. Sesi pendengaran bantahan telah diadakan secara hibrid dimana kehadiran pembantah adalah secara fizikal dan secara dalam talian yang dipengerusikan oleh Ahli Lembaga Penasihat DBKL, Ketua Jabatan DBKL dan wakil Jabatan Wilayah Persekutuan.

7.3 Strata Dan Pengurusan Projek

Unit Strata dan Pengurusan Projek secara umumnya bertanggungjawab untuk mengurus dan mentadbir hal ehwal permohonan hakmilik strata serta menyelaras penyediaan hal ehwal penilaian tanah dan bangunan bagi Projek-Projek Penswastaan serta Projek Pembangunan Sosio-Ekonomi DBKL

7.3.1 Fungsi Unit

i. Menguruskan hal ehwal permohonan hakmilik strata bagi Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA).

ii. Mengurus dan menyelaraskan urusan pelantikan Jurukur Tanah Berlesen (JTB) mengikut prosedur Perolehan.

iii. Menyelaraskan bayaran permohonan tanah, bayaran jurukur, bayaran kelulusan tanah dan lain-lain yang berkaitan dengan permohonan hakmilik strata.

iv. Menguruskan kutipan dokumen hakmilik strata di Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PTGWPKL) serta merekod dan mendaftar maklumat hakmilik strata.

v. Menguruskan serahan hakmilik strata kepada jabatan yang berkenaan bagi tujuan urusan pindah milik kepada pembeli.

vi. Menyediakan dan menguruskan permohonan penilaian dan kajian pulangan serta daya maju bagi projek-projek penswastaan DBKL.

vii. Menyelaraskan maklum balas dan khidmat nasihat kepada Jawatankuasa yang berkenaan bagi projek-projek penswastaan dan usahasama DBKL.

viii. Menyelaraskan pengumpulan dan penyediaan maklumat bagi mesyuarat berikut :

a. Mesyuarat Jawatankuasa Pandu Projek-Projek Penswastaan
b. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Projek- Projek Penswastaan (JPPP)
c. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Projek Bersama Projek-Projek Penswastaan (JPMC)
d. Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Teknikal Projek-Projek Penswastaan (JTEK)
e. Menghadiri Mesyuarat Teknikal Jawatankuasa Khas Strata Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKTSWPKL)

ix. Menyediakan dan mengemaskini laporan serta maklumat terkini bagi projek-projek penswastaan.

x. Menyediakan input bagi Modul Permohonan Hakmilik Strata dan Projek Usahasama/Penswastaan untuk projek pembangunan Sistem eHarta DB.

xi. Mengurus tadbir dan mengemaskini fail-fail strata dan projek usahasama/penswastaan.

xii. Menghadiri mesyuarat dan memberi khidmat nasihat berkaitan projek-projek dalam perancangan, pelaksanaan dan pembangunan DBKL (sekiranya Pegawai tiada / mempunyai mesyuarat lain) pada hari tersebut seperti:

a. Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Projek-Projek Pembangunan
b. Mesyuarat Jawatankuasa Projek Sakit
c. Mesyuarat Pra-Jawatankuasa Perancangan Projek-Projek DBKL
d. Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Projek-Projek DBKL
e. Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Projek-Projek DBKL
f. Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Projek-Projek DBKL
g. Mesyuarat Kemajuan Projek Pembangunan Jabatan Dalaman DBKL

xiii. Menguruskan dan menyelaraskan penyediaan minit mesyuarat dan maklum balas bagi Mesyuarat Jawatankuasa Penyewaan dan Pembelian Hartanah (JKPPH) DBKL.

xiv. Mewakili jabatan dalam menyelaraskan urusan berkaitan Jawatankuasa Ekonomi Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030.

7.3.2 Skop Strata


Unit ini telah mengawal selia kerja-kerja ukur untuk penyediaan hakmilik tanah meliputi penyediaan pelan pra-hitungan serta lain-lain keperluan pengeluaran hakmilik sementara dan hakmilik tetap sebelum permohonan bagi pengeluaran hakmilik strata dapat dikemukakan ke Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PTGWPKL) selaras dengan peruntukan Akta Hakmilik Strata 1985.

Sepanjang tahun 2023, tiada sebarang permohonan serah balik dan beri milik semula tanah bagi tujuan persempadanan Perbadanan Pengurusan (MC) serta permohonan Sijil Formula Unit Syer (SiFUS) yang dikemukakan kepada Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PTGWPKL).


Seterusnya, statistik permohonan hakmilik strata sehingga Disember 2023, adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA	JUMLAH SKIM
1.	Telah ada hakmilik strata (PA & PPR)	41
2.	Telah kemukakan Permohonan Strata ke PTGWPKL	10
3.	Dalam tindakan permohonan Sijil Cadangan Pelan Strata (CPSP)	3
4.	Dalam tindakan permohonan Sijil Formula Unit Syer (SiFUS)	1
5.	Dalam tindakan penyediaan Pelan Akui (PA) atau/dan penyediaan Pelan QT oleh Jurukur	4
6.	Dalam tindakan permohonan serah balik dan beri milik semula tanah	1
7.	Dalam tindakan kelulusan pelan Pra-Hitungan	0
8.	Dalam tindakan penyediaan pelan pra-hitungan bagi pemohonan serah balik dan beri milik semula tanah	0
9.	Dalam tindakan pelantikan Jurukur	2
	JUMLAH	**62**

Kelulusan keseluruhan yang diperolehi bagi permohonan memecah bahagi bangunan sehingga Disember 2023 adalah berjumlah 39,649 unit sebagaimana yang dipaparkan pada Carta 1.1 dan Carta 1.2 di bawah:-



Carta 1.1 : Pecahan dan peratusan permohonan hakmilik strata di bawah tanggungjawab JPPH DBKL sehingga tahun 2023



Carta 1.2 : Jumlah kelulusan hakmilik strata yang telah diperolehi oleh DBKL dari tahun 1998 sehingga 2023

7.3.3 Skop Penswastaan

Unit ini juga bertanggungjawab untuk menyelaras hal ehwal penyediaan dan pengemaskinian maklumat bagi projek-projek penswastaan dari semasa ke semasa.

Selain itu, unit ini juga bertanggungjawab untuk menyediakan laporan penilaian bagi nilai pasaran yang merangkumi aspek berkaitan pulangan dan daya maju sesebuah projek.

7.3.4 Skop Projek Pembangunan Dan Sosio-Ekonomi

Unit ini juga bertanggungjawab untuk menyediakan maklumat mesyuarat bagi Projek Pembangunan Sosio Ekonomi, mengemaskini status terkini tanah dan pembangunan projek terkini serta menghadiri dan menjadi wakil jabatan dalam mesyuarat jawatankuasa koordinasi / teknikal bagi projek sosio-ekonomi.

Selain itu, unit ini bertanggungjawab untuk menyediakan maklumat Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Projek yang dihadiri oleh Pegawai Kanan Jabatan.

Unit juga menyelaraskan maklumbalas minit mesyuarat:

i. Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Projek-Projek DBKL
ii. Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Projek-Projek DBKL
iii. Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Projek-Projek DBKL

7.4 Caj Pembangunan

7.4.1 Unit Caj Pembangunan dan RoI bertanggungjawab untuk menyediakan penilaian Caj Pembangunan berdasarkan arahan daripada Jawatankuasa Teknikal Pusat Setempat (OSC) melalui Jabatan Perancangan Bandaraya. Penilaian Caj Pembangunan dibuat berdasarkan kenaikan nilai tanah akibat daripada kelulusan penukaran zon kegunaan tanah, tambahan kepadatan penduduk dan lebihan luas lantai/ tambahan nisbah plot selaras dengan Jadual Pertama, Kaedah-Kaedah (Perancangan) (Caj Pembangunan) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2013. Selain itu, penukaran zon kegunaan tanah/ bangunan bagi tempoh sementara dan sumbangan pengecualian penyediaan ruang penjaja turut dibuat penilaian Caj Pembangunan. Semua penilaian adalah tertakluk kepada semakan dan kelulusan Pengarah dan/atau Timbalan Pengarah Kanan.

BILANGAN KES PENILAIAN CAJ PEMBANGUNAN

BULAN	BILANGAN KES PENILAIAN CAJ PEMBANGUNAN					JUMLAH
	TAMBAHAN KEPADATAN PENDUDUK	PENUKARAN ZON KEGUNAAN TANAH	LEBIHAN LUAS LANTAI	SUMBANGAN PENGECUALIAN PENYEDIAAN RUANG PENJAJA	PENUKARAN ZON KEGUNAAN TANAH SEMENTARA	
JANUARI	1	6	3	-	26	**36**
FEBRUARI	2	2	7	-	17	**28**
MAC	2	2	2	-	16	**22**
APRIL	0	0	2	-	9	**11**
MEI	2	2	4	-	5	**13**
JUN	4	7	7	1	6	**25**
JULAI	3	1	9	-	10	**23**
OGOS	2	0	4	-	6	**12**
SEPTEMBER	0	10	6	-	13	**29**
OKTOBER	1	3	6	-	9	**19**
NOVEMBER	5	5	5	1	14	**30**
DISEMBER	2	3	4	-	11	**20**
JUMLAH KESELURUHAN	**24**	**41**	**59**	**2**	**142**	**268**

BILANGAN KES PENILAIAN CAJ PEMBANGUNAN

Sepanjang **tahun 2023,** sejumlah **268 kes** penilaian Caj Pembangunan telah dilaksanakan dan dikemukakan kepada Jabatan Perancangan Bandaraya berbanding 217 kes yang dilaksanakan pada tahun 2022. Ini menunjukkan bahawa bilangan kes pada tahun 2022 telah **meningkat sebanyak 51 kes (23.5%)** berbanding tahun 2022.

Jadual 1 : Bilangan Kes Penilaian Caj Pembangunan Bagi Tahun 2023

BIL.	BULAN	BILANGAN KES PENILAIAN CAJ PEMBANGUNAN		
		TAHUN 2021	TAHUN 2022	TAHUN 2023
1.	Tambahan kepadatan penduduk	37	19	24
2.	Penukaran zon kegunaan tanah	45	33	41
3.	Lebihan luas lantai	61	48	59
4.	Sumbangan pengecualian penyediaan ruang penjaja	1	2	2
5.	Penukaran zon kegunaan tanah sementara	43	115	142
	JUMLAH KESELURUHAN	**187**	**217**	**268**

Jadual 2 : **Perbandingan Bilangan Kes Penilaian Caj Pembangunan Antara Tahun 2021 Hingga 2023**

7.5 Bahagian Geomatik

Terdiri daripada tujuh (7) unit utama seperti berikut:

i. Unit Pengurusan Aset Ukur
ii. Unit Pengambilan Hartanah Dan Pra-Hitungan
iii. Unit Perundingan Jurukur Berlesen
iv. Unit Geospatial Dan Land Bank
v. Unit Pemetaan Utiliti Dan KLUDC
vi. Unit Pengukuran Kejuruteraan Dan Deformasi
vii. Unit Ortofoto Dan LiDAR

7.5.1 Fungsi Bahagian Geomatik

A. Unit Pengurusan Aset Ukur
   i. Pengurusan peralatan ukur:
      a. Pembelian
      b. Penyelenggaraan
      c. Pengawalan penggunaan
      d. Pelupusan
   ii. Penyediaan maklumat teknikal pengukuran
      a. Spesifikasi perisian ukur
      b. Spesifikasi komputer yang memenuhi kehendak perisian & peralatan ukur
      c. Spesifikasi keperluan pembangunan sistem ukur
   iii. Pengurusan / pengawalan penggunaan peralatan pelotan

B. Unit Pengambilan Hartanah Dan Pra-Hitungan
   i. Mengemaskini rekod pengambilan tanah
   ii. Pengurusan pengambilan tanah:
      a. Permohonan dari jabatan dalaman
      b. Penyediaan pelan pengambilan mengikut seksyen 4 & 8 APT 1960
      c. Permohonan rasmi melalui Jabatan Perdana Menteri (JPM)
      d. Menghadiri lawatan tapak

e. Menghadiri perbicaraan tanah
f. Menyediakan dokumen berkenaan penyediaan baucer pembayaran kepada Unit Kewangan
g. Permohonan notis pengosongan tapak ke PTGWPKL
h. Pengukuran hakmilik sambungan

ii. Penyediaan pelan Pra-Hitungan
a. Pelepasan Tanah Milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan
b. Permohonan tanah kerajaan
c Serah balik berimilik semula S204D KTN
d. Perizaban tanah
e. Serahan tanah
f. Pajakan tanah kerajaan
g. Permit ruang udara
h. Lesen pendudukan sementara (TOL)

C. Unit Perundingan Jurukur Berlesen
i. Menjalankan kerja ukur di lapangan
ii. Menyediakan pelan akhir
iii. Mengawalselia kerja juruukur berlesen (naziran)
iv. Inventori peralatan ukur
v. Pengawalan/ keselamatan rekod ukur
vi. Pengukuran lombong-Hidrografi
vii. Kerja ukur aras penyediaan batu aras untuk penyeragaman aras dengan JUPEM
viii. Menjalankan kerja ukur hakmilik
ix. Prahitungan
x. Penggunaan GPS untuk menentukan kedudukan titik kawalan bersepadu
xi. Membantu mengenalpasti sempadan tanah bagi tujuan penilaian cukai taksiran dan kawalan tanah.
xii. Membantu menyemak jadual petak untuk ditandatangan oleh pegawai

D. Unit Geospatial Dan Land Bank
i. Penawanan data GIS untuk mengemaskini data bagi layer yang diwujudkan
ii. Menguruskan pembelian dan penyimpanan data fotoudara/ orthofoto/ satelite image
iii. Penghasilan peta tematik/ panduan.
iv. Mengemaskini rekod hakmilik
v. Mengemaskini data/ maklumat geospatial bagi rujukan teknikal info tanah
vi. Pembelian dan pengawalan rekod Pelan Akui (PA), nilai tanda aras (BM), data RTK JUPEM dan transformasi kodinit (GDM transformation)
vii. Semakan status tanah, carian persendirian, carian rasmi & Permohonan Salinan Hakmilik Diakui Sah (CTC) di PTG
viii. Semakan pewartaan di PNMB
ix. Pengurusan dan pembangunan data Geospatial.
x. Membuat siasatan dan menyediakan laporan tapak bagi tujuan kajian potensi untuk pelaburan akan datang
xi. Pengumpulan data tanah untuk berbagai keperluan pembangunan di masa hadapan
xii. Penyimpanan peta / pelan akhir kedalam sistem kerja ukur

E. Unit Pemetaan Utiliti Dan KLUDC
i. Sebagai One Stop Center data-data utiliti bawah tanah dengan adanya Sistem Kuala Lumpur Underground Utility Data Centre (KLUDC). Data-data Utiliti bawah tanah diintegrasikan kepada format GIS dan mewujudkan Aliran Kerja Baru di DBKL.
ii. Menganalisis data daripada sistem pangkalan data utiliti berpusat yang berkemampuan untuk menghasilkan data utiliti yang berkualiti.

iii. Tempat rujukan bagi segala permohonan seperti:
   a. Permohonan Perintah Pembangunan (DO)
   b. Permohonan Permit Korekan Jalan (JKAWS)
   c. Permohonan Perancangan
   d. Pembangunan Baru
   e. Panduan permohonan untuk kelulusan OSC

iv. Mengatasi masalah ketiadaan data utiliti.

v. Mengawalselia data utiliti yang dibekalkan mengikut Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia

vi. Kerja-kerja di lapangan untuk:
   a. Pengumpulan maklumat (utiliti bawah tanah dan butiran)
   b. Pengesahan pemetaan utiliti bawah tanah
   c. Pengesanan dan penandaan utiliti bawah tanah
   d. Penghasilan pelan/peta

vii. Mengumpul dan menyelaras maklumat-maklumat pemetaan utiliti bawah tanah.

viii. Membekalkan data untuk projek DBKL

ix. Menjalankan penyelidikan & pembangunan teknologi dan prosidur terbaru berkaitan pemetaan utiliti bawah tanah

F. Unit Pengukuran Kejuruteraan Dan Deformasi

i. Penyediaan Pelan Ukur Kejuruteraan

ii. Pemantauan kerja dan penyemakan pelan kejuruteraan yang dihantar oleh Jurukur Berlesen.

iii. Kerja-kerja pemantauan tanah runtuh dan pergerakan struktur

iv. Penggunaan 'GNSS' untuk menentu kedudukan titik kawalan bersepadu

v. Pengambilan data di lapangan menggunakan kaedah pengukuran berkoordinat dan diintegrasikan didalam format GIS untuk dimasukkan di dalam sistem G-aset.

vi. Penyelesaiaan penentuan sempadan antara negeri & lot tanah bagi isu-isu semasa (penyelenggaraan, pencerobohan)

G. Unit Ortofoto Dan LiDAR

i. Penawanan data menggunakan UAV (Unmanned Aerial Vehicle @ drone) Light Detection & Ranging (LiDAR), Oblique Camera.

ii. Penyediaan data geospatial untuk kegunaan sistem Kuala Lumpur *Slope Information System* (KULSIS)

iii. Penyediaan Pelan *Ortofoto, Kontur, Slope Angle, Slope Aspect, HillShade, Flow Direction, Flow Accumulation* Dan *Water Shade* & Stream.

iv. Penggunaan GNSS @ *Total Station* untuk menentukan Titik Kawalan bersepadu.

v. Memohon Permit penggambaran foto udara daripada JUPEM

vi. Memohon Permit Penerbangan daripada CAAM.

vii. Menjalankan Penyelidikan, pembangunan teknologi dan prosedur terbaru berkaitan kerja pemetaan udara.

viii. Tinjauan untuk kerja kecemasan (tanah runtuh, kemalangan dan lain-lain).

7.5.2 Statistik Pelan Ukur

Statistik Kerja Ukur dan Penghasilan Pelan Tahun 2023 adalah seperti berikut:

BIL.	JENIS PELAN	JUMLAH
1.	Kejuruteraan	129
2.	Utiliti	19
3.	Pra-Hitungan	66
4.	Pengambilan Tanah	3
	JUMLAH KESELURUHAN	217

AKTIVITI BAHAGIAN GEOMATIK

Demo alat GPR kepada Kakitangan Bahagian Geomatik
Tarikh: 6 April 2023 | Lokasi:




Kursus UAV & GPS
Tarikh: 15 – 7 September 2023 | Lokasi: UiTM Shah Alam





Kursus LiDAR
Tarikh: 11-14 November 2023 | Lokasi: Bangi Golf Resort




Kursus Total Station
Tarikh: 21 - 22 November 2023 | Lokasi: Kelab Darul Ehsan Ampang




Kerja Pembersihan Tanah Milik Datuk Bandar Kuala Lumpur (Lot 223, Lot 2052, Lot 2053)
Tarikh: 23-24 November 2023 | Lokasi: Port Dickson, Negeri Sembilan




Kursus Latihan GPR
Tarikh: 12 – 13 Disember 2023 | Lokasi: Marriot Putrajaya




7.6 Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB)

Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB) Kuala Lumpur telah diwujudkan pada 12 April 2007 selaras dengan kuatkuasa Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663) telah dimansuhkan dan digantikan dengan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) bermula 1 Jun 2015.

COB diletakkan sebagai sebahagian daripada Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta (JPPH), DBKL. Bahagian ini berperanan sebagai pelaksana dan pengawalseliaan perundangan berhubung pengurusan dan penyenggaraan bangunan dan harta bersama berstrata di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Disamping itu, bahagian ini turut memainkan peranan dari aspek kelestarian yang melibatkan kesejahteraan dan keharmonian diantara pihak pemaju, pembeli dan pemilik di kawasan pemajuan bertingkat (berstrata).

Datuk Bandar Kuala Lumpur adalah Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur manakala Pengarah Eksekutif (Perancangan) dan Pengarah Eksekutif (Pengurusan) merupakan Timbalan-Timbalan Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur.

Jadual 1 : Pecahan Status dan Jumlah Pihak Pengurusan Bangunan Berstrata di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

	JUMLAH
Pemaju (DBKL)	44
Pemaju (Swasta)	865
Badan Pengurusan Bersama (JMB)	456
Perbadanan Pengurusan (MC)	2,204
Ejen Pengurusan	24
Pentadbir	7
Lain-Lain	2,847
JUMLAH KESELURUHAN	**6,447**

Kemaskini data pada 31.12.2023



Anggaran purata 70% penduduk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tinggal di bangunan berstrata

Jadual 2: Statistik Aduan Berkenaan Bangunan Berstrata Yang Diterima Dan Diselesaikan Oleh COB Kuala Lumpur Bagi Tahun 2023

BIL.	ADUAN AWAM	TERIMA
1.	Mesyuarat	**5,706**
2.	Pentadbiran dan Pengurusan	**1,048**
3.	Penyenggaraan dan Kerosakan	3,040
4.	Isu Kewangan	**877**
5.	Khidmat Nasihat	**649**
6.	Penguatkuasaan COB	**46**
7.	Lain-lain (penubuhan JMB/MC, penyalahgunaan harta bersama, kecurian kabel, deposit air/ elektrik, ejen pengurusan)	575
	JUMLAH KESELURUHAN	11,941

Jadual 3 : Program Anjuran Bahagian COB Kuala Lumpur Sepanjang Tahun 2023

BIL.	NAMA PROGRAM	BIL. PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	SASARAN PESERTA	ANGGARAN JUMLAH PESERTA
1.	Kursus Pengurusan Strata - Fizikal	30 siri	14/2/2023 hingga 19/10/2023	IDB	JMB / MC	300 orang
2.	Kursus Pengurusan Strata - Atas Talian	45 siri	12/1/2023 hingga 21/11/2023	Secara Atas Talian	Pemaju /JMB / MC	1000 orang
3.	Program Bual Bicara Coffee Talk COBKL	52 siri	13/2/2023 hingga 18/12/2023	Rakaman Siaran Langsung - FB DBKL	Pemaju / JMB / MC	1000 orang
4.	Taklimat Pengurusan Strata & Sesi Soal Jawab kepada 47 Skim Pemajuan Perumahan Awam/PPR	14 skim	18/3/2023 hingga 13/8/2023	Mengikut 14 Skim Pemajuan	Pemaju / JMB / MC / Pemilik Petak	500 orang
5.	Bengkel Dalaman COB	10 siri	18/1/2023 hingga 13/10/2023		Pegawai dan Kakitangan Jabatan	200 orang
6.	Prospektus Kursus IDB	2 siri	21/2/2023 - 25/5/2023	IDB		60 orang
7.	Kursus Dalaman Pusat Mediasi Komuniti Strata	4 siri	8/3/2023 - 9/8/2023	Pusat Mediasi	Pemaju / JMB / MC / Pemilik Petak	100 orang

Jadual 4 : Program Turun Padang (TUPA) Bahagian Pesuruhjaya Bangunan Bersama Pemaju/JMB/MC Sepanjang Tahun 2023

BIL.	NAMA PROGRAM	BIL. PROGRAM
1.	Program Turun Padang - Sesi Townhall / AGM / EGM / Operasi / Taklimat	20
2.	Program Turun Padang - Penilaian Pengiktirafan Bintang JMB/MC	10
3.	Program Turun Padang - Hari Bertemu Pelanggan	16
4.	Taklimat Pengurusan Strata & Soal Jawab - Skim Pemajuan Swasta	14
	JUMLAH KESELURUHAN	**60**

AKTIVITI-AKTIVITI BAHAGIAN COB KUALA LUMPUR :

i) Program Turun Padang – Sesi *Townhall* / AGM / EGM / Operasi / Taklimat :
Tarikh: | Lokasi:








ii) Program Turun Padang – Penilaian Pengiktirafan Bintang JMB/MC :
Tarikh: | Lokasi:





iii) Program Turun Padang – Hari Bertemu Pelanggan :
Tarikh: | Lokasi:





iv) Taklimat Pengurusan Strata & Soal Jawab – Skim Pemajuan Swasta :

























7.7 Pengurusan Fasiliti Dan Pembelian

Unit Pengurusan Fasiliti dan Pembelian bertanggungjawab menguruskan dan memantau penjualan bangunan milik Datuk Bandar Kuala Lumpur. Unit ini bertanggungjawab menguruskan dan memantau serta menyediakan draf perjanjian jual beli penjualan kediaman, rumah kedai dan kilang milik Datuk Bandar Kuala Lumpur. Selain itu, unit ini juga menguruskan permohonan kebenaran pindahmilik (Jadual 1) ke PTG,WPKL, menandatangani pindahmilik (Borang 14A) dan dokumen-dokumen lain serta menguruskan permohonan rayuan dan permohonan lanjutan tempoh kebenaran pindahmilik bagi penjualan tanah yang diuruskan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi & Pembangunan. Fungsi lain unit ini adalah untuk membuat penilaian nilai pasaran ke atas harta-harta milik Datuk Bandar Kuala Lumpur sekiranya terdapat permintaan daripada jabatan-jabatan dalaman DBKL.

Sejajar dengan fungsi dan tugas utamanya, aktiviti unit ini sepanjang tahun 2023 tertumpu kepada aktiviti penilaian kadar sewa pasaran dan penyerahan bangunan milik Datuk Bandar Kuala Lumpur seperti berikut:

Jadual 1: Aktiviti Unit Harta Bandaraya

BIL	KETERANGAN	TAHUN 2023
		BIL. HARTA
1.	Nilai Insuran Yang Disemak semula	2
2.	Aktiviti Penilaian Nilai Sewa Pasaran	688 unit
3.	Aktiviti Penyerahan Harta Kepada Jabatan Pengguna	6

7.7.1 Penjualan Harta

Sejajar dengan fungsi dan tugasnya yang utama, aktiviti unit ini sepanjang tahun 2023 tertumpu kepada aktiviti penilaian nilai pasaran harta dan menguruskan penjualan harta-harta Datuk Bandar Kuala Lumpur adalah seperti berikut:

Jadual 2 : Aktiviti Unit Penjualan Harta

BIL	KETERANGAN	TAHUN 2023
		BIL. HARTA
1.	Menguruskan Penjualan Rumah Kedai dan Kilang di Bandar Tun Razak	4
2.	Menguruskan Penjualan Kediaman/ Kuaters /Rumah Rehat	21
3.	Menguruskan permohonan kebenaran pindahmilik bagi penjualan tanah	1
4.	Membuat penilaian pasaran/pajakan bagi penjualan yang diuruskan oleh JPEP	8
5.	Membuat penilaian pasaran bagi tujuan laporan kes lelong	-
6.	Mengurus dan mengemaskini maklumat bagi kes-kes penjualan yang diuruskan oleh JPEP	17

Ringkasan aktiviti penyerahan Harta kepada Jabatan Pengguna Sepanjang Tahun 2023 adalah seperti berikut:

Jadual 3 : Aktiviti Penyerahan Harta Kepada Jabatan Pengguna Sepanjang Tahun 2023 :

BIL	NAMA HARTA	TARIKH SERAHAN	JABATAN PENGGUNA	TARIKH SURAT
1.	Penyerahan Akademik Latihan Badminton, Di Atas Lot 423 Jalan Cheras, Mukim Kuala Lumpur, WP Kuala Lumpur	16 Mac 2023	JPKKB	20 Julai 2023
2.	Penyerahan Pejabat Klinik 3 Tingkat Di Atas Lot 58459, Taman Tasik Pudu Ulu, Cheras Kuala Lumpur	4 Julai 2023	JKAS	20 Julai 2023
3.	Penyerahan Stor Dan Flying Squad, Pejabat Cawangan Lembah Pantai, Di Atas Lot 7106 Jalan Pasir Tengah, Mukim Petaling, Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	16 Mac 2023	JPKKB (PC Lembah Pantai)	20 Mac 2023
4.	Kawasan Lapang PA Hang Tuah Dan Sekitarnya, Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	31 Mei 2023	JPKKB	7 Julai 2023

BIL	NAMA HARTA	TARIKH SERAHAN	JABATAN PENGGUNA	TARIKH SURAT
5.	Penyerahan Perpustakaan Wilayah Persekutuan Di Atas Sebahagian Lot 480784 Jalan Tasik Permaisuri 3, Bandar Sri Permaisuri Kuala Lumpur, WP Kuala Lumpur	9 Ogos 2023	JPKKB	29 Ogos 2023
6.	Penyerahan Bangunan Tempat Letak Kereta Bertingkat Di Keramat Mall, Jalan Datuk Keramat, Kuala Lumpur	17 April 2023	JPPH	17 April 2023

7.8 Penyewaan Tanah Dan Bangunan

Unit Penyewaan Tanah dan Bangunan secara umumnya bertanggungjawab memproses permohonan penyewaan tanah, bangunan / premis kediaman dan komersil milik Datuk Bandar Kuala Lumpur yang diterima melalui permohonan orang awam, syarikat, agensi kerajaan dan pertubuhan / persatuan untuk pelbagai tujuan.

7.8.1 Sewaan Tanah

Sepanjang tahun 2023, sejumlah **52 tapak** yang terdiri daripada tanah milik DBKL, tanah rizab dan telah diluluskan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur terlibat dengan penyewaan. Butiran adalah seperti berikut:

Jadual 1: Sewaan Hartanah Tahun 2023

BIL	KATEGORI	BILANGAN TAPAK
1.	Tanah Milik Datuk Bandar Kuala Lumpur	26
2.	Tanah Rizab Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	3
3.	Tanah Rizab Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk tujuan Side Walk Café	7
4.	Tanah yang diluluskan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur	16
	JUMLAH	**52**

7.8.2 Penyewaan Bangunan, Kediaman, Komersial Dan Bandar Tun Razak

Jadual 1 : Senarai Unit-Unit Sewaan Komersil dan Kediaman Unit Penyewaan Tanah dan Bangunan 2023:

BIL.	LOKASI	JENIS	BIL. UNIT	UNIT YANG DIGUNAKAN	KOSONG	KOMPONEN SEDIA ADA
1.	KG. ATAP	Komersil	4	4	0	Kedai 4 Tingkat
2.	PUSAT BANDAR SRI RAMPAI	Komersil	36	29	7	Kedai 3 Tingkat
3.	SRI PETALING	Komersil	4	2	2	Kedai Pejabat 4 Tingkat
4.	SALAK JAYA	Komersil	30	28	2	Kilang Teres 1 Tingkat
5.	DATARAN DWITASIK	Komersil	5	3	2	Kedai 3 Tingkat
6.	PLAZA DWITASIK	Komersil	4	4	0	Kedai 3 Tingkat
7.	TSI BUSINESS KEPONG	Komersil	1	1	0	Kilang
8.	PUSAT INDUSTRI RAMPAI	Komersil	5	5	0	Kilang Berkembar 2 Tingkat / Kilang Teres
9.	QUEENS AVENUE	Komersil	34	29	5	Kedai Pejabat
10.	MENARA DBKL 2	Komersil	6	5	1	Ruangan Tingkat Bawah
11.	SETIAWANGSA BUSINESS SUITES	Komersil	2	2	0	Kedai Pejabat 2 Tingkat
12.	PUSTAKA WARISAN	Komersil	1	1	0	Galeri Kuala Lumpur
13.	RAMPAI BUSINESS PARK	Komersil	4	2	2	Kedai Pejabat 4 Tingkat

BIL.	LOKASI	JENIS	BIL. UNIT	UNIT YANG DIGUNAKAN	KOSONG	KOMPONEN SEDIA ADA
14.	BANDAR TUN RAZAK	Komersil	26	26	0	Rumah Kedai 2 Tingkat
		Komersil	4	3	1	Kilang
15.	MEDAN SELERA PLAZA 393	Komersil	1	1	0	Medan Selera
16.	KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA	Komersil	9	9	0	Klinik Kesihatan
17.	BERJAYA TIMES SQUARE	Komersil	2	2	0	Ruang Niaga
18.	JALAN WAN KADIR	Komersil	3	3	0	Kedai Pejabat 3 Tingkat
19.	JALAN WANGSA DELIMA 5, WANGSA MAJU	Komersil	1	0	1	Kedai Pejabat 4 Tngkat
20.	RESIDENSI SUNGAI UDANG	Komersil	39	33	6	Kedai
21.	DESA CAHAYA 202	Kediaman	18	17	1	Kondominium
22.	MENARA CITY ONE	Kediaman	31	30	1	Kondominium
23.	NOVA TWO APARTMENT	Kediaman	14	11	3	Apartment
24.	VILLA LAMAN TASIK	Kediaman	9	9	0	Town House
25.	TERATAK MUHIBBAH	Kediaman	176	172	4	Apartment
26.	PLAZA 393	Kediaman	61	58	3	Apartment
27.	VISTA TASIK KONDOMINIUM	Kediaman	21	19	2	Kondominium
28.	GURNEY HEIGHT CONDO	Kediaman	5	4	1	Kondominium
29.	LANAI GURNEY CONDO	Kediaman	4	4	0	Kondominium
30.	RESIDENSI RUMBIA	Kediaman	18	18	0	Kondominium
31.	JALAN PANTAI MURNI 3	Kediaman	2	2	0	Rumah Teres 2 Tingkat
32	RESIDENSI SUNGAI UDANG	Kediaman	758	720	38	Apartment
	JUMLAH KESELURUHAN		**1,338**	**1,256**	**82**	

7.9 Tempat Kereta Dan Pusat Komuniti

Unit Tempat Letak Kereta dan Pusat Komuniti bertanggungjawab menguruskan penyewaan baru lanjutan bagi premis-premis komersial milik Datuk Bandar Kuala Lumpur termasuk iklan tawaran di portal DBKL, kelulusan melalui Jawatankuasa Penyewaan dan Pembelian Hartanah, tawaran lantikan beserta cagaran oleh penyewa, perjanjian penyewaan dan pemantauan bayaran sewa bagi bangunan:

i. Kompleks Perniagaan dan Komuniti Bandar Baru Sentul
ii. Kompleks Perniagaan Keramat Mall
iii. Plaza Sungai Mulia, Gombak
iv. Lain-lain premis di Bangunan Tempat Letak Kereta Taman Botani Perdana dan KL Eco City, Abdullah Hukum

Jadual 1 : Maklumat Penyewaan Ruang / Premis di Kompleks Perniagaan dan Komuniti Bandar Baru Sentul adalah seperti berikut :

BIL.	ALAMAT PREMIS	NAMA PENYEWA	LUAS LANTAI (KP)
1.	Lot T1-47, Tingkat 1	Polis DiRaja Malaysia	605
2.	Lot T1-54, Tingkat 1	Jabatan Imigresen Malaysia	6,839
3.	Lot T3-05, Tingkat 3	Jabatan Pengangkutan Jalan	1,026
4.	Lot T3-04, Tingkat 3	Pos Malaysia Berhad	388
5.	Lot T3-06, Tingkat 3	Jabatan Pendaftaran Negara	4,581
6.	Lot T3-08, Tingkat 3	Kementerian Kesihatan Malaysia	1,456

Jadual 2 : Maklumat Penyewaan Ruang/ Premis di Kompleks Perniagaan Keramat Mall adalah seperti berikut :

BIL.	ALAMAT PREMIS	NAMA PENYEWA	LUAS LANTAI (KP)
1	Bilik Pejabat, Tingkat 1	N/A	100
2	Bilik NGO 1 Tingkat UG	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI)	190
3	Bilik NGO 2 Tingkat UG	Puan Puspa Suria (Pesuruhjaya Sumpah)	170
4	Bilik NGO 3 Tingkat UG	Stor Klinik Pergigian 1 Malaysia	190
5	Bilik NGO 4 Tingkat UG	N/A	144
6	Bilik Pejabat, Tingkat UG	N/A	300
7	Lot 1, Tingkat UG	Perpustakaan Negara Malaysia	2,788
8	Lot 2, Tingkat UG	Jabatan Pengangkutan Jalan	2,443
9	Lot 3, Tingkat UG	Kementerian Kesihatan Malaysia	4,047
10	Lot 4, Tingkat UG	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan	1,722
11	Lot 5, Tingkat UG	Polis DiRaja Malaysia	1,173
12	Lot 6, Tingkat UG	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat	2,788
13	Lot 7, Tingkat UG	Jabatan Imigresen Malaysia	3,014
14	Lot 8, Tingkat UG	Jabatan Pendaftaran Negara	3,014
15	Lot 9, Tingkat UG	N/A	2,217
16	Stor, Tingkat LG	N/A	100
17	Bilik Kaca 1, Besmen	Kegunaan Persatuan	378
18	Bilik Kaca 2, Besmen	Wiraten Services	378

Jadual 3 : Maklumat Penyewaan Premis di bangunan Plaza Sungai Mulia, Gombak adalah seperti berikut :

BIL.	ALAMAT PREMIS	NAMA PENYEWA	LUAS LANTAI (KP)
1.	Lot A4-27	N/A	2,469

Jadual 4 : Maklumat Penyewaan Premis di Lain-lain kawasan adalah seperti berikut :

BIL.	ALAMAT PREMIS	NAMA PENYEWA	LUAS LANTAI (KP)
1.	Kedai Cenderamata, Taman Botani Perdana	Kia Klemenz *Gifts & Souvenirs* Sdn Bhd	2,010
2.	Kafeteria 1, Taman Botani Perdana	RKKM *Cartoon & Comic Gallery*	1,176
3.	Lot 5-1, Aras 5, Ruang Letak Kereta Bertingkat, Taman Botani Perdana	KL *Seafood Market* Sdn Bhd	10,760
4.	Lot 5-2, Aras 5, Ruang Letak Kereta Bertingkat, Taman Botani Perdana	Food Parcel Sdn Bhd	12,033
5.	Lot 10, Jalan Tangsi	IKATAN	16,323
6.	Kafe Jalan Bandar, Leboh Pudu (Segitiga Bangkok Bank)	N/A	1,834
7.	Guiding Gallery (Menara 1 & 3)	N/A	1,398
8.	Guiding Gallery (Menara 2)	Makan Buzz Sdn Bhd	530
9.	Ruang Bumbung TLK bertingkat, Eco City (Infrastruktur Telco)	Pancar Bakti	53.82
3.	3 Jun 2023	• Perdana Menteri Malaysia • Kementerian-kementerian • Agensi-Agensi Kerajaan • Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	Perasmian Medan Selera Madani (Medan Selera Jalan Jujur)	YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, pada hari ini telah merasmikan D'Anjung Selera Madani Jalan Jujur, Bandar Tun Razak yang sebelum ini dikenali sebagai Anjung Selera Jalan Jujur, Bandar Tun Razak. D'Anjung Selera Madani Jalan Jujur merupakan projek pembangunan semula yang dilaksanakan di bawah Program Lestari Niaga @ Kuala Lumpur. Di antara infrastruktur yang telah ditambahbaik oleh pihak DBKL bagi medan selera ini adalah seperti pembinaan semula 24 gerai berkunci dan 3 unit kiosk bagi peniaga, kemudahan surau, tandas, rumah sampah yang lebih kondusif, penyediaan ruang bumbung yang lebih tinggi dan nyaman kepada para pengunjung, pembinaan ruang parkir kenderaan sebanyak 48 petak dan ditawarkan kepada persatuan peniaga bagi tujuan pengurusan dan pemasangan solar diatas bumbung bagi common area. Turut hadir di majlis tersebut adalah YABhg. Dato' Seri Wan Azizah binti Wan Ismail, Isteri Perdana Menteri, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Sollehuddin Alyubi bin Zakaria, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri, YBhg. Datuk Seri Hajah Rosida binti Jaafar, Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan dan Datuk Sr Haji Kamarulzaman bin Mat Salleh, Datuk Bandar Kuala Lumpur.
4.	15 Jun 2023	• Perdana Menteri Malaysia • Kementerian-kementerian • Agensi-Agensi Kerajaan • Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	Perasmian Medan Selera Madani (Jalan tuanku Abdul Rahman)	Pusat penjaja yang dahulunya dikenali dengan nama Pusat Penjaja Jalan Tuanku Abdul Rahman ini dibina pada tahun 1974 dan mempunyai 20 unit gerai makanan dan minuman dengan keluasan setiap gerai ialah 6'x 8'. Kerja-kerja naik taraf ini bermula sejak Mac 2023 dan siap pada April 2023. Antara kerja-kerja naik taraf yang telah dijalankan oleh DBKL adalah seperti pengindahan fasad serta sistem lampu impah, pertukaran dan penambahbaikan bumbung, kerja - kerja cat semula struktur bumbung dan dinding tepi, pendawaian semula, penggantian semula kipas dan lampu di ruang guna sama dan penggantian paip-paip air yang pecah. Turut hadir bersama dalam sesi tersebut adalah YB Senator Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YBhg. Datuk Seri Hjh Rosida binti Jaafar, Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan serta YBhg. Datuk Sr. Kamarulzaman bin Mat Salleh, Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Statistik Bilangan Akaun dan Jumlah Kutipan Tahun 2023
Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan

BIL	JENIS LESEN	BIL AKAUN	JUMLAH KUTIPAN (RM)
1.	Lesen Hiburan	2,543	3,633,551.00
2.	Lesen Iklan	14,543	11,053,448.30
3.	Lesen Premis & Komposit	126,334	36,534,162.86
4.	Lesen Tempat Letak Kereta	498	1,412,445.00
5.	Lesen Penjaja	20,763	2,912,489.20
	JUMLAH KESELURUHAN		**55,546,096.36**

Program Kaunter Rundingan dan Kutipan Sewa bagi gerai pasar dan pusat penjaja DBKL

BIL	LOKASI	TARIKH	JUMLAH KUTIPAN (RM)
1.	Pasar dan PP Jalan Wirawati Kg Pandan	26-27 September 2023	15,062.00
2.	Pusat Komuniti Bandar Tun Razak	22-23 Ogos 2023	4,881.00
3.	Pasar Berbangunan UTC Sentul	17-18 Oktober 2023	22,210.00
4.	Pusat Penjaja D'Rejang	25-26 Julai 2023	20,720.00
5.	Bazaria Wangsa Maju	16-17 Mei 2023	93,300.00
6.	Pusat Penjaja Bazaria Pantai	24-25 Oktober 2023	28,730.00
7.	Pusat Penjaja Air Panas	20-21 September 2023	10,347.00
8.	Pasar Air Panas	20-21 September 2023	1,440.00
9.	Pasar Jalan Raja Bot/Jalan Haji Hussien	15-16 Ogos 2023	6,699.00
10.	Jalan Raja Bot/Jalan dan Lorong Haji Hussein	15-16 Ogos 2023	11,109.05
11.	Kompleks Tun Sambathan (Pines) Bazar	20-21 Jun 2023	40,482.00
12.	Pasar dan Pusat Penjaja Taman Seri Sentosa	28-29 November 2023	7,690.00
13.	Pasar Besar Taman Tun Dr Ismail	21-22 November 2023	6,400.00
14.	Pasar Berbangunan Keramat Mall	14-15 Mac 2023	66,309.00
15.	Pusat Penjaja Jalan Melayu/Masjid India	13-14 Jun 2023	8,485.00
16.	Pasar Harian Selayang Kuala Lumpur	27-28 Februari 2023	76,610.00
17.	Pasar Borong Kuala Lumpur	21-22 Februari 2023	173,366.45
18.	Pusat Penjaja Statik Petaling Street	23-24 Mei 2023	23,050.00
19.	Pusat Penjaja Petaling Street (Jalan Hang Lekir)	23-24 Mei 2023	1,764.00
20.	Pusat Penjaja PT80	13-14 Jun 2023	5,871.50
21.	Pusat Penjaja Selera Medan Bunus	13-14 Jun 2023	1,900.00
22.	Pusat Penjaja Lot PT 432 (D'Tasek)	25-26 Julai 2023	6,080.00
23.	Pusat Penjaja Sri Angkasa Jaya	24-25 Oktober 2023	4,837.00
24.	Medan Selera Penjaja Taman Setiawangsa	19-20 Disember 2023	5,262.00
25.	Pasar Besar Cheras	26-27 Disember 2023	12,470.00
	JUMLAH		**655,075.00**





Program Kaunter Rundingan dan Kutipan Sewa Bagi Gerai Pasar Dan Pusat Penjaja
Januari sehingga Disember 2023








Bengkel Post Mortem Bazar 2023 dan Pelaksanaan Bazar Aidilfitri Dan Ramadan 2024




Retreat Semakan Semula Prosedur Kualiti, Arahan Kerja dan SOP Jabatan




Perasmian Medan Selera Madani (Jalan Tuanku Abdul Rahman)





Perasmian Medan Selera Madani (Medan Selera Jalan Jujur)





8.0 PENCAPAIAN JABATAN

TARIKH	ACARA	KEPUTUSAN
30 November 2023	Pengiktirafan Anugerah Jabatan Berbudaya Integriti 2023 – Sempena Sambutan Hari Integriti Peringkat DBKL 2023	Tempat Ke-3





Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan

Jabatan ini pada sebelum ini dikenali sebagai Bahagian Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan yang terletak di bawah Jabatan Perancangan Ekonomi dan Kemudahan Sosial.

Pada 1 April 2003 Bahagian Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan telah dinaiktaraf sebagai sebuah jabatan yang tersendiri dan dikenali sebagai Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan (JKKPS) dan berada di bawah Sektor Pembangunan Sosio Ekonomi.

1.2 Bahagian-Bahagian / Unit-Unit di Jabatan

Jabatan telah menyelaras semula penjenamaan bahagian mulai tahun 2018 dengan membuat pengstrukturan kepada tiga (3) bahagian utama iaitu:-

1.2.1 Bahagian Pengurusan Kemudahan dan Pentadbiran ;

1.2.2 Bahagian Persembahan dan Pengurusan Acara ;

1.2.3 Biro Pelancongan.

Namun pada tahun 2022 Jabatan telah membuat penambahbaikan untuk menyelaras semula pengstrukturan kepada dua (2) bahagian utama iaitu:-

1.2.4 Bahagian Persembahan dan Pengurusan Acara

Bahagian Pengurusan Persembahan dan Pengurusan Acara dibahagikan kepada tiga (3) unit iaitu Unit Kebudayaan dan Kesenian, Unit Muzik dan Unit Pengurusan Acara.

1.2.5 Bahagian Pengurusan Kemudahan dan Pentadbiran

Bahagian Pengurusan Kemudahan dan Pentadbiran dibahagikan kepada tiga (3) unit iaitu Unit Pentadbiran dan Kewangan, Unit Sukan dan Unit Pelancongan.

1.3 Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan

Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan mempunyai keseluruhan seramai **401** orang Pegawai dan Kakitangan yang terdiri daripada lima (5) skim penjawatan. Daripada jumlah keseluruhan tersebut terdapat seramai 213 orang adalah kakitangan tetap, 188 orang lagi adalah kakitangan kontrak dan selebihnya adalah ***Malaysia Short – Term Employment Program (MySTEP)***.

BIL	SKIM PENJAWATAN	TETAP	KONTRAK	JUMLAH
1.	Pengurusan dan Professional (Gred 41 dan ke atas)	6	7	13
2.	Kumpulan Sokongan I (Gred 17 – 40)	62	142	204
3.	Kumpulan Sokongan II (Gred 1 – 16)	145	10	155
4.	MySTEP	-	29	29
	JUMLAH	**213**	**188**	**401**

Jadual 1 : Bilangan Pegawai dan Kakitangan JKKPS Tahun 2023

2.0 VISI DAN MISI

2.1 VISI

Membentuk wargakota yang aktif, sihat dan kreatif serta meningkatkan bilangan pelancongan ke Kuala Lumpur melalui aktiviti-aktiviti kebudayaan, kesenian, pelancongan dan sukan.

2.2 MISI

2.2.1 Menyediakan fasiliti yang mesra rakyat ; dan

2.2.1 Mengadakan program kebudayaan, kesenian dan sukan serta menyediakan produk pelancongan yang berkualiti bagi memenuhi kehendak warga kota dan pelancong.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Setiap permohonan penganjuran program diberi maklum balas awal dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh unit terima permohonan yang lengkap.

3.2 Permohonan penggunaan fasiliti jabatan oleh Agensi / NGO / Persatuan diberi maklum balas keputusan dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh permohonan yang lengkap diterima.

3.3 Permohonan perkhidmatan persembahan Kumpulan Kesenian DBKL / Orkestra DBKL oleh Agensi Kerajaan / NGO / Persatuan diberi maklum balas keputusan dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh permohonan yang lengkap diterima.

3.4 Mengeluarkan permit kepada artis jalanan dalam tempoh 14 hari bekerja selepas selesai menghadiri bengkel.

3.5 Penyelesaian Aduan Awam kategori biasa dalam tempoh 15 hari bekerja.

3.6 Proses pembayaran kepada kontraktor perkhidmatan dan pembekal dilaksanakan dalam tempoh 7 hari bekerja dengan syarat dokumen lengkap diterima di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan Jabatan sebelum dihantar kepada pihak Bendahari Bandaraya.

3.7 Proses tuntutan wang cagaran penggunaan fasiliti jabatan kepada pelanggan dilaksanakan dalam tempoh 7 hari bekerja dengan syarat dokumen lengkap diterima.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

4.1 Meningkatkan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan *(Customer Focus)*

4.1.1 empat (4) hari berkursus setahun kepada semua warga kerja di Jabatan ;

4.1.2 Mensasarkan sekurang-kurangnya 80% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2023.

4.1.3 Memperkukuhkan Tahap Integriti, Akauntabiliti dan Telus *(Transparency)* Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah ;

4.1.4 Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2024 ;

4.1.5 Menyelesaikan AW58 pada bulan Mei 2023.

4.2 Bandar Raya Milik Warga Kota – Program Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan.

4.2.1 Berkolaborasi bersama badan-badan NGO dan agensi lain bagi aktiviti kebudayaan, kesenian, pelancongan dan sukan.

4.2.2 Berkolaborasi bersama badan-badan NGO berkaitan Orang Kurang Upaya (OKU) bagi melaksanakan aktiviti kebudayaan, kesenian, pelancongan dan sukan.

4.3 Bandar Raya Milik Warga Kota – Program Berprestij

4.3.1 Melaksanakan program bertaraf antarabangsa dan berprestij.

4.3.2 Melaksanakan pengiklanan atau promosi produk pelancongan Kuala Lumpur.

4.4 Bandar Raya Milik Warga Kota – Pembangunan Kebudayaan, Kesenian dan Sukan

4.4.1 Mencipta lagu baharu melambangkan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai produk jabatan.

4.4.2 Mereka cipta koreografi tarian baharu berasaskan budaya Melayu, Cina dan India.

4.4.3 Melaksanakan program pembangunan sukan.

4.4.4 Melaksanakan aktiviti/ program bagi menyemarakkan sektor pelancongan Kuala Lumpur.

4.4.5 Melaksanakan aktiviti/ program wilayah aktif dan gaya hidup sihat.

4.4.6 Melaksanakan persembahan konsert orkestra penuh.

5.0 FUNGSI

5.1 Fungsi Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan

5.1.1 Menyediakan dan menguruskan fasiliti yang berkualiti dan mesra rakyat.

5.1.2 Mempelbagai produk kebudayaan, kesenian, pelancongan dan sukan yang berkualiti bagi menyemarakkan suasana kehidupan yang sihat dan kondusif di Kuala Lumpur.

5.1.3 Memberi kerjasama dengan pihak berkepentingan (NGO), badan kerajaan, swasta) bagi menjayakan program dan aktiviti berkaitan kebudayaan, kesenian, pelancongan, sukan dan rekreasi.

5.2 Fungsi Unit-Unit di Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan

5.2.1 Unit Kebudayaan dan Kesenian

5.2.1.1 Menyediakan mekanisma di dalam pembentukan pembangunan seni dan budaya pelbagai kaum.

5.2.1.2 Mengkaji kualiti program kebudayaan dan kesenian menepati peranan merakyatkan dan menyamarakkan seni budaya.

5.2.1.3 Menyediakan, menggalakkan dan mempertingkatkan aktiviti kebudayaan dan kesenian khususnya di dalam seni pementasan teater, tarian, nyanyian dan muzik.

5.1.2.4 Menyediakan dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti seni persembahan kebudayaan yang berkaitan dengan acara sambutan perayaan awam dan acara festival-festival kesenian.

5.1.2.5 Menyedia, menyelaras dan memberi kerjasama di dalam menganjurkan aktiviti seni persembahan kebudayaan bersama agensi-agensi kerajaan pihak NGO dan agensi-agensi swasta.

5.2.1.6 Menyelaraskan permohonan sumbangan kepada agensi untuk pertimbangan Datuk Bandar dan Jabatan Kewangan.

5.2.2 Unit Muzik

5.2.2.1 Memberi khidmat persembahan orkestra/ kombo muzik kepada DBKL / agensi.

5.2.2.2 Menyedia dan melaksanakan program muzik kepada warga kota dan agensi.

5.2.2.3 Mengubah lagu mengikut keperluan.

5.2.2.4 Menjadi sumber rujukan IPT Agensi yang berkaitan untuk persembahan orkestra / kombo.

5.2.2.5 Merancang pembangunan tahap kompetensi Ahli Muzik DBKL.

5.2.2.6 Menyelaraskan permohonan sumbangan kepada agensi untuk pertimbangan Datuk Bandar dan Jabatan Kewangan.

5.2.2.7 Menjalinkan hubungan baik dengan agensi dan penggiat muzik.

5.2.3 Unit Pengurusan Acara

5.2.3.1 Mengenal pasti acara / program sebagai aktiviti tahunan Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan.

5.2.3.2 Mengurus, menyelaras dan memantau pelaksanaan acara / program tahunan jabatan (perayaan / kebudayaan/ muzik / sukan / karnival / festival / aktiviti).

5.2.3.3 Menyelaras bantuan / sumbangan bagi pelaksanaan acara / program anjuran jabatan dalaman DBKL / Kementerian / Agensi (Kerajaan/Swasta) / pertubuhan/ persatuan / kelab / NGO dan lain-lain.

5.2.3.4 Mengurus dan menyelaras permohonan peruntukan tahunan bagi sumbangan / bantuan, aset serta acara / program tahunan jabatan.

5.2.3.5 Menjalin kerjasama dengan agensi / kementerian yang berkaitan bagi pelaksanaan acara / program berprestij tinggi di peringkat Bandaraya Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, kebangsaan dan antarabangsa.

5.2.3.6 Mengurus dan menyelaras pelaksanaan aktiviti promosi bagi acara / program anjuran jabatan dengan kerjasama agensi kementerian yang berkaitan.

5.2.3.7 Menyediakan belanjawan dan laporan pelaksanaan acara / program.

5.2.3.8 Mendapatkan kelulusan acara / program tahunan jabatan melalui proses kelulusan minit bebas / lantikan terus.

5.2.4 Unit Pelancongan

5.2.4.1 Mempromosikan produk-produk pelancongan untuk pengusaha-pengusaha dan hubungan baik dengan pengusaha produk pelancongan / hotel / restoran dan lain-lain.

5.2.4.2 Merancang aktiviti / program untuk penggalakkan industri pelancongan di Kuala Lumpur.

5.2.4.3 Menyediakan bahan-bahan promosi seperti brosur dan '*booklet*' yang berkaitan pelancongan.

5.2.4.4 Menjalinkan hubungan baik dengan pengusaha produk pelancongan.

5.2.5 Unit Pentadbiran dan Kewangan

5.2.5.1 Melaksanakan fungsi pengurusan sumber manusia di peringkat jabatan.

5.2.5.2 Menguruskan Hal Ehwal Pentadbiran dan Pengurusan Keselamatan Jabatan.

5.2.5.3 Pengurusan Kualiti dan Integriti Jabatan.

5.2.5.4 Menguruskan Aduan Awam, mesyuarat dan surat-menyurat Jabatan.

5.2.5.5 Memberi kerjasama, bantuan logistik, bantuan kewangan serta khidmat nasihat dalam penganjuran program.

5.1.5.6 Menyelia dan menyelaras Perolehan Jabatan, Inventori dan Aset Jabatan.

5.2.5.7 Pengurusan ICT Jabatan.

5.2.5.8 Memantau dan menyelaras Belanjawan Tahunan Jabatan dan Prestasi Belanja Tahun semasa mengikut KPI yang telah ditetapkan.

5.2.6 Unit Sukan

5.2.6.1 Merancang penyediaan prasarana kemudahan sukan.

5.2.6.2 Menyediakan kemudahan bagi memberi ruang kepada masyarakat untuk melibatkan dalam sukan.

5.2.6.3 Menyelaraskan aduan kerosakan untuk penyelenggaraan fasiliti sukan kepada Unit Pengurusan Bangunan (UPB).

5.2.6.4 Mempromosikan kemudahan sukan untuk kegunaan wargakota.

5.2.6.5 Membantu Persatuan Sukan, NGO, Agensi Kerajaan untuk penganjuran program sukan / sosial di venue kemudahan sukan.

5.2.6.6 Menyelaraskan permohonan tempahan dan penggunaan kemudahan sukan.

5.2.6.7 Memastikan kemudahan sukan mengikut spesifikasi dan berada dalam keadaan baik.

6.0 BAJET

6.1 Perbelanjaan Mengurus

BIL	BUTIRAN	TAHUN 2023	PERATUS (%)
1.	Peruntukan Yang Diluluskan	RM32,998,900.00	98.55
2.	Perbelanjaan	RM32,518,800.00	
	JUMLAH BAKI SERAH SEMULA	**RM480,100.00**	

Jadual 7 : Peratusan Perbelanjaan Jabatan Tahun 2023

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2023

7.1 Unit Kebudayaan

BIL	TARIKH	PROGRAM DAN AKTIVITI	OBJEKTIF
1.	15 Januari 2023	Bengkel Pemantapan Seniman Jalanan (KL *Street Artist*) Siri 1	Membentuk wargakota kreatif melalui aktiviti kebudayaan dan kesenian
	22 Januari 2023		
	29 Januari 2023		
2.	4 hingga 7 Februari 2023	Santai Seni @ TAR	
3.	20 hingga 23 Februari 2023	Bengkel Seni Tari & Muzik Gamelan Siri 1	
4.	8 hingga 11 Mac 2023	Santai Seni @ TAR	
5.	8 & 9 April 2023	Iftar @ Dataran Merdeka	
6.	12 hingga 16 April 2023	Santai Seni @ TAR	
7.	17 hingga 20 Mei 2023	Santai Seni @ TAR	
8.	11 Jun 2023	Festival Amerika Latin	
9.	22 Jun 2023	Bengkel Pemantapan Seniman Jalanan (KL Street Artist) Siri 2	
10.	21 hingga 24 Jun 2023	Santai Seni @ TAR	
11.	22 Julai 2023	KL *Culture Nitez* Siri 1	
12.	5 Ogos 2023	KL *Street Jam* Siri 1	
13.	19 Ogos 2023	KL Culture Nitez Siri 2	
14.	9 September 2023	KL *Culture Nitez* Siri 3 (Borneo) / Pentas Seni Merdeka	
15.	16 September 2023	Festival Gendang & Tari Kuala Lumpur 2023	
16.	27 & 28 September 2023	Bengkel Pemantapan Seniman Jalanan (KL *Street Artist*) Siri 3	
17.	14 Oktober 2023	Kl *Cultre Nitez* Siri 4	
18.	28 Oktober 2023	KL *Street Jam* Siri 2	
19.	18 November 2023	KL *Culture Nitez* Siri 5 (Zapin Melayu) / Pentas Seni Merdeka	
20.	25 November 2023	KL *Street Jam* Siri 3	
21.	18 hingga 21 Disember 2023	Bengkel Seni Tari & Muzik Gamelan Siri 2	

Jadual 8 : Program dan Aktiviti Unit Kebudayaan Tahun 2023

7.2 Unit Pelancongan

BIL	TARIKH	PROGRAM DAN AKTIVITI	OBJEKTIF
1.	5 Februari 2023	Kuala Lumpur Chinese New Year *Celebration* 2023	Melaksanakan program pelancongan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dan berprestij
2.	18 Mac 2023	Program Pertandingan Memasak Bubur Lambuk Menara Kuala Lumpur 2023	
3.	10 hinggga 12 Julai 2023	LEPAK KL LAH! – *Social Media Influencer Promotion*	
4.	4 hingga 6 ogos 2023	*National Matta Fair* Johor	
5.	28 Ogos 2023	Program Kibar Jalur Gemilang Bersama Pengurusan Tertinggi Dbkl	

Jadual 9 : Program dan Aktiviti Unit Pelancongan Tahun 2023

7.3 Unit Sukan

BIL	TARIKH	PROGRAM DAN AKTIVITI	OBJEKTIF
1.	Setiap Ahad Januari hingga Disember 2023	KL Pagi Bebas Kenderaan @ KL *Car Free Morning*	Membentuk wargakota yang aktif dan sihat
2.	15 Januari 2023	Larian KL *Free Corruption Territory*	
3.	29 Januari 2023	MAIWP *Run*	
4.	19 & 26 Februari 2023	Larian Inilah Masanya (MOTAC)	
5.	7 Mei 2023	*World Vision* 2023 *#RUNforCHILDREN*	
6.	25 Jun 2023	KBS Rimau *Run* 2023	
7.	9 Julai 2023	MAIWP *Community Fun Run*	
8.	6 Ogos 2023	Larian *Peace Road* 2023	
9.	10 September 2023	Larian Kanser	
10.	24 September 2023	Larian Tenaga Bestari	
11.	8 Oktober 2023	Larian Wakaf MAIWP	
12.	29 Oktober 2023	*Pink Run* KBS 2023	
13.	5 November 2023	*Navy Run* 2023	

Jadual 10 : Program dan Aktiviti Unit Sukan Tahun 2023

8.0 PENCAPAIAN JABATAN

BIL	TARIKH	ACARA	KEPUTUSAN
1.	21 hingga 22 Oktober 2023	Festival Tari Rakyat Johor 2023 – Tarian Rampaian Tradisional	Johan
2.	14 hingga 17 Disember 2023	Festival Anak Seni MAKSAK 2023 – Tarian Kreatif Rakyat	Johan
3.	28 hingga 29 Oktober 2023	Kejohanan Teqball Kebangsaan	Johan

Jadual 11 : Pencapaian Jabatan Tahun 2023

LAMPIRAN GAMBAR PROGRAM

i. Program Kebudayaan dan Kesenian






ii. Program Sukan
















iii. Program Bengkel Anjuran Jabatan





Bengkel Pemantapan Seniman Jalanan (KI Street) Artist

iv. Program Bengkel Anjuran Jabatan




Bengkel Seni Tari & Muzik Gamelan

v. Pencapaian Jabatan



Festival Tari Rakyat Johor 2023 – Tarian Rampaian Tradisional 21 dan 22 Oktober 2023



Festival Anak Seni MAKSAK 2023 – Tarian Kreatif Rakyat 14 hingga 17 Disember 2023





Kejohanan Teqball Kebangsaan 28 dan 29 Oktober 2023

Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan

Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar (JPKKB) terhasil dari penggabungan beberapa Jabatan dan Bahagian asal iaitu Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti, Jabatan Perkhidmatan Kawasan, Perpustakaan Kuala Lumpur dan Bahagian Pengurusan Rekod.

Penggabungan ini bertujuan untuk mewujudkan persekitaran komuniti bandar yang berdaya maju dan sejahtera melalui jalinan kolaborasi dengan agensi kerajaan, swasta dan NGO yang seterusnya memperkukuh peranan Pejabat Cawangan dalam memberi perkhidmatan perbandaran kepada masyarakat setempat terutama dalam usaha membangunkan sebuah masyarakat yang berilmu dan berdaya saing selaras dengan visi DBKL iaitu "Bandar Raya Sejahtera untuk semua menjelang Tahun 2030".

Penggabungan ini juga bagi memperkasakan serta memantapkan peranan dan tanggungjawab Jabatan dalam memenuhi dan mencapai aspirasi pengurusan tertinggi DBKL.

1.2 Bahagian-Bahagian / Unit-Unit di Jabatan

Pentadbiran jabatan telah dibahagikan kepada dua (2) bahagian utama iaitu Bahagian Pengurusan Perumahan dan Kesejahteraan Bandar dan Bahagian Kejuruteraan, serta enam (6) unit iaitu Unit Pentadbiran, Dasar dan Pembangunan, Unit Pembangunan Komuniti, Unit Perkhidmatan Kawasan, Unit Kewangan dan Akaun, Unit Pengurusan Perumahan dan Unit Perpustakaan bagi menggerakkan fungsi utama jabatan (Rujuk struktur Jabatan di Lampiran).

1.3 Bilangan Pegawai dan kakitangan Jabatan

KATEGORI	JUMLAH
Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 dan ke atas)	48
Kumpulan Sokongan I (Gred 17-40)	532
Kumpulan Sokongan II (Gred 1-16)	460
Jumlah	**1,040**

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi

2.1.1 Memberi perkhidmatan yang cekap dan berkesan ke arah mensejahterakan bandar.

2.1.2 Menjadikan komuniti bandar yang terunggul dan sejahtera.

2.2 Misi

2.2.1 Mewujudkan komuniti bandar yang terunggul menerusi penyampaian perkhidmatan perbandaran yang cemerlang dan berkualiti.

2.2.2 Mewujudkan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang dan berkualiti melalui perancangan dan pelaksanaan yang bersepadu antara organisasi bersama warga kota.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Pengesahan dokumen pendaftaran penyewaan yang lengkap akan dimaklumkan kepada pemohon dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh pendaftaran.

3.2 Keputusan permohonan penyewaan unit Perumahan Awam (PA) / Projek Perumahan Rakyat (PPR) akan dimaklumkan dalam tempoh **14 hari bekerja** dari tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Peruntukan Rumah Awam (JKPRA) bersidang.

3.3 Keputusan permohonan memperbaharui kontrak penyewaan akan dimaklumkan dalam tempoh **14 hari bekerja** dari tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Lanjut Tempoh.

3.4 Keputusan permohonan gotong-royong / program sosial dimaklumkan dalam tempoh **14 hari bekerja** dari tarikh permohonan lengkap diterima.

3.5 Keputusan permohonan permit khemah sementara untuk aktiviti sosial penduduk setempat di Pejabat Cawangan dimaklumkan dalam tempoh **5 hari bekerja** dari tarikh permohonan lengkap diterima.

3.6 Menyediakan Kelas Tambahan selama **5 bulan** sebelum peperiksaan SPM/Peperiksaan Akhir Tahun kepada sekolah yang memohon bagi pelajar Tingkatan 5, Tingkatan 3 dan Tahun 6 golongan berpendapatan rendah.

3.7 Menyediakan perkhidmatan kaunter bayaran yang cekap dan berkesan di Menara DBKL 3 serta tempoh waktu menunggu tidak melebihi 15 minit.

3.8 Memberi maklum balas awal terhadap aduan-aduan pelanggan dalam tempoh 1 hari bekerja dan mengambil tindakan susulan/ penguatkuasaan dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh penerimaan aduan dan membuat susulan sehingga selesai.

3.9 Memastikan koleksi perpustakaan yang baharu disusun di atas rak dalam tempoh **2 minggu** dari tarikh penerimaan.

3.10 Mengeluarkan Surat Kebenaran Pindah Rekod kepada jabatan dalam tempoh **3 hari bekerja** dari tarikh permohonan lengkap diterima.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

Jabatan telah menetapkan sebanyak lapan (8) *Key Result Areas* (KRA) dan lima belas (15) *Key Performance Indicators* (KPI) dengan pencapaian keseluruhan sebanyak 96% bagi tahun 2022.

BIL	KRA	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
1.	Meningkatkan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan (*Customer Focus*)	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan IDB : 2 hari Jabatan : 2 hari	100% (1,063 kakitangan)	100% (1,063 kakitangan)
2.		Mensasarkan 80% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari untuk aduan biasa	80%	100%
3.	Memperkukuhkan Tahap Integriti, Akauntabiliti dan Telus (*Transparency*)	Menguruskan peruntukan perbelanjaan dengan berhemah	95% (RM246 juta)	100% (RM238 juta)
4.		Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2024	Disember 2023	100%
5.	Memperkukuhkan Tahap Integriti, Akauntabiliti dan Telus (*Transparency*)	Menyelesaikan AW58 pada bulan Mei 2023	Mei 2023	100%
6.	Memperkukuhkan Kedudukan dan Pengurusan Kewangan	Meningkatkan kutipan hasil caj sewa semasa PA/PPR yang aktif tahun 2023	90%	79% (RM439.9 juta)
7.		Mengutip tunggakan sewa PA/PPR bagi penyewa individu yang masih menyewa seperti pada 31 Disember 2022 berjumlah RM27,211,081.00	50% (RM13,605,540.50)	77% (RM10.5 juta)

BIL	KRA	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
8.	Memupuk Pembangunan Komuniti ke Arah Kehidupan Sejahtera dan Harmoni	Pelaksanaan program bersama komuniti.	100% (1,200 program)	100% (1,847 program)
9.	Perkhidmatan dan Penguatkuasaan	Bancian di 48 lokasi PA/PPR DBKL bagi memastikan Ketua Penyewa yang sah.	100% (Disember 2023)	100%
10.	Mempertingkatkan Kualiti Kesejahteraan Hidup	Tempoh operasi *"Uptime"* 48 lif berusia lebih 10 tahun di 4 kawasan PA/PPR	95%	100%
11.		Penyelarasan permohonan projek kecil (bekalan)	100% (90 hari)	100%
12.	Mempertingkatkan Kualiti Kesejahteraan Hidup	Penyediaan Pelan Tindakan (*Blueprint*) Perumahan Awam dan Projek Perumahan Rakyat (PA/PPR) Di Kuala Lumpur 2023-2027	Jun 2023	100%
13.		Penyediaan Pelan Perancangan Penyelenggaraan bagi tahun 2025-2030 program penyelenggaraan komprehensif perumahan DBKL	Oktober 2023	95%
14.	Bandar Raya Milik Warga Kota	Penyediaan Dokumen Kriteria Pengiktirafan Komuniti	Jun 2023	95%
15.		Melaksanakan program *Out Reach* " Membudayakan Wargakota Berilmu"	100% (4 program)	100% (4 program)
16.	Keupayaan Tadbir Urus serta Sistem Penyampaian Perkhidmatan	Sesi libat urus 'sesi *engagement*' bersama masyarakat bersama warga kota atau NGO berhubung isu-isu setempat di setiap kawasan Parlimen.	24 sesi bagi setiap kawasan Parlimen (264 sesi)	100%
17.		Memperluaskan penggunaan *Digital Document Management System* (DDMS) kepada jabatan-jabatan DBKL.	6 Jabatan	100% (6 jabatan)
18.		Melaksanakan tindakan penguatkuasaan rampasan 350 unit rumah sewa DBKL yang melakukan kesalahan pelanggaran syarat penyewaan rumah pangsa DBKL.	350 unit	100% (502 unit)

Jadual KPI Jabatan bagi tahun 2023

5.0 FUNGSI UTAMA JABATAN

5.1 Fungsi JPKKB mencakupi 6 aspek utama iaitu Pengurusan Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR), Pengurusan Rumah Jual, Penyelenggaraan PA dan PPR (Awam, Elektrik dan Mekanikal), Keselamatan, Pembangunan Komuniti, Pengurusan dan Pemantauan sebelas (11) kawasan parlimen iaitu Parlimen Bandar Tun Razak, Batu, Bukit Bintang, Cheras, Kepong, Lembah Pantai, Segambut, Seputeh, Setiawangsa, Titiwangsa dan Wangsa Maju dan disokong oleh Unit Pentadbiran, Dasar dan Pembangunan serta Unit Kewangan.

5.1.1 Mengurus dan menyelenggara Perumahan Awam (PA) dan Program Perumahan Rakyat (PPR).

5.1.2 Mengurus pendaftaran permohonan rumah sewa melalui Sistem e-Perumahan secara *online*.

5.1.3 Mengurus pemilihan dan tawaran kemasukan penyewa yang layak.

5.1.4 Mengurus hal berkaitan penjualan rumah kos rendah dan sederhana DBKL dan bertindak sebagai pemaju sebelum penubuhan *Joint Management Body (JMB) / Management Corporation (MC)* di PA / PPR sebelum Hakmilik Strata dikeluarkan.

5.1.5 Mewujudkan suasana harmoni di kalangan penghuni dengan menyediakan kemudahan dan bantuan program-program sosial dan keagamaan untuk dimanfaatkan oleh warga bandar.

5.1.6 Membangunkan komuniti dari pelbagai lapisan masyarakat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang merangkumi aspek pendidikan, pembangunan modal insan, perkhidmatan sosial dan membasmi kemiskinan bandar.

5.1.7 Melaksanakan penyampaian perkhidmatan secara langsung kepada penduduk setempat dengan efisyen dan berkesan.

5.2 Bahagian / Unit di Jabatan bagi mengerakkan fungsi utama adalah seperti berikut:

5.2.1 Bahagian Perumahan dan Kesejahteraan Bandar Bahagian ini dibahagikan kepada empat (4) unit seperti di bawah:

5.2.1.1 Unit Pengurusan Perumahan

Unit ini terdiri daripada empat (4) seksyen iaitu Seksyen Sewa Rumah dan Kedai, Seksyen Jualan, Seksyen Kawalan Perumahan serta Seksyen Pengurusan Zon.

i. **Seksyen Sewa Rumah dan Kedai** bertanggungjawab memastikan permohonan sewa diproses dan dipertimbangkan untuk keputusan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Peruntukan Perumahan Awam. Selain itu, seksyen ini juga memastikan permohonan sewa kedai atau gerai diproses dan dipertimbangkan untuk keputusan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Temuduga Kedai/Gerai berdasarkan garis panduan yang ditetapkan. Di samping itu, seksyen ini juga bertanggungjawab menyelaras program Perumahan Bandar @ Jalan TAR. Program ini adalah untuk memberi kemudahan penyewaan bilik kepada golongan B40 yang berstatus bujang dan baru pertama kali bekerja di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan kadar sewaan sebanyak RM 100.00 sebulan.

ii. **Seksyen Jualan** ditugaskan untuk menyelaras dan melaksanakan urusan pindahmilik hakmilik strata dan penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB) / Perbadanan Pengurusan (MC) di kawasan perumahan DBKL.

iii. **Seksyen Kawalan Perumahan** bertangunggjawab untuk memantau dan menyelaras kerja-kerja penguatkuasaan di peringkat jabatan bagi keseluruhan kawasan PA / PPR bagi mewujudkan suasana kemasyarakatan yang harmoni, toleransi dan selamat untuk didiami.

iv. **Seksyen Pengurusan Zon** telah dibahagikan kepada empat (4) zon perumahan PA / PPR dan setiap zon diketuai oleh Pengurus Zon. Seksyen ini bertanggungjawab untuk mengawal selia kawasan PA / PPR seperti daripada aspek kebersihan dan aktiviti kemasyarakatan.

5.2.1.2 Unit Perkhidmatan Kawasan

Unit ini terdiri daripada pengurusan sebelas (11) kawasan parlimen oleh Pejabat Cawangan. Terdapat 11 kawasan parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu Bandar Tun Razak, Batu, Bukit Bintang, Cheras, Kepong, Lembah Pantai, Segambut, Seputeh, Setiawangsa, Titiwangsa dan Wangsa Maju.

Setiap pejabat cawangan daripada sebelas (11) parlimen ini diketuai oleh Pengurus Kawasan dengan peranan dan fungsi sebagai medium perantaraan di antara DBKL dan penduduk setempat.

5.2.1.3 Unit Pembangunan Komuniti

Unit ini terdiri daripada dua (3) seksyen iaitu Seksyen Pembangunan Pendidikan dan Ekonomi, Seksyen Pembangunan Sosial dan Seksyen Program Khas.

i. **Seksyen Pembangunan Pendidikan dan Ekonomi** membantu dalam melaksanakan aktiviti atau program sosial kepada warga PA / PPR bagi meningkatkan ekonomi dan kesejahteraan warga kota. Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti kursus berbentuk menjana ekonomi, seminar pendidikan, sumbangan perayaan, kem motivasi, khidmat kemasyarakatan (gelandangan) serta khidmat kaunseling.

ii. **Seksyen Pembangunan Sosial** bertanggungjawab untuk menyelaras perancangan dan pelaksanaan program tahunan untuk pembangunan belia khususnya bagi belia PA/PPR dan belia Kuala Lumpur amnya. Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti karnival, pertandingan, sukan dan riadah, keagamaan, perayaan, kem motivasi atau kem bina semangat serta kempen.

iii. **Seksyen Program Khas** bertanggungjawan untuk menyelaras hal ehwal Persatuan Penduduk PA/PPR dan Persatuan Penduduk Swasta, program anjuran Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Pelaksanaan Program Wilayah Prihatin serta Sekretariat Star Rating PA/PPR.

5.2.1.4 Unit Perpustakaan

Unit ini terdiri daripada empat (4) seksyen iaitu Seksyen Perolehan dan Pendokumentasian, Seksyen Program dan Aktiviti, Seksyen Perkhidmatan Perpustakaan dan Seksyen Khidmat Pengurusan.

i. **Seksyen Perolehan dan Pendokumentasian** bertanggungjawab sepenuhnya dalam perolehan bahan bacaan seperti pembangunan koleksi bahan perpustakaan serta mengurus

perolehan dan pemprosesan bahan bacaan dan lain-lain bahan perpustakkan yang dijadikan koleksi. Seksyen ini juga terlibat dalam merancang serta mengurus penyediaa dasar dan garis panduan pengurusan rekod. Pengurusan repositori turut diuruskan oleh Seksyen ini.

ii. **Seksyen Perkhidmatan Perpustakaan** berperanan untuk menyampaikan perkhidmatan pinjaman dan rujukan buku-buku untuk seluruh warga kota Kuala Lumpur. Seksyen ini juga menjalankan program galakan membaca dan literasi maklumat di setiap hentian atau saluran perkhidmatan melalui Bas Bergerak.

iii. **Seksyen Program dan Aktiviti** merancang program dan aktiviti penataran (*out reach)* bagi memastikan penglibatan rakyat dan kumpulan sasaran secara inklusif.

iv. **Seksyen Khidmat Pengurusan** berperanan merancang pembangunan perpustakaan di bawah pentadbiran DBKL di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta memantau projek-projek perpustakaan yang telah diluluskan.

5.2.2 Bahagian Kejuruteraan

Bahagian ini terdiri daripada empat (4) seksyen iaitu Seksyen Penyelenggaraan Awam, Seksyen Penyelenggaraan Elektrikal, Seksyen Penyelenggaraan Mekanikal dan Bilik Gerakan.

Bahagian ini secara umum adalah memastikan segala kemudahan di PA / PPR berfungsi dalam keadaan baik dengan melaksanakan kerja-kerja pembangunan dan penyelenggaraan daripada aspek awam, elektrikal dan mekanikal seperti lif, rumah sampah, wakaf, dewan, lampu limpah, lampu kaki lima unit rumah, pendawaian dan sebagainya. Bilik Gerakan berfungsi sebagai penerima aduan awam sekiranya terdapat kerosakan berlaku selepas tamat waktu pejabat.

5.2.3 Unit Pentadbiran, Dasar dan Pembangunan

Unit ini terdiri daripada empat (4) seksyen iaitu Seksyen Pentadbiran, Seksyen Dasar dan Pembangunan, Seksyen Aduan dan Keurusetiaan serta Seksyen Teknologi Maklumat.

i. **Seksyen Pentadbiran** bertanggungjawab menyelaras kerja-kerja berkaitan perkhidmatan personel serta memastikan pengurusan pentadbiran pejabat dilaksanakan mengikut peraturan, pekeliling, arahan semasa dan akta-akta yang telah ditetapkan.

ii. **Seksyen Dasar dan Pembangunan** bertanggungjawab untuk memantau dan menyelaras dasar-dasar dan halatuju jabatan yang baharu demi memastikan taraf hidup warga kota khususnya yang tinggal di dalam kawasan PA / PPR berada dalam keadaan terbaik, selesa dan selamat.

iii. **Seksyen Aduan dan Keurusetiaan** bertanggungjawab untuk memantau dan melaksanakan pengurusan aduan jabatan yang diterima menerusi pelbagai medium seperti e-Perumahan, ADUKL, aduan bersemuka secara atas talian, borang aduan pelanggan, emel serta panggilan telefon. Selain itu, seksyen ditugaskan untuk mengumpul maklumat dalam menyediakan maklumbalas dan mesyuarat-mesyuarat khas berkaitan Jabatan.

iv. **Seksyen Teknologi Maklumat** ditugaskan untuk merancang, mengkaji keperluan, merekabentuk, membangunkan, menguji dan menyelenggara portal serta laman web yang bakal digunakan oleh jabatan. Selain itu, seksyen ini juga bertanggungjawab untuk merangka keperluan infrastruktur teknologi jabatan.

5.2.4 Unit Kewangan dan Akaun

Unit ini terdiri daripada empat (4) seksyen iaitu Seksyen Kewangan dan Bajet, Seksyen Akaun Sewa dan Air, Seksyen Akaun Jualan dan JMB/MC serta Seksyen Kaunter Terimaan.

i. **Seksyen Kewangan dan Bajet** bertanggungjawab untuk menyediakan belanjawan tahunan jabatan dan mengawal serta menguruskan perbelanjaan jabatan mengikut bajet yang telah diluluskan.

ii. **Seksyen Akaun Sewa dan Air** ditugaskan untuk menyediakan pengurusan kewangan bagi akaun-akaun penyewa PA/PPR dan akaun air PA / PPR supaya dapat diurus dengan baik.

iii. **Seksyen Akaun Jualan dan JMB/MC** bertanggungjawab untuk menguruskan hal-hal kewangan bagi perbadanan pengurusan (sementara) bagi PA / PPR dan Perumahan Rumah Jual DBKL.

iv. **Seksyen Kaunter Terimaan** menyediakan pengurusan kaunter terimaan bagi hasil-hasil jabatan supaya dapat diurus dengan baik. Seksyen menempatkan beberapa kakitangan untuk bertugas di kaunter bagi penerimaan bayaran tunai bil-bil yang dikeluarkan oleh DBKL.

6.0 BAJET

Pengurusan bajet adalah salah satu elemen penting dalam pengurusan kewangan bagi memastikan perbelanjaan adalah berteraskan kepada prinsip memberi nilai untuk wang (*value for money*). Pengurusan bajet Jabatan ini diuruskan oleh Unit Kewangan dan Akaun. Ia melibatkan penyediaan belanjawan tahunan pada setiap tahun dan pemantauan prestasi perbelanjaan yang diperuntukkan bagi semua bahagian di sepanjang tahun 2023.

6.1 Perbelanjaan Mengurus

PERKARA	TAHUN 2023	PERATUS (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM246,322,800	96.53%
Perbelanjaan	RM237,777,806	

6.2 Perbelanjaan Pembangunan

PERKARA	TAHUN 2023	PERATUS (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM72,042,100	90.13%
Perbelanjaan	RM64,934,385	

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2023

Tarikh	Penglibatan	Program/Aktiviti	Objektif
6 hingga 8 Januari 2023	En. Ismadi bin Sakirin, Pengarah Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar	Kursus Usahawan Belia – Asas Manicure & Pedicure	1. Menjadikan program ini sebagai inisiatif untuk membawa keluar belia dari kelompok B40 dan status miskin bandar; 2. Mewujudkan peluang kerjaya kepada belia kuala lumpur; 3. Menggalakkan kalangan belia menjadi usahawan khususnya belia pa / PPR; 4. Mendedahkan belia ke arah aktiviti keusahawanan, kebajikan, sosial, kebudayaan serta kemasyarakatan bagi memupuk semangat keusahawanan; 5. Membantu belia untuk meningkatkan daya saing dan kebolehpasaran.
Siri 1 : 28 hingga 29 Januari 2023 Siri 2 : 3 hingga 4 Jun 2023	Ahli Parlimen Titiwangsa - Dato' Johari bin Abdul Ghani MPP Zon Titiwangsa - Datuk Azizulrahman bin Hussain Malim	Digital Marketing – Kuasai Tiktok Sales Siri 1 & 2	
3 Februari 2023	YB Teresa Kok, Ahli Parlimen Seputeh	Program Sambutan Tahun Baru Cina Anjuran Pejabat Ahli Parlimen Kawasan Seputeh Di PPR Bukit Jalil	Mewujudkan suasana harmoni di antara DBKL bersama-sama NGO di sekitar Parlimen Seputeh melalui bantuan-bantuan yang disalurkan oleh DBKL seperti bantuan logistik dan sajian.
11 Mac 2023	YB Teresa Kok, Ahli Parlimen Seputeh	Program Sambutan Hari Wanita Peringkat Seputeh Anjuran Pejabat Ahli Parlimen	Mewujudkan suasana harmoni di antara DBKL bersama-sama NGO di sekitar Parlimen Seputeh melalui bantuan-bantuan yang disalurkan oleh DBKL seperti bantuan logistik dan sajian.
31 Mac 2023	Encik Ismadi bin Sakirin, Pengarah Jabatan Pembangunan Komuniti Dan Kesejahteraan Bandar	Sambutan Hari U- Pustaka	Kempen Galakguna Perkhidmatan Nilai Tambah Kepada Perkhidmatan Sedia Ada
13 April 2023	YBhg. Datuk Haji Azmi bin Abdul Hamid, Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosio-Ekonomi, DBKL	Pelancaran Program *World Quran Hour* 2023	Mendalami Ilmu Dan Hikmah Serta Ibrah Dari Surah Terpilih Di Dalam Al-Quran

Tarikh	Penglibatan	Program/Aktiviti	Objektif
12 April 2023	YB Teresa Kok, Ahli Parlimen Seputeh	Program Berbuka Puasa Di Dewan Rukun Tetangga Kg Petaling Bahagia, Bt.11 Jalan Puchong, 58200 Kuala Lumpur Anjuran Pejabat Ahli Parlimen Seputeh	Mewujudkan suasana harmoni di antara DBKL bersama-sama NGO di sekitar Parlimen Seputeh melalui bantuan-bantuan yang disalurkan oleh DBKL seperti bantuan logistik dan sajian.
18 Mei 2023	YBhg. Datuk Haji Azmi bin Abdul Hamid, Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosio-Ekonomi, DBKL	Majlis Pelancaran Jom Baca Bersama 10 Minit 2023 Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Penerapan Tabiat Membaca Bermula Dengan 10 Minit
26 Mei hingga 4 Jun 2023	Encik Ismadi bin Sakirin, Pengarah Jabatan Pembangunan Komuniti Dan Kesejahteraan Bandar	Promosi Keahlian Dan Perkhidmatan Di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2023	Kempen Hebahan Perkhidmatan Kepada Pengunjung Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur
13 Ogos 2023	Encik Ismadi bin Sakirin, Pengarah Jabatan Pembangunan Komuniti Dan Kesejahteraan Bandar	Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak Sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan	Mempromosi Kemudahan Perpustakaan Dan Galakkan Membaca Kepada Peserta
7 Oktober 2023	YBhg. Tuan Haji Mohamad bin Hamim, Pengarah Eksekutif, Perancangan Bandaraya	Pkl *Info Hunt* @ Dataran Merdeka	Menambah Ilmu Pengetahuan Dan Aktiviti Galak Guna Perpustakaan
14 Oktober 2023	YBrs. Encik Ismadi bin Sakirin, Pengarah Eksekutif, Pembangunan Sosio-Ekonomi, Dbkl	Kembara Ilmu	Mendekati Komuniti Dengan Perkongsian Ilmu Yang Memberi Manfaat
31 Oktober 2023	Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, Ahli Parlimen Bandar Tun Razak	Sesi Bercerita Kanak-Kanak Sempena Perasmian Pustaka Kl Digital Madani @ Bandar Sri Permaisuri	Pendedahan Kepada Kanak-Kanak Tentang Perkhidmatan Perpustakaan Digital Baharu Di Kuala Lumpur
18 hingga 19 November 2023	YBhg. Datin Suhaila binti Mohamad, Pengerusi Puspanita DBKL	Kl *Story Fest* 2023	Memberi Pengalaman Dan Keseronokan Kepada Kanak-Kanak Dalam Penceritaan
29 November 2023	YBrs. Encik Ismadi bin Sakirin, Pengarah Eksekutif, Pembangunan Sosio-Ekonomi, DBKL	Pertandingan Bicara Berirama	Membentuk Keyakinan Dan Menyerlahkan Bakat Pelajar

LAMPIRAN GAMBAR PROGRAM

KURSUS USAHAWAN BELIA – ASAS MANICURE & PEDICURE PADA 6 – 8 JANUARI 2023





DIGITAL MARKETING – KUASAI TIKTOK SALES SIRI 1 & 2 PADA :
SIRI 1 : 28 HINGGA 29 JANUARI 2023
SIRI 2 : 3 HINGGA 4 JUN 2023





PROGRAM SAMBUTAN TAHUN BARU CINA ANJURAN PEJABAT AHLI PARLIMEN KAWASAN SEPUTEH DI PPR BUKIT JALIL PADA 3 FEBRUARI 2023





PROGRAM SAMBUTAN HARI WANITA PERINGKAT SEPUTEH ANJURAN PEJABAT AHLI PARLIMEN PADA 11 MAC 2023



SAMBUTAN HARI U- PUSTAKA PADA 31 MAC 2023





PELANCARAN PROGRAM WORLD QURAN HOUR 2023 PADA 13 APRIL 2023





PROGRAM BERBUKA PUASA DI DEWAN RUKUN TETANGGA KG PETALING BAHAGIA, BT.11 JALAN PUCHONG, 58200 KUALA LUMPUR ANJURAN PEJABAT AHLI PARLIMEN SEPUTEH PADA 12 APRIL 2023



MAJLIS PELANCARAN JOM BACA BERSAMA 10 MINIT 2023 PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR PADA 18 MEI 2023





PROMOSI KEAHLIAN DAN PERKHIDMATAN DI PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR 2023 PADA 26 MEI – 4 JUN 2023





PERTANDINGAN MEWARNA KANAK-KANAK SEMPENA SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN PADA 13 OGOS 2023





PKL INFO HUNT @ DATARAN MERDEKA
PADA 7 OKTOBER 2023




KEMBARA ILMU PADA 14 OKTOBER 2023




SESI BERCERITA KANAK-KANAK SEMPENA PERASMIAN PUSTAKA KL DIGITAL MADANI @
BANDAR SRI PERMAISURI PADA 31 OKTOBER 2023




KL STORY FEST 2023 PADA 18 – 19 NOVEMBER 2023





PERTANDINGAN BICARA BERIRAMA PADA 29 NOVEMBER 2023





8.0 PENCAPAIAN JABATAN

Pada 16 Februari 2023, Unit Perpustakaan telah berjaya membangunkan Jadual Pelupusan Rekod Urusan Fungsian DBKL bagi memastikan pengurusan rekod secara sistematik dan berkualiti di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur selain pematuhan kepada kehendak Seksyen 27 Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629). DBKL juga diiktiraf sebagai Dewan Bandaraya Pertama yang diperakukan Jadual Pelupusan Rekod Urusan Fungsian oleh Arkib Negara Malaysia.

PERTANDINGAN BICARA BERIRAMA PADA 29 NOVEMBER 2023


Sijil Penghargaan

Dengan ini diperakui bahawa

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

diiktiraf sebagai

Dewan Bandaraya Pertama yang diperakukan
Jadual Pelupusan Rekod Urusan Fungsian

sempena

Majlis Menandatangani Persetujuan Bersama Jadual Pelupusan Rekod Urusan Fungsian Antara Arkib Negara Malaysia Dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
16 Februari 2023

DATO' SHAFARUDDIN BIN HJ ABDUL RAHMAN
KETUA PENGARAH
ARKIB NEGARA MALAYSIA


PERSETUJUAN BERSAMA
JADUAL PELUPUSAN REKOD URUSAN FUNGSIAN

DI ANTARA

ARKIB NEGARA MALAYSIA
DAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

DATUK SERI HJ MAHADI BIN CHE NIGAH
Datuk Bandar Kuala Lumpur

Jabatan Penguatkuasaan

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Jabatan Penguatkuasaan ditubuhkan pada **15 September 1969** dikenali sebagai Skuad Pemusnah (*Demolition Squad*) yang ditugaskan untuk meroboh setinggan – setinggan yang didirikan di atas tanah kerajaan dan kini bertanggungjawab sepenuhnya dalam mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap isu-isu penguatkuasaan dan kesalahan yang diwakilkan kuasa ke atasnya.

1.2 Bahagian-Bahagian / Unit-Unit di Jabatan

i. Bahagian Penguatkuasaan Am
ii. Bahagian Penguatkuasaan Trafik
iii. Bahagian Siasatan Penguatkuasaan
iv. Bahagian Teknikal Pembangunan
v. Bahagian Perkhidmatan Penguatkuasa
vi. Bahagian Pengurusan Logistik
vii. Bahagian Pentadbiran & Keselamatan
viii. Seksyen Integriti & Standard
ix. Seksyen Perundangan

1.3 Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan

KATEGORI	JUMLAH
Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41dan ke atas)	23
Kumpulan Sokongan I (Gred 17- 40)	1744
Kumpulan Sokongan II (Gred 1-16)	242
JUMLAH	**2009**

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi

- Kearah menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandaraya bertaraf dunia melalui penguatkuasaan undang-undang.

2.1 Misi

- Merancang, menyelaras dan menguatkuasakan undang-undang secara berhemah, berkesan dan berterusan.
- Menyelaras dan menggerakkan pegawai dan kakitangan sebagai tenaga kerja yang beretika, berintergriti, berakauntabiliti, berkualiti dan memberikan perkhidmatan yang efisyen, mampan dan berkesan.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Memperakukan / mengesahkan penerimaan aduan awam serta merta atau dalam tempoh 24 jam dan beri maklum balas awal dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.

3.2 Memastikan barang yang disita atau pindah halangan yang telah tamat tempoh tahanan boleh dilepaskan kepada pemilik dalam tempoh satu (1) hari bekerja setelah memenuhi syarat-syarat tuntutan.

3.3 Memastikan tuntutan kenderaan yang ditunda dilepaskan dalam tempoh satu (1) jam setelah memenuhi syarat-syarat tuntutan.

3.4 Kebenaran beroperasi semula tapak bina yang telah ditutup dalam tempoh 24 jam setelah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

3.5 Memberi bantuan awal selepas menerima aduan atau laporan bencana alam seperti berikut:

i. Dalam kawasan jarak 5 km radius dari Jabatan Penguatkuasaan, Menara Penguatkuasa, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur dalam tempoh 15 minit.

ii. Luar kawasan jarak melebihi 5 km radius dari Jabatan Penguatkuasaan, Menara Penguatkuasa, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur dalam tempoh 30 minit.

3.6 Memberi khidmat nasihat / bimbingan / khidmat perundingan secara berkesan dalam aspek keselamatan DBKL dengan penyediaan laporan bertulis dalam tempoh 3 hari bekerja.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

4.1 KPI Jabatan

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan *(customer focus)*	1.	Kehadiran **4 hari** berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan. **(IDB : 2 Hari, Jabatan : 2 Hari)**	Semua pegawai dan kakitangan Jabatan menghadiri kursus 4 hari setahun **(IDB : 2 Hari, Jabatan : 2 Hari)**	**100%**
	2.	Mensasarkan **sekurang-kurangnya 80%** Penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari untuk aduan biasa	Menyelesaikan 80% aduan yang diterima pada setiap bulan (Berpandukan sasaran JWP)	100%
Memperkukuhkan tahap integriti, akauntabiliti dan telus (*transparency*)	3.	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	Mencapai sekurang-kurangnya 95% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2023	100%
	4.	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2024	Keseluruhan Jabatan hendaklah mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2024 sebelum 30 November tahun 2023	100%
Keberkesanan tindakan penguatkuasaan	5.	Menyelesaikan AW58 pada bulan Mei 2023	Memastikan pembayaran melibatkan AW58 dijelaskan pada Mei 2023.	24%
	6.	Pelaksanaan Tindakan Khas Penguatkuasaan	i. Tindakan Khas Tunda : **12 siri setahun** ii. Tindakan Khas Lalu Lintas : **12 siri setahun** iii. Tindakan Khas Premis Berisiko : **12 siri setahun** iv. Tindakan Khas Premis Warga Asing: **12 siri setahun** v. Tindakan Khas Pasar : **12 siri setahun** vi. Tindakan Khas Tapak Bina : **12 siri setahun** vii. Tindakan Khas Struktur tambahan : **12 siri setahun** viii. Tindakan Khas Kerja-kerja Korekan Jalan : **12 siri setahun** ix. Tindakan khas vandalisme dan iklan tanpa kebenaran: **12 siri setahun** x. Tindakan Khas Gelandangan : **12 siri setahun** Tindakan Khas Penjaja Warga Asing : **12 siri setahun**	100%

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Keberkesanan tindakan penguatkuasaan	7	Pelaksanaan Operasi Bersepadu bersama Jabatan Dalaman DBKL (rakan organisasi) dan Agensi Penguatkuasaan	Pelaksanaan sebanyak **24 Operasi Bersepadu setahun** :- i. Operasi HALANG ii. Operasi BERSIH iii. Operasi TAPAK iv. Operasi STRUKTUR v. Operasi TEBAH	**100%**
	8	Pelan Pengurusan Bencana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	Kelulusan Pelan Pengurusan Bencana DBKL oleh Peringkat Pengurusan Tertinggi DBKL: **Disember 2023**	100%
Pengukuhan aktiviti pembudayaan menghormati undang-undang	9	Pelan Integriti Penguatkuasaan	Menyediakan Garis Panduan Jawatankuasa Tindakan Terus selari dengan Kaedah-Kaedah Pengawai Penguatkuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (Kelakuan dan Tatatertib) 1992 : **November 2023**	100%
	10	Program Sahabat Penguatkuasa dengan penglibatan wargakota daripada pelbagai lapisan masyarakat.	Memastikan penyertaan seramai **500 orang** menganggotai Program Sahabat Penguatkuasa	**100%**
	11	Mengadakan program / aktiviti kemasyarakatan bersama warga kota.	i. Mengadakan program/aktiviti kesedaran terhadap undang-undang Pihak Berkuasa Tempatan bersama pelajar sekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur : 6 kali setahun ii. Mengadakan program/aktiviti kemasyarakatan berkaitan pematuhan terhadap undang-undang bersama persatuan penduduk/komuniti atau persatuan serta komuniti berkepentingan dalam pembangunan sosio ekonomi WPKL : 3 kali setahun iii. Mengadakan program/aktiviti kemasyarakatan bersama persatuan peniagaan/penjajaan/pemaju dan kontraktor/NGO atau pihak berkepentingan dalam pembangunan serta kemajuan WPKL: 3 kali setahun	100%
	12.	Pelaksanaan tindakan Penguatkuasaan melalui Pemantauan CCTV	Pengemukaan 16,000 aduan setahun kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Dibawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 Seksyen 114	100%
	13.	Membawa kes pelanggaran undang-undang untuk diselesaikan ke peringkat mahkamah.	Memuktamadkan 100% membuka dan memulakan i. siasatan bagi kes semasa (Jan – Nov 2023) dibawah Akta Hiburan (WPKL) 1992 dan Akta Hotel (WPKL) 2003 bagi tujuan pengkompaunan kesalahan. ii. Pengeluaran notis pemberitahuan tentang kesalahan di bawah akta hiburan / akta hotel hendaklah dilengkapkan dan diserahkan ke BSP dalam tempoh 7 hari. iii. Memastikan sebanyak 1.0 juta notis peringatan dicetak dan diserahkan kepada pesalah lalulintas dalam tempoh setahun	95.6%
Pemerkasaan tahap kawalan keselamatan harta milik datuk bandar	14.	Mempertingkatkan strategi pemantauan kawalan keselamatan ke atas premis milik Datuk Bandar	Melaksanakan rondaan pemantauan ke atas pengawal keselamatan dalaman dan swasta di lokasi kawalan keselamatan premis milik Datuk Bandar: i. Kawalan Keselamatan Dalaman: **1095 rondaan setahun** ii. Kawalan Keselamatan Swasta: **1095 rondaan setahun**	100%
	15.	Meningkatkan prestasi dan keberkesanan kawalan keselamatan swasta ke atas harta benda Datuk Bandar	Melaksanakan Mesyuarat Pemantauan Prestasi Syarikat Kawalan Keselamatan Swasta. i. Peringkat Jabatan :**12 kali setahun** ii. Peringkat DBKL: **3 kali setahun**	100%
	16.	Memastikan Menara Penguatkuasa berada dalam keadaan selamat dan terkawal.	i. Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Tindak Balas Kecemasan atau Kebakaran: **2 kali setahun** ii. Latihan kebakaran ***(fire drill): sekali setahun*** Laporan rondaan keselamatan bulanan (Januari hingga Disember) **(1 laporan bulanan): 12 laporan setahun**	100%

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Meningkatkan kualiti dan mutu kerja warga jabatan secara holistik	17.	Pelan perancangan jangka panjang ke atas tindakan penguatkuasaan	Pembangunan Pelan Perancangan Tindakan Penguatkuasaan secara menyeluruh ke atas isu-isu utama. i. Penjajaan ii. Premis Perniagaan iii. Premis Perniagaan Berisiko iv. Pembangunan Tapak Bina Dan Struktur v. Lalulintas vi. Halangan Kacau Ganggu Dan Kebersihan vii. Vandalisme dan Iklan viii. Risikan dan Pengumpulan Maklumat Pembentangan kepada Pengurusan Tertinggi DBKL dan mendokumentasikan setiap Pelan Perancangan Tindakan Penguatkuasaan ke atas isu-isu utama : **Disember 2023**	100%

5.0 FUNGSI

5.1 Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan

a. Mengawal dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan-kesalahan lalulintas, tempat letak kereta elektronik, penjaga kereta tanpa kebenaran, ingkar menggunakan jejantas dan halangan/ pelanggaran isyarat lalulintas.

b. Mengawal dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan kekotoran di tempat awam, jalan awam, tapak pembinaan dan kawasan perumahan Awam DBKL.

c. Mengawal dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan halangan di tempat awam dan jalan awam.

d. Mengawal dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan aktiviti penjajaan iaitu penjaja berlesen, penjaja tanpa lesen, penjaja warga asing dan pembinaan struktur perniagaan tanpa kebenaran.

e. Mengambil tindakan penguatkuasaan fizikal ke atas kesalahan iklan tanpa kebenaran, premis tidak berlesen, aktiviti tidak berlesen dan melanggar isyarat

f. Mengawal dan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan vandalisme dan iklan tanpa kebenaran di tempat awam.

g. Mengawal dan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan vandalisme di taman-taman awam, Dataran Merdeka dan perumahan awam DBKL.

h. Mengambil tindakan penguatkuasaan fizikal terhadap kesalahan perancangan dan pelanggaran syarat kelulusan perintah pembangunan.

i. Mengambil tindakan penguatkuasaan fizikal terhadap kesalahan kacau ganggu pembinaan terhadap orang awam dan kerja-kerja lebih masa.

j. Menyediakan bantuan menyelamat semasa bencana dan bertindak sebagai secretariat kepada bilik gerakan bantuan bencana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

k. Menyediakan kawalan keselamatan fizikal terhadap harta benda Datuk Bandar Kuala Lumpur

5.2 Fungsi-Fungsi Unit-Unit / Bahagian-Bahagian Jabatan

5.2.1 Fungsi Bahagian Penguatkuasaan AM

a. Bertanggungjawab bagi kawasan Parlimen Kepong, Segambut, Batu, Setiawangsa, Wangsa Maju, Bukit Bintang, Titiwangsa, Cheras, Lembah Pantai, Seputeh dan Bandar Tun Razak untuk melaksanakan fungsi-fungsi berikut:

b. Memantau, mengawal dan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan penjajaan, halangan di tempat awam, kekotoran di tempat awam dan vandalisme harta milik Datuk Bandar Kuala Lumpur.

c. Memantau, mengawal dan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan premis perniagaan, aktiviti hiburan, hotel, aktiviti kecantikan dan kesihatan serta tindakan terhadap iklan.

d. Menyelaras tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan berkaitan produk biodegradasi.

e. Memantau dan membantu Bahagian Teknikal Pembangunan bagi tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan struktur tanpa kebenaran, pelanggaran perintah pembangunan, kerja tanah tanpa kebenaran.

f. Mengawal dan membantu Bahagian Teknikal Pembangunan bagi tindakan penguatkuasaan terhadap pelanggaran syarat permit pengangkutan bahan binaan dan galian.

g. Memantau dan membantu Bahagian Teknikal Pembangunan bagi tindakan penguatkuasaan tindakan penguatkuasaan illegal dumping dan korekan pasir.

h. Memantau dan mengeluarkan Notis Kesalahan keatas kenderaan buruk dan tersadai.

i. Memantau, mengawal dan mengambil tindakan terhadap kesalahan di Dataran Merdeka serta membantu Seksyen Kawalan Keselamatan bagi tindakan penguatkuasaan di taman-taman awam.

j. Memantau, mengawal dan mengambil tindakan serta membantu Seksyen Kawalan Keselamatan bagi tindakan penguatkuasaan di taman-taman awam.

k. Membantu Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar bagi tindakan penguatkuasaan di PPR dan PA.

l. Kawalan terhadap Perhimpunan Aman / Haram.

m. Kawalan terhadap setiap Perayaan / Perarakan Keagamaan yang dianjurkan oleh pihak DBKL / Persatuan Keagamaan (Hari Raya/Depavali/Chinese New Year).

n. Mengawal dan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan lalu lintas keatas kenderaan statik, bergerak.

o. Membantu PDRM & JKPB dalam melaksanakan kawalan lalu lintas serta penutupan jalan.

p. Membantu membuat kawalan lalulintas ketika upacara-upacara rasmi.

5.2.2 Fungsi Bahagian Siasatan Penguatkuasaan

Seksyen Siasatan Pelesenan

a. Melaksanakan siasatan, tindakan penguatkuasaan dan pengesyoran terhadap isu - isu umum yang berkaitan kesalahan premis, premis hiburan, hotel, iklan, tempat letak kereta swasta, pasar-pasar awam dan produk biodegrasi.

b. Memproses kertas siasatan (IP) ke atas kesalahan premis, premis hiburan, hotel, iklan, tempat letak kereta swasta dan produk biodegrasi untuk tujuaan pendakwaan ke mahkamah.

Seksyen Siasatan Am & Trafik

a. Melaksanakan siasatan, tindakan penguatkuasaan dan pengesyoran terhadap isu-isu umum yang berkaitan kesalahan penjajaan, halangan di tempat awam, vandalisme, Dataran Merdeka, taman-taman awam, PPR & PA, lalulintas dan angkutan bahan dari tapak pembinaan yang melakukan kesalahan kekotoran jalan, tiada permit, tidak mematuhi syarat permit pengangkutan bahan binaan dan permit galian.

b. Memproses kertas siasatan (IP) ke atas kesalahan penjajaan, halangan di tempat awam, vandalisme, Dataran Merdeka, taman-taman awam, PPR & PA dan untuk tujuan pendakwaan ke mahkamah.

Seksyen Pengurusan Aduan Awam

a. Menyelaras dan menguruskan isu aduan / pertanyaan awam berkaitan bidang tugas Jabatan daripada pelbagai sumber pemantauan melalui iSPAAA, surat, email, bersemuka, telefon, whatsapp, KLFM (Radio) dan Hari Bertemu Pelanggan.

b. Menyediakan maklum balas Mesyuarat Dewan Negara/Dewan Rakyat, Mesyuarat Pasca Kabinet, Mesyuarat Lembaga Penasihat DBKL, Datuk Bandar Bersama Ahli Parlimen, Mesyuarat Ketua-Ketua Jabatan, Mesyuarat Sektor Sosio-Ekonomi, Mesyuarat KSU dan Mesyuarat Pengurusan Aduan Awam DBKL.

c. Merekod dan menyediakan laporan tindakan penguatkuasaan bahagian/cawangan/unit secara bulanan/tahunan seperti pengeluaran notis kesalahan, tindakan/operasi-operasi yang dilaksanakan oleh Jabatan.

d. Menyelaras dan mengurus operasi Bilik Gerakan 24 jam dan bertindak sebagai Pusat Perhubungan Jabatan.

5.2.3 Fungsi Bahagian Penguatkuasaan Trafik

Seksyen Trafik

a. Melaksanakan tindakan pengeluaran Notis Kesalahan keatas kenderaan yang membuat kesalahan lalulintas.
b. Melaksanakan tindakan memindahkan/menunda kenderaan yang membuat halangan lalulintas.
c. Mengawal dan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas penjaga kereta tanpa kebenaran.
d. Melaksanakan tindakan mengapit dan memindahkan kenderaan yang membuat halangan lalulintas.
e. Mengawal dan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan lalu lintas keatas di tempat letak kereta bermeter.
f. Mengawal dan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan lalu lintas keatas kenderaan statik, bergerak.
g. Membantu PDRM & JKPB dalam melaksanakan kawalan lalu lintas serta penutupan jalan.
h. Membantu membuat kawalan lalulintas ketika upacara-upacara rasmi.

5.2.4 Fungsi Bahagian Teknikal Pembangunan

Seksyen Teknikal Perancangan

a. Melaksanakan tindakan penguatkuasaan roboh / runtuh terhadap struktur tanpa kelulusan perintah pembangunan (tanah persendirian/kerajaan).
b. Melaksanakan tindakan penguatkuasaan struktur binaan yang melanggar perintah pembangunan (DO).
c. Mengawal dan memantau pembinaan struktur atau menukar kegunaan tanpa kelulusan perintah pembangunan di kawasan tanah persendirian.
d. Menganggotai Ahli Jawatankuasa Tetap seperti: Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) *One Stop Centre*. Mesyuarat Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI)

Seksyen Teknikal Pembangunan

a. Melaksanakan tindakan penguatkuasaan terhadap kerja tanah untuk pembinaan bangunan, kelulusan pelan pembangunan dan TELCO.
b. Melaksanakan tindakan penguatkuasaan illegal dumping dan korekan pasir.
c. Melaksanakan tindakan penguatkuasaan terhadap angkutan bahan dari tapak pembinaan yang melakukan kesalahan kekotoran jalan, tiada permit, tidak mematuhi syarat permit pengangkutan bahan binaan dan permit galian.

5.2.5 Fungsi Bahagian Perkhidmatan Penguatkuasa

Seksyen Pasukan Berkuda

a. Menguatkuasakan Undang-Undang Kecil Taman (WP) 1981.
b. Mengawal dan menjaga Keselamatan harta benda kepunyaan Datuk Bandar Kuala Lumpur di taman-taman.
c. Menyertai perbarisan dan perayaan seperti Hari Kemerdekaan dan Hari Wilayah Persekutuan dan lain-lain perarakan di peringkat kebangsaan.
d. Mengadakan persembahan berkuda untuk tontonan awam khususnya wargakota.
e. Menyertai pertandingan '*show jumping*' polo dan *tent pegging* tertakluk kepada kelulusan pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Seksyen Pasukan Pancaragam

a. Menyelaras persembahan pancaragam dalam acara-acara perbarisan Jabatan.
b. Menyelaras persembahan pancaragam dalam acara-acara peringkat DBKL, WPKL dan negara.
c. Membuat persembahan musik dan pancaragam kepada wargakota di lokasi strategik sekitar WPKL.

Seksyen Pasukan Penyelamat

a. Menjalankan kerja-kerja / bantuan menyelamat mangsa-mangsa bencana alam banjir.
b. Menjalankan kerja-kerja / bantuan menyelamat mangsa-mangsa kebakaran.

c. Menjalankan kerja-kerja / bantuan menyelamat mangsa-mangsa kemalangan jalanraya.

d. Menjalankan dan menyelaraskan tugastugas mencari dan menyelamat mangsa- mangsa bangunan runtuh/terperangkap.

e. Menganggotai Ahli Jawatankuasa Tetap seperti Mesyuarat Sekretariat Bencana Alam WPKL.

Seksyen Pasar

a. Memantau, mengawal dan mengambil tindakan penguatkuasaan di Pasar Harian Selayang dan Pasar Borong Kuala Lumpur.

b. Memantau, mengawal dan mengambil tindakan penguatkuasaan di pasar – pasar awam sekitar Kuala Lumpur.

5.2.6 Fungsi Bahagian Pengurusan Logistik

Seksyen Stor

a. Mengurus stor sitaan bagi urusan barangan sitaan / pindah halangan.

b. Mengurus depoh simpanan tunda bagi kenderaan kesalahan lalulintas.

c. Mengurus depoh simpanan tunda bagi kenderaan buruk/tersadai Melaksanakan tindakan tunda/ angkut ke atas kenderaan buruk/tersadai.

d. Menjadi Sekretariat bagi:
   - Mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksaan dan Pelupusan Aset (Kenderaan Kesalahan Lalulintas)
   - Mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksaan dan Pelupusan Aset (Kenderaan Buruk/Tersadai)
   - Mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksaan dan Pelupusan Aset (Barangan Sitaan)

Seksyen Logistik

a. Bertanggungjawab untuk menguruskan semua Aset Alih dan Aset Hidup jabatan.

b. Mengurus Penggunaan Handheld dan Printer serta melaporkan kerosakan dan kehilangan.

c. Mengurus Penggunaan Walkie Talkie serta melaporkan kerosakan dan kehilangan.

d. Mengurus Penggunaan Kamera serta melaporkan kerosakan dan kehilangan.

e. Mengurus Penggunaan Buku Notis serta melaporkan kerosakan dan kehilangan

f. Merancang dan memperkukuh infrastruktur ICT Jabatan.

g. Memastikan Portal Jabatan dikemaskini dari masa ke semasa.

h. Memastikan aplikasi dalaman internet dan intranet DBKL dapat dicapai dan diakses sepanjang masa.

i. Memastikan Rangkaian Setempat (LAN) di Jabatan beroperasi dengan baik.

j. Memberikan khidmat nasihat dan sokongan teknikal kepada semua pengguna.

k. Mengurus Penggunaan pengagihan&Penyelenggaraan Kenderaan Jabatan.

l. Mengurus penggunaan, pengagihan & penyelenggaraan Motosikal Jabatan.

5.2.7 Fungsi Bahagian Pengurusan Pentadbiran

Seksyen Pentadbiran & Kewangan

a. Melaksana dasar sumber manusia sektor awam yang melibatkan aspek perjawatan, perkhidmatan dan latihan bagi pegawai dan kakitangan Jabatan.

b. Mengurus penempatan pegawai dan kakitangan serta memohon pengisian bagi jawatan-jawatan kosong.

c. Mengurus pengesahan jawatan bagi lantikan baru dan pegawai yang memangku.

d. Menyelaras dan memantau pelaksanaan sistem HRMIS di Jabatan.

e. Mengurus pengiktirafan pegawai menerusi laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT), urusan kenaikan pangkat dan pemangkuan, urusan penganugerahan bintang, pingat dan darjah kebesaran.

f. Mengurus dan menyelaras program pembangunan dan penyelenggaraan bangunan jabatan.

g. Mengurus hal ehwal kewangan dan pengurusan tender / sebut harga harga Jabatan.

h. Mentadbir dan mengurus stor bekalan pakaian seragam/peralatan.

Seksyen Keselamatan

a. Mengurus kawalan keselamatan ke atas harta benda Datuk Bandar.

b. Menganggotai Ahli Jawatankuasa Tetap Mesyuarat Pemeriksaan Kawalan Sasaran Penting WPKL dan Mesyuarat Jawatankuasa Gerak Saraf Perang Saraf Negeri (JGSPSN).

c. Menjadi Sekretariat Mesyuarat Inspektorat Keselamatan dan Mesyuarat Prestasi Kawalan Keselamatan Swasta DBKL

d. Menyelaras dan mengurus panel kawalan keselamatan swasta.

e. Pemeriksaan secara berjadual ke *post* yang ditempatkan pengawal swasta.

5.2.8 Seksyen Integriti dan Standard

a. Mengurus dan memantau siasatan dan disiplin pegawai dan kakitangan Jabatan Penguatkuasaan.

b. Mengurus dan merekod program/latihan yang telah dijalankan dan dihadiri oleh pegawai dan kakitangan Jabatan sama ada anjuran DBKL, Jabatan dan swasta.

c. Merancang dan menyediakan program kursus-kursus umum dan fungsional berdasarkan prospektus latihan mengikut Dasar Latihan, Jabatan Penguatkuasaan.

d. Menjadi pengantara Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (IDB) dengan Jabatan Penguatkuasaan.

e. Memantau dan menyedikan laporan kehadiran peserta kursus (pegawai, anggota dan kakitangan).

f. Pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) menyediakan laporan/bahan taklimat dan cadangan penambahbaikan. Menyediakan dan menyelenggara kemudahan ICT, liputan media, jurugambar, montaj, buku aturcara.

5.2.9 Seksyen Perundangan

a. Melaksanakan tindakan susulan ke atas notis tertunggak.

b. Memeriksa/menyemak kertas siasatan oleh Pegawai Penyiasat bagi tujuan dibawa ke mahkamah.

c. Melaksanakan tugas penyerahan saman dan waran tangkap.

d. Mendaftarkan kes-kes di Mahkamah bagi kesalahankesalahan di bawah akta / peruntukkan undang-undang yang dikawalselia / dikuatkuasakan oleh Jabatan.

e. Mengendalikan kes-kes sivil, perbicaraan dan rayuan-rayuan berhubung kes-kes yang dimulakan oleh Jabatan atau terhadap jabatan.

f. Membangunkan dan menyemak peruntukkan undang-undang yang sedia ada / baru.

g. Menyediakan pandangan perundangan dan mentafsir undang-undang yang ditadbir oleh Jabatan.

h. Memantau status notis kompaun yang ditawarkan.

6.0 BAJET

6.1 Perbelanjaan Mengurus

PERKARA	TAHUN 2023	PERATUS (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM31,869,800	95.29
Perbelanjaan	RM30,368,868	

6.2 Perbelanjaan Pembangunan

PERKARA	TAHUN 2023	PERATUS (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM454,500	98.15
Perbelanjaan	RM446,134	

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2023

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM/ AKTIVITI	OBJEKTIF
03 Januari 2023	i. Pegawai dan kakitangan JPK ii. Agensi Sahabat	Program Pengukuhan Libat Sama dengan kerjasama SK Bandar Tasik Selatan, Kuala Lumpur	Membina semangat kepatuhan undang-undang dikalangan pelajar-pelajar sekolah
05 Januari 2023	i. Pegawai dan kakitangan JPK ii. Agensi Sahabat	Program Pengukuhan Libat Sama dengan kerjasama SK Sentul Utama, Kuala Lumpur	Membina semangat kepatuhan undang-undang dikalangan pelajar-pelajar sekolah
09 Januari 2023	i. Pegawai dan kakitangan JPK ii. Agensi Sahabat	Program Pengukuhan Libat Sama dengan kerjasama Yaacob Latif 1, Kuala Lumpur	Membina semangat kepatuhan undang-undang dikalangan pelajar-pelajar sekolah.
12 Januari 2023	i. Pegawai dan kakitangan JPK ii. Agensi Sahabat	Program BM Xpert 2023 Latih Amal Tindakan Pelan Kecemasan MRT Putrajaya	Latihan Bersama Agensi Penyelamat
18 Januari 2023	i. Datuk Bandar Kuala Lumpur ii. Pengarah JPK iii. Pegawai dan kakitangan JPK	Perbarisan Amanat Datuk Bandar	Sesi penyampaian amanat oleh YBhg. Datuk Bandar Kuala Lumpur kepada pegawai dan kakitangan sempena Perbarisan Bulanan Jabatan Penguatkuasaan.
25 hingga 27 Januari 2023	i. Pengarah JPK ii. Pegawai dan kakitangan JPK	Bengkel Permurnian Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2023	Semakan dan penambahbaikan ke atas Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2023
31 Januari 2023	i. Pegawai dan kakitangan JPK ii. Agensi Sahabat	Program Pengukuhan Libat Sama dengan kerjasama SK Sri Permaisuri, Kuala Lumpur	Membina semangat kepatuhan undang-undang dikalangan pelaja-pelajar sekolah
03 Februari 2023	i. Pegawai dan kakitangan JPK ii. Agensi Sahabat	Lawatan Kerja Perbadanan Putrajaya ke Jabatan Penguatkuasaan	Lawatan Kerja Perbadanan Putrajaya ke Jabatan Penguatkuasaan.
15 Februari 2023	i. Pegawai dan kakitangan JPK ii. Agensi Sahabat	Lawatan Kerja Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) ke Jabatan Penguatkuasaan	Lawatan Kerja Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) ke Jabatan Penguatkuasaan
16 Februari 2023	i. Pengarah JPK ii. Pegawai dan kakitangan JPK iii. Agensi Sahabat	Kejohanan Ping Pong Piala Penguasa Bandaraya Antara Agensi Sahabat	Mengukuhkan hubungan antara agensi sahabat.
18 Februari 2023	i. Pengarah JPK ii. Pegawai dan kakitangan JPK	Majlis Perbarisan Perasmian Kursus Asas Pegawai Penguat Kuasa Gred KP 29 dan KP 19	Majlis Perbarisan Perasmian Kursus Asas Pegawai Penguat Kuasa Gred KP 29 dan KP 19
21 Februari 2023	i. Pengarah JPK ii. Pegawai dan kakitangan JPK	Program Ceramah Israk Mikraj 1444H/ 2023M peringkat Jabatan Penguatkuasaan	Program Ceramah Israk Mikraj 1444H/2023M peringkat Jabatan Penguatkuasaan
24 Februari 2023	i. Pengarah JPK ii. Pegawai dan kakitangan JPK	Program *Department Day - Adventure Fun Run* peringkat Jabatan Penguatkuasaan	Program *Department Day - Adventure Fun Run* peringkat Jabatan Penguatkuasaan.
08 Mac 2023	i. Pengarah JPK ii. Pegawai dan kakitangan JPK iii. Agensi Sahabat	Lawatan Kerja Majlis Perbandaran Ampang Jaya ke Jabatan Penguatkuasaan	Lawatan Kerja Majlis Perbandaran Ampang Jaya ke Jabatan Penguatkuasaan
20 Mac 2023	i. Pegawai dan kakitangan JPK ii. Agensi Sahabat	Majlis Penyerahan Sijil Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) bagi pengoperasian Surau Istiqamah JPK	Majlis Penyerahan Sijil Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) bagi pengoperasian Surau Istiqamah JPK
21 Mac 2023	i. Pegawai dan kakitangan JPK	Taklimat Tatacara Penggunaan Body Worn Camera	Taklimat Tatacara Penggunaan Body Worn Camera
31 Mac 2023	i. Pengurusan Tertinggi DBKL ii. Pengarah JPK iii. Pegawai dan kakitangan JPK	Program *Department Day* - Ihya Ramadhan peringkat Jabatan Penguatkuasaan 1444H/ 2023M	Penyampaian sumbangan sempena Bulan Ramadan 1444H/2023M

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM/ AKTIVITI	OBJEKTIF
12 April 2023	i. Pegawai dan kakitangan JPK	Program Tadarus AI – Quran peringkat Jabatan Penguatkuasaan sempena Bulan Ramadan 1444H/2023M	Program Tadarus AI – Quran peringkat Jabatan Penguatkuasaan sempena Bulan Ramadan 1444H/2023M
14 April 2023	i. Pengarah JPK ii. Pegawai dan kakitangan JPK	Program *Department Day* - 'Rewang Ramadan' peringkat Jabatan Penguatkuasaan	Program *Department Day*- 'Rewang Ramadan' peringkat Jabatan Penguatkuasaan
14 April 2023	i. Pengarah JPK ii. Pegawai dan kakitangan JPK iii. Agensi Sahabat iv. Jabatan Dalaman DBKL	Program Ramah Mesra dan Berbuka Puasa bersama pegawai dan petugas Bilik Gerakan Bazar Aidilfitri 2023	Program Ramah Mesra dan Berbuka Puasa bersama pegawai dan petugas Bilik Gerakan Bazar Aidilfitri 2023
18 Mei 2023	i. Datuk Bandar ii. Pengurusan Tertinggi DBKL iii. Pengarah JPK iv. Pegawai dan kakitangan JPK	Program *Department Day* – Majlis Sambutan Hari Raya peringkat Jabatan Penguatkuasaan 2023	Program *Department Day* - Majlis Sambutan Hari Raya peringkat Jabatan Penguatkuasaan 2023
24 Mei 2023	i. Pengarah JPK ii. Pegawai dan kakitangan JPK iii. Agensi Sahabat	Bengkel Pengukuhan Kertas Siasatan *(Investigation Paper)*	Bengkel Pengukuhan Kertas Siasatan *(Investigation Paper)*.
22 Jun 2023	i. Datuk Bandar ii. Pengurusan Tertinggi DBKL iii. Pengarah JPK iv. Pegawai dan kakitangan JPK	Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred KP 29 & Pembantu Penguatkuasa Gred KP 19.	Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred KP 29 & Pembantu Penguatkuasa Gred KP 19..
23 Jun 2023	i. Pengarah JPK ii. Pegawai dan kakitangan JPK	Program *Department Day* – 'Xplorace' peringkat Jabatan Penguatkuasaaan	Program *Department Day* – 'Xplorace' peringkat Jabatan Penguatkuasaaan.
22 Julai 2023	i. Pengarah JPK ii. Pegawai dan kakitangan JPK iii. Komuniti	Program Penguasa Bandaraya Bersama Komuniti	Program libatsama masyarakat dibawah Pelan Strategik Penguatkuasaan DBKL 2022-2026
25 Julai 2023	i. Pengarah JPK ii. Pegawai dan kakitangan JPK	Program Ceramah Maal Hijrah 1445H/ 2023M peringkat Jabatan Penguatkuasaan	Program Ceramah Maal Hijrah 1445H/2023M peringkat Jabatan Penguatkuasaan
28 Julai 2023	i. Pengarah JPK ii. Pegawai dan kakitangan JPK	Program *Department Day 'Extreme Challege"* peringkat Jabatan Penguatkuasan	Program *Department Day ' Extreme Challege"* peringkat Jabatan Penguatkuasaan
02 Ogos 2023	i. Pengarah JPK ii. Pegawai dan kakitangan JPK	Program Penyerahan Bendera Jalur Gemilang peringkat Jabatan Penguatkuasaan	Program Penyerahan Bendera Jalur Gemilang peringkat Jabatan Penguatkuasaan
19 Ogos 2023	i. Pengarah JPK ii. Pegawai dan kakitangan JPK iii. Agensi Sahabat	Pertandingan Sukan Berkuda 4 Penjuru Pasukan Beruniform Sempena Hari Penguatkuasa ke 54	Pertandingan Sukan Berkuda 4 Penjuru Pasukan Beruniform Sempena Hari Penguatkuasa ke 54
22-23 Ogos 2023	i. Pengarah JPK ii. Pegawai dan kakitangan JPK iii. Agensi Sahabat	Lawatan Kerja Pegawai Penguatkuasa dari Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Melaka	Lawatan Kerja Pegawai Penguatkuasa dari Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Melaka
23 Ogos 2023	i. Pengarah JPK ii. Pegawai dan kakitangan JPK iii. Agensi Sahabat	Pertandingan Bowling Piala Penguasa Bandaraya bersama Agensi Penguatkuasaan Kuala Lumpur	Pertandingan Bowling Piala Penguasa Bandaraya bersama Agensi Penguatkuasaan Kuala Lumpur
25 Ogos 2023	i. Pengarah JPK ii. Pegawai dan kakitangan JPK	Program *Department Day "Bowling Tournament"* Jabatan Penguatkuasaan	Program *Department Day "Bowling Tournament"* Jabatan Penguatkuasaan

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM/ AKTIVITI	OBJEKTIF
29 Ogos 2023	i. Pengarah JPK ii. Pegawai dan kakitangan JPK	Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil Sempena Sambutan Hari Penguatkuasa ke 54	Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil Sempena Sambutan Hari Penguatkuasa ke 54.
27 September 2023	i. Datuk Bandar ii. Pengurusan Tertinggi DBKL iii. Pengarah JPK iv. Pegawai dan kakitangan JPK	Perbarisan Sambutan Hari Penguatkuasa DBKL ke 54	Perbarisan Sambutan Hari Penguatkuasa DBKL ke 54
29 hingga 30 September 2023	i. Pengarah JPK ii. Pegawai dan kakitangan JPK	Program *Department Day* "Hari Keluarga Kakitangan Jabatan Penguatkuasaan	Program *Department Day* "Hari Keluarga Kakitangan Jabatan Penguatkuasaan
05 Oktober 2023	i. Pengarah JPK ii. Pegawai dan kakitangan JPK	Program Sambutan Maulidur Rasul peringkat Jabatan Penguatkuasaan	Program Sambutan Maulidur Rasul peringkat Jabatan Penguatkuasaan
07 Oktober 2023	i. Datuk Bandar ii. Pengurusan Tertinggi DBKL iii. Pengarah JPK iv. Pegawai dan kakitangan JPK	Program Gotong- Royong Sempena Hari Penguatkuasa ke 54	Program Gotong-royong Sempena Hari Penguatkuasa ke 54
09 Oktober 2023	i. Pengarah JPK ii. Pegawai dan kakitangan JPK iii. Agensi Sahabat	Program Derma Darah Sempena Hari Penguatkuasa ke 54	Program Derma Darah Sempena Hari Penguatkuasa ke 54
24 Oktober 2023	i. Pengarah JPK ii. Pegawai dan kakitangan JPK iii. Agensi Sahabat	Program Kesedaran Bahaya Kebakaran Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT) Jabatan Penguatkuasaan bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	Program Kesedaran Bahaya Kebakaran Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT) Jabatan Penguatkuasaan bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
24 hingga 26 Oktober 2023	i. Pengarah JPK ii. Pegawai dan kakitangan JPK iii. Agensi Sahabat	Program Latihan Menembak dan Taklimat Penggunaan Senjata	Program Latihan Menembak dan Taklimat Penggunaan Senjata
27 Oktober 2023	i. Pengarah JPK ii. Pegawai dan kakitangan JPK	Program *Department Day "Dodgeball Challenge"*	Program *Department Day "Dodgeball Challenge"*
24 November 2023	i. Pengarah JPK ii. Pegawai dan kakitangan JPK	Program *Department Day* "Bola Tampar & Bola Sepak Pantai"	Program *Department Day* "Bola Tampar & Bola Sepak Pantai"
28 November 2023	i. Pegawai dan kakitangan JPK	Ujian Lasak Terbuka Pembantu Penguat Kuasa Gred KP 19	Pemilihan awal pelatih baru untuk menyertai Jabata Penguatkuasaan
15 Disember 2023	i. Pengarah JPK ii. Pegawai dan kakitangan JPK	Program Department Day 'Sukan Rakyat' peringkat Jabatan Penguatkuasaan	Program Department Day 'Sukan Rakyat' peringkat Jabatan Penguatkuasaan
19 Disember 2023	i. Pengarah JPK ii. Pegawai dan kakitangan JPK	Kursus Mengenali dan Menangani Masalah Stress Dan Emosi peringkat Jabatan Penguatkuasaan	Kursus Mengenali dan Menangani Masalah Stress Dan Emosi peringkat Jabatan Penguatkuasaan
20 Disember 2023	i. Pengarah JPK ii. Pegawai dan kakitangan JPK	Lawatan Kerja Universiti Putra Malaysia (UPM)	Lawatan Kerja Universiti Putra Malaysia (UPM)

8.0 PENCAPAIAN JABATAN

TARIKH	ACARA	KEPUTUSAN
15 September 2023 hingga 17 September 2023	Festival Permainan Malaysia 2023 (FPM@KL)	i. Menjadi juara keseluruhan pertandingan Festival Permainan Malaysia 2023 sebanyak 7 tahun berturut – turut ii. Memenangi tempat pertama acara Terompah Gergasi di Festival Permainan Malaysia 2023 iii. Memenangi tempat pertama acara Galah Panjang (Lelaki) di Festival Permainan Malaysia 2023 iv. Memenangi tempat pertama acara Galah Panjang (Wanita) di Festival Permainan Malaysia 2023 v. Memenangi tempat pertama acara Congkak di Festival Permainan Malaysia 2023 vi. Memenangi tempat pertama acara Menyumpit di Festival Permainan Malaysia 2023 vii. Memenangi tempat pertama acara Tarik Tali (Lelaki) di Festival Permainan Malaysia 2023 viii. Memenangi tempat pertama acara Hiasan Khemah di Festival Permainan Malaysia 2023 ix. Memenangi tempat kedua acara Bola Sepak Kain Sarong di Festival Permainan Malaysia 2023 x. Memenangi tempat kedua acara Memanah Tradisional (Lelaki) di Festival Permainan Malaysia 2023 xi. Memenangi tempat kedua acara Memanah Tradisional (Wanita) di Festival Permainan Malaysia 2023 xii. Memenangi tempat kedua acara Batu Seremban di Festival Permainan Malaysia 2023 xiii. Memenangi tempat kedua acara Tarik Tali (Wanita) di Festival Permainan Malaysia 2023 xiv. Memenangi tempat kedua acara Sepak Raga Ratus di Festival Permainan Malaysia 2023 xv. Memenangi tempat ketiga acara Dam Aji di Festival Permainan Malaysia 2023
02 Oktober hingga 06 Oktober 2023	Audit Dalam Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Tahun 2023	Tempat Ketiga (97.34%)
30 November 2023	Pertandingan Jabatan Berbudaya Integriti	Tempat Pertama
29 hingga 30 Julai 2023	*National Championship SC 1* International Show Jumping – Tent Pegging Competition*	i. Kelas SJ10 (90 cm- 100cm) - Tempat Pertama ii. Kelas D1 (Walk and Trot) (Preparatory EA Test 2) - Tempat Kedua iii. Kelas D5 *(Novice)* 2023 EA 2.2 - Tempat Ketiga iv. Kelas SJ17 (90cm – 100cm) - Tempat Kedua v. Kelas D20 *(Walk and Trot)* - Tempat Pertama vi. Kelas D22 *(Preliminary)* - Tempat Kedua vii. Kelas D23 *(Novice)* - Tempat Kedua

TARIKH	ACARA	KEPUTUSAN
18 hingga 19 Ogos 2023	Pertandingan Sukan Rekreasi Berkuda 4 penjuru Pasukan Beruniform Sempena Hari Penguatkuasa ke – 54	i. Kelas D1 *(Preliminary 2023 EA 1.2)* - Tempat Ketiga ii. Kelas D2 *(Novice 2023 EA 2.3)* - Tempat Keempat iii. Kelas SJ3 (70cm – 80cm) *In House* - Tempat Pertama - Tempat Kedua - Tempat Ketiga iv. Kelas SJ4 (90cm – 100cm) - Tempat Kedua - Tempat Ketiga v. Kelas SJ5 (100cm-110cm) - Tempat Kedua - Tempat Ketiga vi. Memanah Berkuda *(Triple Shots)* - Tempat Pertama - Tempat Kedua - Tempat Ketiga vii. Memanah Berkuda *(Qabaq)* - Tempat Pertama - Tempat Kedua - Tempat Ketiga
16 Oktober hingga 17 Oktober 2023	Inspektorat Keselamatan Perlindungan Tahun 2023	Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2023 (Cemerlang)





Program Pengukuhan Libat Sama dengan kerjasama
SK Bandar Tasik Selatan, Kuala Lumpur





Program Pengukuhan Libat Sama dengan kerjasama
SK Sentul Utama, Kuala Lumpur





Program Pengukuhan Libat Sama dengan kerjasama
SK Yaacob Latif 1, Kuala Lumpur





Program BM Xpert 2023 Latih Amal Tindakan Pelan Kecemasan MRT Putrajaya





Perbarisan Amanat Datuk Bandar Tahun 2023





Lawatan Kerja Perbadanan Putrajaya ke Jabatan Penguatkuasaan





Lawatan Kerja Perbadanan Jabatan Agama Islam Wilayah (JAWI) ke Jabatan Penguatkuasaan





Kejohanan Ping Pong Piala Penguasa Bandaraya Antara Agensi Sahabat




Majlis Perbarisan Perasmian Kursus Asas Pegawai Penguat Kuasa Gred KP 29 dan Gred KP 19





Program Ceramah Israk Mikraj 1444H / 2023M peringkat Jabatan Penguatkuasaan




Program *Department Day – Adventure Fun Run* peringkat Jabatan Penguatkuasaan





Lawatan Kerja Majlis Perbandaran Ampang Jaya ke Jabatan Penguatkuasaan





Majlis Penyerahan Sijil Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) bagi pengoperasian Surau Istiqamah JPK





Taklimat Tatacara Penggunaan Body Worn Camera





Bengkel Pengukuhan Kertas Siasatan (*Investigation Paper*)





Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred KP 29 & Pembantu Penguatkuasa Gred KP 19.





Program Penguasa Bandaraya Bersama Komuniti




Program *Department Day 'Extreme Challege"* peringkat Jabatan Penguatkuasan




Pertandingan Sukan Berkuda 4 Penjuru Pasukan Beruniform Sempena
Hari Penguatkuasa ke 54





Lawatan Kerja Pegawai Penguatkuasa dari Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Melaka





Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil Sempena Sambutan Hari Penguatkuasa ke 54





Perbarisan Sambutan Hari Penguatkuasa DBKL ke 54





Program Kesedaran Bahaya Kebakaran Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT) Jabatan Penguatkuasaan bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia





Program Latihan Menembak dan Taklimat Penggunaan Senjata





Ujian Lasak Terbuka Pembantu Penguat Kuasa Gred KP 19





Lawatan Kerja Universiti Putra Malaysia (UPM)

Sektor Pengurusan Projek



Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran

1.0 LATAR BELAKANG

Jabatan Kerja Awam telah digabungkan dengan Jabatan Saliran dan Pengurusan Sungai semasa penstrukturan semula Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada 1 Julai 2011 dan dikenali dengan nama Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran (JKAWS). Penstrukturan baharu pada 1 Ogos 2015 telah menggabungkan JKAWS dengan Jabatan Pengangkutan Bandar. Jabatan baharu ini dinamakan Jabatan Kejuruteraan Awam dan Pengangkutan Bandar (JKPB).

Pihak Pengurusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah melaksanakan penyelarasan semula fungsi JKPB dan melibatkan penjenamaan semula JKPB kepada Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran (JKAWS) berkuatkuasa pada 3 September 2019.

Jabatan ini bertanggungjawab dalam melaksanakan fungsi pengurusan, penyelenggaraan dan pembinaan projek infrastruktur jalan, jambatan, sungai, cerun, parit induk, tebatan banjir dan lain-lain fungsi yang berkaitan.

Ringkasan perjawatan bagi Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran adalah seperti di bawah:

KATEGORI	JUMLAH
Kumpulan Pengurusan & Profesional	35
Kumpulan Sokongan B	64
Kumpulan Sokongan C	62
Kumpulan Sokongan D dan IMG	294
JUMLAH	**455**

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi

Ke arah pelaksanaan rangkaian jalan, jambatan, cerun dan sungai selamat, indah dan berkualiti.

2.2 Misi

Menjadikan rangkaian jalan, jambatan, cerun dan sungai mengikut piawaian, berkualiti dan bertaraf dunia.

3.0 PIAGAM PELANGGAN TAHUN 2023

3.1 Membaiki kerosakan jalan berlubang berskala kecil (berkeluasan < 100 meter persegi) di dalam Pusat Bandar dalam tempoh 24 jam dari tarikh aduan diterima atau penemuan kerosakan oleh tenaga Jabatan (kecuali kerosakan jalan yang disebabkan oleh paip air / pembentungan yang bocor / rosak).

3.2 Membaiki kerosakan jalan berskala besar (berkeluasan > 100 meter persegi) dalam tempoh 1 bulan dari tarikh kontraktor dilantik.

3.3 Membaiki kerosakan longkang berskala kecil (panjang < 5 meter) dalam tempoh 3 hari bekerja dari penemuan kerosakan oleh tenaga Jabatan. (Kecuali kerosakan longkang yang disebabkan oleh akar pokok / pembinaan struktur haram / aduan kompleks).

3.4 Mengambil tindakan awalan (pembersihan runtuhan dan perlindungan) ke atas runtuhan cerun dalam rezab jalan dalam tempoh 24 jam dari masa maklumat diterima.

3.5 Mensasarkan pengeluaran kelulusan 90% dari jumlah permohonan yang telah diluluskan pada Mesyuarat Jawatankuasa *Task-Force* (MJTF) dibuat dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.

3.6 Menjalankan kerja-kerja pembersihan sungai secara berkala sebanyak 3 kali seminggu.

3.7 Menjalankan kerja-kerja pemeriksaan berkala untuk parit induk 4 kali setahun.

3.8 Membaiki kerosakan papan tanda nama jalan dalam tempoh 1 bulan dari tarikh permit kerja dikeluarkan.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
PELAKSANAAN PENYELENGGARAAN	4.1	Menurap semula jalan-jalan awam yang mempunyai kerosakan sepanjang 60 km per lane yang mempunyai kerosakan.	Memastikan 100% 60 km jalan-jalan awam yang rosak diturap semula sehingga akhir 2023.	100%
	4.2	Pengeluaran kebenaran ke atas permohonan permit kerja korekan di rizab jalan awam dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh bayaran fee (bank deraf deposit) diterima daripada pemohon	Mensasarkan pengeluaran kebenaran 90% dari jumlah permohonan yang telah di luluskan dalam mesyuarat jawatankuasa dibuat dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh bayaran fee (bank deraf) diterima daripada pemohon.	100%
	4.3	Penutupan fail permit kerja korekan dari tahun 2023 ke bawah.	Mensasarkan penutupan fail permit kerja korekan sebanyak 500 fail setahun dari tahun 2023 dan ke bawah.	100%
	4.4	Bilangan tindakan baikpulih potholes di jalan-jalan awam yang diterima melalui pelbagai aduan dan rondaan mematuhi tempoh masa yang ditetapkan. Tidak termasuk kerosakan disebabkan oleh; i) Korekan Utiliti ii) Projek Infra atau Pembangunan iii) Lubang Jerlus iv) Expansion joint v) Aduan kompleks vi) Interlocking paver dan aduan yang diterima selepas 12mlm-8pagi, hari Ahad & Cuti Umum.	Memastikan 95% potholes <1m^2 yang diterima melaui aduan Whatsapp potholes dan rondaan dibaiki dalam tempoh 2 jam dari pemeriksaan di tapak	100%
	4.5	Melaksanakan penyelesaian lokasi air bertakung yang dikenalpasti daripada Mesyuarat Taskforce Hotspot Banjir	Menangani banjir kilat berdasarkan Mesyuarat Taskforce Banjir Kilat	98.5%
	4.6	Menyelenggara parit-parit induk di dalam 25 kawasan tadahan mengikut jadual.	Memastikan 100% parit induk diselenggara mengikut jadual.	100%
	4.7	Memastikan kerja pembersihan kesemua 19 perangkap sampah terapung dilaksanakan setiap hari.	Memastikan 100% kerja pembersihan bagi 19 perangkap sampah terapung dilaksanakan setiap hari.	100%
	4.8	Memastikan pembersihan semak samun dilaksanakan di 19 batang sungai dan 10 kawasan kolam takungan banjir mengikut jadual.	Memastikan 100% 19 batang sungai dan 10 kolam takungan banjir diselenggara mengikut jadual.	100%

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
	4.9	Pemeriksaan dan penyelenggaraan berkala terhadap 264 lokasi cerun di atas rezab Datuk Bandar.	Memastikan 264 lokasi cerun diperiksa secara berkala.	100%
	4.10	Pembaikan laluan pejalan kaki 3 km panjang di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.	Memastikan 3 km laluan pejalan kaki di baiki di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.	100%
	4.11	Pemeriksaan berkala terhadap 177 unit jambatan/flyover di Kuala Lumpur.	Memastikan 177 unit jambatan/ flyover diperiksa secara berkala	100%
	4.12	Menandatangani perjanjian kontrak dalam tempoh 4 bulan daripada tarikh surat arahan mula kerja.	Menyelesaikan 100% perjanjian kontrak dalam tempoh 4 bulan daripada tarikh surat arahan mula kerja	54%
PRESTASI BAJET TAHUNAN	4.13	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	Mencapai sekurang-kurangnya 95% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2023.	100%
MEMBINA KEUPAYAAN DAN PEMBELAJARAN ORGANISASI	4.14	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan. (IDB: 2 Hari, Jabatan: 2 Hari)	100% pegawai dan kakitangan Jabatan menghadiri kursus 4 hari setahun.	100%
PENGURUSAN ADUAN AWAM	4.15	Mensasarkan 80% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2023.	Menyelesaikan 80% aduan yang diterima pada setiap bulan (Berpandukan sasaran KWP).	100 %

5.0 FUNGSI

5.1 Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan

- Menyelenggara rangkaian jalan awam, longkang tepi jalan, lorong belakang / sisi dan tembok penahan dalam rezab jalan.
- Memproses permohonan permit korekan jalan oleh syarikat / agensi utiliti seperti TNB, Telekom, IWK dan Air Selangor.
- Mengurus pembinaan projek jalan, jambatan, jejambat, terowong dan persimpangan bertingkat.
- Melaksanakan kerja-kerja baik pulih cerun runtuh di rezab jalan dan kawasan cerun di bawah DBKL serta menyelenggara dan membaikpulih jambatan, jejambat dan terowong kenderaan.
- Merancang, mengurus dan melaksana projek-projek Tebatan Banjir, kerja- kerja menaiktaraf sistem perparitan, pembinaan kolam takungan banjir dan rumah pam kawalan banjir.
- Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan bagi memelihara kebersihan estetik, kapasiti hidraulik parit utama untuk mengurangkan risiko banjir seperti pembersihan kelodak, semak samun, sampah, pembaikan parit induk, pembinaan kecil sistem saliran bandar.
- Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan bagi memelihara kebersihan, memelihara estetik, kapasiti hidraulik sungai untuk mengurangkan risiko banjir seperti pembaikan tebing, kutipan sampah dan pembersihan kelodak serta membersihkan kolam takungan banjir.

5.2 Fungsi-Fungsi, Unit-Unit / Bahagian-Bahagian Jabatan

5.2.1 Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan

- Sokongan kepada semua bahagian yang ada di Jabatan
- Mengawal selia hal-hal pejabat, pengurusan rekod, kebajikan kakitangan serta pengurusan kerjaya kakitangan
- Memastikan pengurusan kewangan Jabatan diuruskan secara teratur dan berhemah.
- Menguruskan aduan awam melalui saluran sistem ADU@KL, surat menyurat, telefon, bersemuka dan media sosial yang lain.

5.2.2 Bahagian Kejuruteraan Awam

Unit Penyelenggaraan Jalan

- Membuat program pembaikan / penyelenggaraan berjadual untuk infrastruktur jalan dan laluan pejalan kaki mengikut bajet.
- Menyelenggara rangkaian jalan-jalan awam, longkang-longkang tepi jalan, lorong-lorong belakang/sisi, pagar keselamatan pejalan kaki / laluan pejalan kaki / jalanraya/ terowong dan papan tanda jalan awam.
- Mengemaskini buku senarai pengisytiharan jalan dan menemukan Borang MARRIS kepada Kementerian Kewangan bagi tujuan mendapatkan 'grant'.
- Membuat pemeriksaan berkala, menyediakan laporan terhadap kerosakan dan melaksanakan kerja penyelenggaraan longkang, jalan, perabot jalan, penandaan jalan dan lain-lain kerja berskala kecil oleh tenaga jabatan.
- Melaksanakan kerja-kerja segera berskala kecil dan bantuan awal kecemasan terhadap insiden-insiden seperti tanah runtuh, tanah jerlus, paip pecah dan sebagainya dari masa ke semasa.

Unit Projek Jalan

- Mengenal pasti lokasi / keperluan projek.
- Menyediakan laporan penilaian perunding untuk dibentang kepada Jawatankuasa Penilaian Perunding peringkat Jabatan.
- Menyediakan Dokumen Perjanjian perunding.
- Membuat ulasan terhadap reka bentuk yang disediakan dan mengemukakan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) untuk kelulusan.
- Menyediakan Dokumen Tender.
- Memantau kemajuan kerja-kerja reka bentuk yang dilaksanakan oleh perunding dan menyediakan sijil bayaran kepada perunding mengikut kemajuan.
- Membuat ulasan terhadap reka bentuk yang disediakan dan mengemukakan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) untuk kelulusan.

Unit Permit Utiliti

- Memproses permohonan permit korekan jalan bagi pemasangan utiliti di dalam rizab jalan oleh agensi utiliti/ pemaju seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB), Indah Water Konsortium (IWK), Pengurusan Air Selangor dan Syarikat Telekomunikasi.
- Menyelaraskan kerja-kerja korekan jalan di dalam rizab jalan awam dan di laluan siar kaki di WPKL oleh agensi utiliti dan pemaju.
- Memproses tuntutan kos ganti rugi dan membaik pulih lubang gali.
- Menyelaras kerja-kerja membaik pulih lubang gali oleh agensi utiliti / pemaju di dalam rizab jalan awam sahaja.
- Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan bagi membaik pulih semula jalan yang melibatkan bekas korekan di dalam rizab jalan awam.
- Menyelaras kebenaran kerja-kerja kecemasan yang melibatkan pengorekan jalan disebabkan insiden paip pecah, kerosakan kabel elektrik dan telekomunikasi dan paip pembetungan awam di rizab jalan awam.
- Menyelaras kebenaran bagi pembaikan kerosakan penutup lurang oleh agensi utiliti di dalam rizab jalan awam.
- Melaksanakan pemeriksaan berkala ke atas kerja-kerja korekan dan menyemak aduan awam yang diterima serta menilai kerosakan disebabkan kerja-kerja agensi atau pemaju di dalam rizab jalan awam.
- Mengeluarkan notis kompaun/pengesyoran kepada Jabatan Penguatkuasaan untuk notis kompaun kepada agensi utiliti/pemaju yang menjalankan kerja-kerja tanpa kebenaran atau tidak mematuhi kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Unit Cerun dan Jambatan

- Cerun
  - Menyediakan dan mengemaskini inventori cerun di rezab jalan dan kawasan hijau di bawah kawalan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, termasuk pangkalan data ciri-ciri geologi dan geoteknikal cerun.
  - Menjalankan penyiasatan forensik untuk insiden cerun runtuh di rezab jalan dan di kawasan kawalan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
  - Menjalankan pemeriksaan berkala untuk cerun dan mengesyorkan kerja-kerja penyelenggaraan secara berkala.
  - Melaksanakan kerja-kerja baikpulih cerun runtuh di rezab jalan dan kawasan cerun di bawah DBKL.
  - Berurusan dengan pakar geoteknikal dari agensi lain dan pemilik-pemilik tanah yang terlibat dengan insiden cerun jangkamasa pendek dan jangkamasa panjang.
  - Menjalankan pemeriksaan cerun dalam rezab jalan atau kawasan milik DBKL yang diserahkan untuk tujuan pengambilalihan penyelenggaraan.
  - Merancang dan melaksanakan kerja cerun tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP).
  - Penyelenggaraan tembok penahan dalam rezab jalan.

- Jambatan
  - Mengawal dan mengemaskini data pengurusan jambatan.
  - Menyediakan program pemeriksaan berkala ke atas jambatan, jejambat dan terowong kenderaan.
  - Membuat pemeriksaan berkala ke atas jambatan, jejambat dan terowong kenderaan.
  - Mengambil alih jambatan, jejambat dan terowong kenderaan setelah siap dibina dan memeriksa inventori.
  - Menyelenggara dan membaik pulih jambatan, jejambat dan terowong kenderaan.
  - Menyediakan dan meningkatkan aspek keselamatan terhadap jambatan, jejambat dan terowong kenderaan.

5.2.3 Bahagian Saliran

Unit Projek Saliran

- Merancang, melaksana dan menyelenggara sistem saliran utama bagi tebatan banjir dan mengatasi masalah banjir kilat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- Melaksanakan secara strategik Cadangan Pelan Induk Saliran Bandar dan Pengurusan Air Hujan Kuala Lumpur.
- Menguruskan projek-projek tebatan banjir menggunakan kaedah berstruktur dan tidak berstruktur.
- Membina dan menaik taraf kapasiti sungai – sungai kecil.
- Membina kolam takungan banjir dan rumah pam.
- Menguruskan sistem amaran banjir termasuk papan tanda elektronik dan sistem siren.
- Merancang dan melaksanakan program 'waste water treatment plant' di bawah projek '*River of Life*'.

Unit Parit Induk

- Mengurus dan merangka program penyelenggaraan, pembaikan dan pembersihan sistem perparitan induk yang sistematik, teratur dan terancang seperti pembersihan semak samun, pengorekan kelodak, pembaikan struktur parit induk dan menyelenggara pagar keselamatan parit induk.
- Menerima dan menyiasat aduan yang berkaitan sistem perparitan induk.
- Menjalankan kerja-kerja kecemasan yang berkaitan sistem perparitan induk.

Unit Penyelenggaraan Sungai

- Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan berjadual bagi memelihara kebersihan, memelihara estetik, memelihara kapasiti hidraulik sungai untuk mengurangkan risiko banjir.
- Kerja Penyelenggaraan Sungai:
  i. Kutipan Sampah
  ii. Pembersihan semak-samun

iii. Pembersihan Kelodak

iv. Pembaikan Tebing

- Kerja Penyelenggaraan Kolam Takungan Banjir:
  i. Pembersihan Kolam
  ii. Pembaikan Tebing
- Kerja – kerja kecemasan selepas hujan.
- Membuat penyelarasan dengan agensi-agensi yang berkaitan dengan sungai seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pejabat Tanah, Kerajaan Negeri Selangor dan lain-lain.
- Melaksanakan kerja-kerja untuk mengawal kualiti air kolam takungan banjir dan tasik supaya terjamin.

6.0 BAJET

Pencapaian perbelanjaan dalam bajet tahun 2023 bagi Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran adalah seperti dalam jadual di bawah:

6.1 Perbelanjaan Mengurus

PERKARA	TAHUN 2023	PERATUS (%)
Jumlah Peruntukan Jabatan	RM223,376,000	100%
Jumlah Perbelanjaan	RM221,651,866	99.23%

6.2 Perbelanjaan Pembangunan

PERKARA	TAHUN 2023	PERATUS (%)
Jumlah Peruntukan Jabatan	RM201,258,800	100%
Jumlah Perbelanjaan	RM184,338,780	91.59%

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2023

7.1 Unit Penyelenggaraan Jalan

- Unit ini bertanggungjawab untuk memastikan kerja penyelenggaraan jalan, longkang dan perabot jalan dilaksanakan pada tahap yang baik mengikut spesifikasi jabatan dan keberkesanan kos bagi menjamin keselamatan serta keselesaan pengguna jalan raya.
- Kaedah penyelenggaraan dijalankan melalui Tenaga Jabatan, Tender/Sebutharga dan Kontrak Berpenggal.

7.1.1 Aktiviti Kerja Unit Penyelenggaraan Jalan

i. Kerja-Kerja Membaikpulih Longkang, Siarkaki dan Bebendul Jalan di Jalan 2/90 Taman Pertama dan sekitarnya.

SEBELUM



SELEPAS



ii. Kerja-Kerja Membaikpulih Siarkaki dan Bebendul Jalan di Lokasi Jalan Riang Ria Taman Gembira dan sekitarnya.

SEBELUM



SELEPAS



iii. Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan di Lebuhraya Timur Barat Kuala Lumpur dan sekitarnya.

SEBELUM



SELEPAS



iv. Kerja-Kerja Membina Semula Longkang di Lorong Belakang Di Antara Rumah No.47 hingga No.65, Jalan Helang Jambu, Kepong, Kuala Lumpur.

SEBELUM




SELEPAS



v. Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan di Jalan Berangan, Parlimen Bukit Bintang.

SEBELUM



SELEPAS



vi. Kerja-Kerja Penggantian Papan Tanda Nama Jalan Yang Rosak dan Hilang di Parlimen Lembah Pantai dan sekitarnya.

SEBELUM



SELEPAS



vii. Kerja-Kerja Menaiktaraf Longkang dan Menurap Semula Jalan di Lorong Kelapa Bulan dan sekitarnya.

SEBELUM



SELEPAS



7.2 Unit Projek Jalan

Unit Projek Jalan bertanggungjawab untuk memastikan kerja pembinaan jalan yang dicadangkan dapat dilaksanakan pada tahap yang baik mengikut spesifikasi jabatan dan keberkesanan kos bagi menjamin keselamatan serta keselesaan pengguna jalan raya.

7.2.1 Senarai Projek Mengikut Status Projek

BIL.	KATEGORI	BILANGAN PROJEK	KOS PROJEK (RM)
1.	Projek Siap	8	211,268,497.95
2.	Projek Pelaksanaan	6	388,899,532.57
3.	Projek Perancangan	4	19,800,000.00
	JUMLAH KESELURUHAN	**18**	**619,968,030.52**

7.2.2 Projek Pembinaan Yang Telah Siap Pada Tahun 2023

BIL	TAJUK PROJEK	KOS PROJEK (RM)
1.	Projek Cadangan Kerja-Kerja Pembaikan Jalan Hotspot Kemalangan di Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban Berhampiran Selekoh Jambatan Menghala Exit Sg. Besi Ke Seremban dan Jalan Istana Hadapan Muzium Diraja Menghala Pusat Bandar.	1,932,944.40
2.	Cadangan Baikpulih Sistem Perparitan Dan Tembok Penahan Di Rumah No.10, Lingkungan Negeri Sembilan, Bukit Persekutuan, Kuala Lumpur (2020/A199)	2,048,393.00
3.	Cadangan Mempertingkatkan Sistem Lalulintas Di Persimpangan Lorong Kerinchi Kiri 1 – Jalan Kerinchi Kiri – Jalan Kerinchi Dan Jalan-Jalan Sekitarnya Di Kuala Lumpur (Persimpangan B2)	3,092,763.00
4.	Projek Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Jalan Di Jalan Padang Tembak Kuala Lumpur Dan Sekitarnya.	15,183,167.30
5.	Projek Cadangan Kerja-Kerja Pembaikan Jalan *Hotspot* Kemalangan di Lebuhraya Sultan Iskandar Dari Jabatan Perhutanan Ke Susur Jalan Syers (*Inbound*) Dan Dari Susur Jalan Kuching Ke Jejambat Parlimen (*Outbound*), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.	5,489,486.07
6.	Projek Cadangan Pembinaan Terowong Keluar Masuk Dari / Ke Pembangunan Tun Razak Exchange (TRX), Kuala Lumpur Dan Sekitarnya. (Reka dan Bina)	112,340,388.74
7.	Cadangan Menyiapkan Baki Kerja Jalan Sambungan Dari Jalan 1/27A Ke Setiawangsa, Kuala Lumpur.	11,186,292.64
8.	Cadangan Menggantikan Jambatan Konkrit Sediada Kepada Jambatan Konkrit Baru Merentangi Sungai Kelang di Jalan Jelatek, Kuala Lumpur (2017/A073)	59,995,062.80
	JUMLAH KESELURUHAN (RM) :	**211,268,497.95**

7.2.3 Aktiviti Kerja Unit Projek Jalan

i. Projek Cadangan Kerja-Kerja Pembaikan Jalan Hotspot Kemalangan di Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban berhampiran selekoh jambatan menghala Exit Sg. Besi ke Seremban dan Jalan Istana hadapan Muzium Diraja menghala pusat bandar.

SEBELUM



SELEPAS



ii. Cadangan Baikpulih Sistem Perparitan Dan Tembok Penahan Di Rumah No.10, Lingkungan Negeri Sembilan, Bukit Persekutuan

SEBELUM



SELEPAS



iii. Cadangan Mempertingkatkan Sistem Lalulintas Di Persimpangan Lorong Kerinchi Kiri 1 – Jalan Kerinchi Kiri – Jalan Kerinchi dan jalan-jalan sekitarnya (Persimpangan B2)

SEBELUM



SELEPAS



iv. Projek Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Jalan Di Jalan Padang Tembak dan sekitarnya.

SEBELUM



SELEPAS



v. Projek Cadangan Kerja-Kerja Pembaikan Jalan Hotspot Kemalangan di Lebuhraya Sultan Iskandar dari Jabatan Perhutanan ke susur Jalan Syers (Inbound) dan dari susur Jalan Kuching ke Jejambat Parlimen (Outbound), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

SEBELUM



SELEPAS



vi. Projek Cadangan Pembinaan Terowong Keluar Masuk Dari / Ke Pembangunan Tun Razak Exchange (TRX) dan sekitarnya. (Reka dan Bina)

SEBELUM



SELEPAS



vii. Cadangan Menyiapkan Baki Kerja Jalan Sambungan dari Jalan 1/27A ke Setiawangsa.

SEBELUM



SELEPAS



viii. Cadangan Menggantikan Jambatan Konkrit sedia ada kepada Jambatan Konkrit Baru Merentangi Sungai Kelang di Jalan Jelatek

SEBELUM



SELEPAS



7.3 Unit Permit Utiliti

7.3.1 Aktiviti Kerja Unit Permit Utiliti

i. Mesyuarat Jawatankuasa *Task Force* (MJTF) diadakan pada setiap minggu sepanjang tahun 2023 bagi mendapatkan keputusan dan kelulusan bagi setiap permohonan baru.



ii. Susulan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat 1 (JKPS1) bil., permohonan permit utiliti hendaklah dihantar ke kaunter Pusat Setempat berdasarkan kategori di bawah:

BIL	KATEGORI PERMOHONAN	KAUNTER PENERIMAAN
1.	Korekan melibatkan Pembangunan	Kaunter OSC Menara DBKL 2
2.	Panjang Korekan lebih 500m	Kaunter OSC Menara DBKL 2
3.	Panjang Korekan kurang 500m	Unit Pentadbiran JKAWS Tingkat 17, Menara DBKL 1

iii. Ops Korek bagi pemantauan secara mengejut ke atas kerja-kerja pemegang permit yang telah mendapat kelulusan diadakan setiap bulan, Operasi Bersepadu ini diadakan bersama Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Pengangkutan Bandar, Jabatan Perancangan Infrastruktur dan Jabatan Integriti.




iv. Kerja-kerja turapan utiliti juga dijalankan oleh kontraktor berpenggal DBKL sekiranya pihak syarikat utiliti gagal untuk membaik pulih bekas korekan pada masa yang diarahkan. Ini bagi mengelakkan berlakunya sebarang kejadian yang tidak diingini (kemalangan dan sebagainya) kepada pengguna jalan raya tersebut.




v. Lawatan tapak bersama untuk pemulangan deposit diadakan setelah pihak syarikat utiliti memaklumkan kerja-kerja baikpulih bebas korekan telah siap sepenuhnya. Ini bagi memastikan kerja-kerja baik pulih yang dilakukan di tapak mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Jabatan.



7.3.2 Permohonan Permit Dan Kerja Kecemasan Serta Mengikut Kaedah Kerja Korekan Dam Panjang Korekan Bagi Tahun 2023

BIL	JENIS PERMOHONAN	NORMAL	KECEMASAN	TRENCHLESS (METER)	KOREKAN TERBUKA (METER)
1.	Paip Air	52	15000	878	20470
2.	Elektrik	71	811	6034	12608
3.	Pembentungan	36	74	1974	2919
4.	Telekomunikasi	193	68	77627	19439
5.	Pemaju / Swasta	95		20464	38713
	JUMLAH	**447**	**15,953**	**106,977**	**94,149**

**Trenchless : Horizontal Directional Drilling (HDD), Pipe Jacking & Microtrenching*

7.3.3 Jumlah Kutipan Anggaran Caj Gantirugi Dan Caj Baikpulih (Deposit) Bagi Tahun 2023

BIL	JENIS PERMOHONAN	CAJ GANTIRUGI (RM)	CAJ BAIKPULIH (DEPOSIT) (RM)
1.	Paip Air	1,032,373.00	10,432,377.05
2.	Elektrik	1,210,465.00	2,315,952.35
3.	Pembentungan	203,583.00	2,739,547.96
4.	Telekomunikasi	3,295,180.00	24,458,763.13
5.	Pemaju / Swasta	1,847,795.00	15,732,628.70
	JUMLAH	**7,589,396.00**	**55,679,269.19**

7.3.4 Ringkasan Data Jumlah Pemulangan Wang Deposit Dan Jumlah Fail Utiliti Yang Ditutup Bagi Tahun 2023

BIL	PERKARA	JUMLAH
1.	Wang Deposit Yang Dipulangkan Ke Syarikat Utiliti/Pemohon	RM 7,816,093.91
2.	Wang Deposit Yang Dipotong (Caj Gantirugi, Caj Baikpulih & Caj Perkhidmatan)	RM 4,782,423.02
3.	Fail Utiliti Yang Ditutup	507

Penambahbaikan Prosedur Permohonan Permit

7.3.5 Selari dengan era digitilisasi dan *Fourth Industrial Revolution* (IR4.0), unit ini merancang untuk menjadikan permohonan permit secara atas talian sebagai kaedah utama dalam pengeluaran permit utiliti di dalam Bandaraya Kuala Lumpur. Unit dalam peringkat perbincangan dengan Jabatan Pengurusan Maklumat untuk memuktamadkan proses-proses berkaitan dan pembinaan sistem dijangka bermula pada tahun 2024.

7.4 Unit Cerun dan Jambatan

7.4.1 Cerun

Sepanjang tahun 2023, Unit telah menjalankan kerja-kerja pemantauan dan pemeriksaan terhadap 270 lokasi cerun dan 50 lokasi bagi kerja-kerja penyelenggaraan cerun berkala sebanyak 4 kali setahun di dalam rezab jalan dan tanah milik DBKL di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL)

7.4.1.1 Senarai Kerja-Kerja Siap Pembaikan Cerun

BIL	TAJUK PROJEK	PARLIMEN	KOS PROJEK (RM)
1.	Kerja-Kerja Pembaikan Cerun dan Kerja-Kerja Berkaitan Berhampiran Pusat Aktiviti Rukun Tetangga Taman Segar Persiaran Lemak, Taman Segar, Cheras, Kuala Lumpur.	Cheras	20,495.92
2.	Kerja-Kerja Pembaikan Cerun dan Kerja-Kerja Berkaitan di Pinggir Bukit Segar 1, Pinggiran Bukit Segar, Kuala Lumpur.	Cheras	612,041.82

BIL	TAJUK PROJEK	PARLIMEN	KOS PROJEK (RM)
3.	Kerja- kerja Pemantauan dan Penyelenggaraan Cerun Serta Kerja-Kerja Berkaitan di Jalan 32/142 dan 38/142 Taman Orked Desa, Kuala Lumpur.	Cheras	46,856.02
4.	Kerja-Kerja Pemantauan dan Penyelenggaraan Cerun serta Kerja-Kerja Berkaitan di Jalan 16/142, Taman Orked Desa, Kuala Lumpur.	Cheras	134,126.55
5.	Kerja-Kerja Pemantauan dan Penyelenggaraan Cerun di Jalan Damai Jasa 5, Alam Damai, Kuala Lumpur.	Cheras	28,057.14
6.	Kerja-Kerja Pemantauan dan Penyelenggaraan Cerun di Jalan Damai Murni 1 dan Jalan Damai Murni 2, Alam Damai, Kuala Lumpur.	Cheras	191,061.90
7.	Cadangan Kerja-Kerja Pemantauan dan Penyelenggaraan Cerun di Lorong Pendita 4, Taman Connaught, Cheras, Kuala Lumpur.	Cheras	76,239.90
8.	Cadangan Kerja-Kerja Pemantauan dan Penyelenggaraan Cerun dan Kerja-Kerja Berkaitan Berhampiran Apartment Putra dan Jalan Persiaran Bukit Setiawangsa, Kuala Lumpur.	Setiawangsa	113,038.65
9.	Cadangan Kerja-Kerja Pemantauan dan Penyelenggaraan Cerun di Jalan 27/56, Jalan 29/56, Taman Setiawangsa, Kuala Lumpur.	Setiawangsa	98,698.50
10.	Cadangan Kerja-Kerja Pemantauan dan Penyelenggaraan Cerun serta Kerja-Kerja Berkaitan di Jalan Wangsa Delima 9 dan Wangsa Delima 8, Setiawangsa, Kuala Lumpur.	Setiawangsa	68,420.70
11.	Cadangan Kerja-Kerja Pemantauan dan Penyelenggaraan Cerun di Jalan Taman Setiawangsa, Berhampiran Pusat Komuniti Setiawangsa, Kuala Lumpur.	Setiawangsa	81,857.88
12.	Cadangan Kerja-Kerja Pemantauan dan Penyelenggaraan Cerun serta Kerja-Kerja Berkaitan di Jalan 51/26, Taman Sri Rampai, Kuala Lumpur.	Wangsa Maju	257,760.12
13.	Cadangan Kerja-Kerja Pemantauan dan Penyelenggaraan Cerun serta Kerja-Kerja Berkaitan di Jalan 84/26, Taman Sri Rampai, Kuala Lumpur.	Wangsa Maju	114,307.71
14.	Cadangan Kerja-Kerja Pemantauan dan Penyelenggaraan Cerun di Jalan 6/4, Wangsa Melawati, Kuala Lumpur.	Wangsa Maju	57,359.47
15	Cadangan Kerja-Kerja Pemantauan dan Penyelenggaraan Cerun di Sebahagian Kolam Air, Wangsa Melawati, Kuala Lumpur.	Wangsa Maju	55,575.00
16.	Cadangan Kerja-Kerja Pemantauan dan Penyelenggaraan Cerun di Jalan Wangsa Perdana 3, Wangsa Maju, Kuala Lumpur.	Wangsa Maju	133,474.95
17.	Cadangan Kerja-Kerja Pemantauan dan Penyelenggaraan Cerun serta Kerja-Kerja Berkaitan di Jalan 1/27A Berhampiran Alpha Villa Apartment, Wangsa Maju, Kuala Lumpur.	Wangsa Maju	178,239.38

7.4.1.2 Aktiviti Kerja Pembaikan Cerun

i. Kerja-Kerja Pembaikan Cerun dan Kerja-Kerja Berkaitan di Pinggir Bukit Segar 1, Pinggiran Bukit Segar, Kuala Lumpur.

SEBELUM



SELEPAS



ii. Kerja-Kerja Pemantauan dan Penyelenggaraan Cerun di Jalan Damai Murni 1 dan Jalan Damai Murni 2, Alam Damai, Kuala Lumpur.

SEBELUM



SELEPAS



iii. Kerja-Kerja Pemantauan dan Penyelenggaraan Cerun di Lorong Pendita 4, Taman Connaught, Cheras, Kuala Lumpur.

SEBELUM



SELEPAS



iv. Kerja-Kerja Pemantauan dan Penyelenggaraan Cerun dan Kerja-Kerja Berkaitan Berhampiran Apartment Putra dan Jalan Persiaran Bukit Setiawangsa, Kuala Lumpur.

SEBELUM



SELEPAS



v. Kerja-Kerja Pemantauan dan Penyelenggaraan Cerun di Jalan Taman Setiawangsa, Berhampiran Pusat Komuniti Setiawangsa, Kuala Lumpur.

SEBELUM



SELEPAS



vi. Kerja-Kerja Pemantauan dan Penyelenggaraan Cerun di Jalan Wangsa Perdana 3, Wangsa Maju, Kuala Lumpur.

SEBELUM



SELEPAS



7.4.2 Unit Jambatan

7.4.2.1 Senarai Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jejambat, Jambatan, Terowong, Perabot Jalan Dan Lain LainPada Tahun 2023

BIL	TAJUK KERJA	PARLIMEN
1.	Cadangan Kerja-Kerja Membaikpulih *"Expansion Joint"* di Jalan Tun Razak merentangi Jalan Sultan Azlan Shah (*Inbound* dan *Outbound*), Kuala Lumpur	Batu
2.	Cadangan Kerja-Kerja Membaikpulih Jalan Secara (*Mill & Pave*) Di Bulatan Batu Caves, Kuala Lumpur	Batu
3.	Cadangan Kerja-Kerja Membaikpulih Jalan Secara (*Mill & Pave*) Di Jalan Kuching Merentangi Bulatan Kepong, Kuala Lumpur	Batu
4.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan *"Expansion Joint"* Di Jalan Kuching (*Outbound*), Kuala Lumpur	Batu
5.	Cadangan Kerja-Kerja Membuang Tumbuhan Liar Serta Mencuci Dan Mengecat Jejambat Di Jalan Tun Ismail Merentangi Jalan Kuching, Kuala Lumpur Dan Kawasan Sekitarnya	Segambut
6.	Cadangan Kerja-Kerja Membuang Tumbuhan Liar Serta Mencuci Dan Mengecat Jejambat Di Susur Lebuhraya Ke Jalan Kuching, Kuala Lumpur Dan Kawasan Sekitarnya	Segambut
7.	Cadangan Kerja-Kerja Membuang Tumbuhan Liar Serta Mencuci Dan Mengecat Jejambat Di Lebuhraya Sultan Iskandar, Kuala Lumpur Dan Kawasan Sekitarnya	Segambut
8.	Cadangan Kerja-Kerja Membuang Tumbuhan Liar Serta Mencuci Dan Mengecat Jejambat Di Persiaran Dutamas, Kuala Lumpur Dan Kawasan Sekitarnya.	Segambut
9.	Cadangan Kerja-Kerja Memasang Guardrail Di Susur Jalan Tuanku Abdul Halim Ke Jalan Damansara, Kuala Lumpur & Kawasan Sekitarnya.	Segambut
10.	Cadangan Kerja-Kerja Membuang Tumbuhan Liar Dan Mencuci Jambatan Di Jalan Tuanku Abdul Halim, Kuala Lumpur Dan Kawasan Sekitarnya	Segambut
11.	Cadangan Kerja-Kerja Membina *'Noise Barrier'* Di Jalan 3/36, Kuala Lumpur Dan Kawasan Sekitarnya	Segambut
12.	Cadangan Kerja-Kerja Membaikpulih *Expansion Joint* Di Jalan Kuching (Longitudinal), Merentangi Sg. Keroh, Kuala Lumpur	Segambut
13.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan *"Expansion Joint"* Di Jalan Segambut Utara, Kuala Lumpur Dan Kawasan Sekitarnya.	Segambut
14.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan *"Expansion Joint"* Di Jalan Sentul Link (*Outbound*), Kuala Lumpur Dan Kawasan Sekitarnya	Segambut
15.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan *"Expansion Joint"* Di Jalan Sentul Link (*Inbound*), Kuala Lumpur Dan Kawasan Sekitarnya	Segambut
16.	Cadangan Kerja-Kerja Memasang Guardrail Disusur Lebuhraya Sultan Iskandar Ke Jalan Parlimen, Kuala Lumpur Dan Kawasan Sekitarnya	Segambut
17.	Mengecat Terowong Jalan Sultan Yahya Petra, Kl	Setiawangsa
18.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan *Expansion Joint* Di Jejambat Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur	Titiwangsa
19.	Cadangan Kerja-Kerja Membuang Tumbuhan Liar Serta Mencuci Dan Mengecat Jejambat Di Jalan Ampang	Titiwangsa
20.	Kerja-Kerja Kecemasan Membaikpulih Jalan Mendap Di Jalan Kinabalu	Bukit Bintang
21.	Kerja-Kerja Kecemasan Membaikpulih Jalan Mendap Di Jejambat Jalan Parlimen Merentangi Sungai Gombak, Kuala Lumpur	Bukit Bintang
22.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan *Expansion Joint* Di Jejambat Jalan Kinabalu Merentangi Bulatan KTM / Masjid Negara, KL	Bukit Bintang
23.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan *"Expansion Joint"* Di Jejambat Jalan Raja Merentangi Sungai Gombak, Kuala Lumpur.	Bukit Bintang
24.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan (*Mill& Pave*) Di Jejambat Jalan Damansara (*Northbound*), Kuala Lumpur	Bukit Bintang

BIL	TAJUK KERJA	PARLIMEN
25.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan *Expansion Joint* Di Jejambat Jalan Puchong Merentangi Leburaya Kesas / Sungai Kuyoh, Kuala Lumpur	Lembah Pantai
26.	Membaikpulih *Expansion Joint* Jalan Sg. Besi, KL	Seputeh
27.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan *Expansion Joint* Di Lebuhraya KL-Seremban Dunia Perabot, Gantry Dan Petron, Kuala Lumpur	Seputeh
28.	Cadangan Kerja-Kerja Membina *'Noise Barrier'* Di Jalan Sri Petaling 18, Bandar Baru Sri Petaling	Seputeh
29.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan *Expansion Joint* Di Susur Jalan 4/148A, Taman Sungai Besi (Joint 2) Kuala Lumpur	Seputeh
30.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan *Expansion Joint* Di Susur Jalan 4/148A, Taman Sungai Besi (Joint 1) Kuala Lumpur	Seputeh
31	Kerja-Kerja Penyelenggaraan *Expansion Joint* Di Susur Jalan 4/148A, Taman Sungai Besi (Joint 3 & 4) Kuala Lumpur	Seputeh
32.	Mengecat Lebuhraya Bukit Jalil	Bandar Tun Razak
33.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan *Expansion Joint* Di Lebuhraya Bukit Jalil Berhampiran Calvary Convention Centre, Kuala Lumpur	Bandar Tun Razak
34.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan *Expansion Joint* Di Lebuhraya Bukit Jalil Merentasi Sungai Kuyoh, Kuala Lumpur	Bandar Tun Razak
35.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan *Expansion Joint* Di Lebuhraya Bukit Jalil Berhampiran Shell Dari Bulatan Jalan Kuda Emas Ke Puchong, Kuala Lumpur	Bandar Tun Razak
36.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan *Expansion Joint* Di Lebuhraya Bukit Jalil Merentasi Lebuhraya Sg. Besi Dan Lebuhraya KL-Seremban, Kuala Lumpur	Bandar Tun Razak
37.	*Expansion Joint* Jalan Cheras	Cheras
38.	Cadangan Kerja-Kerja Memperbaharui Permukaan Jalan & Kerja-Kerja Berkaitan Di Terowong Susur Dari Lebuhraya Cheras -Kajang Ke Lebuhraya Hunbungan Timur Barat (Taman Connaught, Kuala Lumpur)	Cheras
39.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan *Expansion Joint* Di Susur Jalan Cheras Ke Taman Connaught, Kuala Lumpur	Cheras
40.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan *Expansion Joint* Di Susur Jalan Cheras Ke Taman Connaught, Jalan 3/144A, Kuala Lumpur	Cheras
41.	Kerja-Kerja Membersih Longkang, Membuang Pokok-Pokok Liar Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan di Jejambat Jalan Loke Yew	Cheras
42.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan *"Expansion Joint"* Di Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa, Kuala Lumpur	Cheras
43.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan *Expansion Joint* Di Jejambat Billion Dan Jejambat Bulatan Cheras, Kuala Lumpur	Cheras
44.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan *Expansion Joint* Di Jejambat Jalan Yew Dan Jejambat Merentasi SBE, Kuala Lumpur	Cheras
45.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan *Expansion Joint* Di Susur Jalan Cheras Ke Taman Connaught (Berhampiran Cheras Central Mall), Kuala Lumpur	Cheras
46.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan *Expansion Joint* Serta Jalan (Mill & Pave) Di Jejambat Jalan Yew (*Inbound*), Kuala Lumpur (Fasa 1-6)	Cheras
47.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan *Expansion Joint* Serta Jalan (Mill & Pave) Di Jejambat Jalan Yew (*Outbound*), Kuala Lumpur (Fasa 1-6)	Cheras

7.4.2.2 Aktiviti Kerja Pembaikan Unit Jambatan

i. Kerja-Kerja Penyelenggaraan *"Expansion Joint"* di Susur Jalan 4/148A, Taman Sungai Besi, Kuala Lumpur.

SEBELUM



SELEPAS



ii. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan (Mill and Pave) di Jejambat Jalan Yew (Outbound) Kuala Lumpur.

SEBELUM



SELEPAS



iii. Kerja-Kerja Penyelenggaraan *Expansion Joint* di Jejambat Jalan Puchong Merentangi Lebuhraya Kesas / Sungai Kuyoh, Kuala Lumpur.

SEBELUM



SELEPAS



iv. Kerja-Kerja Penyelenggaraan *Expansion Joint* di Jejambat Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.

SEBELUM



SELEPAS



v. Kerja-Kerja Membuang Tumbuhan Liar Serta Mencuci dan Mengecat Jejambat di Jalan Ampang.

SEBELUM



SELEPAS



vi. Kerja-Kerja Membaikpulih *Expansion Joint* di Jalan Kuching (Longitudinal) Merentangi Sg. Keroh, Kuala Lumpur.

SEBELUM



SELEPAS



7.5 Unit Projek Saliran

Senarai projek dalam perlaksanaan bagi tahun 2023:

BIL	TAJUK PROJEK	KOS PROJEK (RM)
1.	Cadangan Mempertingkatkan Sistem Perparitan Dan Pengurusan Air Hujan Untuk Mengatasi Masalah Banjir Kilat Di Jalan Cheras Berhampiran Taman Desa Aman Dan Taman Mutiara Barat.	5,398,147.20
2.	Cadangan Mempertingkatkan Sistem Saliran Untuk Mengatasi Masalah Banjir Kilat Di Sekitar Kawasan Jalan Hang Lekiu, Jalan Gereja Raja Chulan, Jalan Melaka Dan Kawasan Sekitarnya Di Kuala Lumpur.	5,122,957.80
3.	Cadangan Mempertingkatkan Sistem Perparitan Utama & Kerja-Kerja *Pipe Jacking* Di Kawasan Tadahan Sungai Toba, Segambut Bahagia, Kuala Lumpur.	2,895,928.00
4.	Cadangan Mempertingkatkan Sistem Saliran Di Sungai Kayu Ara, Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur.	7,274,733.40
5.	Cadangan Projek Tebatan Banjir Di Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur. (Secara *Design & Build*).	46,223,936.13
6.	Cadangan Membina Penutup (*Slab*) di Atas Sungai Toba Berhadapan Masjid Al-Ubudiah (Baru) Segambut Dalam, Kuala Lumpur.	1,095,144.99
7.	Cadangan Mempertingkatkan Sistem Perparitan Induk dan Pengurusan Air Hujan di Jalan 9, dan Kawasan Sekitar di Kampung Cheras Baru, Kuala Lumpur.	3,988,863.50
8.	Cadangan Mempertingkatkan Sistem Saliran Perparitan Induk dan Sistem Pengurusan Air Hujan di Jalan Permaisuri 3 dan Kawasan Sekitarnya di Bandar Sri Permaisuri, Kuala Lumpur.	5,239,675.25
9.	Cadangan Mempertingkatkan Sistem Saliran Utama untuk Mengatasi Masalah Banjir di Sekitar Persimpangan Jalan Klang Lama dan Jalan Kuchai Lama, Kuala Lumpur.	4,030,126.50

7.5.1 Aktiviti Unit Projek Saliran

i. Cadangan Mempertingkatkan Sistem Saliran di Sungai Kayu Ara, Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur.

SEBELUM



SELEPAS



ii. Cadangan Mempertingkatkan Sistem Perparitan Utama & Kerja-Kerja Pipe Jacking di Kawasan Tadahan Sungai Toba, Segambut Bahagia, Kuala Lumpur.

SEBELUM



SELEPAS



iii. Cadangan Mempertingkatkan Sistem Perparitan dan Pengurusan Air Hujan untuk Mengatasi Masalah Banjir Kilat di Jalan Cheras Berhampiran Taman Desa Aman dan Taman Mutiara Barat.

SEBELUM



SELEPAS



7.6 Unit Parit Induk

7.6.1 Aktiviti Kerja Unit Parit Induk

Kerja-Kerja Pembinaan, Penyenggaraan Dan Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Untuk Sistem Perparitan Induk Bagi Tahun 2023:

i. Kerja-kerja Pembersihan Semak Samun

SEBELUM



SELEPAS



ii. Kerja-kerja Pengorekan Kelodak

SEBELUM



SELEPAS



iii. Kerja-kerja Pembaikan Struktur Parit Induk

SEBELUM



SELEPAS



iv. Kerja-kerja Menyelenggara Pagar Keselamatan Parit Induk

SEBELUM



SELEPAS



v. Kerja-kerja Pengorekan Kelodak *Underground*

SEBELUM



SELEPAS



vi. Kerja-kerja Pemeriksaan Kamera Litar Tertutup Parit Induk Bawah Tanah

SEBELUM



SELEPAS



vii. Kerja-kerja Segera / Kecemasan

SEBELUM



SELEPAS



7.7 Unit Penyelenggaraan Sungai

Unit Penyelenggaraan Sungai bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja pembinaan, penyenggaraan, pembersihan dan kerja-kerja lain yang berkaitan dengan sungai-sungai dan kolam-kolam takungan banjir yang dibawah penjagaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Kerja-kerja tersebut akan dilaksanakan oleh 30 kontraktor berpenggal yang telah dilantik oleh jawatankuasa tawaran yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur. Dalam melaksanakan kerja-kerja tersebut, Unit ini telah diperuntukkan dengan bajet sejumlah RM25.16 juta. Bagi tahun 2023, Unit ini telah membelanjakan sebanyak RM24.69 juta iaitu 98 peratus bagi kerja-kerja tersebut.

Kerja yang telah dilaksanakan adalah melibatkan jajaran sungai sepanjang 123 km dan 16 buah kolam takungan banjir. Kerja-kerja penyelenggaraan berkala telah ditetapkan mengikut jadual / program yang disediakan.

Senarai kerja-kerja penyelenggaraan adalah seperti berikut:-

- Membersihkan perangkap sampah terapung, statik skrin, *gross pollutant traps (GPT)* dan kebuk sampah.
- Memungut sampah (*mopping-up*) di tebing sungai di kawasan pusat bandar.
- Memotong rumput /semak samun, belukar dan tumbuhan liar pada struktur sungai dan kolam takungan banjir/kering.
- Menjalankan kerja-kerja pembersihan kelodak dan bahan-bahan batuan di sungai dan perangkap kelodak / skrin.
- Kerja-kerja pemasangan pagar keselamatan (*railing*) di '*sump*'
- dan tebing sungai.
- Kerja-kerja pemasangan '*flap gate*' di Sungai Toba
- Kerja-kerja pemasangan '*flood wall*' di Sungai Toba.
- Kerja-kerja penandaan '*chainage*' di Sungai Midah.
- Kerja-kerja pemasangan kanvas '*sand bag*' di Sungai Klang.

7.7.1 Aktiviti Kerja Unit Penyelenggaraan Sungai

i. Pembersihan Sampah di 'Floating Boom' di Sungai Keroh (Kg. Pasir Segambut).

SEBELUM



SELEPAS



ii. Pembersihan Sampah Di Statik Skrin Statik Skrin Kolam Bukit Tunku (*Dry Pond*)

SEBELUM



SELEPAS



iii. '*Mopping-Up*' di Sungai Toba.

SEBELUM



SELEPAS



iv. Kerja-Kerja Pembersihan *Semak Samun* di Kolam OSD Taman United.

SEBELUM



SELEPAS



v. Kerja-Kerja Pembersihan Kebuk Sampah di Sungai Belongkong.

SEBELUM



SELEPAS



vi. Kerja-Kerja Pembersihan *Gross Pollutant Trap (GPT)* di Jalan Pelangi 2 (Sungai Kemunsing).

SEBELUM



SELEPAS



vii. Kerja-Kerja Pembersihan *Gross Pollutant Trap (GPT)* Jerami di Kampung Datuk Keramat.

SEBELUM



SELEPAS




viii Kerja-Kerja Pengorekan Kelodak di Kolam Bohol.

SEBELUM



SELEPAS



ix. Kerja-Kerja Pemasangan Pagar Keselamatan di Kolam Intan Baiduri.

SEBELUM



SELEPAS



x. Kerja-Kerja Pemasangan *'Flap Gate'* di Sungai Toba.

SEBELUM



SELEPAS



xi. Kerja-Kerja Penandaan *'Chainage'* di Sungai Midah.

SEBELUM



SELEPAS



xii. Kerja-Kerja Pemasangan Kanvas *'Sand Bag'* di Sungai Klang.

SEBELUM



SELEPAS



Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal adalah sebuah jabatan yang berorientasikan perkhidmatan dan pembangunan dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Ditubuhkan pada tahun 1977 dikenali sebagai Jabatan Bengkel dan Stor. Pada tahun 1983 ditukar nama kepada Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan pada tahun 2011 dikenali sebagai Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal dalam penstrukturan semula DBKL

1.2 Bahagian-Bahagian / Unit di Jabatan

Jabatan ini dibahagikan kepada 9 bahagian iaitu Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Projek Elektrikal, Bahagian Lampu Jalan, Bahagian Elektrikal Pembangiunan Swasta, Bahagian Projek Mekanikal, Bahagian Senggaraan Kemudahan Mekanikal, Bahagian Pengangkutan, Bahagian Bengkel dan Bahagian Stor.

1.3 Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan

Dalam melaksana dan mencapai objektif jabatan, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal mempunyai seramai 463 orang pegawai dan kakitangan yang diketuai oleh Ketua Jabatan Gred JUSA C, dibantu oleh Timbalan Pengarah Kanan Gred J54, dua (2) orang Timbalan Pengarah Gred J52 dan enam (6) orang Timbalan Pengarah Gred J48.

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi dan Misi Jabatan

VISI	MISI
Menyediakan perkhidmatan kejuruteraan dan logistik kenderaan bagi kegunaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya bertaraf dunia.	Berusaha untuk memberikan dan menghasilkan perkhidmatan yang memenuhi kehendak dan keperluan jabatan pengguna.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Piagam Pelanggan Jabatan

BIL.	PIAGAM PELANGGAN TAHUN 2023
1.	Memastikan dokumen perolehan (tender/sebutharga) kenderaan/jentera dikemukakan kepada Bhg. Pengurusan Perolehan selewat-lewatnya bulan April pada tahun tersebut.
2.	Melaksanakan penyenggaraan kenderaan, jentera berat dan motorsikal mengikut kategori kerja seperti berikut: Kerja servis dalam tempoh 24 jam
3.	Memastikan pembekalan kenderaan/jentera (pool) harian berpemandu bagi tempahan berkala tidak kurang dari 85% daripada jumlah pemandu.
4.	Membekal alat ganti dan barangan pelbagai bagi stok sedia ada dalam tempoh 1 hari bekerja dari tarikh mula terima inden .

BIL.	PIAGAM PELANGGAN TAHUN 2023
5.	Membekal alat ganti dan barangan pelbagai yang tiada dalam simpanan dalam tempoh 21 hari dari tarikh terima inden.
6.	Mengurus dan melaksanakan penyenggaraan peralatan mekanikal dan elektrikal bagi rumah pam kawalan banjir, sistem air pancutan dan mesin bakar mayat. i. Memastikan setiap peralatan sentiasa berfungsi dengan kadar kerosakan tidak melebihi 10% daripada bilangan aset. ii. Memastikan setiap aduan yang diterima akan disiasat dan diambil tindakan dalam tempoh 3 jam. iii. Memastikan kerosakan minor pada peralatan diatasi dalam tempoh 14 hari.
7.	Mengurus dan melaksanakan penyenggaraan lampu jalan. i. Membaiki kerosakan lampu jalan melibatkan komponen tidak melebihi 3 hari. ii. Memastikan purata bulanan lampu jalan yang padam melebihi 3 hari tidak lebih 1% dari keseluruhan lampu jalan.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

4.1 KPI Jabatan

KRA	BIL.	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Meningkatkan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan (*Customer Fokus*)	1.	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan	Semua pegawai dan kakitangan Jabatan menghadiri kursus 4 hari setahun	100%
Meningkatkan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan (*Customer Fokus*)	2.	Mensasarkan sekurang-lurangnya 80% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari untuk aduan biasa	Menyelesaikan 80% aduan yang diterima pada setiap bulan (Berpandukan sasaran JWP)	100%
Memperkukuhkan Tahap Integriti, Akauntabiliti Dan Telus (*Transparency*)	3.	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah.	Mencapai sekurang-kurangnya 95% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2023	100%
Memperkukuhkan Tahap Integriti, Akauntabiliti Dan Telus (*Transparency*)	4.	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2024	Keseluruhan Jabatan hendaklah mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2024 sebelum 30 November tahun 2023.	100%
Memperkukuhkan Tahap Integriti, Akauntabiliti Dan Telus (*Transparency*)	5.	Menyelesaikan AW58 pada bulan Mei 2023	Memastikan pembayaran melibatkan AW58 dijelaskan pada Mei 2023	94.02%
Pengurusan Penyenggaraan	6.	Memastikan rumah pam kawalan banjir sentiasa dalam keadaan kesiapsiagaan yang tinggi dan berfungsi pada setiap masa.	Kesemua rumah pam kawalan banjir dipastikan berfungsi setiap masa (36 RPKB).	100%
Pengurusan Penyenggaraan	7.	Memastikan mesin pembakar mayat sentiasa dalam keadaan kesiapsiagaan yang tinggi dan berfungsi dengan baik di Krematorium DBKL.	Semua mesin pembakar mayat sentiasa dalam keadaan yang baik dan boleh beroperasi. (Jumlah mesin pembakar mayat: 5 buah).	100%
Pengurusan Penyenggaraan	8.	Memastikan sistem pancutan air sentiasa dalam keadaan kesiapsiagaan yang tinggi dan berfungsi dengan baik.	Sistem pancutan air rosak melebihi tiga (3) hari tidak lebih 5% di : a) 85 lokasi Tasik & Taman Rekreasi (Termasuk Kolam Dalam Taman) b) 8 lokasi di Kawasan persekitaran Kuala Lumpur.	100%

KRA	BIL.	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Pengurusan Penyenggaraan	9.	Memastikan semua kerosakan kenderaan yang dilaporkan diambil tindakan	Kesemua (100%) aduan kerosakan yang diterima diambil tindakan dalam tempoh 24 jam. (1800 kenderaan)	100%
Pengurusan Penyenggaraan	10.	Menyenggara lampu jalan awam	Purata lampu jalan rosak (tidak menyala) melebihi 3 hari tidak lebih 1.5% daripada jumlah lampu. (Jumlah 47,163 unit) 1.5% = 707 batang lampu	100%
Pengurusan Penyenggaraan	11.	Penyelenggaraan Lampu LED di Taman Awam	Purata lampu taman rosak tidak menyala melebihi 3 hari tidak lebih 10% daripada jumlah lampu (Jumlah 4,800 unit) 10%= 480 batang lampu 16 Taman Awam di WPKL	100%
Pengurusan Penyenggaraan	12.	Menaik Taraf Sistem Pencahayaan Bagi Pintu-Pintu Gerbang Laluan Masuk Utama Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Siap menaiktaraf 5 Pintu Gerbang di Selayang, Duke, Sungai Besi-Seremban, Jalan Duta dan Kampong Baru selewat pada November 2023	100%
Perkhidmatan Sokongan	13.	Mengurus pembekalan lori dan jentera gunasama (pool)	Semua kenderaan berpemandu yang dapat dibekalkan tidak kurang 85% daripada jumlah pemandu. (Jumlah pemandu:140 orang)	100%
Perkhidmatan Sokongan	14.	Pembekalan bahan/ peralatan kerja, alat ganti motosikal, kenderaan, jentera dan bahan api melalui Stor Pusat.	a) Bahan/barang dan peralatan kerja: Kadar Pusingan Stok setiap sukuan tahun = 0.5 b) Alatganti motosikal, jentera dan kenderaan (barangan stok):Kadar Pusingan Stok setiap sukuan tahun = 0.50 c) Bahan api stok depoh (petrol & diesel). Kadar Pusingan Stok setiap sukuan tahun = 1.0	100%
Perkhidmatan Sokongan	15.	Kaedah Pelupusan Lelong Awam/ Sebutharga	Dua (2) kali setahun	100%
Mempertingkatkan Kualiti Kesejahteraan Hidup	16.	Pemasangan solar panel pada siar kaki berbumbung sekitar Wangsa Maju Kuala Lumpur	Pemasangan solar panel pada siar kaki berbumbung di Jalan3/27A Wangsa Maju selewatnya pada September 2023	100%
Mempertingkatkan Kualiti Kesejahteraan Hidup	17.	Mempertingkatkan *impact lighting* di sebahagian jalan utama dan *pocket park* di sekitar Pusat Bandar Kuala Lumpur	Mempertingkatkan *impact lighting di tiga lokasi* *i. Pocket Park* Laman Tun Perak *ii. Pocket Park* Pintasan Saloma *iii. Pocket Park* Air Terjun Bukit Nanas	100%
Mempertingkatkan Kualiti Kesejahteraan Hidup	18.	Menaiktaraf Sistem Water Features di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.	Siap menaiktaraf lima (5) lokasi water features di Kuala Lumpur pada Disember 2023. i. Kolam Laman Daya Bumi ii. Kolam Labu Sayung Jalan Parlimen iii. Taman Tasik Metropolitan Kepong iv. Taman Tasik Titiwangsa v. Taman Tasik Bukit Jalil vi. Boat House Taman Botani	100%

5.0 FUNGSI

5.1 Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal bertanggungjawab dalam memberikan perkhidmatan berbentuk merancang, merekabentuk, memperolehi, mengurus dan menyenggara pelbagai kemudahan peralatan mekanikal dan elektrikal, logistik dan juga pembekalan. Fungsi utama jabatan seperti :

i. Merancang, menganalisa keperluan, mengurus perolehan serta pelupusan semua kenderaan, jentera dan peralatan mekanikal jabatan-jabatan DBKL.

ii. Menyelaraskan dan mengurus pembekalan kenderaan / jentera untuk kegunaan kepada jabatan-jabatan DBKL.

iii. Menyelia, mengawasi, mengawal dan memantau kerja penyenggaraan kenderaan / jentera dan pelbagai kemudahan Mekanikal di dalam bengkel jabatan atau secara kontrak / kontrak berpenggal.

iv. Merancang perolehan dan penyelenggaraan semua alatganti, peralatan kerja dan pelbagai bahan keperluan kerja jabatan-jabatan di Stor Pusat DBKL.

v. Memberi khidmat perundingan bagi merekabentuk, tender, memasang dan menyenggara perkhidmatan mekanikal dan elektrikal bangunan seperti sistem lif, eskalator, pencegah kebakaran, penyaman udara, rektikulasi, bekalan kuasa elektrik, pencahayaan dan lain-lain bagi projek-projek pembangunan dan aset bangunan DBKL.

vi. Merancang, menyelaras serta memantau operasi dan senggaraan sistem pelupusan sisa pepejal.

vii. Merancang, menyelaras serta memantau senggaraan lampu jalan awam di bandar raya Kuala Lumpur.

5.2 Fungsi-Fungsi Unit-Unit/Bahagian Jabatan

5.2.1 Bahagian Pentadbiran dan Kewangan

i. Mengurus Hal Ehwal Pentadbiran Jabatan
ii. Mengurus Hal Ehwal Perjawatan dan Perkhidmatan Pegawai dan Kakitangan.
iii. Menguruskan pembelian terus / perolehan Jabatan
iv. Mengurus Pendaftaran Rekod dan Fail Jabatan.
v. Sekretariat Lembaga Tatatertib Jabatan.
vi. Menguruskan dokumen kontrak.
vii. Urusetia Mesyuarat Penilaian Tawaran / Lanjutan Tempoh Kontrak / Arahan Perubahan
viii. Menguruskan Kewangan dan Belanjawan Jabatan
ix. Memproses tuntutan dan bayaran kontraktor / pembekal

5.2.2 Bahagian Pengangkutan

i. Menyelaras dan mengurus Perkhidmatan bekalan Kenderaan / jentera gunasama kepada jabatan-jabatan DBKL
ii. Penerimaan pembekalan kenderaan / jentera baharu Pengurusan daftar induk aset kenderaan/ jentera DBKL.
iii. Pengurusan perihal kemalangan dan kehilangan kenderaan/jentera

5.2.3 Bahagian Bengkel

i. Menguruskan Penyenggaraan Kenderaan Ringan
ii. Menguruskan Penyenggaraan Kenderaan
iii. Mengurus Penyenggaraan Motosikal Mengurus Kontrak Perkhidmatan Penyenggaraan kenderaan
iv. Mengurus Perolehan Kenderaan dan Jentera
v. Mengurus pemeriksaan kenderaan (GI) dan sistem hidraulik jentera

5.2.4 Bahagian Stor

i. Memesan, menyimpan dan membekalkan pelbagai jenis alatganti, minyak pelincir, tayar bateri dan lain-lain yang seumpamanya kepada Bahagian Bengkel, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal untuk menyenggara dan servis kenderaan/jentera milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

ii. Memesan, menyimpan dan membekal pelbagai jenis barang dan peralatan yang diperlukan kepada semua Jabatan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur terutama peralatan kerja taman, peralatan kerja-kerja jalan, peralatan lampu jalan, longkang, kain pakaian seragam, peralatan saliran dan sebagainya.

iii. Memesan, menyimpan dan membekal keperluan minyak

iv. Disel dan Petrol kepada semua kenderaan / jentera milik Jabatan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

v. Bertanggungjawab menguruskan dan menyimpan pelbagai barang lupus dan barang sita sebagai barangan terpakai. Pelbagai jenis barang lupus akan dijual melalui Lelongan Awam bersama dengan kenderaan / jentera DBKL yang telah ditamatkan perkhidmatan.

5.2.5 Bahagian Senggaraan Kemudahan Mekanikal

i. Memastikan setiap peralatan dan sistem dapat berfungsi dengan baik dan efisen

ii. Memastikan setiap peralatan dan sistem diselenggara dengan baik mengikut jadual termasuk penyelenggaraan pencegahan dan penyelenggaraan baik pulih

iii. Mewujudkan kontrak penyelenggaraan dan menyelia kerja--kerja yang dijalankan oleh panel kontraktor

iv. Memberi khidmat nasihat dan cadangan dari aspek teknikal berkaitan kerja-kerja mekanikal kepada jabatan-jabatan pengguna untuk penambahbaikan atau menyelesaikan masalah.

5.2.6 Bahagian Projek Mekanikal

i. Memberikan perkhidmatan perunding kejuruteraan mekanikal dan dalam melaksanakan projek pembangunan seperti perumahan awam, bangunan pejabat, masjid, taman rekreasi dan jalan.

ii. Memberi perkhidmatan mekanikal terhadap sistem lif bangunan, sistem pencegahan kebakaran, sistem pam air domestik, sistem pancutan air rekreasi, sistem penyaman udara bangunan, sistem pembakar mayat, sistem pam kawalan banjir, sistem pam kawalan banjir, disamping menyenggara kemudahan awam yang berbentuk mekanikal.

iii. Perkhidmatan penyeliaan perkhidmatan Sisa Pepejal di Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Bukit Tagar.

5.2.7 Bahagian Projek Elektrikal

i. Melaksanaaan projek bagi sistem dan kemudahan elektrikal yang terdiri daripada projek-projek *Inhouse* yang melibatkan perancangan, reka bentuk, tender dan pengurusan kontrak pembinaan secara dalaman dan

ii. pasukan bangunan projek-projek yang melibatkan Juruperunding Elektrik dari jabatan pelaksana (SO) seperti JPPPB dan JPLR secara design & build atau konvensional.

5.2.8 Bahagian Lampu Jalan

i. Menaiktaraf lampu jalan HPSV kepada LED secara retrofit (45,000 unit) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

ii. Mengurus aduan awam berkaitan lampu jalan dan lampu hiasan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

iii. Pemasangan dan penyelenggaraan lampu-lampu hiasan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

iv. Penyelenggaraan lampu jejantas, siarkaki berbumbung, hentian bas dan teksi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

5.2.9 Bahagian Elektrikal Pembangunan Swasta

i. Mengurus, menyelaras dan memproses permohonan kelulusan pelan serta bahan untuk pemasangan ,lampu jalan & lampu awam projek pembangunan swasta dan projek DBKL sehingga sokongan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) G18.

ii. Menyelaras & memproses pertukaran nama pengguna akaun bil elektrik TNB & pengambil alihan lampu jalan dan lampu awam daripada pihak pemaju dan penguasa projek.

iii. Memproses permohonan kelulusan tapak, rekabentuk dan permit sementara struktur Tiang Lampu Berintegrasi Struktur Pemancar Telekomunikasi (TLBSPT).

iv. Menyelaras dan memproses permohonan sokongan bekalan elektrik TNB bagi semua struktur telekomunikasi di Kuala Lumpur.

v. Menyelaras syarat keperluan pelan bekalan elektrik TNB untuk struktur papan iklan jenis *billboard* di Kuala Lumpur.

6.0 BAJET JABATAN

6.1 Perbelanjaan Mengurus

PERKARA	TAHUN 2023	PERATUS (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM157,524,000.00	99.56
Perbelanjaan	RM156,831,834.64	

6.2 Perbelanjaan Pembangunan

PERKARA	TAHUN 2023	PERATUS (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM21,605,300.00	99.63
Perbelanjaan	RM21,524,923.00	

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2023

7.1 Perkhidmatan Pengangkutan

Bahagian Pengangkutan telah menguruskan penerimaan kenderaan/jentera sebanyak 21 unit dengan harga perolehan keseluruhan berjumlah RM5,515,750.00 sepanjang tahun 2023 seperti yang tercatat pada Jadual 1. Kenderaan/jentera diserahkan kepada Jabatan Pemilik sebaik sahaja proses pendaftaran kenderaan/jentera tersebut ke dalam sistem pangkalan data dibuat.

BIL.	JENIS KENDERAAN	UNIT	HARGA PEROLEHAN (RM)	TARIKH TERIMA
1.	PICK UP RRV FORD RANGER 2.0L WILDTRAK 4WD AT	2	832,000.00	28 Februari 2023
2.	TRANSPOTER CARRIER ROLL ON ROLL OFF ISUZU NPR	2	487,530.00	3 Mac 2023
3.	TRACTOR, SHOVEL (WHEEL LOADER) KOMATSU WA-200-6	1	498,000.00	2 Mac 2023
4.	MOTORCYCLE CUB C/W SIDE CARRIAGE, 125 CC - HONDA WAVE 125	2	25,800.00	2 Mei 2023
5.	VAN JENAZAH, TOYOTA HIACE	1	155,500.00	2 Mei 2023
6.	SUV PROTON X70 PREMIUM 2WD (KRJ) 7 UNIT	7	867,860.00	14 Ogos 2023
7.	FORKLIFT TOYOTA 3.5 TON	1	125,000.00	24 Ogos 2023
8.	AERIAL PLATFORM 22M ISUZU NPR CREW	1	548,060.00	26 Oktober 2023
9.	KRJ SEDAN TOYOTA CAMRY 2.5V AT	3	681,000.00	2 November 2023
10.	TRANSPOTER, PLANT, SCANIA P450B8X4NZ	1	1,295,000.00	20 Disember 2023
	JUMLAH	**21**	**5,515,750.00**	

Jadual 1: Penerimaan Kenderaan/Jentera Baharu Sepanjang 2023

7.2 Pelaksanaan Projek Mekanikal

Sistem penyejukan merupakan kriteria utama dalam memberikan keselesaan dan suasana yang kondusif kepada pengguna terutama di dalam bangunan. Bahagian Projek Mekanikal telah menyempurnakan kerja-kerja penggantian komponen-komponen sistem penyejukan di Menara DBKL 1 merangkumi 30 unit Air Handling Unit (AHU), 34 unit Fan Coil Unit (FCU), 7 unit Water-Cooled Package Unit (WCPU) dan Air-Cooled Package Unit.

Lokasi: Menara DBKL 1 | Tarikh Siap: 1 Oktober 2023





Sesi pemeriksaan peralatan dan penyerahan projek

Kerja-Kerja Menaiktaraf dan penggantian Sistem Pam Air Pancut 100m di Taman Tasik Titiwangsa

Bahagian Projek Mekanikal telah menyempurnakan penggantian komponen untuk sistem pam air pancut 100 meter merangkumi skop penggantian peralatan-peralatan mekanikal dan elektrikal serta pengindahan panel kawalan pam. Sistem ini merupakan tarikan utama Taman Tasik Titiwangsa dengan kemampuan pancutan air setinggi sekitar 60 meter dan boleh mencapai ketinggian maksima 100 meter.

Lokasi: Taman Tasik Titiwangsa | Tarikh Siap: 27 Disember 2023





Perasmian dan Pelancaran *Renewable Energy (RE)*

JKME bersama JPSPN dan Berjaya Enviroparks Sdn. Bhd. telah melancarkan enjin penghasilan tenaga boleh perbaharui (RE Engine) dengan kapasiti 12 MW secara keseluruhan menggunakan gas metana yang terhasil daripada sisa pepejal yang dilupuskan di Tapak Pelupusan Sanitari Sisa Pepejal Bukit Tagar (TBTS). Majlis pelancaran tersebut telah dirasmikan oleh YB Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 20 September 2023. Kapasiti ini merupakan kapasiti terbesar di Asia Tenggara, menjadikan TBTS antara pusat penghasilan tenaga boleh perbaharui terbesar menggunakan gas.

Lokasi: Taman Tasik Titiwangsa | Tarikh Siap: 27 Disember 2023

NEGARA

Kerajaan seru lebih banyak sektor swasta melabur dalam loji Sisa Kepada Tenaga

Oleh NURUL IZZATI ZAINI 20 September 2023, 2:56 pm



Kor Ming (tengah) selepas merasmikan Loji Tenaga Boleh Baharu Berkapasiti 12MW dan melawat BTEP di Hulu Selangor, hari ini. - Foto oleh M FIRDAUS M JOHARI / KOSMO!

Keratan akhbar Kosmo! pada 20 September 2023



Sidang media bersama Menteri KPKT



Sesi lawatan Pengarah JKME bersama rombongan KPKT

Pengurusan dan Pelupusan Sisa Pepejal

Pengurusan sisa pepejal yang berkesan dan strategik merupakan langkah-langkah yang kritikal demi menjaga keselesaan dan kesihatan warga kota di Kuala Lumpur. Sehubungan dengan itu, sisa-sisa pepejal di Kuala Lumpur diuruskan melalui dua peringkat untuk dilupuskan iaitu:-

i. Pusat peralihan dan pengumpulan sampah di Taman Beringin *TransferStation*
ii. Pelupusan sampah-sampah di Bukit Tagar *Sanitary Landfill*

Pada tahun 2023, jabatan telah menguruskan sebanyak **817,703.11 tan** sampah (768,549.39 tan, 2022) yang diterima dari Kuala Lumpur dengan anggaran purata sebanyak **68,141.93 tan** sampah (64,045.80 tan, 2022) setiap bulan. Perincian rekod bulanan bagi sampah-sampah yang diterima adalah seperti gambaran di bawah:-



Rekod bulanan sisa pepejal bagi tahun 2023





7.3 Verifikasi Stok

Penutupan akhir tahun untuk proses verifikasi stok telah diadakan pada 5 hingga 7 Disember 2023. Kedudukan stok alat ganti, barang pelbagai, diesel/petrol dan pakaian seragam serta kelengkapan seperti di Jadual 2, 3, 4 dan 5.

KEDUDUKAN STOK				
SEDIA ADA	PENERIMAAN	PENGELUARAN	STOK SEMASA	KADAR PUSINGAN STOK TAHUNAN
JUMLAH NILAI STOK	JUMLAH NILAI STOK	JUMLAH NILAI STOK	JUMLAH NILAI STOK	
(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	
(a)	(b)	(c)	d = (a+b) - (c)	$\frac{c}{(a+d)/2}$
2,553,474.45	1,396,721.89	1,588,090.69	2,362,105.65	0.65
2,362,105.65	1,493,349.84	1,394,184.43	2,461,271.06	0.58
2,461,271.06	1,246,818.43	1,464,519.59	2,243,569.90	0.62
2,243,569.90	952,455.37	1,523,114.34	1,672,910.93	0.78
2,553,474.45	5,089,345.53	5,969,909.05	1,672,910.93	2.83

Jadual 2: Kedudukan stok alat ganti bagi tahun 2023

KEDUDUKAN STOK				
SEDIA ADA	PENERIMAAN	PENGELUARAN	STOK SEMASA	KADAR PUSINGAN STOK TAHUNAN
JUMLAH NILAI STOK	JUMLAH NILAI STOK	JUMLAH NILAI STOK	JUMLAH NILAI STOK	
(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	
(a)	(b)	(c)	d = (a+b) - (c)	
737,732.96	610,318.98	620,077.55	727,974.39	0.85
727,974.39	442,289.05	331,416.77	838,846.67	0.42
838,846.67	448,605.54	356,181.26	931,270.95	0.40
931,270.95	919,084.24	1,259,007.94	591,347.25	1.65
737,732.96	2,420,297.81	2,566,683.52	591,347.25	3.86

Jadual 3: Kedudukan stok barangan pelbagai bagi tahun 2023

KEDUDUKAN STOK				
SEDIA ADA	PENERIMAAN	PENGELUARAN	STOK SEMASA	KADAR PUSINGAN STOK TAHUNAN
JUMLAH NILAI STOK	JUMLAH NILAI STOK	JUMLAH NILAI STOK	JUMLAH NILAI STOK	
(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	
(a)	(b)	(c)	d = (a+b) - (c)	$\frac{c}{(a+d)/2}$
12,926.93	371,030.00	236,600.00	147,356.93	2.95
147,356.93	740,260.00	604,477.55	283,139.38	2.81
283,139.38	238,770.00	394,810.20	127,099.18	1.92
127,099.18	699,240.00	781,040.73	45,298.45	9.06
12,926.93	2,049,300.00	2,016,928.48	45,298.45	69.28

Jadual 4: Kedudukan stok diesel/petrol bagi tahun 2023

KEDUDUKAN STOK				
SEDIA ADA	PENERIMAAN	PENGELUARAN	STOK SEMASA	KADAR PUSINGAN STOK TAHUNAN
JUMLAH NILAI STOK (RM) (a)	JUMLAH NILAI STOK (RM) (b)	JUMLAH NILAI STOK (RM) (c)	JUMLAH NILAI STOK (RM) d = (a+b) - (c)	
-	567,373.50	160,933.00	406,440.50	0.79
406,440.50	134,455.00	306,990.25	233,905.25	0.96
233,905.25	913,290.00	84,546.50	1,062,648.75	0.13
1,062,648.75	667,909.50	1,651,581.10	78,977.15	2.89
-	2,283,028.00	2,204,050.85	78,977.15	55.81

Jadual 5: Kedudukan stok pakaian seragam dan kelengkapan bagi tahun 2023

7.4 Penyelengaraan Kenderaan dan Jentera DBKL

Sepanjang tahun 2023 jabatan melaksanakan penyelenggaraan kenderaan seperti berikut:

BIL.	PERKARA	BIL. PEMBAIKAN
1.	Penyenggaraan Kenderaan Ringan	2,503
2.	Penyenggaraan Kenderaan Berat	1,441
3.	Penyenggaraan Motosikal	525

7.5 Penukaran Tiang Lampu Jalan

Skop tugas Unit Pembangunan Swasta merangkumi mengawal selia pemasangan lampu jalan dan lampu awam baru yang melibatkan semua pembangunan baru bagi projek swasta dan DBKL sehingga penyerahan kepada penyelenggaraan. Pertambahan skop dibuat pada Julai 2020, selaras dengan perubahan struktur organisasi yang mana melibatkan tugas mengawalselia penukaran tiang lampu jalan kepada tiang lampu jalan dwifungsi pemancar telekomunikasi.

i. Kelulusan Lampu Jalan dan Lampu Awam

- Bilangan dokumen yang telah diproses mengikut kategori **Januari hingga Disember 2023**

PERKARA	KELULUSAN PLAN, BAHAN & LANJUTAN TEMPOH	SOKONGAN CCC G18	CHANGE OF TENANCY
Jumlah dokumen yang diproses	536	152	104

- Status Projek-Projek JKAWS dan JPB

BIL.	JABATAN	TAJUK PROJEK	STATUS PADA DISEMBER 2023
1.	JPB	Cadangan pembinaan laluan basikal fasa 1 (*Green & Blue Connectivity*)	Kerja-kerja pemasangan lampu ditapak setakat ni hampir 70% Perubahan lokasi baru 20 batang tiang lampu solar di Jalan Fadason & Jalan Metro Perdana Barat berhampiran pintu masuk Utama)
2.	JPB	Cadangan mempertingkatkan laluan basikal dan pejalan kaki serta kerja-kerja berkaitan di hadapan Masjid at-Taqwa, jalan Datuk Sulaiman sehingga persimpangan jalan Tun Mohd Fuad, Taman Tun Dr. Ismail (fasa1)	Siap pasang di tapak
3.	JKAWS	Cadangan membina jalanraya bertingkat, dari persimpangan lebuhraya Sprint/ Jalan Maarof ke persimpangan Lebuhraya Sprint/ Jalan Semantan dan mengubahsuai jalan keluar masuk ke pusat bandar Damansara Wilayah KL	Kelulusan plan dan bahan dah selesai Jun 2023. Kontraktor telah menyelesaikan kerja-kerja salur paip jacking untuk kabel *incoming* TNB

BIL.	JABATAN	TAJUK PROJEK	STATUS PADA DISEMBER 2023
4.	JKAWS	Cadangan mengganti jambatan konkrit sediada kepada jambatan konkrit baru merentangi sungai kelang di Jalan Jelatek, Kuala Lumpur	Selesai pemasangan lampu hanya tinggal pemasangan meter TNB untuk 5 *Feeder Pillar* untuk kedua-dua fasa 1 dan 2
5.	JKAWS	Cadangan mempertingkatkan persimpangan bertingkat di lebuhraya Sultan Iskandar (Lebuhraya Mahameru), Jalan Tun Razak, Jalan Tun Ismail, Jalan Ipoh dan jalan di sekitar Kuala Lumpur (2019/A140)	Permohonan 6 Feeder Pillar asal ditukar kepada 2 *feeder pillar* utama dengan 3 *sub feeder pillar* setiap satu bagi mengelakkan kos dan tempoh lanjutan masa. Sering berlaku kecurian kabel.
6.	JKAWS	Cadangan menaiktaraf jalan dan pelebaran jambatan di Jalan 2/76, Desa Pandan Kuala Lumpur	Pelan Lampu Jalan telah lulus
7.	JKAWS	Cadangan menyiapkan baki kerja sambungan dari Jalan 1/27A ke Setiawangsa , Kuala Lumpur	Kelulusan plan dan bahan telah selesai. hanya menunggu kerja pemasangan
8.	JKAWS	Cadangan membina Jalan Segambut dari Jambatan KTM sehingga ke Jalan Mont Kiara Kuala Lumpur (Seksyen A (Tambahan)- Dari Persimpangan Sppk Segambut sehingga ke Persimpangan Jalan Lang Emas, Kuala Lumpur	Selesai kelulusan plan dan bahan
9.	JKAWS	Cadangan kerja-kerja pembaikan Jalan Hot Spot kemalangan di Lebuhraya Hubungan Timur-Barat berhampiran Petronas Taman Connaught, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Kelulusan bahan Ogos 2023, pemasangan telah dibuat , ini adalah projek pertama solar dgn sistem kawalan.
10.	JKAWS (lezah)	Cadangan peningkatan dan pelebaran Jalan Di Jalan Yew dan Jalan Sungai Besi (2020/A115)	Pelan dah lulus dan kelulusan bahan belum selesai
11.	JKAWS	Cadangan pembinaan Jalan dari Lorong Perkhidmatan Lebuhraya Kuala Lumpur -Putrajaya (Mex) sehingga ke Lot 14996, Taman Naga Emas, Salak Selatan Kuala Lumpur.	Projek masih mengalami kelewatan
12.	JKAWS	Cadangan membina Jalan Sambungan Kiara 5, Kuala Lumpur	Kelulusan pelan lampu jalan Mac 2022 tiada progress terbaru
13.	JKAWS	Cadangan menjalankan kerja-kerja pembaikan cerun dan Sistem Peparitan di Lebuhraya Sultan Iskandar, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	pemasangan lampu baru sebagai penggantian belum selesai
14.	JKAWS	Cadangan mengubahsuai (Jalan Johar dan Jalan Beringin) Jalan keluar masuk ke Pusat Bandar Damansara Wilayah KL	Projek masih berjalan

- Pengumpulan data bilangan tiang lampu jalan melalui projek-projek

4/03/2023 - 12/03/2023	Program Kuala Lumpur Park Festival 2023 di Taman Tasik Titiwangsa	Program Kuala Lumpur Park Festival 2023	Mengalakkan penglibatan komuniti/ agensi luar terhadap inisiatif Jabatan.
19/03/2023	Program Penanaman Pokok Sempena *Ambassador Tour* 2023 di Taman Botani Perdana bersama wakil kedutaan asing 13 negara dan kesatuan antarabangsa	Program Penanaman Pokok Sempena *Ambassador Tour* 2023	Menjalinkan kerjasama dengan syarikat/agensi untuk *'corporate social responsibility'* terhadap masyarakat melalui program penghijauan.
26/03/2023	Program Penanaman bersama Persatuan Gujarati Wilayah Persekutuan dan Selangor di Taman Awam Bukit Kiara	Program Penanaman bersama Persatuan Gujarati Wilayah Persekutuan dan Selangor	Mempromosikan gaya hidup sihat melalui aktiviti aktiviti rekreasi didalam taman-taman sekitar Kuala Lumpur.
10/08/2023	Program Penanaman Bersama Pelajar Universiti Internasional Newton di Rizab Parit Jalan Ambong Kiri	Program Penanaman Bersama Pelajar Universiti Internasional Newton	Mempromosikan gaya hidup sihat melalui aktiviti aktiviti rekreasi didalam taman-taman sekitar Kuala Lumpur.
27/08/2023	Perasmian Taman Komuniti Keramat Wangsa, AU3 oleh YB Timbalan Menteri KPKT	Perasmian Taman Komuniti Keramat Wangsa, AU3	Hebahan taman komuniti serta peluang komuniti bermesra dengan pemimpin.

8.0 PENCAPAIAN JABATAN

TARIKH	ACARA	KEPUTUSAN
11/03/2023	Hari Landskap Negara 2023	Taman Rimba Bukit Kerinchi Kuala Lumpur (Penarafan 5 Rosa-Sinensis)
1/12/2023	MIP MyPlace Award 2023	Kategori 2: City & Town Park • Taman Botani Perdana • Taman Rimba Bukit Kerinchi • Kategori 3: Komuniti dan Taman Kejiranan • Taman Tasik Danau Kota • Taman Komuniti Keramat Wangsa

Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan

1.1.1 Jabatan ini telah ditubuhkan pada 1976 dengan nama pertamanya, Jabatan Pelaksanaan Projek Khas. Jabatan ini memainkan peranan penting dalam projek-projek pembangunan kemudahan awam di sekitar Kuala Lumpur. Di antara projek-projek terawal jabatan ini adalah membangunkan Perumahan Awam (PA) di kawasan Cheras, Lembah Pantai, Gombak, Sentul, Setapak Jaya dan Pusat Bandar.

1.1.2 Penyusunan semula organisasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dari tahun 1989 sehingga 2005 telah menjadikan nama jabatan ini ditukar kepada Jabatan Arkitek dan Projek Khas (JAPK) selaras dengan skop jabatan yang mengintegrasikan disiplin senibina, ukur tanah, kejuruteraan awam, kejuruteraan struktur dan kejuruteraan elektrik dalam melaksanakan projek-projek pembangunan dan penyelenggaraan bangunan. Pada tahun 2005, nama jabatan ditukar kepada Jabatan Akitek (JA).

1.1.3 Pada tahun 2011, penyusunan semula organisasi DBKL telah dilakukan dengan penggabungan Bahagian Penyelenggaraan Perumahan Awam dan nama jabatan telah dinamakan Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Perumahan Awam (JPPPA). Selanjutnya pada tahun 2012, bahagian tersebut telah dipindahkan untuk bergabung kembali ke Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti (JPPPK). Ini menjadikan jabatan ini telah ditukar namanya menjadi Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan (JPPPB) dan nama ini kekal sehingga kini.

1.1.4 Tiga skop utama jabatan ini ialah:

i. Membuat perancangan dan rekabentuk projek-projek bangunan dan kemudahan awam serta memastikan ianya mengikut amalan professional dan kehendak klien serta mematuhi undang-undang pihak berkuasa yang meluluskan.

ii. Melaksanakan pembinaan projek-projek bangunan dan kemudahan awam dan memastikan ianya dijalankan dengan efisyen, sistematik dan professional.

iii. Menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan bangunan-bangunan milik Datuk Bandar Kuala Lumpur dan memastikan ianya dilaksanakan dengan efisyen, sistematik dan berkesan. Ianya adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk menanam budaya sayang kepada harta dan kemudahan awam bagi mengekalkan bandaraya yang cantik, bersih dan selesa kepada kakitangan dan wargakota.

iv. Menguruskan keperluan logistik bagi semua acara-acara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur serta agensi-agensi luar.

1.2 Bahagian-Bahagian / Unit-Unit Jabatan

Bagi memastikan setiap fungsi ini dilaksanakan dengan lebih efisyen, sistematik dan profesional, pelaksanaan fungsi ini telah dipecahkan kepada dua (2) bahagian utama.

1.2.1 Bahagian Pengurusan Pembangunan

Bahagian ini terbahagi kepada tujuh (7) unit yang bertanggungjawab dalam perancangan dasar, pengurusan data dan prestasi berkaitan dengan pembangunan projek-projek.

Berikut adalah unit-unit di bawah Bahagian Pengurusan Pembangunan:

i. Unit Perancangan dan Pelaksanaan Dasar 1;
ii. Unit Perancangan dan Pelaksanaan Dasar 2;
iii. Unit Penyelidikan dan Pembangunan;
iv. Unit Pengurusan Data dan Piawaian;
v. Unit Pengurusan Kualiti;
vi. Unit Prestasi Bangunan;
vii. Unit Pentadbiran.

1.2.2 Bahagian Pengurusan Fasiliti

Bahagian ini terbahagi kepada enam (6) unit yang bertanggungjawab dalam mengurus perihal berkaitan pentadbiran, pengurusan fasiliti dan penyelenggaraan bangunan.

Berikut adalah unit-unit di bawah Bahagian Pengurusan Fasiliti:

i. Unit Pengurusan Projek Ikonik;
ii. Unit Pelaksanaan Reka Bentuk Bandar;
iii. Unit Perancangan Reka Bentuk Bandar;
iv. Unit Warisan dan Kawalan Bangunan;
v. Unit Penyelenggaraan Menara, Logistik dan Ruang Awam;
vi. Unit Penyelenggaraan Bangunan Kemudahan Awam.

1.3 Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan

1.3.1 Dengan kekuatan seramai **264 kakitangan** (tidak termasuk kakitangan *MyStep*), jabatan ini dianggotai oleh pelbagai golongan profesional dan sokongan dari pelbagai disiplin dalam memastikan visi dan misi jabatan ini tercapai.

KATEGORI	BILANGAN ORANG
Kumpulan Pengurusan dan Professional Gred Utama	1
Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41-54)	55
Kakitangan Sokongan 1 (Gred 17-40)	187
Kakitangan Sokongan 2 (Gred 1-16)	21
MyStep	8
JUMLAH	272

2.0 VISI DAN MISI JABATAN

2.1 Visi

Perancangan, reka bentuk, pelaksanaan dan penyelenggaraan projek pembangunan dan kemudahan awam diurus secara sistematik dan profesional serta selamat melalui penyelenggaraan yang efisyen dan berkualiti.

2.2 Misi

Membangun, mentadbir dan mengurus projek-projek pembinaan dan penyelenggaraan bangunan milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Memberi maklumbalas terhadap aduan awam dalam tempoh 15 hari bekerja selepas aduan diterima.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan (*Customer focus*)		Kehadiran 4 hari berkursus kepada semua warga Jabatan	Semua pegawai dan kakitangan Jabatan menghadiri kursus 4 hari setahun (IDB: 2 hari, Jabatan: 2 hari)	100%
		Mensasarkan 80% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2023	Menyelesaikan 80% aduan yang diterima pada setiap bulan (berpandukan sasaran KWP)	100% 76 aduan diseleaikan dalam 14 hari 1 aduan melebihi 14 hari.
		Memastikan semua aduan kerosakan bangunan/fasiliti yang disenggara diambil tindakan dalam tempoh ditetapkan	Memastikan 100% kerosakan kecil diambil tindakan dalam tempoh yang ditetapkan.	100% 2328 aduan 1 - kecemasan 2328 - biasa
Memperkukuhkan tahap integriti, akauntabiliti dan telus (*Transparency*)		Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	Mencapai sekurang-kurangnya 95% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2023	100% Perbelanjaan Pembangunan - 98% Perbelanjaan Mengurus & Operasi 2022 - 100%
		Mengemukakan perancangan perolehan pagi tahun 2024	Keseluruhan Jabatan hendaklah mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2023 sebelum 31 Disember 2023	100% 15 projek akan ditender pada 2024
		Menyelesaikan isu yang melibatkan AW58	Memastikan pembayaran melibatkan AW58 dijelaskan pada Mei 2023	99.13% 228 AW58 selesai dibayar
Memperingkatkan kualiti kesejahteraan hidup		Memastikan projek-projek pembangunan mula kerja, disiapkan, dimuktamadkan dan mencapai tahap kualiti kiawaian dalam kontrak	Sekurang-kurangnya 15 projek mula kerja pada 2023	100%
			Sekurang-kurangnya 20 projek siap sebelum Disember 2023	100%
			20 akaun akhir dimuktamadkan sepanjang tahun 2023	100%
		Membaiki dan mempertingkatkan kemudahan bangunan awam kepada warga kota	Memperbaiki dan mempertingkatkan kemudahan 5 kompleks sukan dan pusat komuniti DBKL dalam tempoh setahun	100% 6 kompleks sukan dan pusat komuniti 63 pusat penjaja
			Membaiki kemudahan 60 pasar dan pusat penjaja DBKL dalam tempoh setahun	100% 60 baiki pusat penjaja dan pasar
			Mempertingkatkan kemudahan 63 pasar dan pusat penjaja DBKL dalam tempoh setahun	100% 10 pusat penjaja dan pasar dipertingkatkan
			Melaksana dan menjalankan 60 kerja-kerja pembaikan di tandas awam DBKL dalam tempoh setahun	100%
			Naiktaraf 5 tandas awam DBKL dalam setahun	100%
		Membaiki dan mempertingkatkan kemudahan bangunan kepada warga kerja DBKL	Menaik taraf 5 pejabat / pejabat tapak / depoh / substor DBKL dalam tempoh setahun	100% 15 depoh dinaiktaraf
			Membaiki 30 pejabat / pejabat tapak / depoh / substor DBKLdalam tempoh setahun	100% 47 substor dibaiki

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Bandaraya Milik Warga Kota		Melaksanakan dan menyiapkan projek-projek kecil	100% projek kecil (<RM100,000) siap dalam tempoh yang ditetapkan	100%
		Memastikan tapak-tapak projek yang telah dikenalpasti membuat pemasangan *solar panel* pada bangunan baharu/ sedia ada milik DBKL di Kuala Lumpur	Melaksanakan pemasangan *solar panel* di lima (5) tapak projek yang telah dikenal pasti sebelum Disember 2023	100%
Menaiktaraf Ruang Perbandaran Kuala Lumpur		Menaik taraf ruang perbandaran sekitar Kuala Lumpur	Memastikan 15 projek menaik taraf ruang perbandaran dimulakan pada Disember 2023	66.6% 11 projek dimulakan 4 projek dibatalkan
		Pemuliharaan imej rekabentuk bandar dan naik taraf jalan serta laluan pejalan kaki di jalan-jalan utama Kuala Lumpur	Memastikan 4 projek pemulihan imej reka bentuk bandar dan naik taraf jalan serta laluan pejalan kaki ditender pada Disember 2022	50% 2 projek batal 2 projek *award* pada Disember 2023

Nota: Key Result Area (KRA) selari dengan Pelan Strategik DBKL 2021-2030

5.0 FUNGSI

5.1 Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan

Fungsi utama Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan adalah mereka bentuk serta melaksana projek pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan bertanggungjawab menyelenggara bangunan-bangunan serta kemudahan awam milik DBKL.

5.2 Fungsi-Fungsi Unit-Unit / Bahagian-Bahagian Jabatan

5.2.1 Bahagian Pengurusan Pembangunan

i. Unit Perancangan dan Pelaksanaan Dasar 1:
Merancang serta melaksanakan dasar-dasar penyediaan dan pengurusan fasiliti penjaja;

ii. Unit Perancangan dan Pelaksanaan Dasar 2:
Mengurus serta mengawal selia pengurusan *KPI* dan piagam pelanggan jabatan;

iii. Unit Penyelidikan dan Pembangunan:
Menyedia perincian dokumentasi dan penyelidikan berkaitan sektor pembinaan dan pengurusan tapak bina;

iv. Unit Pengurusan Data dan Piawaian:
Mengurus serta mengawal selia pengurusan data jabatan, perancangan strategik dan mengemas kini maklumat rekod projek-projek dan kerja-kerja penyelenggaraan bangunan dan pengurusan *ISO*;

v. Unit Pengurusan Kualiti:
Mengurus perancangan strategik pengurusan seperti *HRMIS, MyPortfolio,* integriti, pematuhan prosedur kerja dan keperluan spesifikasi termasuk penambahbaikan prosedur;

vi. Unit Prestasi Bangunan:
Mengurus dan mengawal selia pematuhan kepada prestasi bangunan seperti *GBI, QLASSIC* dan keperluan spesifikasi teknikal lain-lain yang mesra-alam dan jimat tenaga.

vii. Unit Perancangan Reka Bentuk Bandar:
Melaksana sesi taklimat awam, penyediaan deraf skematik, laporan pra-reka bentuk dan perancangan projek-projek reka bentuk bandar;

viii. Unit Pelaksanaan Reka Bentuk Bandar:
Menyedia dokumen tender, reka bentuk dan pelaksanaan serta pemantauan pembinaan bagi projek-projek reka bentuk bandar;

ix. Unit Warisan dan Kawalan Bangunan:
Mengurus perihal berkaitan ulasan reka bentuk warisan dan rupa bentuk fasad, penilaian impak reka bentuk dan menyedia garis-panduan berkaitan kawalan bangunan;

5.2.2 Bahagian Pengurusan Fasiliti

i. Unit Pengurusan Projek Ikonik:
Merancang dan melaksanakan pengurusan perbelanjaan, belanjawan dan pengawalan peruntukan untuk jabatan, serta pengurusan dan penyelenggaraan kawasan *River Of Life* (ROL), *Heritage Trail* serta Pintu Gerbang Kuala Lumpur;

ii. Unit Penyelenggaraan Menara, Logistik dan Ruang Awam:
Melaksanakan tugas penyelenggaraan Menara DBKL 1, 2, 3, dan semua pejabat DBKL, serta memantau urusan ujian kerja dan pemasangan segala logistik dan penyelenggaran Dataran Merdeka, *River of Life* (ROL) dan Jejak Warisan (*Heritage Trail*);

iii. Unit Penyelenggaraan Bangunan Kemudahan Awam:
Melaksanakan tugas penyelenggaraan kuarters, klinik, kompleks sukan, dewan serbaguna, tandas awam, pasar, kompleks perniagaan, pusat penjaja dan kiosk milik DBKL di dalam tiga (3) disiplin kejuruteraan iaitu Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, dan Kejuruteraan Mekanikal;

5.2.3 Unit Pentadbiran:

Melaksanakan fungsi pengurusan personel peringkat jabatan, hal-ehwal pentadbiran, pengurusan kewangan dan perbelanjaan, perolehan, inventori, aset jabatan, pengurusan surat-menyurat, aduan awam dan pengangkutan jabatan.

6.0 BAJET

6.1 Jumlah Peruntukan Jabatan **RM345,837,532.00 (99.98%)**

6.2 Perbelanjaan Mengurus

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN PERBELANJAAN (%)
Bajet Mengurus (30110)	4,557,130.00	4,516,313.00	99
Bajet Mengurus (30120)	81,847,600.00	82,360,310.00	100.63

6.3 Perbelanjaan Pembangunan

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN PERBELANJAAN (%)
Bajet Pembangunan	285,082,830.00	258,960,909.00	100.31

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2023

7.1 Projek-Projek Yang Disiapkan Sepanjang Tahun 2023

7.1.1 Tempat Letak Kereta Bertingkat Keramat Mall







MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Cadangan MembinaTempat Letak Kereta Bertingkat di Keramat Mall, Jalan Datuk Keramat, Kuala Lumpur (Reka dan Bina)
Tarikh Mula	23 Mac 2018
Tarikh Siap	17April 2023
Kos Projek	RM 14,816,231.60

7.1.2 Cadangan Kerja-Kerja Pengindahan dan Pemuliharaan Imej Rekabentuk Bandar Bagi Parlimen Batu, Pemasangan *Ventilation Block* Sepanjang Kawasan Penjaja Statik Taman Kok Lian







MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Cadangan Kerja-Kerja Pengindahan dan Pemuliharaan Imej Rekabentuk Bandar Bagi Parlimen Batu , Pemasangan *Ventilation Block* Sepanjang Kawasan Penjaja Statik Taman Kok Lian
Tarikh Mula	26 April 2023
Tarikh Siap	25 Julai 2023
Kos Projek	RM 152,072.52

7.1.3 Kerja-Kerja Pengindahan Imej Rekabentuk Bandar , Kerja-Kerja Mengecat Mural dan Naik Taraf Lorong Belakang , Lorong Bandar 21



MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Cadangan Kerja-Kerja Pengindahan Imej Rekabentuk Bandar , Kerja-Kerja Mengecat Mural dan Naik Taraf Lorong Belakang , Lorong Bandar 21
Tarikh Mula	27 Mac 2023
Tarikh Siap	26 Mei 2023
Kos Projek	RM 152,406.00

7.1.4 Cadangan Menaiktaraf *Stable* Kuda di Unit Berkuda Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur- Fasa 3. (Membina Bengkel Ladam Kuda)



MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Cadangan Menaiktaraf *Stable* Kuda di Unit Berkuda Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur- Fasa 3. (Membina Bengkel Ladam Kuda)
Tarikh Mula	1 Jun 2022
Tarikh Siap	8 Jun 2023
Kos Projek	RM 250,000.00

7.1.5 Naiktaraf fasiliti gerai Jalan Kenanga







MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Cadangan menaiktaraf Fasiliti Gerai Penjaja di Jalan Kenanga, Pudu, Kuala Lumpur
Tarikh Mula	3 Julai 2023
Tarikh Siap	3 Oktober 2023
Kos Projek	RM 500,000.00

7.1.6 Kerja-kerja mural di kawasan lapang Perumahan Awam Jalan Hang Tuah







MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Kerja-kerja mural di kawasan lapang Perumahan Awam Jalan Hang Tuah, Kuala Lumpur
Tarikh Mula	5 Februari 2023
Tarikh Siap	9 September 2023
Kos Projek	RM 29,999.11

7.1.7 Naiktaraf kompleks makan Tang Lin, Jalan Cenderasari, Tasik Perdana (Fasa 2)







MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Cadangan Menaiktaraf kompleks makan Tang Lin, Jalan Cenderasari, Tasik Perdana(Fasa 2)
Tarikh Mula	1 Oktober 2023
Tarikh Siap	7 Januari 2024
Kos Projek	RM 500,000.00

8.0 PENCAPAIAN JABATAN

8.1 *World Congress of Architecture - Saloma Link*

TARIKH	ACARA	PENCAPAIAN
6 Julai 2023	*World Congress of Architecture*	*Honourable Mention, Friendly and Inclusive Space Award - Saloma Link*





8.2 Tajuk: *Place Award 2023 - Back lane rejuvenation and indoor space*

TARIKH	ACARA	PENCAPAIAN
1 Disember 2023	*Place Awards 2023* *- Malaysian Institute of Planners*	*Sapphire (Back lane and side lane)* *Emerald (Indoor space)*







Jabatan Ukur Bahan

1.0 LATARBELAKANG

1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan

Perkhidmatan Ukur Bahan di DBKL bermula pada 1 Oktober 1976 di bawah Jabatan Arkitek. Pada tahun 1977 ia telah dikembangkan menjadi satu bahagian dibawah Unit Penyelarasan Pembangunan sebelum dengan rasminya menjadi sebuah jabatan pada 1 Oktober 1981. Dalam proses penyusunan semula organisasi DBKL, pada tahun 1995 Bahagian Pengurusan Perolehan telah diletakkan di bawah Jabatan Ukur Bahan dan dikenali sebagai Jabatan Pengurusan Perolehan dan Ukur Bahan. Walaubagaimanapun bermula pada tahun 2003 Bahagian Pengurusan Perolehan telah dikeluarkan semula dari Jabatan Ukur Bahan untuk diletakkan di bawah Jabatan Pentadbiran.

1.2 Bahagian-Bahagian/Unit-Unit di Jabatan

Struktur Jabatan Ukur Bahan mengandungi 5 Bahagian dan 1 Unit seperti berikut:-

i. Bahagian Bangunan
ii. Bahagian Kejuruteraan
iii. Bahagian Penswastaan dan Teknologi Maklumat
iv. Bahagian Landskap dan Rekreasi
v. Bahagian Infrastruktur Bandar dan Pembangunan Kompetensi
vi. Unit Pentadbiran dan Kewangan

1.3 Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan

KATEGORI	JUMLAH
Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 dan ke atas)	16
Kumpulan Sokongan 1 (Gred 17 – 40)	28
Kumpulan Sokongan 11 (Gred 1-16)	7
JUMLAH	**51**

2.0 VISI DAN MISI JABATAN

2.1 Visi

Menyediakan Perkhidmatan Ukur Bahan Yang Sistematik, Efisyen dan Cemerlang.

2.2 Misi

Komited Dalam Memberi Perkhidmatan Pentadbiran Kontrak, Kawalan Kos dan Pengurusan Projek Dengan Cekap dan Telus.

3.0 PIAGAM PELANGGAN JABATAN

3.1 Memberi perkhidmatan kepakaran Ukur Bahan di peringkat Pra-Kontrak yang meliputi perkhidmatan-perkhidmatan berikut:-

3.1.1 Menyediakan **Dokumen Tender Perolehan Kerja dan Perunding** dalam tempoh **1 bulan** selepas menerima dokumen yang lengkap daripada Jabatan Pelaksana.

3.1.2 Menyemak **Dokumen Tender Perolehan Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan** yang dikemukakan oleh jabatan pelaksana serta memberi khidmat nasihat prosidur kontrak dalam tempoh **2 minggu untuk semakan kali pertama dan 1 minggu untuk semakan kali kedua** selepas penerimaan dokumen daripada Jabatan Pelaksana.

3.1.3 Menyemak **Dokumen Kerja Undi** yang dikemukakan oleh jabatan pelaksana dalam tempoh **3 hari** selepas penerimaan dokumen yang lengkap daripada Jabatan Pelaksana.

3.1.4 Menyediakan **Anggaran Kos Projek** dalam tempoh **3 minggu** selepas menerima dokumen yang lengkap daripada Jabatan Pelaksana.

3.2 Memberi perkhidmatan kepakaran Ukur Bahan di peringkat Pasca-Kontrak yang meliputi perkhidmatan-perkhidmatan berikut:

3.2.1 Menyelaras **Kadar Harga** dan **Pecahan Harga Tender** dalam tempoh **6 minggu** selepas penerimaan dokumen tender yang lengkap daripada Jabatan Pelaksana.

3.2.2 Menyediakan **Sijil Bayaran Kemajuan** dalam tempoh **4 hari** dari mengisi maklumat bayaran yang lengkap di dalam sistem bayaran.

3.2.3 Menyediakan Arahan Perubahan (**Kelulusan Perubahan Kerja (KPK), Kelulusan Kuantiti Sementara (KKS)** dan **Perubahan Wang Peruntukan Sementara (WPS))** bagi setiap kerja-kerja perubahan dalam tempoh **1 bulan** selepas penerimaan dokumen yang lengkap daripada Jabatan Pelaksana/ pengesyoran Perunding.

3.2.4 Menyediakan **Penyata Perakuan Muktamad Kontraktor** dikeluarkan dalam tempoh

a. **Projek Konvensional - 3 bulan** selepas tamat Tempoh Liabiliti Kecacatan (DLP) atau **3 bulan** selepas keluar Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (CMGD) mengikut mana yang kemudian tertakluk kepada kelulusan perubahan kerja terakhir.

b. **Projek Reka dan Bina - 6 bulan** selepas keluar Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (CMGD) tertakluk kepada kelulusan perubahan kerja terakhir.

3.2.5 Menyediakan **Penyata Perakuan Muktamad Perunding** dalam tempoh **3 bulan** selepas Penyata Perakuan Muktamad kontraktor ditandatangani tertakluk kepada kelulusan pelarasan fi terakhir perunding.

3.3 Mengkaji dan menganalisa **Kos Pembangunan Projek** bagi projek-projek penswastaan dalam tempoh **3 minggu** dari tarikh penerimaan dokumen yang lengkap daripada Jabatan Pelaksana.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

4.1 KPI Jabatan Tahun 2023

BIL.	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN (%)
1.	Memastikan kehadiran 4 hari berkursus setahun bagi semua pegawai dan kakitangan jabatan.	100%	100%
2.	Mensasarkan 100% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2023	100%	-
3.	Menguruskan perbelanjaan secara berhemah dengan memastikan perbelanjaan melebihi 95% daripada peruntukan tahun 2023	100%	100%
4.	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2024	100%	-
5.	Menyelesaikan AW58 pada bulan Mei 2023	100%	100%

BIL.	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN (%)
6.	Memastikan 100% Bayaran Interim disediakan dalam tempoh 4 hari bekerja dari tarikh penilaian tapak/tarikh pengesyoran diterima	100%	100%
7.	Memastikan 100% Sijil Perakuan Muktamad Kontraktor dikeluarkan dalam tempoh Liabiliti Kecacatan (DLP) atau 3 bulan selepas keluar Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (CMGD) mengikut mana yang kemudian	100%	100%
8.	Memastikan 100% Sijil Perakuan Muktamad Perunding dikeluarkan dalam tempoh 3 bulan selepas Sijil Perakuan Muktamad Kontraktor dikeluarkan	100%	100%
9.	Memastikan Jadual *Cut-Off* bagi penilaian tawaran disediakan tidak melebihi 3 hari dari tarikh penerimaan dokumen yang lengkap daripada Jabatan Pelaksana	100%	100%
10.	Memastikan 100% Dokumen Tender Perolehan Kerja dan Perunding disediakan dalam tempoh 1 bulan selepas menerima dokumen yang lengkap daripada Jabatan Pelaksana	100%	100%
11.	Memastikan 100% Draf Dokumen Tender yang disemak kali Pertama tidak melebihi 14 hari dan semakan kali Kedua tidak melebihi 7 hari	100%	99%
12.	Memastikan perisian Build Space digunakan bagi tujuan penyediaan Senarai Kuantiti (BQ), anggaran kos dan arahan perubahan kerja untuk sekurang-kurangnya 20 senarai projek	100%	100%
13	Anggaraan Kos Projek disediakan dalam tempoh 3 minggu selepas menerima dokumen yang lengkap dari Jabatan Pelaksana	100%	100%
14	Memastikan Garis Panduan Arahan Perubahan bagi Kelulusan Perubahan Kerja (KPK), Kelulusan Kuantiti Sementara (KKS) dan Perubahan Wang Peruntukan Sementara (WPS) siap dikemaskini selewat-lewatnya pada Oktober 2022	100%	100%

Jadual 4.1: Bilangan KPI Jabatan adalah 14 dan Pencapaian Keseluruhan KPI Jabatan adalah 99% Bagi Tahun 2023

5.0 FUNGSI JABATAN

5.1 Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhannya

5.1.1 Menyediakan dan menyelaras perancangan kos bagi projek-projek pembangunan DBKL mengikut tatacara yang ditetapkan bagi kerja-kerja bangunan, kejuruteraan, infrastruktur, landskap, pengangkutan bandar, penyelenggaraan dan teknologi maklumat

5.1.2 Menyelaras dan mengurus dokumen perolehan kerja

5.1.3 Mengurus dan melaksana pentadbiran kontrak bagi kawalan kontrak kerja

5.1.4 Menilai dan memberi khidmat nasihat berkaitan tuntutanpentadbiran kontrak

5.1.5 Mengurus dan memberi khidmat nasihat pentadbiran kontrak bagi projek penswastaan dan aset ICT

5.2 Fungsi Bahagian-Bahagian Jabatan

5.2.1 Menyedia dan Menyelaras Perancangan Kos Bagi Projek-Projek DBKL:-

a. Penyediaan Anggaran Kos Awalan (PDA) Untuk Peruntukan Projek
b. Penyediaan Anggaran Kos Berdasarkan Rekabentuk Awalan
c. Penyediaan Anggaran Kos Pra-Tender
d. Penyediaan ATDA Bagi Kontrakor Yang Berjaya
e. Penyediaan ACDA Bagi Penyata Akaun Muktamad

5.2.2 Penyediaan/Semakan Dokumen Perolehan:-

a. Penyediaan Dokumen Perolehan Kerja dan Perunding
b. Menyemak Dokumen Perolehan Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan

5.1.3 Pentadbiran Kontrak Bagi Kawalan Kos Kontrak Kerja:-

a. Menyelaras Kadar Harga dan Pecahan Harga Tender
b. Penyediaan Sijil Bayaran Kemajuan
c. Penyediaan Arahan Perubahan Kerja
d. Penyediaan Penyata Perakuan Muktamad Kontraktor

5.1.4 Pentadbiran Kontrak Bagi Tuntutan Kontrak:-

a. Menyemak dan Menilai Tuntutan 'Loss and Expense'
b. Menyemak dan Menilai Fi Abortif Bagi Perunding
c. Menyemak dan Menilai Tuntutan Kontraktor Disebabkan Penamatan Bersama (mutual Termination)
d. Menilai Gantirugi Datuk Bandar Disebabkan Penamatan Kontrak

6.0 BAJET JABATAN

6.1 Perbelanjaan Mengurus

BIL.	PERKARA	TAHUN 2023	PERATUS (%)
1.1	Jumlah Peruntukan Yang Diluluskan	RM139,500.00	96.15%
1.2	Jumlah Perbelanjaan	RM134,135.00	

6.2 Perbelanjaan Pembangunan

BIL.	PERKARA	TAHUN 2023	PERATUS (%)
1.1	Jumlah Peruntukan Yang Diluluskan	-	-
1.2	Jumlah Perbelanjaan	-	

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2023

7.1 **Menyediakan Anggaran Kos Dan Perancangan Kos**

Bagi sepanjang tahun 2023 jabatan telah terlibat di dalam menyediakan anggaran-anggaran kos bagi **12 projek** yang dilaksanakan melalui kaedah perolehan secara tender dan sebutharga. Anggaran kos tersebut adalah bagi perolehan secara tender dan sebutharga dengan nilai anggaran kos keseluruhan berjumlah **RM80 juta**.

7.2 Menyediakan Dokumen Tender Dan Sebutharga

Sebanyak **8 Dokumen Tawaran** telah disediakan bagi perolehan secara Tender dan Sebutharga di sepanjang tahun 2023. Perincian bilangan dan peratusan berdasarkan kategori dokumen perolehan adalah seperti berikut:

KATEGORI PENYEDIAAN DOKUMEN	JUMLAH	PERATUSAN
Dokumen Tender	8	100%
Dokumen Sebutharga	-	0%
JUMLAH		**100%**

Jadual 7.2: Statistik Penyediaan Dokumen Tender Dan Sebutharga Tahun 2023


7.3 Menyemak Dokumen Tender / Sebutharga Dan Kerja Undi

Deraf-deraf dokumen bagi perolehan tender dan sebutharga yang disediakan oleh Jabatan Pelaksana, ianya perlu melalui proses semakan oleh Jabatan Ukur Bahan bagi memastikan ianya sempurna dan teratur bagi tujuan tender.

Selain daripada dokumen tender dan sebutharga, dokumen-dokumen perolehan secara kerja undi juga perlu melalui proses semakan oleh Jabatan Ukur Bahan sebelum proses undi dilaksanakan. Pecahan dan peratusan semakan dokumen 2023 mengikut kategori adalah seperti berikut:

KATEGORI SEMAKAN DOKUMEN	JUMLAH	PERATUSAN
Semakan Dokumen Tender/ Sebut Harga	518	56%
Dokumen Kerja Undi	401	44%
JUMLAH	**919**	**100%**

Jadual 7.3.1: Statistik Penyemakan Dokumen Tender/ Sebutharga Dan Kerja Undi Untuk Tahun 2023



Carta Pai 7.3.2: Pecahan Penyemakan Dokumen Tender/ Sebutharga Dan Kerja Undi Tahun 2023

7.4 **Menyediakan Sijil Bayaran Interim Projek**

Penilaian ke atas kemajuan kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor perlu dibuat secara progresif bagi memastikan pembayaran yang dibuat adalah bersesuaian dan tepat.

Jabatan Ukur Bahan bertanggungjawab di dalam menilai kemajuan kerja di tapak bina dan seterusnya membuat pengesyoran pembayaran melalui Sijil Bayaran Interim Projek. Bagi tahun **2023** sebanyak **225 sijil** telah disyorkan oleh Jabatan Ukur Bahan di mana melibatkan keseluruhan pengesyoran bayaran lebih kurang **RM145 juta.**

7.5 **Menyediakan Perakuan Muktamad Projek**

Di dalam memuktamadkan akaun sesuatu projek, satu komitmen yang tinggi diperlukan oleh Juruukur Bahan Projek. Ini adalah bagi memastikan ianya dapat disempurnakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan di samping perlu memastikan segala tuntutan-tuntutan yang dikemukakan kontraktor seperti kerja-kerja pengukuran semula, arahan perubahan, tuntutan bagi kerugian & perbelanjaan *(loss & expenses)* dan lain-lain lagi adalah sah serta teratur. Bagi tahun **2023** sebanyak **26 Perakuan Muktamad** projek telah berjaya dimuktamadkan dan **10 projek** telah dinilaikan bagi tuntutan kerugian dan perbelanjaan *(loss & expenses)* oleh Jabatan Ukur Bahan.

8.0 PENCAPAIAN JABATAN SEPANJANG TAHUN 2023

8.1 Penghasilan Jadual Kadar Harga Kerja Undi Tahun 2023-2025. Kadar harga di dalam Jadual Kadar Harga Kerja Undi ini biasanya digunakan sebagai rujukan untuk huraian dan kadar harga yang telah ditetapkan bagi penyediaan dokumen Kerja Undi DBKL sahaja selama 3 tahun. Ianya juga boleh digunakan untuk mengira harga Kerja-kerja Perubahan di dalam dokumen Kerja Undi. Pengguna utamanya adalah Juruukur Bahan, jabatan pelaksana yang terlibat dengan Kerja Undi dan kontraktor binaan komersial. Kadar Harga ini telah meliputi kos-kos bahan bina, pemasangan, pengangkutan, tenaga buruh dan termasuk kos óverhead' serta keuntungan. Kadar-kadar harga ini adalah berasaskan nilai kerja-kerja di Kawasan Kuala Lumpur sahaja.



Gambar 8.1: Buku Jadual Kadar Harga Kerja Undi (2023 - 2025)

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023



SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [*Akta 62*] untuk mengaudit Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/ Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 51.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 serta Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Penasihat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Penasihat Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Penasihat bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 serta Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*]. Lembaga Penasihat juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Lembaga Penasihat bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan

melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Dewan Bandaraya Kuala Lumpur;

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Penasihat;

d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Penasihat dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan

e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Lembaga Penasihat telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur perlu mengambil perhatian terhadap perkara berikut:

a. Menyelenggara rekod kewangan dengan teratur dan mematuhi polisi perakaunan yang diguna pakai bagi memastikan pelaporan penyata kewangan yang lebih tepat.

b. Memastikan penilaian tanah dibuat pada nilai saksama bagi aset yang diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran selaras dengan MPSAS 17 Hartanah, Loji dan Peralatan.

c. Mengambil tindakan penyelesaian terhadap geran tertunda berbaki debit dan memastikan sebarang perubahan skop projek hendaklah mendapat kelulusan Kementerian Ekonomi terlebih dahulu.

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Penasihat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur berdasarkan keperluan Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.


(DATO' SERI WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
12 DISEMBER 2024

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PERAKUAN PENGURUSAN KEWANGAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Saya, **DATUK SERI PMgr Sr HAJI KAMARULZAMAN BIN MAT SALLEH,** Datuk Bandar **DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR** yang menjalankan tugas-tugas Datuk Bandar Kuala Lumpur dengan ini, mengatakan bahawa pada pendapat saya, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai, Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan **DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR** pada 31 Disember 2023 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.



DATUK SERI PMgr Sr HAJI KAMARULZAMAN BIN MAT SALLEH
DATUK BANDAR
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Bertarikh : 20 JUN 2024

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

AKUAN BERKANUN

Saya, **NOR AZLINA BINTI MOHD SAAD**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan **DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**, dengan ikhlas mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai, Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa perkara ini adalah benar dan atas kehendak peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diperakui oleh }
yang tersebut di atas, }
NOR AZLINA BINTI MOHD SAAD C.A. (M), AIIA}
di W.P. KUALA LUMPUR }
pada 2 0 JUN 2024 }

Dihadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH

PESURUHJAYA SUMPAH
W954
ELIANA BINTI ELIAS
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
13.2022 - 31.12.2024
MALAYSIA

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2023

	Nota	31.12.2023 RM	31.12.2022 RM *Seperti dinyatakan semula*	1.1.2022 RM *Seperti dinyatakan semula*
ASET				
Aset semasa				
Baki bank dan wang tunai		124,543,378	106,825,603	115,563,162
Deposit tetap di institusi kewangan		5,846,909,511	6,006,883,349	6,459,011,765
Urusniaga bukan pertukaran belum terima	4	651,476,081	659,142,278	563,558,638
Urusniaga pertukaran belum terima	5	305,799,459	280,576,320	447,996,473
Inventori	6	2,978,809	3,628,148	4,054,192
		6,931,707,238	7,057,055,698	7,590,184,230
Aset bukan semasa				
Hartanah, loji dan peralatan	7	13,194,073,247	13,171,683,428	13,125,556,336
Aset tak ketara	8	70,524,640	81,833,753	92,759,245
Aset kewangan lain	9	38,073,944	37,533,173	40,269,945
Aset hartanah untuk dijual	10	-	125,390,306	105,354,544
Urusniaga bukan pertukaran belum terima	4	157,596,403	425,190,033	399,841,666
Urusniaga pertukaran belum terima	5	234,519,686	238,912,445	237,765,319
		13,694,787,920	14,080,543,138	14,001,547,055
JUMLAH ASET		20,626,495,158	21,137,598,836	21,591,731,285
LIABILITI				
Liabiliti semasa				
Urusniaga pertukaran belum bayar	11	949,015,870	953,140,271	952,612,149
Pendapatan tertunda	12	277,524,454	671,438,681	688,231,943
Pinjaman		-	-	2,880,530
Penerimaan terdahulu	13	1,268,340	1,268,340	1,268,340
Peruntukan manfaat kakitangan	14	5,512,131	5,661,054	3,980,555
		1,233,320,795	1,631,508,346	1,648,973,517
Liabiliti bukan semasa				
Geran Tertunda	15	723,970,122	760,902,170	811,518,228
Pinjaman		-	-	100,121,262
Penerimaan terdahulu	13	101,659,403	102,927,743	103,424,165
Peruntukan manfaat kakitangan	14	55,578,084	54,967,477	37,394,613
		881,207,609	918,797,390	1,052,458,268
JUMLAH LIABILITI		2,114,528,404	2,550,305,736	2,701,431,785
ASET BERSIH		18,511,966,754	18,587,293,100	18,890,299,500
EKUITI/ASET BERSIH				
Lebihan terkumpul		839,022,263	1,266,731,715	1,667,535,121
Rizab		17,672,944,491	17,320,561,385	17,222,764,379
JUMLAH EKUITI/ASET BERSIH		18,511,966,754	18,587,293,100	18,890,299,500

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	Nota	2023 RM	2022 RM
HASIL			
Urusniaga bukan pertukaran			
Cukai taksiran		1,428,614,454	1,393,658,231
Bantuan daripada kerajaan		40,740,000	39,900,554
Peruntukan projek pembangunan direalisasi	15	60,547,642	132,414,340
Terimaan luar direalisasi	15	70,986,726	18,130,543
Denda		43,067,657	36,649,302
Lesen		73,352,840	66,252,547
		1,717,309,319	1,687,005,517
Urusniaga pertukaran			
Perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan		180,885,391	383,966,240
Perolehan jualan barang-barang		5,460,022	3,342,484
Keuntungan daripada pelaburan		233,095,541	159,696,040
Sewaan perumahan		56,335,645	56,975,853
Sewaan lain		90,163,187	70,199,286
Hasil dari projek penswastaan		15,591,900	20,001,705
Keuntungan dari pelupusan aset		379,520,064	17,308,233
Pendapatan operasi perbadanan pengurusan		25,418,706	27,713,994
Lain-lain hasil	16	92,762,223	82,435,948
		1,079,232,679	821,639,783
JUMLAH HASIL		2,796,541,998	2,508,645,300
BELANJA			
Belanja mengurus			
Kos kakitangan	17	546,684,776	527,789,560
Perkhidmatan dan bekalan	18	1,323,629,635	1,355,145,386
Pemberian dan kenaan tetap		92,910,161	86,265,091
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan		346,061,744	279,920,569
Pelunasan aset tak ketara		32,120,288	29,829,195
Kerugian daripada pelupusan aset		15,702,587	58,461,134
Kos kewangan		1,278,000	38,064,957
Perbelanjaan operasi perbadanan pengurusan		20,979,754	29,707,450
Perbelanjaan mengurus lain	19	300,300,099	96,837,545
Belanja pembangunan dan penyelenggaraan	20	192,201,300	289,600,273
JUMLAH PERBELANJAAN		2,871,868,344	2,791,621,160
KURANGAN TAHUN SEMASA		(75,326,346)	(282,975,860)

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2023

	Nota	Rizab pembangunan RM	Rizab modal RM	Rizab penjualan rumah RM	Tabung pinjaman RM	Tabung amanah RM	Tabung Manfaat Kakitangan RM	Kumpulan wang perumahan RM	Lebihan terkumpul RM	2022 Jumlah RM
Pada 1 Januari 2022,										
Sebelum dinyatakan semula		602,590,460	13,857,202,721	456,493,337	17,861,037	2,447,929	-	52,852,000	2,024,215,797	17,013,663,281
Pelarasan tahun lalu	29	-	2,233,316,895	-	-	-	-	-	(356,680,676)	1,876,636,219
Pada 1 Januari 2022,										
Selepas dinyatakan semula		602,590,460	16,090,519,616	456,493,337	17,861,037	2,447,929	-	52,852,000	1,667,535,121	18,890,299,500
Lebihan tahun semasa		-	-	-	-	-	-	-	(282,975,860)	(282,975,860)
Belanja pembangunan		(403,648,652)	429,491,566	-	-	-	-	(53,226,973)	27,384,059	-
Pelupusan aset		-	(412,210,610)	-	-	-	-	-	412,210,610	-
Pindahan lain		327,532,153	152,120,741	11,363,739	4,132,550	13,947	(20,030,542)	74,903,271	(570,066,399)	(20,030,540)
Pindahan mengikut keputusan Menteri Wilayah Persekutuan*		-	(14,825,174)	2,180,990	-	-	-	-	12,644,184	-
Pada 31 Disember 2022		526,473,961	16,245,096,139	470,038,066	21,993,587	2,461,876	(20,030,542)	74,528,298	1,266,731,715	18,587,293,100

*Merujuk kepada pindahan mengikut keputusan Menteri Wilayah Persekutuan bagi penjualan Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat, DBKL.

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2023 (SAMBUNGAN)

	Rizab pembangunan RM	Rizab modal RM	Rizab penjualan rumah RM	Tabung pinjaman RM	Tabung amanah RM	Tabung Manfaat Kakitangan RM	Kumpulan wang perumahan RM	Lebihan terkumpul RM	2023 Jumlah RM
Pada 1 Januari 2023,	526,473,961	16,245,096,139	470,038,066	21,993,587	2,461,876	(20,030,542)	74,528,298	1,266,731,715	18,587,293,100
Lebihan tahun semasa	-	-	-	-	-	-	-	(75,326,346)	(75,326,346)
Belanja pembangunan	148,116,147	361,837,346	-	-	-	-	(57,102,133)	(452,851,360)	-
Pelupusan aset	-	(143,800,876)	-	-	-	-	-	143,800,876	-
Pindahan lain	(7,931,047)	17,859,664	-	-	-	-	22,994,635	(32,923,252)	-
Pindahan mengikut keputusan Menteri Wilayah Persekutuan*	-	-	10,409,370	-	-	-	-	(10,409,370)	-
Pada 31 Disember 2023	666,659,061	16,480,992,273	480,447,436	21,993,587	2,461,876	(20,030,542)	40,420,800	839,022,263	18,511,966,754

*Merujuk kepada pindahan mengikut keputusan Menteri Wilayah Persekutuan bagi penjualan Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat, DBKL.

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2023

	2023 RM	2022 RM *Seperti dinyatakan semula*
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Kurangan tahun semasa	(75,326,346)	(282,975,860)
Pelarasan untuk:		
Penjejasan nilai penghutang	(12,417,613)	(9,778,015)
Jualan aset tetap	(363,825,182)	41,152,900
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	346,061,744	279,920,569
Pelunasan aset tak ketara	32,120,288	29,829,195
Perubahan nilai saksama aset kewangan lain	(540,771)	4,559,672
Rosotnilai aset hartanah untuk dijual	(4,649,669)	4,156,659
Peruntukan manfaat kakitangan	5,661,054	8,541,123
Keuntungan dari aset kewangan lain	(230,224,061)	(157,194,547)
Pendapatan bonus	-	(1,822,899)
Keuntungan penghutang pajakan	(8,352,267)	(8,230,106)
Faedah atas pinjaman	-	3,370,909
Hapuskira penghutang	20,525,585	10,213,402
Hapuskira geran	229,345,458	-
Hapuskira barang lama	60,612	-
Pendapatan dividen	(648,000)	(369,000)
Kerugian dari kendalian sebelum perubahan kepada modal kerja	(62,209,168)	(78,625,998)
Perubahan dalam:		
Penghutang	6,157,243	77,523,717
Inventori	588,727	426,043
Pemiutang	(16,805,569)	(44,639,098)
Tunai digunakan dari aktiviti operasi	(72,268,767)	(45,315,336)
Bayaran manfaat kakitangan	(5,199,370)	(9,318,302)
Keuntungan diterima	203,727,928	158,029,556
Tunai bersih dijana dari aktiviti operasi	126,259,791	103,395,918
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Penerimaan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	124,796,877	194,565,050
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(359,554,855)	(562,708,426)
Pembelian aset tak ketara	(53,907,266)	(18,903,880)
Terimaan sewa pajakan	7,410,000	-
Dividen diterima	648,000	369,000
Tunai bersih digunakan dari aktiviti pelaburan	(280,607,244)	(386,678,256)

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2023 (SAMBUNGAN)

	2023 RM	2022 RM *Seperti dinyatakan semula*
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Bayaran balik pinjaman jangka panjang	-	(103,001,790)
Terimaan pembiayaan projek kerajaan dan swasta	177,965,957	130,640,810
Bayaran pembiayaan projek kerajaan dan swasta	(165,874,567)	(201,851,748)
Faedah atas pinjaman	-	(3,370,909)
Tunai bersih dijana/(digunakan) dari aktiviti pembiayaan	12,091,390	(177,583,637)
PENURUNAN BERSIH DALAM ALIRAN TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI	(142,256,063)	(460,865,975)
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	6,113,708,952	6,574,574,927
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	5,971,452,889	6,113,708,952
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI		
Wang tunai dan dana jangka pendek	124,543,378	106,825,603
Deposit tetap	5,846,909,511	6,006,883,349
	5,971,452,889	6,113,708,952

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

